



JURNAL IKMAS JAKIM

BIL. 1 - TAHUN 2021 – ISSN 2811-3640



1. **Cabaran Dakwah Islamiah dan Program Menyemai Bakti di Sarawak**
Dr. Muhammad Yamin bin Ismail
2. **Peranan Agama dan Hubungannya dalam Interaksi Sosial Masyarakat Pelbagai Kaum di Sarawak**
Dr. Roziah binti Chek
3. **Hubungan Sukan dan Kecerdasan Pelajar IKMAS**
Ainuddin bin Haji Dolhakim, Muhammad Syafiq Afiq bin Saini
4. **Pelaksanaan Amalan Solat Fardu Berjemaah dalam Kalangan Pelajar Lelaki IKMAS**
Ainul Nadzifah binti Mohd Ali, Hamzani bin Ismail
5. **Pengetahuan dan Pemahaman Mengenai Asas Ilmu Hadis: Satu Tinjauan Terhadap Pelajar IKMAS**
Noor Hanisah binti Abdul Halim, Hamzani bin Ismail, Ainul Nadzifah binti Mohd Ali
6. **Pengabaian Nafkah Anak Selepas Perceraian: Satu Tuntutan di Mahkamah Syariah**
Armi binti Halit
7. **Pendekatan Kaunseling dalam Dakwah**
Muhamad Fadhli bin Ahmat
8. **Cabaran Pengurusan Program Tahfiz di IKMAS**
Mohd Kamal bin Che Awang
9. **The Use Of Electronic Resource At Academic Library Among Student**
Abdul Zaaba bin Buserah
10. **Kesenian Islam sebagai Sumber Media Dakwah Masa Kini**
Karia bin Haji Rahmat
11. **Amalan Syirik dalam Masyarakat Islam**
Muhammad Harmila bin Anuar, Karia bin Haji Rahmat, Shuaib bin Supandi
12. **Punca Keruntuhan dalam Institusi Keluarga Islam**
Muhammad Hafiz Aizat bin Hui, Karia bin Haji Rahmat, Shuaib bin Supandi



JURNAL IKMAS JAKIM 2021



Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (IKMAS)

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)

JURNAL IKMAS JAKIM 2021

Cetakan Pertama, 2021

Hak Cipta Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak, 2021

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada penerbit terlebih dahulu.

Dicetak oleh:

Nova Press

No. 36, Lot 74, Section 63,

1st Floor, Jalan Chan Bee Kiew,

93450 Kuching, Sarawak

**AHLI JAWATANKUASA
PENERBITAN JURNAL IKMAS JAKIM**

PENAUNG

YBhg. Datuk Haji Abdul Aziz bin Jusoh
Ketua Pengarah
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

PENASIHAT

YBrs. Kamaldin bin Mohd Damin
Pengarah
Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak

KETUA EDITOR

Dr. Roziah binti Chek

PENOLONG KETUA EDITOR

Shuhaimi bin Supandi
Ainul Nadzifah binti Mohd Ali

SETIAUSAHA

Nurul Sabariah binti Saini

PEMBACA PRUF

Dr. Roziah binti Chek
Shuhaimi bin Supandi
Ainul Nadzifah binti Mohd Ali

PERCETAKAN DAN EDARAN

Muhammad Faizul bin Kanaini

KANDUNGAN**MUKA
SURAT**

Ahli Jawatankuasa Penerbitan Jurnal IKMAS	iv
Kata Penghargaan Pengarah IKMAS	vii
Kata Pengantar Ketua Editor	viii
Biodata Penulis	ix
Cabaran Dakwah Islamiah dan Program Menyemai Bakti di Sarawak	1
Peranan Agama dan Hubungannya dalam Interaksi Sosial Masyarakat Pelbagai Kaum di Sarawak	18
Hubungan Sukan dan Kecerdasan Pelajar IKMAS	35
Pelaksanaan Amalan Solat Fardu Berjemaah dalam Kalangan Pelajar Lelaki di Surau At-Taqwa, IKMAS	41
Pengetahuan dan Pemahaman Mengenai Asas Ilmu Hadis: Satu Tinjauan Terhadap Pelajar IKMAS	58
Pengabaian Nafkah Anak Selepas Perceraian: Satu Tuntutan di Mahkamah Syariah	79
Pendekatan Kaunseling dalam Dakwah	86
Cabaran Pengurusan Program Tahfiz di IKMAS	93
<i>The Use of Electronic Resource at Academic Library among Student</i>	98
Kesenian Islam Sebagai Sumber Media Dakwah Masa Kini	116
Amalan Syirik dalam Masyarakat Islam	138
Punca Keruntuhan dalam Institusi Keluarga Islam	166

KATA PENGHARGAAN PENGARAH IKMAS

Syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, penerbitan Jurnal IKMAS JAKIM 2021 telah dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Sebagai sebuah institusi pendidikan, penerbitan jurnal tahunan ini adalah amat penting dalam konteks membangunkan wadah keilmuan serta keintelektualan Islam sejagat. Kandungannya yang memuatkan hasil kajian dan penyelidikan oleh warga kerja IKMAS pasti memberi impak besar kepada nama dan prestasi IKMAS sendiri. Konteks kajian yang berkonsepkan dakwah, tafsir, latihan Islam dan kemahiran pasti dapat menarik minat individu sama ada dari profesion pendidikan atau selainnya. Hal ini seiring dengan tuntutan zaman yang semakin mencabar dan menampakkan keperluan manusia dalam memenuhi tuntutan sebagai khalifah Allah SWT di muka bumi ke arah kehidupan yang lebih harmoni dan sejahtera.

Hasil penerbitan jurnal IKMAS ini diharapkan dapat memberikan manfaat kepada masyarakat Malaysia khususnya negeri Sarawak dan umat Islam dalam menjana pembangunan yang holistik. Semoga IKMAS terus memacu kecemerlangan dalam memupuk agenda keilmuan sepanjang zaman dengan lebih lancar dan berkesan. Saya mengharapkan penerbitan jurnal ini akan berterusan menjadi satu agenda tahunan dan simbol keilmuan serta keintelektualan sebagai sebuah institusi ulung khususnya di Sarawak dan di peringkat global umumnya.

Akhir kata, saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Bahagian Penerbitan IKMAS yang bertungkus-lumus dalam menerbitkan jurnal ini. Mudah-mudahan segala usaha akan mendapat ganjaran yang sebaiknya daripada Allah SWT.

Sekian, terima kasih.

KAMALDIN BIN MOHD DAMIN

KATA PENGANTAR KETUA EDITOR

Alhamdulillah setinggi kesyukuran dirafa'kan kepada Allah SWT, junjungan besar Nabi Muhammad SAW serta kaum keluarga Baginda yang dirahmati Allah SWT sekalian.

Realitinya dengan terbitnya jurnal IKMAS ini, membuktikan satu sejarah baru terlakar khususnya dalam konteks pembangunan minda intelektual warga IKMAS dan seluruh umat Islam khususnya di Sarawak. Lipatan sejarah mengungkap warna-warni kejayaan pastinya telah mengundang pelbagai cabaran dan dugaan namun berbekalkan semangat kekitaan dan rasa tanggungjawab, segala cabaran, mehnah dan tribulasi dapat diatasi sehingga terhasilnya jurnal ini. Sesuai dengan dunia revolusi dan kontemporari dalam mendakapi perubahan demi perubahan persekitaran semasa khususnya aspek pendidikan serta latihan profesional, IKMAS terus bergerak membangunkan minda dalam konteks pembangunan *Khair al-Ummah*.

Diharapkan dengan penerbitan jurnal IKMAS ini akan memarakkan lagi fungsi dan peranan IKMAS dalam bidang kependidikan dan akademik ke arah ummah berwawasan, seiring dengan tuntutan keperluan ilmu pengetahuan secara tuntas dan pantas. Diharapkan juga semoga penulisan ilmiah ini menambah khazanah keilmuan dalam bidang penyelidikan dan pembangunan modal insan dalam konteks fungsi dan peranan IKMAS ke arah masa depan lebih gemilang. Semoga jurnal ini menjadi satu wadah penting dalam menyampaikan ilmu pengetahuan khususnya kepada masyarakat di Sarawak ke arah kecemerlangan sejagat.

Akhir kata, semoga IKMAS terus melakar sejarah penting dalam bidang keilmuan dan memastikan kelestarian IKMAS sebagai sebuah institusi ulung serta berprestij tinggi. Semoga IKMAS terus memacu kecemerlangan dalam memupuk agenda keilmuan sepanjang zaman.

Sekian, terima kasih.

DR. ROZIAH BINTI CHEK

BIO DATA PENULIS

Muhammad Yamin bin Ismail, mendapat pendidikan awal di SMA Maahad Muhammadi, Kota Bharu. Meneruskan pengajian di Universiti al-Azhar, Kaherah, Mesir dan mendapat Ijazah Sarjana Muda (Syariah) (Kepujian). Kemudian melanjutkan pengajian di peringkat sarjana dan seterusnya peringkat kedoktoran di Universiti Malaya (UM) dalam bidang Syariah dan Ekonomi. Pernah bertugas sebagai Pengarah Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (IKMAS) dan Ketua Pegawai Eksekutif, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP). Kini bertugas sebagai Pengarah di Bahagian Dasar Kemajuan Islam, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

Roziah binti Chek, mendapat pendidikan awal di SMK(A) SHOAW, Matang Kuching. Meneruskan pengajian di Universiti Malaya (UM) dan memperolehi Sarjana Muda Usuluddin dalam bidang Akidah dan Pemikiran Islam (Kepujian). Kemudian melanjutkan pengajian di peringkat sarjana dalam bidang Akidah dan Pemikiran Islam di Universiti Malaya (UM) dan seterusnya peringkat kedoktoran (PhD) di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dalam bidang Usuluddin dan Perbandingan Agama. Pernah bertugas sebagai Pensyarah Sambilan di Pusat Matrikulasi UIA, Petaling Jaya, Pegawai dan Pensyarah di Darul Quran JAKIM, Penolong Pengarah Bahagian Dakwah JAKIM Cawangan Sarawak, dan Penolong Pengarah Kanan Bahagian Dakwah JAKIM Putrajaya. Kini bertugas sebagai Ketua Bahagian Penerbitan IKMAS.

Karia bin Haji Rahmat, mendapat pendidikan awal di SMK(A) SHOAW, Matang Kuching. Meneruskan pengajian di Universiti Malaya (UM) dan memperolehi Sarjana Muda Syariah dan Pentadbiran (Kepujian). Kemudian melanjutkan pengajian di peringkat sarjana dalam bidang Pengajian Islam (Dakwah dan Kepimpinan) di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Pernah bertugas sebagai Pengetua Pusat Latihan Sarawak (PLS) dan Pengetua Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (IKMAS). Kini bertugas di Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) Sarawak.

Ainuddin bin Haji Dolhakim, mendapat pendidikan awal di SMK(A) SHOAW, Matang Kuching. Meneruskan pengajian di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan memperolehi Sarjana Muda Pengajian Islam (Usuluddin dan Falsafah) (Kepujian). Sedang mengikuti pengajian di peringkat sarjana Pengajian Islam di OUM. Pernah berkhidmat sebagai Ketua Unit JAKIM Sibu, Penyelaras Sekolah Pengurusan Organisasi, Pusat Latihan Sarawak (PLS), Ketua Unit Ukhuuwah JAKIM Sarawak, Ketua Bahagian Dakwah JAKIM Sarawak, Ketua Jabatan Pembangunan Insan IKMAS, Pegawai Takmir Negeri Sarawak, dan Ketua Unit Agama Ibu Pejabat Penjara Malaysia. Kini bertugas sebagai Pendaftar IKMAS.

Muhamad Fadhli bin Ahmat (K.B, P.A), mendapat pendidikan di SMA Kluang, Johor, Maahad Johor, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), dan Universiti Malaysia Sabah (UMS). Berpengalaman sebagai penulis Buku Teks JHEAINS Negeri Sembilan, Ketua HEP Pusat Latihan Dakwah Kudat, Penolong Pengarah Unit Penyelidikan dan Pembangunan JAKIM Cawangan Sabah, dan Ketua Cawangan Agama, Bahagian Agama dan Kaunseling (BAKA), Ibu Pejabat Polis Kontinjen Sabah. Kini bertugas sebagai Ketua Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni IKMAS dan Kaunselor IKMAS.

Armi binti Halit, mendapat pendidikan awal di SMK(A) Tun Ahmad Zaidi Adruce, Kuching. Meneruskan pengajian di Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin (KUSZA) Kuala Terengganu, Terengganu dan memperolehi Diploma Pengajian Islam (Usuluddin). Seterusnya di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Bangi, Selangor dan memperolehi Ijazah Sarjana Muda Syariah dengan Undang-undang (Kepujian). Pernah berkhidmat di Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Putrajaya, JAKIM Putrajaya, dan JAKIM Cawangan Sarawak. Kini bertugas sebagai Penolong Pengarah Kanan di IKMAS.

Muhammad Syafiq Afiq bin Saini, mendapat pendidikan awal di Kolej Abang Haji Abdillah, Kuching. Meneruskan pengajian di Universiti Teknologi Mara (UITM), Sarawak dan memperolehi Diploma Pengajian Sukan, dan seterusnya Ijazah Sarjana Muda Sains Sukan (Kepujian). Kini bertugas sebagai Pegawai Sukan dan Domestik IKMAS, dan Pensyarah Sukan di IKMAS.

Ainul Nadzifah binti Mohd Ali (K.B, P.A), mendapat pendidikan awal di SMA Telok Kemang, Port Dickson dan SMK Puteri Wilayah, Kuala Lumpur. Memperolehi Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam (Kepujian) Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, dan Ijazah Sarjana Sains Sosial (Psikologi Kaunseling) di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Sedang mengikuti pengajian Doktor Falsafah (PhD) Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, UKM. Kini bertugas sebagai Pensyarah dan Kaunselor di IKMAS.

Mohd Kamal Khairi bin Che Awang, mendapat pendidikan menengah di Maahad Muhammadi Lelaki, Pengkalan Chepa Kelantan. Meneruskan pengajian di Darul Quran (DQ) JAKIM dan seterusnya Ijazah Takhassus Qiraat di Maahad Qiraat al-Azhar, Shoubra Mesir. Kini bertugas sebagai Pensyarah IKMAS.

Abdul Zaaba bin Buserah, mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Jaie. Meneruskan pengajian menengah di Sekolah Menengah Kebangsaan Sadong Hilir (Semera) dan Sekolah Menengah Kebangsaan Asajaya. Memperolehi Ijazah Sarjana Muda dalam Information Science (Hons.), Library Management (Universiti Teknologi Mara). Kini bertugas sebagai Pustakawan IKMAS.

Shuhaili bin Supani, memulakan pengajian di SMKA Sultan Azlan Shah, Perak. Memperolehi Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) dan Ijazah Sarjana Usul al-Din dan Perbandingan Agama di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Merupakan *Associate Member* di *British Association for Islamic Studies* (BRAIS), dan *Australian Association of Islamic and Muslim Studies* (AAIMS). Kini bertugas sebagai Pensyarah IKMAS.

CABARAN DAKWAH ISLAMIAH DAN PROGRAM MENYEMAI BAKTI DI SARAWAK

Oleh:

Dr. Muhammad Yamin bin Ismail

ABSTRAK:

Dakwah adalah usaha menyebarkan risalah Islam kepada sesuatu masyarakat atau kaum. Ia adalah usaha murni untuk mengembangkan ajaran Islam sebagaimana saranan Allah SWT kepada para Nabi dan Rasul dan diteruskan oleh para ulama. Namun dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab ini, terdapat cabaran yang perlu ditangani dengan bijaksana bagi memastikan kelancaran dan kelangsungannya. Keberlangsungan dakwah Islamiah di Sarawak mempunyai cabaran yang pelbagai, unik dan tersendiri. Hal ini terjadi kerana faktor geografi dan kepelbagaian etnik yang besar dan luas. Kajian ini akan menilai cabaran dakwah yang dihadapi di Sarawak secara umumnya dan juga cabaran yang dihadapi oleh Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (IKMAS) secara khusus melalui Program Menyemai Bakti (Amali Dakwah). Hasil daripada penilaian terhadap cabaran dan masalah yang dihadapi dakwah Islamiah ini diharap dapat memberikan perspektif kepada usaha yang sedang dijalankan di Sarawak dalam melahirkan kader dakwah dan modal insan yang boleh berperanan dan menyumbang kepada perkembangan Islam di negeri ini.

KATA KUNCI: Dakwah, Cabaran, Kepelbagaian, Sarawak, Etnik, IKMAS.

PENGENALAN

Sarawak adalah negeri terbesar di Malaysia dengan keluasan 124,449.5 kilometer persegi. Ia terletak di sebelah barat kepulauan Borneo bersempadan dengan Sabah, Brunei dan Wilayah Kalimantan, Indonesia. Ibu negerinya Kuching yang terletak di sebelah barat di tepi tebing

sungai Sarawak. Pentadbiran Sarawak dibahagikan kepada 11 bahagian iaitu Kuching, Samarahan, Sri Aman, Sibu, Miri, Kapit, Betong, Sarikei, Bintulu, Mukah dan Betong. Setiap bahagian ditadbir oleh seorang Residen. Sarawak juga mempunyai penduduk berbilang etnik dan kaum seperti Melayu, Melanau, Iban, Cina, Bidayuh, India, Orang Ulu dan lain-lain. Kaum Melayu yang beragama Islam merupakan masyarakat ketiga terbesar di Sarawak selepas Iban dan Cina (Khaidir Ahmad, 1993).

Islam berkembang dengan baik di Sarawak. Perkembangan agama ini dalam kalangan masyarakat bukan Islam dalam konteks Sarawak adalah satu perkara yang sangat positif. Toleransi di kalangan penganut pelbagai agama di negeri ini juga sangat tinggi. Kerap kali sambutan perayaan keagamaan disambut dengan penuh harmoni dan hormat menghormati antara satu sama lain. Suasana aman damai dan harmoni ini adalah hasil pendekatan dan kebijaksanaan pelbagai pihak termasuk ahli politik, ketua kaum, ketua masyarakat, organisasi kerajaan dan bukan kerajaan.

Di Sarawak, kerjasama erat yang terjalin antara pelbagai organisasi dakwah kerajaan dan bukan kerajaan telah memberikan impak dalam memberikan imej yang baik tentang Islam kepada penganut bukan Islam. Malah ini juga menyumbang kepada penerimaan Islam oleh masyarakat bukan Islam di negeri ini. Namun begitu, seperti juga di tempat-tempat lain, tidak dinafikan wujud cabaran dan masalah di dalam menyampaikan dakwah kepada golongan sasaran di negeri ini. Cabaran ini dihadapi dengan tabah oleh para pendakwah bagi memastikan Islam terus bertapak kukuh di negeri ini.


DAKWAH ISLAMIAH DI SARAWAK

Bagi orang Islam, agama yang sah dan benar hanyalah Islam. Atas kesedaran ini, ramai orang Islam mempunyai hasrat ingin menyampaikan agama ini kepada rakan-rakan mereka yang bukan beragama Islam. Ini menguatkan lagi hujah bahawa Islam adalah agama dakwah dan kedatangan Nabi Muhammad SAW sebagai rahmat sekalian alam. Islam disampaikan melalui dakwah dan penganutnya mempunyai fungsi sebagai pendakwah iaitu bertanggungjawab terhadap penyebaran Islam kepada seluruh manusia (Zainab Ismail et al., 2009).

Dakwah di Sarawak berkait rapat dengan kedatangan Islam ke nusantara dan alam Melayu. Lebih tepat lagi dikatakan kedatangan Islam ke Sarawak berkait rapat dengan kedatangan Islam ke Brunei. Ini berdasarkan kepada pengaruh Kesultanan Brunei yang begitu kuat dalam mengembangkan Islam di Sarawak dan Sarawak merupakan sebahagian dari Brunei sebelum kedatangan penjajah Eropah (Md Amin Haji Abdul Rahman, 2003). Namun, dakwah Islamiah pada zaman sebelum merdeka sedikit terganggu akibat daripada keadaan yang kurang stabil dalam Sarawak akibat masalah pentadbiran dan pemberontakan yang meletus pada separuh pertama kurun ke-19 yang telah membuka ruang kepada penjajah British James Brooke untuk masuk campur tangan dalam urusan pentadbiran Sarawak dan sekaligus mengecilkan penguasaan golongan Sharif (Keppel, 1853).

Walaupun begitu, Islam mendapat pembelaan yang sewajarnya di Sarawak apabila Majlis Islam Sarawak (MIS) ditubuhkan di mana ia lahir dari idea Majlis Syuyukh al-Islam. Idea penubuhan ini dicetuskan oleh Datu Imam Abang Haji Morshidi dan pada masa itu dikenali sebagai Majlis Islam dan Adat Istiadat Melayu Sarawak yang ditubuhkan pada 17 Disember 1954 di bawah *Ordinance Majlis Islam Incorporation* (Laporan Majlis Islam Sarawak, 1983).

Hasil penyelidikan penulis, organisasi-organisasi dakwah yang wujud di Sarawak boleh dilakarkan sebagai berikut:



Rajah 1 Struktur Organisasi Dakwah di Sarawak

Berdasarkan Rajah 1, dapat dilihat bahawa organisasi dakwah di Sarawak terbahagi kepada dua bahagian iaitu organisasi dakwah kerajaan dan organisasi dakwah bukan kerajaan. Organisasi dakwah kerajaan Persekutuan di bawah JAKIM Sarawak yang berperanan membantu Majlis Islam Sarawak. Juga di bawah kerajaan Persekutuan terdapat Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (IKMAS) yang mempunyai dua fungsi utama iaitu menawarkan pengajian di peringkat Diploma kepada mereka yang berkelayakan; Diploma Dakwah Islamiah dan Diploma Tahfiz al-Quran wal Qiraat. Kedua-duanya menyediakan kursus dan latihan Islam kepada orang awam, penjawat awam dan swasta serta para imam dan masyarakat awam di Sarawak (Hala Tuju Strategik IKMAS 2021-2026, 2021).

Di bawah pihak berkuasa agama negeri, organisasi dakwah diketuai oleh Majlis Islam Sarawak (MIS) yang berfungsi secara langsung dalam mengendali dan menyelaras pengurusan hal ehwal Islam di Sarawak dengan dibantu oleh beberapa organisasi lain yang ditubuhkan di bawah enakmen MIS iaitu Jabatan Agama Islam Sarawak (JAIS), Tabung Baitulmal Sarawak (TBS), Pejabat Mufti Negeri Sarawak (PMNS) dan Jabatan Kehakiman Syariah Sarawak (JKSS).

Aspek kedua ialah terdapatnya organisasi-organisasi dakwah bukan kerajaan yang turut sama mendokong dan menyokong usaha dakwah sekaligus membantu pihak MIS dalam melaksanakan peranan dan fungsinya. Organisasi dakwah di Sarawak ini terbahagi kepada dua iaitu organisasi yang berpusat di Semenanjung Malaysia seperti Angkatan Belia Islam Malaysia Negeri Sarawak (ABIM), Persatuan Kebajikan Islam Malaysia Negeri Sarawak (PERKIMNS). Manakala organisasi dakwah di Sarawak adalah Harakah Islamiah (HIKMAH) dan Persatuan Kebajikan Islam Sarawak. Bagi menyelaraskan peranan dan fungsi kesemua organisasi ini, terdapat satu forum Mesyuarat Agensi-agensi Islam Sarawak yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri yang bertanggungjawab dalam hal ehwal Islam. Penyelarasan ini penting agar tidak berlaku pertindihan fungsi dan aktiviti yang membabitkan pengurusan hal ehwal Islam termasuk aktiviti dakwah di Sarawak.

CABARAN DAKWAH ISLAMIAH DI SARAWAK

Kajian ini akan membincarakan cabaran-cabaran yang dihadapi oleh para pendakwah khususnya di Sarawak. Di sini penulis akan menyentuh tentang cabaran dalaman dan luaran dalam menjalankan usaha menyebarkan dan menegakkan dakwah di bumi Sarawak.

CABARAN DALAMAN

1. Bilangan penganut Islam yang kurang berkembang

Kedudukan kaum Melayu yang beragama Islam masih merupakan masyarakat ketiga terbesar di Sarawak selepas kaum Iban dan Cina. Statistik yang dipaparkan dalam Jadual 1 menjelaskan mengenai perkembangan kependudukan mengikut kaum dan etnik tahun 1991, 2000 dan 2010. Manakala Jadual 2 memberikan maklumat peratusan umat Islam Sarawak dari tahun 1974 hingga tahun 2000.

Jadual 1. Taburan penduduk mengikut etnik utama di Sarawak tahun 1991, 2000, 2010 dan 2020

Tahun/Etnik	Melayu	Iban	Cina	Jumlah Penduduk Sarawak
1991	20.97%	29.47%	27.68%	1,718,380
2000	23.0%	30.1%	26.7%	2,071,506
2010	24.13%	30.33%	24.5%	2,286,067

Sumber: <http://www.statistic.gov.my>

Jadual 2: Jumlah peratusan masyarakat beragama Islam dan masyarakat beragama Kristian tahun 1974, 1980, 1990 dan 2000.

Agama/Tahun	1974	1980	1990	2000
Islam	24%	24%	26%	31.3%
Kristian	7.9%	33.4%	40%	42.6%

Sumber: <http://www.statistic.gov.my>

Jadual 1 menunjukkan kaum Melayu yang keseluruhannya beragama Islam masih merupakan kaum ketiga terbesar di Sarawak selepas kaum

Iban dan Cina pada tahun 1991. Namun, peningkatan peratusan kaum Melayu adalah lebih tinggi dengan kenaikan 1.13% berbanding dengan kaum Iban (0.23%). Manakala kaum Cina mengalami penurunan sebanyak 2.2% bagi data bancian tahun 2010.

Jadual 2 pula menunjukkan peratusan penganut agama Islam berbanding peratusan penganut beragama Kristian. Didapati peratusan penganut beragama Islam sehingga tahun 2000 hanya sebanyak 7.3%, berbeza dengan perkembangan bagi penganut agama Kristian yang melonjak begitu tinggi iaitu sebanyak 34.7%. Peter Tinggom (1993) berpendapat peningkatan mendadak penganut Kristian di Sarawak adalah hasil misi Kristian di kalangan kaum Iban di mana pada tahun 1960 bilangan penganut Kristian hanyalah 11.19%, meningkat 7.71% pada tahun 1970 dan pada tahun 1980 penganut agama Kristian di kalangan kaum Iban melonjak dengan begitu tinggi sehingga 70%.

Tidak ramainya penduduk beragama Islam di Sarawak boleh juga dikaitkan dengan lewatnya kemasukan Islam ke negeri ini. Malah penubuhan pusat-pusat pengajian seperti madrasah, pondok juga tidak banyak. Abang Haji Atei mengatakan satu-satunya sekolah agama Islam yang ditubuhkan sehingga tahun 1930-an ialah Madrasatul Islamiah yang ditubuhkan oleh Datuk Imam Abang Haji Morsidi Nasaruddin (Abang Haji Atei, 1993). Sebelum itu tidak ada pusat pengajian Islam yang dibuka secara formal untuk menyampaikan ajaran Islam kepada penduduk. Tambahan pula muka bumi Sarawak yang dipenuhi sungai besar, hutan hujan tropika dan gunung-ganang menyukarkan perhubungan dan menyebabkan usaha dakwah menjadi terbatas.

Ramainya penganut Kristian di kalangan etnik Iban dan kaum Cina di negeri ini adalah sesuatu yang amat ketara. Keadaan ini berpunca daripada kemasukan penjajah Inggeris ke negeri ini yang bukan sahaja mempunyai tujuan ekonomi dana politik, juga mempunyai agenda menyebarkan agama Kristian. Sewaktu Sarawak berada di bawah pemerintahan Brooke, beliau menggunakan pelbagai pendekatan yang berselindung di sebalik kegiatan sosial, kebajikan dan pembangunan yang bermatlamat pada akhirnya supaya penduduk terpengaruh dengan ajaran Kristian. Malah kebanyakan pentadbir dan pemimpin itu sendiri adalah mubaligh yang menjalankan kerja-kerja Kristianisasi (B. Taylor, 1983).

2. Sumber tenaga manusia dan kewangan

Dana kewangan dan sumber tenaga manusia yang cekap dan kompeten memainkan peranan dalam pencapaian suatu gerak kerja. Sinergi antara kedua faktor ini bakal menentukan pencapaian sesuatu misi. Demikian juga dengan perkembangan dakwah di Sarawak. Perkembangan dakwah di Sarawak sememangnya banyak bergantung kepada dana kerajaan sama ada persekutuan ataupun negeri. Bagi organisasi bukan kerajaan terutama NGO seperti ABIM, HIKMAH, PERKIM dan sebagainya mereka bergantung kepada sumbangan dana dari kerajaan, Baitulmal dan orang awam bagi membiayai aktiviti dan program dakwah. Lebih-lebih lagi sekiranya program berkenaan melibatkan aktiviti di kawasan pedalaman yang melibatkan bekalan dan logistik untuk masuk dan keluar dari kawasan berkenaan.

Temu bual penulis terhadap responden Ustaz Mohd Izwan bin Shariff dari JAKIM Sarawak mendapati keperluan tenaga dalam bidang dakwah adalah kritikal. Pegawai yang sama melakukan kerja-kerja pentadbiran dan pengurusan, pegawai yang sama juga perlu turun padang untuk menyusun dan mengatur program-program dakwah di lapangan. Ini menyebabkan mereka tidak dapat fokus kepada program dakwah di semua kawasan menyebabkan banyak kawasan yang tidak dapat diliputi. Ini menunjukkan bahawa perlunya badan-badan dakwah baik kerajaan maupun bukan kerajaan untuk lebih meningkatkan daya usaha ke arah membangunkan kedua-dua sumber penting ini iaitu sumber manusia dan kewangan dalam usaha mengembangkan dakwah di bumi Sarawak.

Kita boleh mengambil contoh kegigihan ulama Sarawak yang berjuang dalam menyebarkan dakwah Islam di Sarawak. Contohnya Datuk Hakim Abang Haji Abdul Rahman, kemudian anaknya Datuk Hakim Haji Ashari, Sheikh Haji Othman Abdul Wahab, termasuklah Datuk Imam Morshidi bin Abang Haji Noruddin, Datuk Patinggi Abang Haji Abdillah, Haji Sibli Abdul Rahman, Dato Anis Abot dan lain-lain. Namun masih diperlukan ramai lagi pendakwah yang berkualiter dan Sarawak untuk menjalankan usaha dakwah secara aktif.

3. Penyelarasan aktiviti dakwah

Penyelarasan amat perlu di kalangan badan-badan dakwah di Sarawak kerana ia dapat menggembung dan menjimatkan sumber dan tenaga manusia. Dalam usaha penyelarasan ini, Majlis Islam Sarawak telah mewujudkan mesyuarat Agensi-agensi Islam sebagai satu forum untuk menyelaraskan pengurusan hal ehwal Islam termasuk aktiviti dan program dakwah. Penyelarasan yang dilakukan ini banyak membantu badan-badan dakwah sama ada di peringkat kerajaan atau NGO dalam memastikan aktiviti dakwah berjalan seperti yang dirancang.

4. Cabaran mengenai tahap pendidikan, penghayatan agama serta keterikatan kepada adat dan budaya

Pada umumnya kepercayaan penduduk di kawasan Nusantara adalah animisme (H.O.K. Rahmat, 1983). Dalam kepercayaan animisme ini, kepercayaan kepada pemujaan, pantang larang serta segala amalan khurafat lain adalah menjadi kepercayaan dan amalan dalam kehidupan mereka.

Persepsi bahawa mereka yang masuk Islam bererti masuk Melayu masih tertanam kuat di kalangan penduduk bukan beragama Islam (Ahmad Faisal Abdul Hamid dan Hamidah Jalani, 2010). Persepsi ini mungkin disumbangkan oleh takrifan Melayu dalam Perkara 160 Perlembagaan Persekutuan yang menetapkan bahawa orang Melayu itu lazimnya beragama Islam. Menurut Mohd Azhar (2013), perbezaan yang ketara antara ajaran Islam dengan agama-agama lain membabitkan persoalan ketuhanan, pemakanan dan pergaulan telah menyumbang kepada stereotaip negatif dalam kalangan mereka. Isu-isu seperti menukar nama, amalan berpakaian, budaya kehidupan dan pengekalan hubungan dengan keluarga asal masih menghantui golongan non-Muslim.

Sebahagian mereka menimbulkan keimbangan mengenai kemungkinan berlakunya proses asimilasi mereka ke dalam budaya masyarakat Melayu sehingga menyebabkan mereka bakal kehilangan identiti asal bangsa mereka (Abd Rahman et al, 2009). Kekurangan rujukan agama dalam bahasa lain selain Melayu dan Arab juga membantutkan usaha mereka untuk mendekati ajaran Islam di samping kekurangan

penonjolan pendakwah Muslim selain bangsa bukan Melayu telah mengukuhkan lagi persepsi mereka ini (Osman, 2009). Perkara-perkara ini walaupun dianggap sebagai isu terpencil, namun sedikit sebanyak mempengaruhi pemahaman golongan non-Muslim serta mengukuhkan lagi keraguan mereka terhadap keterbukaan Islam.

B. Cabaran Luaran

1. Bentuk muka bumi yang luas dan polar penempatan yang berselerak

Keluasan muka bumi Sarawak yang hampir menyamai keluasan Semenanjung Malaysia menjadikan ianya cabaran kepada usaha-usaha dakwah untuk dilaksanakan secara menyeluruh. Keadaan demografi penduduk yang berselerak menambah kesukaran dan cabaran kepada para pendakwah. Terdapat sesetengah kawasan di pedalaman Sarawak yang masih tidak mempunyai akses jalan raya, telekomunikasi dan sebagainya. Sesetengah kawasan pula hanya boleh dicapai melalui jalan sungai menggunakan bot ekspres atau perkhidmatan kapal terbang kecil melalui jalan udara. Cabaran ini amat terasa apabila digandingkan dengan kekurangan dana dan tenaga manusia yang sedia ada. Tentunya dakwah di kawasan pedalaman memerlukan logistik dan kewangan yang agak banyak.

Usaha dakwah kepada penduduk bukan beragama Islam tidak hanya sekadar mengajak mereka menerima risalah Islam, tetapi apa yang penting ialah usaha pengukuhan akidah dan ibadah selepas mereka menerima Islam. Mereka memerlukan sentuhan yang berterusan agar boleh menjadi penganut Islam seperti yang dikehendaki. Jika mereka ditinggalkan begitu sahaja selepas pengislaman, kemungkinan mereka akan kekal dalam agama Islam adalah kecil. Mereka perlu sentiasa didekati.

Namun keadaan muka bumi Sarawak sedikit sebanyak menghalang para pendakwah untuk melaksanakan misi ini dengan berkesan. Untuk berulang-alik ke tempat mereka memerlukan kos yang besar, ditambah lagi dengan kekurangan sumber kewangan untuk menampung para pendakwah menjalankan misi dakwah di kawasan pedalaman.

2. Kepelbagaiannya budaya, adat, bahasa dan kepercayaan

Sarawak dihuni 27 etnik dan kaum seperti Iban, Bidayuh, Orang Ulu, Melanau dan lain-lain. Setiap etnik mempunyai bahasa, budaya dan agama nenek moyang masing-masing. Ini memberikan cabaran kepada para pendakwah untuk berkomunikasi dan menyampaikan ajaran Islam berdasarkan tahap pemikiran dan pemahaman mereka. Mereka bekerja sebagai petani sara diri dan pekebun dalam pelbagai sektor ekonomi yang bergantung kepada pendapatan harian. Sebahagian mereka juga menjadi pedagang kecil-kecilan yang berniaga di pasar tamu, pasar minggu dan pasar malam (H.S. Morris, 1953).

Terdapat banyak kajian dan monograf berkenaan keunikian etnik di Sarawak. Tulisan-tulisan ini berusaha menghuraikan realiti kehidupan masyarakat Sarawak secara khusus berdasarkan kajian lapangan mereka. Hasil tulisan mereka masih menjadi rujukan kepada para pengkaji yang ingin mendalamai realiti kehidupan etnik Sarawak.

Di antara sarjana awal abad ke-20 yang memberikan perhatian ke atas masyarakat dan etnik Sarawak ialah H.S. Morrais, B. Sandin, G.N Appel, Viktor T. King dan lain-lain. Viktor T. King umpamanya melalui sembilan hasil kajian yang dilakukan terhadap etnik-etnik di Sarawak telah mengumpulkannya dan menerbitkan satu monograf penting bertajuk *Essay on Borneo Societies* yang diterbitkan oleh *University of Hull, England* pada tahun 1978 (V.T. King, 1978). Monograf ini memuatkan pelbagai maklumat mengenai etnik Borneo seperti Iban, Bidayuh, Melanau, Kenyah, Lun Bawang, Penan, Kelabit dan lain-lain. Monograf ini sangat berguna kepada para pendakwah yang ingin mendalamai realiti masyarakat dan dapat dimanfaatkan dalam menetapkan strategi dakwah. Justeru para pendakwah perlu memiliki pengetahuan dan arif dengan bahasa dan budaya serta gaya hidup mereka. Sesungguhnya kepelbagaiannya latar belakang ini merupakan satu cabaran kepada para pendakwah di bumi Sarawak.

Keterbukaan terhadap aspek kebudayaan sesuatu kaum atau etnik bakal memperlihatkan ruang toleransi yang disediakan oleh Islam merentasi sempadan perkauman serta mampu menghakis persepsi bahawa Islam hanya dimonopoli oleh kaum tertentu sahaja.

3. Kekurangan program susulan

Program susulan amat penting bagi memastikan penghayatan agama dapat diteruskan di kalangan saudara baru. Usaha dan program susulan ini banyak dilakukan oleh NGO dakwah seperti HIKMAH dan lain-lain di kawasan perkampungan yang terdapat penganut agama Islam. Para pendakwah juga menetap sepenuh masa di perkampungan berkenaan untuk suatu tempoh bagi membantu dalam melaksanakan aktiviti agama dan memastikan proses asimilasi mereka kepada agama Islam berjalan dengan penuh bimbingan.

Namun disebabkan kekurangan peruntukan, program susulan ini semakin berkurangan. Ini menyebabkan program seperti pendidikan saudara baru dan perkhidmatan sosial yang lain terbantut. Sehubungan itu usaha bersepadu oleh semua organisasi dakwah yang mempunyai sumber kewangan yang kukuh dan padu perlu digembleng antara satu sama lain.

Program susulan ini membolehkan tugas dan sasaran dakwah difokuskan secara lebih sistematik. Dalam masa yang sama kesepakatan dan kerjasama dalam mengerakkan dakwah terhadap golongan non-Muslim juga boleh dijadikan sebagai antara fokus tambahan setiap organisasi dakwah.

Kemampuan untuk mengetepikan segala perbezaan serta menyatukan matlamat yang sama mampu memperlihatkan kesungguhan setiap organisasi dalam memartabatkan dakwah terhadap golongan non-Muslim serta menghasilkan gerak kerja yang lebih tersusun bagi menghasilkan keputusan dan tindakan yang jitu selaras dengan usaha yang telah dicurahkan.

CABARAN DAN MASALAH PROGRAM MENYEMAI BAKTI DI SARAWAK

Program Menyemai Bakti adalah program wajib yang terkandung di dalam Diploma Dakwah Islamiyah yang dilaksanakan oleh Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (IKMAS) sejak penubuhannya pada tahun 2000.

Pelaksanaan program ini menghendaki setiap pelajar semester akhir (semester 6) bermukim di perkampungan terpilih di Sarawak. Program ini dilaksanakan sekali setahun dan kebiasaannya melibatkan 7 hingga 8 buah kampung dalam satu masa. Pada tahun 2020, sebanyak 7 buah kampung yang terletak di Bahagian Samarahan terlibat dalam program ini. Kampung-kampung ini hampir 100 peratus penduduknya beragama Islam dan bagi setiap kampung seramai 4 orang pelajar ditempatkan di rumah angkat kampung berkenaan.

Program ini dilaksanakan dalam tempoh selama empat minggu. Sepanjang berada di kampung, para pelajar melaksanakan pelbagai program pengukuhan dakwah melibatkan para penduduk seperti pengimaran masjid dan surau, kerja-kerja kebajikan, gotong-royong, aktiviti sukan dan kemasyarakatan, tahsin al-Quran dan lain-lain. Program ini mempunyai hala tuju yang jelas iaitu untuk melatih para pelajar melaksanakan kerja-kerja dakwah di lapangan dan menyediakan mereka sebagai pendakwah di masa hadapan. Namun dalam pelaksanaan program terdapat beberapa cabaran yang harus dihadapi dalam usaha meninggikan dan memantapkan penghayatan Islam di bumi Sarawak.

Latar Belakang Penubuhan IKMAS

IKMAS ditubuhkan hasil rumusan dari pertemuan Menteri-menteri Agama negara Brunei Darussalam, Republik Indonesia, Malaysia dan Republik Singapura (MABIMS) kali yang ke 5 pada 3 hingga 4 Ogos 1994 yang diadakan di Langkawi. Idea asal ialah untuk menubuhkan pesantren ASEAN di mana kos pembinaannya dipersetujui untuk dikongsi bersama di kalangan negara anggota MABIMS. Namun, disebabkan tiada peruntukan dari negara anggota MABIMS yang lain, kerajaan Malaysia melalui Mesyuarat Jemaah Menteri pada 21 September 1994 telah bersetuju menubuhkan IKMAS yang bertempat di Kampung Telaga Air, Kuching kira-kira 30 kilometer dari pusat bandar Kuching, Sarawak. IKMAS dibina di kawasan seluas 76 ekar yang dikongsi bersama dengan Pusat Latihan Sarawak (PLS) dengan kos pembinaan sebanyak RM13 juta (Zulkiple Abd. Ghani, 2006).

Falsafah yang dipegang oleh IKMAS ialah untuk membentuk insan beriman yang memahami, merealisasi dan menyebarluaskan semua ajaran Islam berdasarkan al-Quran dan Sunnah Nabi Muhammad SAW. Visinya ialah untuk menjadi sebuah institusi pengajian dakwah yang unggul berlandaskan fahaman Ahli Sunnah wal Jamaah. Misinya pula ialah untuk menyediakan kemudahan pembelajaran bersepadu yang merangkumi ilmu fardu ain, fardu kifayah dan ilmu alat untuk melahirkan pendakwah berwibawa dengan bermotongan “Berilmu, Beriman, Berdakwah.”

IKMAS mencatatkan objektifnya untuk:

- a) Melahirkan pendakwah yang berilmu, beramal, berakhhlak mulia, berhikmah serta mampu menghadapi cabaran semasa;
- b) Melengkapkan pendakwah dengan pelbagai ilmu alat dan kemahiran asas vokasional yang bersesuaian dengan kehendak semasa; dan
- c) Melatih pendakwah agar mampu menjadi pembimbing dan tempat rujukan masyarakat berdasarkan fahaman ahli Sunnah wal Jamaah.

Pihak IKMAS berhadapan dengan beberapa cabaran dan masalah dalam melaksanakan Program Menyemai Bakti. Antara cabaran yang telah dikenalpasti oleh pihak IKMAS dalam melaksanakan program ini adalah seperti berikut:

A. CABARAN

1. Aktiviti dakwah yang kurang mendapat sambutan

Kebanyakan aktiviti yang dilaksanakan di peringkat kampung kurang mendapat sambutan dari kalangan penduduk kerana kemungkinan program ini sudah biasa bagi mereka. Sehubungan itu, para pelajar perlu memberikan sentuhan yang lebih kreatif dan menarik dalam pelaksanaan pengisian program dan aktiviti.

2. Birokrasi dalam pelaksanaan program

Wujud birokrasi dalam pelaksanaan program dan aktiviti di peringkat Kampung. Program yang sepatutnya mengambil masa yang singkat untuk dilaksanakan mengambil masa yang agak lama kerana birokrasi tersebut. Sehubungan itu, para pelajar perlu meningkatkan keberkesanan komunikasi dan berfikiran kritis bagi mengatasi situasi tersebut.

3. Kurang penglibatan golongan remaja

Golongan remaja dan belia kurang melibatkan diri dalam program dan aktiviti yang dianjurkan. Mungkin tidak ada dorongan dan minat terhadap aktiviti-aktiviti keagamaan. Sehubungan itu para pelajar perlu membuat perancangan program dengan lebih strategik untuk menarik penglibatan golongan belia berkenaan.

IMPAK POSITIF

Tidak dinafikan program menyemai bakti ini memberikan impak positif kepada para penduduk kampung. Contohnya program ziarah dan silaturahim yang dilakukan oleh para pelajar ke rumah ketua kaum dan penduduk memberikan mereka perspektif tentang keadaan sosio-ekonomi dan penghayatan agama di kalangan para penduduk. Proses interaksi ini memberikan ruang kepada para pelajar untuk menjawab persoalan-persoalan asas agama yang menjadi kemosyikilan. Demikian juga majlis perasmian program ini yang telah diadakan dengan dihadiri oleh Residen Bahagian, penghulu dan ketua kaum memberikan impak positif bahawa program ini dilakukan demi kebaikan mereka ke arah meningkatkan penghayatan agama. Majlis perasmian ini juga memberikan impak bagi mewujudkan persamaan antara pelajar dan keluarga angkat apabila mereka menumpang di rumah keluarga angkat mereka.

Melalui aktiviti gotong-royong dengan para penduduk Kampung untuk membersihkan kawasan surau, perumahan dan perkuburan, dapat difahami kesenangan dan kesusahan mereka, kelebihan dan kekurangan mereka dalam menjalani kehidupan sehari-hari. Melalui program ini juga dapat menjalin ikatan untuk memudahkan lagi melakukan proses

penghayatan agama Islam. Pembentukan kasih sayang sesama manusia merupakan kekuatan yang mampu menundukkan hati dan ia sangat diperlukan dalam melakukan kerja-kerja dakwah. Pengalaman para pelajar ini memberikan mereka makna dan penghayatan sebenar dalam melakukan kerja-kerja dakwah.

KESIMPULAN

Kesimpulannya dakwah merupakan antara tanggungjawab utama yang perlu dilaksanakan oleh setiap individu Muslim berdasarkan tahap kemampuan diri masing-masing. Pelbagai cabaran perlu dihadapi dan ditangani oleh para pendakwah bagi memastikan keberkesanannya usaha dakwah yang digerakkan. Penguasaan dan pemahaman yang jitu terhadap cabaran-cabaran semasa ini mampu membantu para pendakwah merencanakan usaha dakwah mereka dengan lebih berkesan. Maka, usaha berterusan secara sistematik dan efektif mampu menonjolkan ajaran Islam secara berhikmah tanpa memerlukan sebarang paksaan seterusnya menjinakkan hati golongan non-Muslim untuk mendekati dan memahami ajaran Islam.

Para pendakwah di Sarawak memang berhadapan dengan cabaran dalam menyampaikan ajaran Islam. Sokongan dan usaha yang berterusan oleh agensi kerajaan dan organisasi bukan kerajaan amat penting agar segala cabaran ini dapat diatasi. Pada masa yang sama perancangan dakwah di Sarawak perlu disekalikan dengan bantuan ekonomi, menyediakan modul dan kelas bimbingan dan masyarakat Islam itu sendiri perlu memberikan contoh tauladan yang baik kepada masyarakat bukan Islam. Usaha-usaha berterusan juga perlu dilakukan bagi melahirkan lebih ramai pendakwah yang berkaliber terutama di kalangan saudara kita bagi memastikan usaha dakwah yang dijalankan itu berkesan dan mencapai matlamatnya.

Manakala program Menyemai Bakti (Amali Dakwah) dilaksanakan oleh IKMAS adalah usaha yang sangat baik dan perlu diteruskan serta dikembangkan. Ia bertujuan melatih para pelajar IKMAS dengan situasi dakwah dan menyediakan mereka dari segi mental dan fizikal bagi menghadapi situasi dakwah sebenar apabila mereka masuk ke dalam masyarakat kelak. Ia juga memberikan nilai tambah dan sumbangan

kepada perkembangan dakwah di negeri Sarawak dengan memberikan khidmat dalam memastikan penghayatan Islam di kawasan perkampungan yang terpencil. Mereka ini diharapkan akan menjadi generasi yang akan membentuk masyarakat yang berilmu, bertakwa dan mengamalkan Islam sebagai satu cara kehidupan.

RUJUKAN

- Abang Haji Atei (1993). *Matlamat dan masa depan sekolah-sekolah agama Islam di Sarawak* dalam Ismail Ab Rahman (peny.), *Pendidikan Islam Malaysia*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdul Rahman Mahmood, Kamaruddin Salleh, Ahmad Sunawari Long & Faudzainim Badaruddin (2009). Penerimaan bukan Islam terhadap proses Islamisasi di Malaysia. *Jurnal Hadhari* 2, 33-51.
- Ahmad Faisal Abdul Hamid & Hamidah Jalani (2010). Beberapa pandangan mengenai Islam dari perspektif parti politik Melayu. *Jurnal Tamadun* 5, 117-130.
- B. Taylor (1983). *The Anglican church in Borneo 1948-1962*. Sussex: New Horizon.
- H.O.K. Rahmat. (1983). *Pencemaran akidah di Nusantara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- H.S. Morris. (1953). *Report on a Melanau sago producing community in Sarawak*. London.
- Hala Tuju Strategik IKMAS 2021-2026.
- Keppel, Henry Sir. (1853). *A visit to the Indian Archipelago in H.M. Ship Maender: with portion of the private journal of Sir James Brooke*, K.B.C. London: Richard Bentley.
- Khairil Ahmad. (1993). *Selamatkan kaum Penan*. Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd.
- Laporan Majlis Islam Sarawak. (1983).
- Md. Amin Haji Abdul Rahman. (2003). Sejarah dan perkembangan Islam di Sarawak sebelum merdeka. *Prosiding Nadwah Ulama Nusantara II*, Fakulti Pengajian Islam UKM.

- Mohd Izwan bin Shariff. 8 Jun 2021. Penolong Pengarah Pembangunan Insan JAKIM Sarawak. Temubual.
- Osman Abdullah. (2009). *Dakwah to non-muslim chinese in Malaysia: some preliminary thoughts*. Kuala Lumpur: IIUM Press.
- Peter Tinggom. (1993). Culture and unity. *Kertas Kerja Seminar Budaya Iban*. Kuching: Tun Jugah Foundation.
- V.T. King. (1978). *Essay on Borneo societies*. Oxford: Oxford University Press.
- Welyne Jeffrey Jehom. (2002). Agama kristian dan hubungan etnik di Sarawak.
- Zainab Ismail. (2009). Cabaran ulama Borneo dalam penyebaran agama Islam di Sarawak. *Borneo Research Journal* 3, 173-186.
- Zulkiple Abd. Ghani. (2006). *Cabaran dan prospek pengurusan dakwah di Sarawak*. Kuching: IKMAS.

PERANAN AGAMA DAN HUBUNGANNYA DALAM INTERAKSI SOSIAL MASYARAKAT PELBAGAI KAUM DI SARAWAK

Oleh:
Dr. Roziah binti Chek

ABSTRAK:

Manusia bukan sahaja memerlukan makanan untuk keperluan jasad, tetapi untuk keperluan spiritual bagi hubungan dengan Pencipta. Kajian ini bertujuan mencari titik kefahaman dalam pengamalan hidup beragama masyarakat pelbagai kaum di Malaysia. Asas kefahaman ini sangat penting dalam mendefinisikan sesebuah masyarakat harmoni berlandaskan pegangan dan moraliti yang tinggi. Objektif kajian ini menumpukan peranan agama dalam dinamika interaksi masyarakat pelbagai kaum di Malaysia. Kedua untuk mengkaji kepentingan agama dalam memelihara keharmonian serta perpaduan. Ketiga meneliti bentuk kehidupan beragama dalam kalangan masyarakat pelbagai kaum di Malaysia. Kaedah pemerhatian dan analisis kandungan digunakan dalam kajian ini. Hasil kajian menunjukkan agama mempengaruhi pola pemikiran masyarakat pelbagai kaum, khususnya dalam aspek interaksi, pergaulan, pemakaian, percakapan dan sebagainya.

KATA KUNCI: Agama, Defnisi, Konsep, Hubungan, Praktik Kehidupan, Multi Etnik Sarawak.

PENGENALAN

Menurut Sulaiman (2003), dalam usaha mencantumkan hati-hati para pengikut agama dengan satu tali kasih sayang dan silaturrahim merupakan salah satu peranan agama yang tidak mampu ditandingi oleh mana-mana ikatan lain seperti ikatan bangsa, bahasa, kejiranan atau kepentingan bersama. Prinsip beragama adalah salah satu fitrah manusia dalam kehidupan dunia. Selaras dengan itu Allah SWT menyediakan Islam sebagai petunjuk dan garis panduan amalan manusia melalui perutusan RasulNya. Islam dari sudut asasnya adalah agama yang dibawa oleh para Nabi, tetapi

peradaban dan tamadun manusia telah memperlihatkan agama yang oleh para Rasul a.s sebelum nabi Muhammad SAW dikenali dengan nama yang tersendiri dan memiliki ciri-cirinya yang khusus. Berasaskan fakta ini, apabila disebut Islam maka ia adalah agama yang dikemukakan oleh Allah SWT melalui perutusan rasul bernama Muhammad bin Abdullah SAW dan tidak termasuk yang lain. Risalah atau agama Allah SWT ini diwahyukan kerana manusia dalam pencarian mereka bagi memenuhi fitrah beragama terkadang tersasul dari kebenaran yang dicarinya itu.¹ Manakala interaksi pula merupakan satu proses sosialisasi yang menggambarkan wujudnya suatu hubungan yang mengikat antara dua pihak atau banyak pihak yang membentuk satu konsep komunikasi global.

FUNGSI DAN PERANAN AGAMA DALAM KONTEKS PERUBAHAN PSIKOLOGI SOSIAL

Relatifnya, dalam konsep Islam perubahan sosial terjadi berdasarkan atas *Sunnah* (Hukum) yang telah ditetapkan Allah SWT dalam ayat berikut:²

“Bahawa sesungguhnya Allah SWT tidak akan merubah keadaan sesuatu kaum sehingga mereka merubah keadaan yang ada pada diri mereka sendiri.”

Berdasarkan ayat ini, Allah tidak akan mengubah nikmat dan kemuliaan atau penderitaan atau kehinaan sesuatu bangsa sehingga mereka sendiri dapat mengubah sikap, amalan-amalan dan keadaan hidup mereka. Kehendak dan undang-undang Allah SWT akan berlaku kepada mereka mengikut bagaimana cara mereka melayani undang-undang ini dengan tindak-tanduk mereka. Hal ini merupakan bukti penghormatan Allah kepada manusia, di mana kehendak dan ketentuanNya (*mashi’ah*) telah menetapkan bahawa amalan dan tindakan mereka merupakan alat penguatkuasaan *mashi’ah* Allah terhadapnya.³

¹ Ahmad Zaki Berahim@Ibrahim, 2007, *Konsep Asas Islam Dan Hubungan Antara Agama, dalam Hubungan Agama dan Dialog Peradaban dalam Sejarah Tamadun Islam Era Khalifah Umayyah di Andalus (Sepanyol): Suatu Huraihan Terhadap Sumbangan Ibnu Hazm al-Andalusi*, Kuala Lumpur: Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, hlm 209.

² Al-Quran; Surah al-Ra’d, 13:11

³ Sayyid Qutb (2000), *Tafsir Fi Zilal al-Qur'an: Di Bawah Bayangan al-Quran*, Yusuf Zaky Haji Yacob (terj.), juz.9, Kelantan: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd., hlm. 335-336.

Justeru manusia diberi akal oleh Allah dan dengan akalnya itu dia dapat mempertimbangkan di antara yang buruk dengan yang baik dan dapat mencapai kehidupan yang lebih baik dalam batas-batas yang ditentukan oleh Allah SWT.⁴ Oleh kerana itu, “kita mesti merubah sendiri kepada yang lebih baik, mempertinggi mutu diri dan mutu amal, melepaskan diri dari perhambaan diri selain Allah dan berusaha mencapai kehidupan yang lebih bahagia dan lebih maju.”⁵ Ayat tersebut di atas jelas menunjukkan bahawa perubahan keadaan luaran dan mutu kehidupan suatu bangsa (*external change*) merupakan hasil daripada perubahan dalaman (*internal change*) dalam jiwa manusia.⁶

Bennabi menyatakan peranan agama dalam perspektif psikologi sosial seperti berikut:

“Faktor agama berperanan dalam pembentukan kekuatan psikologi yang penting bagi seseorang individu dan dalam mengatur kekuatan yang hidup dan diamalkan dalam tingkah laku ‘aku’ sebagai individu, kemudian dalam mengarahkan kekuatan tersebut sesuai dengan tuntutan aktiviti individu di dalam masyarakat dan yang sesuai dengan aktiviti bersama yang dilakukan sesuatu masyarakat dalam sejarah.”⁷

Konteks agama mampu mengubah individu dan kemasyarakatan. Seperti mana kata Bennabi menerangkan peranan agama dalam proses perubahan masyarakat melalui perubahan dalam individu. Menurutnya agama sebagai faktor pembangun individu adalah sangat penting, tidak hanya dalam bentuk asas-asas dan kaedah-kaedah bagi tingkah laku, tetapi ia juga berperanan dalam bentuk pengharaman atau larangan terhadap perkara-perkara yang negatif.⁸ Unsur agama secara umum masuk secara terus dalam keperibadian yang membentuk diri individu yang sedar dan dalam mengatur kekuatan yang hidup untuk kepentingan diri tersebut. Kekuatan yang hidup dan terarah dalam diri individu tersebut dalam kedudukannya sebagai anggota masyarakat, berubah kepada aktiviti yang

⁴ Hamka (Haji Abdul Malik Abdul Karim Amrullah) (1985), *Tafsir al-Azhar*, j. 14, Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd., hlm 3741.

⁵ *Ibid*, Hamka.

⁶ Louay Munir Safi (1994), “*Patterns of Development: The Muslim Historical Experience*”, *Kertas Kerja International Conference on Comprehensive Development of Muslim Countries from an Islamic Perspective*, dianjurkan oleh IDB, IIUM, IIIT, Subang Jaya, Malaysia, 1-3 Ogos 1994, hlm. 1.

⁷ Malik Bennabi (1987), *Milad Mujtama’, Abd al-Sabur Shahin*, (terj.), cet.3, Damshiq: Dar al-Fikr. Hlm. 71. Selanjutnya ditulis *Milad*. Hlm. 73.

⁸ Malik Bennabi (1987), *Milad* Hlm. 71.

berdimensi kemasyarakatan. Aktiviti-aktiviti individu itulah yang menjadi penyebab lahirnya aktiviti-aktiviti bersama masyarakat yang luas.⁹

Menurut ahli sosiologi agama Barat, Roland Robertson dalam ‘*Sociology of Religion*’ menyatakan kepercayaan teologi dan keagamaan merupakan nadi dan jantungnya keyakinan semua agama. Teologi terdapat dalam kepercayaan mengenai alam dan kehendak-kehendak *supernatural*, kenyataan terakhir sehingga semua aspek-aspek di dalam agama menjadi bersepadau.¹⁰ Beliau mempercayai bahawa setiap agama mempunyai pegangan kepercayaannya tersendiri (teologi) yang menjadi nadi utama menggerakkan ritual dan peribadatan fizikal. Sosiologi Barat seperti Max Weber pula melihat agama sebagai faktor utama dalam proses sejarah. Manakala Durkheim pula membincarakan mengenai sifat keberadaan terakhir dari agama bagi solidaritas manusia dan analisa Pareto mengenai tempat (fungsi) agama yang menempati dalam sejarah kehidupan manusia selama berabad-abad.¹¹ Umumnya menurut ahli sosiologi Barat peranan dan fungsi agama amat penting dalam memainkan peranan menggerakkan proses sejarah serta peradaban manusia terhadap setiap kaum dan bangsa. Contohnya kepercayaan yang dipegang oleh penganut Kristian pelbagai mazhab di gereja-gereja di Barat dan ritual yang dilakukan oleh penganut-penganutnya.

Berlainan dengan ahli falsafah seperti Ibn Khaldun, Oswald Spengler dan Arnold Toynbee yang memandang peradaban sebagai suatu kepastian, Bennabi melihat bahawa suatu peradaban yang sedang jatuh dapat dihidupkan dan diselamatkan kembali. Menurutnya konflik dalaman yang berlaku di antara sebab-sebab kematian dan sebab-sebab kehidupan dalam semua proses biologi, adalah faktor yang menyebabkan sesuatu benda tersebut dapat tumbuh dan kemudian punah. Manakala dalam kemasyarakatan, kepastian yang sedemikian terbatas bahkan terikat dengan syarat-syarat tertentu, kerana arah perkembangan dan kematian suatu masyarakat tertakluk faktor-faktor psikologi dalam masa tertentu.¹²

⁹ *Ibid*, hlm. 72.

¹⁰ Roland Robertson, ed. Achmad Fedyani Saifuddin, Drs.(ter). Jun 1988. *AGAMA: Dalam Analisa dan Interpretasi Sosiologis*. Jakarta: Rajawali Pers. Hal.297-298.

¹¹ *Ibid*, hal 66

¹² Malik Bennabi (1986), *Wijhah al-Alam al-Islami, Abdul al-Sabur Shahin*(ter.), cet.4,Damshiq: Dar al-Fikr, hlm. 28. Seterusnya ditulis *Wijhah. Usman Syihab, Agama dan Perubahan Masyarakat Menurut Malik Bennabi*, (Mac 2009), AFKAR, Jurnal Akidah& Pemikiran Islam, Kuala Lumpur: Akidah& Pemikiran Islam, Jabatan API, Universiti Malaya, Bil 10, hlm. 142.

PERANAN AGAMA ISLAM SEBAGAI INTERAKSI ERA GLOBALISASI: KONSEP TOLERANSI ISLAM

Secara global, agama merupakan suatu perkara yang komprehensif dan amat penting bagi manusia dan ia mempunyai pelbagai fungsi yang terkandung di dalamnya. Ini kerana agama merupakan alat pemandu yang unggul bagi manusia (al-Qasimi, Muhammad Salim 2004:230). Ini bermakna sekiranya manusia gagal memahami dan menghayati agama maka sukarlah untuk membentuk kebahagiaan dan keharmonian dalam kehidupan sehariannya. Justeru untuk memastikan hasrat itu tercapai, ia bukanlah tugas ataupun tanggungjawab mana-mana kumpulan tertentu akan tetapi ia merupakan tanggungjawab setiap individu masyarakat di setiap peringkat orang awam, pegawai kerajaan, ulama, pemimpin, remaja, dewasa harus memiliki semangat dan kesedaran hidup beragama serta menginterpretasi dengan penuh keyakinan dan keikhlasan.

Sejarah membuktikan bahawa agama telah menjadi asas penting dalam hidup masyarakat global dari generasi ke satu generasi melalui peradaban dan ketamadunan sesuatu kaum atau bangsa. Justeru dalam konteks masyarakat multi etnik di Malaysia khususnya di Sarawak berpaut pada fasal di dalam Perlembagaan Persekutuan: 1995, Perkara 160: 147 yang memperuntukkan seperti berikut;

“Hak agama Islam diperuntukkan di bawah perkara 3 Perlembagaan Malaysia yang mengisyiharkan ‘Islam adalah agama rasmi Persekutuan’ dan ditambah dengan fasal...”

“Tetapi agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan”¹³

Perlembagaan Persekutuan Malaysia menjelaskan fungsi dan peranan agama Islam sebagai agama rasmi Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak namun kebebasan untuk mengamalkan agama-agama lain adalah dibenarkan dalam peruntukan tersebut. Ini jelas secara teorinya menunjukkan Malaysia mengamalkan kebebasan dalam beragama, namun relevannya dalam konteks beragama di Sarawak toleransi beragama

¹³ Perlembagaan Malaysia Persekutuan 1995; Perkara 3(1)

memerlukan usaha dan kerjasama semua kaum memandangkan Sarawak mempunyai kepelbagaiannya etnik paling tinggi di Malaysia.

Masyarakat Bidayuh merupakan salah satu etnik terbesar di Sarawak dengan jumlah pengikut agama Kristian mendominasi kumulatif keseluruhan kaum Bidayuh. Agama Islam hanya sebilangan kecil sahaja dalam kumulatif tersebut. Namun angka tersebut perlu diberi perhatian terutama dalam perkembangan dakwah Islam serta hubungan antara agama di kalangan masyarakat Bidayuh dan juga kaum-kaum lain di Sarawak. Begitu juga antara semua kaum yang berlainan agama di Sarawak.

Toleransi beragama merupakan satu sikap yang melibatkan tanggapan, persepsi dan pandangan terhadap pengikut agama lain. Justeru untuk mencapai tahap tersebut banyak faktor yang terlibat bermula dari kefahaman, sikap dan hubungan sosial yang kemudiannya membentuk satu nilai hubungan yang boleh disebut sebagai toleransi beragama. Proses untuk mencapai peringkat tersebut sudah tentunya mengambil masa yang panjang. Namun gerakan dan proses sosialisasi itu seharusnya berterusan.¹⁴ Peranan agama sebagai interaksi era globalisasi yang berkonsepkan toleransi Islam sangat efektif jika ditelusuri pada zaman Rasulullah SAW dan para sahabat baginda. Sejarah telah membuktikan toleransi Islam adalah toleransi yang terbaik dari aspek nilai dan gagasannya iaitu melalui perjanjian Aqabah, perjanjian Hudaibiyah dan pelbagai contoh perlaksanaan pada zaman Rasulullah SAW.

Oleh yang demikian, toleransi dalam Islam yang dikemukakan mempunyai piawaiannya tersendiri. Ini kerana konsep toleransi jika tidak dicermati dengan neraca al-Quran dan al-Hadith, boleh menghasilkan perlanggaran terhadap beberapa ketentuan hukum. Justeru toleransi Islam berpaksikan atas konsep “Teguh pada prinsip, toleran pada sikap”. Oleh itu, Islam menganjurkan umatnya berpegang pada prinsip kebenaran Islam tetapi tidak pula melunturkan sikap hormat kepada pengikut bukan Islam. Teguh pada prinsip di sini bermaksud berkeyakinan bahawa asas-asas utama dalam persoalan akidah dan ibadat mestilah mengikut deskripsi

¹⁴ Mutsalim Khareng & Prof. Madya Dr. Jaffary Awang, (Okt 2011), *Interaksi Mahasiswa/Siswi Muslim dan Pengikut Buddha di PSUP dan PSUH serta Hubungannya dengan Sikap Toleransi Beragama*, Prosiding Kolokium Siswazah Pengajian Islam UKM Peringkat Kebangsaan 2011, anjuran Urus Setia Program Pengajian Siswazah UKM dengan Kerjasama Persatuan Siswazah Fakulti Pengajian Islam.

yang diterima dari sumber yang sahih sebagai suatu kebenaran mutlak. Justeru dalam hal ini tiada ruang untuk berkompromi atas nama toleransi terhadap kebenaran tersebut.

Pemikiran seharusnya berlandaskan serta berpegang bahwa Akidah yang benar dan ibadat yang betul adalah bersumberkan keterangan al-Quran dan al-Hadith.¹⁵ Di sini jelas Islam telah menggariskan melalui banyak dalil daripada al-Quran dan al-Hadith tentang batasan-batasan yang perlu dipatuhi dalam melaksanakan toleransi terhadap agama lain. Asas kepada pergaulan dan interaksi sesama pelbagai kaum di mana-mana sahaja di dunia ialah memelihara hubungan serta berbuat baik kepada semua manusia tanpa mencanggahi nilai dan hukum serta hak yang perlu di pelihara di dalam Islam seperti hak nyawa, usul dan maruah agama. Walau siapapun kita dan dimana sahaja kedudukan kita samada sebagai orang awam atau pemerintah yang memegang kuasa perlulah berpegang serta mematuhi konsep interaksi yang berlandaskan toleransi Islam secara total.

PERANAN AGAMA-AGAMA LAIN DI MALAYSIA DALAM KONTEKS INTERAKSI SOSIAL ERA GLOBALISASI

Justeru tidak dinafikan konteks agama-agama selain Islam yang dianuti oleh pelbagai kaum di Malaysia khususnya di Sarawak memainkan peranan sebagai panduan hidup masyarakat multi etnik Sarawak. Namun sejauh mana agama berperanan dalam konteks interaksi sosial dan psikologi masyarakat di Sarawak adalah berdasarkan sejauh mana ajaran agama tersebut dipatuhi serta sejauh mana ia mempengaruhi gaya hidup mereka sehari-hari. Sering kali dilihat isu-isu keagamaan menjadi punca pertelingkahan serta perselisihan seperti simbol agama, pembinaan gereja atau masjid, penggunaan kalimah Allah dan banyak lagi. Agama-agama yang dianuti di Malaysia seperti Kristian yang mempunyai pelbagai cabang, Anglican, Orthodoks, Sidang Injil Borneo, Katolik dan lain-lain. Begitu juga agama Buddha, Hindu, Bahai, Taoisme dan sebagainya membawa pelbagai bentuk ajaran dan budaya. Maka, begitu juga Islam

¹⁵ Mohamad Zaidi B. Abdul Rahman, Nur Hafilah Bte Musa & Bharuddin B. Che Pa (2007), *Konsep Asas Islam dan Hubungan Antara Agama, Asas Toleransi terhadap Kebebasan Beragama dari Perspektif Islam*, Kuala Lumpur: Akidah & Pemikiran Islam, Kuala Lumpur: Jabatan Akidah & Pemikiran Islam, Universiti Malaya, hlm. 116-117.

dengan termaktub peraturan dan undang-undang tersendiri. Cuma dari aspek persamaan secara asasnya semua agama menggalakkan berbuat kebaikan dan melarang kejahatan dalam konteks agama masing-masing. Prinsipnya kebaikan inilah walaupun boleh diperdebatkan lagi diajukan sebagai langkah menyatupadukan hubungan pelbagai kaum di Malaysia secara global.

Ibnu Khaldun dalam “*al-Muqaddimah*” menerangkan bahawa masyarakat itu penting bagi umat manusia. Justeru kerana itu sebahagian ahli sosiologi mengatakan manusia adalah binatang yang bermasyarakat menurut naturnya. Ertinya masyarakat itu kemestian bagi manusia, dan ini dikuatkan dengan kenyataan bahawa manusia itu dilahirkan di tengah-tengah masyarakat, hidup dan matinya dalam masyarakat. Jikalau bermasyarakat itu merupakan kemestian bagi manusia, maka peraturan yang dipakai untuk mengatur hubungan-hubungan dalam masyarakat itupun penting kerana tidak akan sempurna hidup dalam masyarakat tanpa adanya peraturan. Setiap individu tidak mungkin hidup bebas dalam masyarakatnya tanpa terikat kepada suatu ketentuan dan peraturan. Sekiranya ia berlaku, masyarakat itu pasti akan hancur dan berubahlah masyarakat manusia itu menjadi masyarakat binatang. Justeru kerana itu, sudah menjadi kemestian adanya peraturan yang mengatur masyarakat itu, peraturan mana yang menegaskan batas-batas yang harus dihormati oleh mereka bersama, maka dengan demikian mereka akan hidup dalam keadaan aman dan tenteram.¹⁶

Chaeyoon Lim dan Robert Putnam (2010) menyatakan bahawa individu yang terlibat dengan institusi keagamaan seperti kerap menghadiri perkhidmatan agama dan membina rangkaian sosial dalam jemaah adalah lebih berpuas hati dengan kehidupan mereka berbanding dengan individu yang tidak terlibat dalam institusi dan aktiviti keagamaan. Walaupun terdapat hubungkait yang positif antara isu keagamaan dengan kepuasan hidup namun masih terdapat banyak kontroversi teori dan empirikal berkenaan persoalan bagaimana agama sebenarnya membentuk kepuasan hidup.¹⁷ Justeru berinteraksi melalui rangkaian sosial menurut

¹⁶ Abdul Karem Zaidan, Dr. H.M Asywadi Syukur Lc (terj). 1997. *Dasar-dasar Ilmu Da'wah*. Jil. 1. Cet.5. Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar (DPF) Hlm. 145.. dengan izin khas dari Penerbit Media Dakwah Jakarta.

¹⁷ Lim, Chaeyoon & Putnam, Robert. Dec 2010. *Religion, Social Networks and Life Satisfaction*. *American Sociological Review*. American Sociological Association 2010. Vol. 75. Issue 6. Hal. 914-933.

keduanya adalah lebih memberikan kepuasan secara spiritual dan fizikal dengan menjalankan hubungan yang baik dan erat dalam jemaah mereka.

Justeru, semua agama perlu menghormati prinsip dan ajaran agama lain tanpa mencerobohi hak batasan dan sensitiviti agama lain. Justeru dalam Islam sangat menjaga serta menghormati hak dan kepentingan agama lain sebagaimana di zaman Rasulullah SAW melalui perlaksanaan perjanjian-perjanjian yang diakui terbaik dalam sejarah dunia iaitu Perjanjian Hudaibiyah, Aqabah dan banyak lagi kejayaan kemuncak Islam tersebut. Agama adalah suatu yang mengikat menurut Harun Nasution (1979). Agama sememangnya mengandungi erti ikatan yang harus dipegang dan dipatuhi manusia. Ikatan ini mempunyai pengaruh yang besar terhadap kehidupan manusia sehari-hari. Ikatan ini berasal dari satu kekuatan yang lebih tinggi dari manusia iaitu satu kekuatan ghaib yang tidak dapat ditangkap oleh pancaindera.¹⁸ Maka secara positifnya agama seharusnya berperanan mengikat hubungan sesama manusia tanpa mengira perbezaan kaum, bangsa, warna kulit serta anutan masing-masing kepada pembangunan hubungan dan interaksi sosial yang lebih proaktif, harmoni dan berdaya maju.

Pelbagai alternatif dibuat dalam konteks penyelesaian konflik dan hubungan antara agama seperti etika global oleh Hans Kung (1997:2) didefinisikan sebagai satu himpunan atau kod prinsip-prinsip moral yang menjadi pegangan sebuah kumpulan atau individu dalam konteks dunia secara keseluruhannya.¹⁹ Matlamat etika global adalah untuk memperkenalkan kewujudan agama-agama di timur dan Barat, Utara dan selatan serta perbezaan-perbezaan di antaranya agar wujudnya perasaan hormat-menghormati dan penerimaan terhadap perbezaan ini. Menerusi pengenalan ini, setiap penganut agama akan dapat mengenal pasti persamaan dan perbezaan di antara mereka serta mereka juga dapat mengetahui aspek yang berupaya mewujudkan salah faham dan perselisihan (Kung, 1995: 2). Etika ini mendapat kritikan dan pelbagai komentar daripada para sarjana khususnya Sarjana Islam.

¹⁸ Harun Nasution. 1979. *Islam Ditinjau dari Berbagai Aspeknya*. Jil.1. Jakarta: UI Press. Hal.9-10

¹⁹ Hal ini bertepatan dengan pentafsiran Kung sendiri yang mendefinisikan 'Etika Global' sebagai suatu bentuk persetujuan atas nilai-nilai yang mengikat, kriteria-kriteria yang tidak boleh diubah dan sikap atas yang mesti ada pada setiap individu (Kung 1997:105)

Persoalannya adakah etika ini mampu memainkan peranan sebagaimana matlamat ianya diciptakan. Kemungkinan ianya boleh dianggap sebagai alternatif kepada kekelutan masalah sosial yang meruncing dan pencabulan hak asasi yang berleluasa di merata dunia pada masa kini. Namun penyelesaian dari sudut agama lebih proaktif menurut sarjana-sarjana Islam. Justeru mengapa kemelut pencabulan hak khususnya terhadap umat Islam masih berterusan. Ini kerana ianya bukanlah masalah agama tetapi berbalik kepada kesedaran individu setiap penganut agama-agama khususnya di Sarawak untuk memahami serta menghayati ajaran-ajaran agama mereka.

MASYARAKAT MULTI-ETNIK SARAWAK: SEJARAH DAN LATAR BELAKANG SECARA RINGKAS

Bumiputra di Sarawak boleh digolongkan kepada kaum Iban, Melayu, Dayak Darat, Melanau, dan golongan pribumi yang tidak begitu ramai bilangannya seperti Kenyah, Kayan, Kedayan, Murut, Kelabit, Bisaya, Punan dan lain-lain. Disebabkan terdapat pelbagai kelompok bumiputra di Sarawak, klasifikasi mereka boleh dibuat berdasarkan kawasan penempatan.²⁰ Mengikut pembahagian ini, penduduk bumiputra Sarawak boleh digolongkan kepada tiga golongan yang mempunyai sempadan etnografi; iaitu penghuni kawasan pantai, lembah sungai, dan pedalaman (perbukitan). Setiap golongan mempunyai pecahan-pecahan kecil masing-masing. Contohnya golongan Bidayuh banyak tertumpu di Kuching dan Samarahan.²¹

Perlu diketahui di dalam konteks Perlembagaan Malaysia (Perkara 160) menjelaskan kategori Melayu dan juga Bumiputra Sarawak sebagai berikut; Melayu ditakrifkan, lazimnya yang bertutur bahasa Melayu, menganut agama Islam; dan mengamalkan adat istiadat Melayu. Manakala Bumiputra di Sarawak ialah terdiri daripada mana-mana satu kaum asli iaitu Bukitan, Bidayuh, Dusun, Dayak Laut, Dayak Darat, Kadayan, Kelabit, Kayan, Kenyah, Kajang, Lugat, Kisum, Melayu, Melanau, Murut, Penan, Sian, Tagal, Tabun dan Ukit atau dia berketurunan campuran

²⁰ Untuk perbincangan secara mendalam tentang klasifikasi penduduk bumiputra Sarawak, sila lihat Hashim bin Awang , "Masalah Mengkelasifikasi Penduduk Bumiputra Sarawak:Satu Catatan Ringkas". Jurnal Persatuan Sejarah Malaysia, No.10, 1981. Hal.27. Juga lihat Malaysia Kita.Hal.409

²¹ *Ibid.*, Malaysia Kita.hal.409

daripada kaum-kaum tersebut. Manakala Bumiputera Sabah pula ialah anak atau cucu kepada seorang suku kaum asli Sabah dan dia telah dilahirkan di Sabah”.²²

Welyne Jeffrey Jehom (2000:140-149) menyatakan sejak memasuki Malaysia pada 16 September 1963 dari segi jumlah penduduk Sarawak, bilangan kumpulan etnik Bumiputera jauh melebihi komuniti Melayu dan Cina. Justeru, hubungan etnik di Sarawak sangat menarik kerana wujud sifat saling memahami, menghormati dan toleransi pluralistik yang cukup tinggi. Robert E. Park (1950) pula memperlihatkan putaran hubungan etnik antara kumpulan dominan dengan kumpulan minoriti bermula dengan persaingan, akomodasi dan akhirnya asimilasi. Di dalam konteks Sarawak asimilasi tidak wujud tetapi wujud acuan yang dikehendaki oleh masyarakat Malaysia iaitu integrasi dan plural. Oleh kerana hubungan etnik yang baik maka pembangunan budaya, sosial, ekonomi dan politik di Sarawak amat membanggakan.²³

Pada asasnya walaupun bahasa yang dituturkan oleh orang Melayu di Semenanjung dan bahasa penduduk Bumiputera Sarawak adalah daripada rumpun bahasa Austronesia, asal-usul penduduk Bumiputera Sarawak tidak dapat dipastikan dengan tepat. Namun demikian adalah diyakini penduduk-penduduk Bumiputera Sarawak sekarang telah berhijrah dari tempat-tempat lain di Asia ke negeri tersebut. Kebanyakan penduduk Bumiputera mengaitkan asal-usul mereka daripada beberapa kawasan tempat di Kepulauan Melayu dan juga Brunei. Tidak banyak yang diketahui tentang sejarah awal penduduk Bumiputera negeri Sarawak, khasnya tentang ekonomi dan politik sehingga datangnya kuasa penjajah Inggeris pada abad ke-19.

Namun berdasarkan penemuan dan bukti arkeologi di Sarawak, ahli-ahli Sejarah mengatakan bumi Sarawak telah didiami manusia sejak 40,000 tahun dahulu. Manusia zaman purba telah didapati mendiami gua-gua batu di Gua Niah dan Gunung Subis yang terletak di antara Bintulu dan Miri. Selain itu terdapat juga bukti yang menunjukkan bahawa pada kira-kira 600 S.M penduduk setempat telah mengadakan hubungan dengan

²² *Ibid. Perlembagaan Malaysia Persekutuan 1995;Perkara 160*

²³ Mansor Mohd. Noor (et.al) (2006). *Hubungan Etnik di Malaysia*. Petaling Jaya, Selangor: Prentice Hall Pearson Malaysia Sdn. Bhd. Hal. 71

pedagang Cina. Begitu juga pada abad ke-14 dipercayai Sarawak berada di bawah kuasa Majapahit. Ini berdasarkan catatan dalam rekod-rekod jawa bahawa beberapa tempat di bahagian barat Kalimantan berada di bawah takluk kerajaan Majapahit. Ini juga dibuktikan dengan penemuan ukiran-ukiran pada batu dan perhiasan yang menunjukkan tinggalan pengaruh Hindu semasa zaman Majapahit.²⁴

Menurut sumber-sumber sejarah Brunei, pada abad ke-14 beberapa daerah di Sarawak seperti Kalaka, Saribas, Sadong dan Samarahan terletak di bawah kekuasaan Sultan Brunei yang pertama iaitu Sultan Muhammad.²⁵ Memandangkan hakikat bahawa Brunei kemudiannya menerima kekuasaan Melaka pada abad ke-15, maka Sarawak juga telah menerima pengaruh kerajaan Melaka. Apabila kerajaan Melaka jatuh ke tangan Portugis pada tahun 1511, kerajaan Melayu Johor (menurut penulis Portugis: Valentyn) telah menakluki Kalaka, Saribas dan Melanau. Walau bagaimanapun sejak awal abad ke-19, didapati Sarawak telah kembali di bawah pemerintahan Kesultanan Brunei. Ini berlaku sehingga hal kedatangan James Brooke ke Sarawak pada tahun 1893. Memandangkan pengaruh Kesultanan Melayu-Brunei di Sarawak begitu kuat, sistem politik bumiputera zaman pra-kolonial di Sarawak juga berdasarkan tradisi politik Melayu seperti negeri-negeri lain di Semenanjung. Semasa di bawah takluk Brunei, Sarawak diperintah oleh wakil Sultan Brunei yang terdiri daripada kerabat diraja Brunei atau pembesar-pembesar tempatan Melayu. Para pembesar yang menguasai pentadbiran bumiputera Sarawak ini memakai gelaran Datu Patinggi, Datu Bandar, Datu Temenggung dan Pangeran.²⁶

HUBUNGAN ANTARA AGAMA DI KALANGAN MULTI ETNIK DALAM KONTEKS PERPADUAN KAUM DI SARAWAK

Agama Islam yang dikemukakan nabi Muhammad SAW adalah kesinambungan risalah *ilahiyyah* (agama Allah SWT) untuk memberi hidayah kepada umat manusia. Ia adalah agama yang tidak dibatasi oleh sempadan geografi dan masa. Sebelum kedatangan Islam telah wujud

²⁴ Malaysia Kita. Hal. 410

²⁵ Perbincangan lengkap tentang sejarah awal kerajaan Brunei, sila rujuk Hughes –Hallet, "A Sketch of the History of Brunei" dalam *Brunei Museum Journal*. Vol.5. No.1. 1981. Hal. 4.

²⁶ Malaysia Kita. Hal. 410

agama Allah SWT yang telah dikemukakan melalui perutusan Rasul a.s kepada manusia. Faktor perkembangan masa dan manusia menyebabkan kemurnian agama Allah SWT telah dicemari. Namun dari aspek lain kehidupan beragama adalah selari dengan fitrah manusia. Hakikat inilah yang melahirkan apa yang dikenali sebagai agama atau asas agama dalam kehidupan masyarakat manusia. Berasaskan fakta ini dapat diperhatikan bahawa dalam Islam terdapat asas interaksi atau hubungan antara agama samada yang berbentuk politik, kemasyarakatan atau pemikiran. Sehubungan itu, isu perbandingan agama, mujadalah, perbincangan, dialog agama dan peradaban adalah antara isu yang pernah dikenali dan berbangkit semenjak zaman awal Islam lagi. Justeru, Ahmad Shalabi menganggap perbandingan agama sebagai ilmu utama yang dikenali dan diasaskan Islam dalam sejarah perkembangan pendidikan Islam sejak awal lagi.²⁷

Perkara yang perlu dilaksanakan dalam konteks perpaduan khususnya di Sarawak ialah mencari titik persamaan antara agama untuk mengikat perpaduan serta persaudaraan di kalangan pengikut pelbagai agama serta berusaha merapatkan jurang dan ruang titik perbezaan selagi ianya tidak bercanggah dengan hukum-hakam sesebuah agama khususnya Islam. Negara Malaysia di bawah pimpinan Datuk Mohd Najib Tun Razak sebagai contoh telah menggariskan Slogan ‘1Malaysia’ untuk mencapai matlamat ini. Namun sejauh mana ia berkesan dalam memupuk perpaduan di kalangan pelbagai etnik di Sarawak khususnya serta merapatkan jurang perbezaan kaum di Sarawak? Justeru dalam mencapai matlamat gagasan perpaduan kaum ini bergantung kepada kesedaran masyarakat pelbagai kaum tentang betapa pentingnya menjaga keharmonian dan keamanan di negara ini dalam konteks perpaduan keseluruhannya.

Menurut Hans Kung, antara sebab berlakunya pencabulan hak asasi berterusan adalah wujudnya konflik antara agama ekoran wujudnya persepsi negatif, salah faham dan prejudis di antara satu sama lain. Justeru kata sepakat dan kerjasama di antara umat beragama sukar untuk direalisasikan. Ekoran itu Hans Kung hadir merintis satu pendekatan baru iaitu etika global yang mewujudkan kefahaman, toleransi dan kerjasama di

²⁷ Ahmad Shalabi, Dr., (1989) *Tarikh al-Manahij al-Islamiyyah*, Kaherah: Maktabah al-Nahdah al-Misriyyah, hlm. 98. Selepas ini disebut *Tarikh*.

kalangan penganut yang berbeza agama. Namun gagasan pemikiran beliau ini mendapat pelbagai respon di kalangan masyarakat Islam khususnya oleh para pemikir Islam.²⁸ Persoalannya adakah etika boleh diterima pakai atau hanya satu teori alternatif sahaja. Realitinya kepelbagaian kaum mengandaikan beberapa spekulasi dan isu-isu yang akan timbul khususnya yang menyentuh sensitiviti agama dan kaum di Sarawak. Apapun politik memainkan peranan sangat penting dalam mengharmonikan perpaduan dan kesejahteraan hubungan pelbagai kaum di Sarawak secara global.

Melalui Perlembagaan Malaysia Persekutuan: 1995, Perkara 160: 147 mengenai prinsip asas konsep kebebasan beragama di Malaysia menjelaskan fungsi dan peranan agama Islam sebagai agama rasmi Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak. Apapun kebebasan untuk mengamalkan agama-agama lain adalah dibenarkan dalam peruntukan tersebut. Ini jelas secara teorinya menunjukkan Malaysia mengamalkan kebebasan dalam beragama, namun relevannya dalam konteks beragama di Sarawak toleransi beragama perlukan usaha dan kerjasama semua kaum memandangkan Sarawak mempunyai kepelbagaian etnik paling tinggi di Malaysia.

Selain itu, Abdul Karem Zaidan pula menyatakan dengan menjadikan agama Islam sebagai dasar pembinaan masyarakat dan peraturannya merupakan suatu peristiwa penting serta satu revolusi besar dalam kehidupan umat manusia. Ini kerana Islam mempertahankan kehormatan umat manusia, menghormati perikemanusiaan dan berusaha mengembalikan sesuatu kepada proporsi yang sebenarnya, dan menganggap pembinaan masyarakat atas dasar kesukuan, bangsa dan daerah dan tidak sesuai dan tidak layak diterapkan seperti yang berlaku di zaman jahiliah.²⁹ Ini adalah kerana asal keturunan manusia itu adalah satu, ia adalah suatu kenyataan yang tidak dapat disembunyikan, yang tidak dapat dihapuskan dengan keturunan, bangsa dan warna kulit. Perbedaan bangsa, suku dan keturunan laksana perbedaan cabang dari sepoohon kayu. Firman Allah SWT:³⁰

²⁸ Rujuk Najihah Ahmad & Dr Wan Fariza Alyati Wan Zakaria (Okt 2011), *Respons Pemikir Islam Terhadap 'Etika Global' Hans Kung*, Prosiding Kolokium Siswazah Pengajian Islam UKM Peringkat Kebangsaan 2011, anjuran Urus Setia Program Pengajian Siswazah UKM dengan Kerjasama Persatuan Siswazah Fakulti Pengajian Islam.

²⁹ Abdul Karem Zaidan. Dr. H.M Asywadi Syukur Lc (terj). 1997. *Ibid*. Hlm. 146-147

³⁰ Al-Quran, Surah Al-Nisa; 1

“Wahai manusia! Bertakwalah kepada Tuhan kamu yang menjadikan kamu dari satu tubuh.”

Namun secara prinsipnya beragama adalah salah satu fitrah manusia dalam kehidupan dunia. Selaras dengan itu Allah SWT menyediakan Islam sebagai petunjuk dan garis panduan amalan manusia melalui perutusan RasulNya SAW. Islam dari sudut asasnya adalah agama yang dibawa oleh para Nabi, tetapi peradaban dan tamadun manusia telah memperlihatkan agama yang oleh para Rasul a.s sebelum nabi Muhammad SAW dikenali dengan nama tersendiri dan memiliki ciri-cirinya yang khusus. Berasaskan fakta ini, apabila disebut Islam maka ia adalah agama yang dikemukakan oleh Allah SWT melalui perutusan rasul bernama Muhammad Bin Abdullah SAW dan tidak termasuk yang lain.³¹ Sejarah membuktikan bahawa agama telah menjadi asas penting dalam hidup masyarakat global dari generasi ke satu generasi melalui peradaban dan ketamadunan sesuatu kaum atau bangsa.

KESIMPULAN

Sesungguhnya agama berperanan penting dalam konteks hubungan pelbagai kaum di Malaysia khususnya di Sarawak. dalam Interaksi Sosial Masyarakat Pelbagai Kaum di Sarawak. Manakala perlunya semua agama memainkan peranan mencari titik persamaan serta merapatkan jurang perbezaan melalui interaksi sosial dalam era globalisasi dengan lebih berkesan dan efektif. Interaksi sosial ini tidak seharusnya dipandang ringan serta perlu diberi perhatian pelbagai pihak khususnya di Sarawak yang merangkumi etnik peribumi yang begitu besar. Sekiranya interaksi dan toleransi beragama ini diketepikan dalam konteks pelbagai kaum, masyarakat peribumi Sarawak kemungkinan boleh mencetuskan banyak perbalahan dan pertelingkahan kaum. Ini sudah pastinya menjelaskan ekonomi, pendidikan, perpaduan dan segala perkembangan komoditi negara yang lain.

³¹ Opcit. Ahmad Zaki Berahim@Ibrahim, 2007, hlm 209.

RUJUKAN

Al-Quran al-Karim.

Abdul Karem Zaidan & Dr. H.M Asywadi Syukur Lc (terj). (1997). *Dasar-dasar ilmu da'wah*. Jil. 1. Cet.5. Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar (DPF).

Ahmad Shalabi. (1989) *tarikh al-manahij al-Islamiyyah*. Kaherah: Maktabah al-Nahdah al-Misriyyah.

Ahmad Zaki Berahim@Ibrahim. (2007). *Konsep asas Islam dan hubungan antara agama, dalam hubungan agama dan dialog peradaban dalam sejarah tamadun Islam era khalifah Umayyah di Andalus (Sepanyol): suatu huraiyan terhadap sumbangan ibnu Hazm al-Andalusi*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Chaeyoon Lim & Robert Putnam. (2010). Religion, social networks and life satisfaction. American sociological review. *American Sociological Association* 75(6).

Haji Abdul Malik Abdul Karim Amrullah. (1985). *Tafsir al-Azhar*. Jil. 14. Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd.

Harun Nasution. (1979). *Islam ditinjau dari berbagai aspeknya*. Jil.1. Jakarta: UI Press.

Hashim bin Awang. (1981). Masalah mengkelasifikasi penduduk Bumiputera Sarawak: satu catatan ringkas. *Jurnal Persatuan Sejarah Malaysia* (10).

Hughes-Hallet. (1981). *A sketch of the history of Brunei* dalam *Brunei Museum Journal* 5(1).

Louay Munir Safi (1994), “*Patterns of Development: The Muslim Historical Experience*”, Kertas Kerja International Conference on Comprehensive Development of Muslim Countries from an Islamic Perspective, dianjurkan oleh IDB, IIUM, IIIT, Subang Jaya, Malaysia, 1-3 Ogos 1994.

Mansor Mohd. Noor (et.al) (2006). *Hubungan Etnik di Malaysia*. Petaling Jaya, Selangor: Prentice Hall Pearson Malaysia Sdn. Bhd.

- Mohamad Zaidi b. Abdul Rahman, Nur Hafilah bte Musa & Baharuddin b. Che Pa. (2007). Konsep asas Islam dan hubungan antara agama, asas toleransi terhadap kebebasan beragama dari perspektif Islam. *Jabatan Akidah & Pemikiran Islam*, Universiti Malaya.
- Mutsalim Khareng & Jaffary Awang. (2011). Interaksi mahasiswa/siswi muslim dan penganut buddha di PSUP dan PSUH serta hubungannya dengan sikap toleransi beragama. *Prosiding Kolokium Siswazah Pengajian Islam UKM Peringkat Kebangsaan 2011*.
- Malik Bennabi. (1986). *Wijhah al- ‘Alam al-Islami, Abdul al-Sabur Shahin* (ter.), cet.4. Damshiq: Dar al-Fikr.
- Malik Bennabi. (1987). *Milad Mujtama’*, ‘*Abd al-Sabur Shahin* (terj.), cet. 3. Damshiq: Dar al-Fikr.
- Najihah Ahmad & Wan Fariza Alyati Wan Zakaria. (2011). Respons pemikir Islam terhadap etika global Hans Kung. *Prosiding Kolokium Siswazah Pengajian Islam UKM Peringkat Kebangsaan 2011*.
- Roland Robertson & Achmad Fedyani Saifuddin (terj.). (1988). *Agama: dalam analisa dan interpretasi sosiologis*. Jakarta: Rajawali Pers.
- Sayyid Qutb. (2000). *Tafsir fi zilal al-Qur'an: di bawah bayangan al-Quran*. Yusuf Zaky Haji Yacob (terj.), juz. 9. Kelantan: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd.
- Malaysia Kita*. (1991). Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) cet. 2.
- Perlembagaan Persekutuan Malaysia. (1995).

HUBUNGAN SUKAN DAN KECERDASAN PELAJAR IKMAS

Oleh:

Ainuddin bin Haji Dolhakim, Muhammad Syafiq Afiq bin Saini

ABSTRAK:

Penyertaan sukan dilaporkan mempunyai hubungan positif dengan kesihatan dan pencapaian akademik. Penyertaan sukan dapat meningkatkan kesihatan kognitif yang membawa kepada peningkatan pencapaian akademik. Beberapa faktor lain juga mungkin terlibat dalam hal ini termasuk sokongan pihak pengurusan IKMAS. Dalam kajian ini, kami mengkaji hubungan antara penyertaan sukan, sokongan pihak pengurusan dan pencapaian akademik kerana kebimbangan mengenai penurunan tahap pendidikan pelajar dan kekurangan penyelidikan yang serius mengenai isu ini di IKMAS. Hipotesis awal menyatakan bahawa sukan akan mempengaruhi pencapaian akademik pelajar. Kajian ini diharap dapat membantu para pelajar dalam meningkatkan kualiti pembelajaran sambil bersukan di IKMAS..

KATA KUNCI: Sukan, kecerdasan, akademik.

PENDAHULUAN

Relatifnya sukan memainkan peranan penting dalam mempengaruhi kecerdasan dan akademik pelajar. Dalam setiap institusi pendidikan, salah satu tujuan pihak pengurusan untuk pelajar adalah untuk berjaya dalam akademik (National Health and Morbidity Survey, 2011). Faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian akademik adalah kompleks, termasuk organisasi, komuniti, dan persekitaran. Atas sebab ini, penting untuk mengetahui faktor-faktor yang berpengaruh terhadap pencapaian akademik pelajar. Sokongan sosial daripada pihak pengurusan adalah faktor utama yang mempengaruhi pencapaian akademik pelajar. Banyak penyelidikan terdahulu menunjukkan bahawa penyertaan sukan meningkatkan kesihatan mental yang seterusnya menghasilkan peningkatan prestasi akademik (Haroona Qurba, 2016).

Dengan penyelidikan yang semakin meningkat mengenai hubungan positif antara penyertaan sukan dan pencapaian akademik, penyertaan sukan oleh pelajar diberikan lebih tumpuan. Beberapa kajian menunjukkan bahawa penyertaan sukan, sokongan pihak pengurusan dan sosial memainkan peranan penting dalam menentukan pencapaian akademik. Walau bagaimanapun, penyelidik telah mengkaji faktor-faktor ini secara bebas, yang tidak mencukupi untuk menjelaskan bahawa bagaimana penyertaan sukan, sokongan pihak pentadbir, sosial dan pencapaian akademik saling berinteraksi antara satu sama lain.

Tujuan utama penyelidikan dalam bidang ini adalah untuk memahami mekanisme di mana penyertaan sukan mempengaruhi pencapaian akademik dengan menganalisis hubungan antara semua faktor ini dalam satu kajian. Sebelum ini kajian mengenai penyertaan sukan dan pencapaian akademik, sokongan pihak pengurusan dan penyertaan sukan, sosial dan penyertaan sukan, telah dilakukan di institusi pendidikan lain tetapi ini adalah kajian pertama yang dilakukan di IKMAS, di mana standard sukan tidak sesuai dengan kehendak dan peranan pentadbir, persekitaran pendidikan, penyertaan sukan pelajar berbeza dengan di mana sudah melakukan penyelidikan. Kami berpendapat bahawa terdapat perbezaan antara IKMAS dan institusi-institusi lain dari segi penyertaan sukan pelajar, sokongan pihak pengurusan untuk penyertaan sukan pelajar dan akademik sehingga teori yang sudah mapan mungkin tidak sesuai dengan situasi IKMAS. IKMAS adalah institusi pendidikan dengan latar belakang agama pesat membangun yang menghadapi banyak cabaran, di mana sokongan pihak pengurusan, sosial pelajar, infrastruktur untuk penyertaan sukan dan prestasi akademik berbeza dengan institusi lain, jadi teori yang sudah ada mengenai penyertaan sukan dan pencapaian akademik tidak dapat digeneralisasikan di IKMAS.

PERNYATAAN MASALAH

Ketidakaktifan aktiviti fizikal adalah faktor risiko utama keempat untuk global kematian dan dianggarkan menyebabkan 6% kematian di seluruh dunia (WHO, 2013). Berdasarkan tahap aktiviti fizikal yang rendah di kalangan rakyat Malaysia, aktiviti sukan dapat meningkatkan kesihatan mental dan juga rohani. Sebilangan besar kajian sebelumnya hanya membincangkan sokongan ibu bapa terhadap pelajar dalam

penyertaan aktiviti sukan (Kilpatrick et al., 2005; Egli et al., 2011; Martin et al., 2013).

Gaya hidup yang tidak aktif adalah faktor risiko kardiovaskular penyakit dan kematian. Oleh itu, kempen, inisiatif, masyarakat promosi kesihatan di institusi pendidikan untuk meningkatkan aktiviti fizikal (Holtermann, 2013). Meltzer dan Jena (2011) mendapati hubungan positif antara sukan dan kesihatan mental pelajar. Pelajar yang aktif dalam bersukan berkemungkinan mempunyai kesihatan mental 26% yang lebih tinggi daripada kumpulan pelajar yang kurang bersukan (Kari, 2015).

HUBUNGAN SUKAN DAN ISLAM

Aktiviti sukan dan riadah ialah antara medan dakwah yang dapat menyatukan masyarakat, malah ia juga berupaya menarik orang bukan Islam untuk melihat keindahan agama ini. Apakah lagi sukan dan riadah sebenarnya bukan asing dalam Islam, malah Rasulullah SAW sendiri bukan sahaja menggalakkan umat Islam bersukan, bahkan Baginda sendiri memiliki kecergasan dan kekuatan hebat. Mohd Elyas Ismail berkata pemimpin Arab yang juga ahli gusti terkenal, Rukanah ibnu Abdu Yazid RA memeluk Islam selepas dikalahkan dalam pertandingan gusti dengan Rasulullah SAW. Tokoh Quraisy itu memiliki badan tegap dan sasa yang hebat bergusti hingga mengalahkan mana-mana juara gusti di Tanah Arab pada zamannya. Inilah dakwah Baginda yang sangat menarik kerana membabitkan pelbagai pendekatan hingga gusti juga boleh menundukkan hati bukan Islam.

Menjelaskan lanjut kepentingan aktiviti fizikal, menjadi tanggungjawab ibu bapa dan sebuah institusi untuk menekankan aspek sukan sebagai cara hidup seperti ditegaskan Rasulullah SAW. Abu Hurairah RA meriwayatkan Rasulullah SAW bersabda: “Orang beriman yang kuat itu lebih baik dan lebih dicintai Allah SWT daripada orang beriman yang lemah, dan masing-masing ada kebaikannya” (HR Ibnu Majah). Baginda berkata, selain faktor kesihatan beriadah memberi peluang ahli keluarga meluangkan masa yang berkualiti dengan melakukan aktiviti bersama. Sirah juga mencatatkan Rasulullah SAW berlumba lari dengan isteri Baginda, Saidatina Aishah RA, sekaligus membuktikan sukan mampu merapatkan hubungan kekeluargaan.

Masjid dan institusi pendidikan agama boleh menjadi medan menyuburkan sukan sebagai landasan berdakwah dengan menyediakan gelanggang atau aktiviti riadah bersesuaian. Masjid Nabawi pernah dijadikan gelanggang sukan melontar lembing oleh orang Habsyah dan Rasulullah SAW tidak menghalang aktiviti berkenaan. Kini sudah banyak masjid membina gelanggang futsal dan kemudahan riadah yang lain di kawasan rumah Allah itu contohnya di masjid Singapura dan Australia. Dalam kajian lepas berkaitan perkembangan anak-anak, mereka yang suka bersukan dan sosial didapati akan lebih cepat matang. Imam al-Ghazali pernah berkata, sesiapa yang menghalang anak-anak mereka bermain dan bersukan, sesungguhnya dia menghalang daripada kecerdikan.

Bagaimanapun beberapa syarat dalam bersukan perlu dipatuhi dalam Islam antaranya adalah:

- Memelihara bahagian tubuh atau aurat menurut hukum Islam.
- Memastikan jurulatih dan atlet daripada jantina sama. Sekiranya berbeza, batas pergaulan perlu dijaga selaras tuntutan syarak seperti jurulatih lelaki tidak boleh menyentuh ahli sukan wanita, begitu juga sebaliknya.
- Pakaian sukan perlu memenuhi etika berpakaian ditetapkan syarak seperti menutup aurat, sopan dan bersesuaian dengan sukan diceburi, manakala pakaian wanita perlu longgar dan tidak menampakkan susuk badan.
- Percampuran bebas antara lelaki dan wanita semasa bersukan dilarang. Tempat bersukan seperti gimnasium dan kolam renang perlu disediakan berasingan atau melaksanakan jadual masa penggunaan berlainan.
- Tidak boleh bersukan hingga melalaikan kewajipan agama seperti solat.
- Tidak mempedulikan kepentingan orang lain seperti bermain di jalan raya hingga mengganggu lalu lintas, membuat bising atau menyebabkan kecederaan kepada pihak lawan kecuali kemalangan atau tidak sengaja.
- Sokongan keterlaluan khususnya penyokong fanatik hingga mencetuskan pergaduhan atau mengeluarkan kata-kata kesat,

bercanggah dengan Islam yang menyeru kepada perpaduan dan kasih sayang.

- Islam mlarang jenis sukan terlalu ekstrim, berisiko tinggi dan boleh mendatangkan kemudaratan kepada fizikal, mental serta spiritual umpamanya pertandingan makan makanan eksotik seperti kala jengking dan labah-labah, haram, najis, kotor serta menjijikkan.
- Wanita Muslim dilarang menyertai sukan yang bercanggah dengan fitrah kewanitaan dan bertentangan dengan adab, adat serta tatasusila.

PERANAN PIHAK IKMAS

Kesukaran pelajar bagi mewakili pasukan IKMAS dalam sesuatu pertandingan di luar kerana kurang sokongan dari pihak pengurusan dari segi kewangan. Ini sedikit sebanyak menimbulkan masalah kepada jurulatih untuk menyiapkan pasukan dalam sesuatu pertandingan yang diadakan. Disebabkan IKMAS merupakan institusi bukan seliaan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPT), maka sukar untuk IKMAS terlibat dengan pertandingan sukan anjuran KPT. Oleh itu, IKMAS boleh mengambil inisiatif untuk bekerjasama secara bersepada dengan KPT khususnya di Sarawak supaya menjemput IKMAS untuk menyertai pertandingan sukan yang dianjurkan KPT.

Namun begitu, keengganahan mereka untuk melibatkan diri dalam sukan dipengaruhi juga oleh faktor psikologi terutamanya dalam aspek motivasi (Mohd Salleh, 2004). Kurang motivasi oleh kerana kehidupan seharian dipenuhi dengan aktiviti kehidupan yang lain dan banyak tenaga dicurahkan untuk menghadapi cabaran dalam kehidupan, individu berkenaan tidak mempunyai motivasi yang mencukupi menggerakkan diri untuk beraktiviti. Disebabkan pelajar mengejar keutamaan yang lain dalam kehidupan, mereka hilang motivasi untuk melakukan senaman atau aktiviti (Shaharudin, 2001). Oleh itu, pegawai sukan IKMAS dengan kerjasama MPP IKMAS haruslah lebih bekerja keras untuk menggalakkan pelajar untuk melakukan aktiviti riadah dengan mengadakan pertandingan, aktiviti rekreasi di luar seperti *hiking* dan sebagainya. Hal ini dapat meningkatkan motivasi pelajar untuk bersukan. Cawangan Sukan dan Domestik IKMAS sebagai unit yang bertanggungjawab terhadap sukan IKMAS serta

mewujudkan budaya bersukan di IKMAS ke arah memperkasakan modal insan yang seimbang dan berkualiti dari segi akademik dan sukan.

Menyedari kepentingan sukan di kalangan pelajar, pihak IKMAS juga berperanan penting untuk menyediakan fasiliti sukan yang lengkap untuk menggalakkan pelajar dalam aktiviti riadah. Dengan kemudahan fasiliti yang lengkap, pelajar akan lebih bersemangat untuk melakukan aktiviti sukan. Justeru itu, sokongan pihak pengurusan IKMAS dianggap sebagai perkara kritikal dalam menentukan pencapaian matlamat pelajar dalam akademik. Keberkesanan sesebuah institusi pendidikan sering kali dikaitkan dengan keberkesanan sistem pengurusan. Organisasi akan berpotensi dan beroperasi dengan jayanya jika memang mantap di dalamnya.

RUJUKAN

- Gill. D.L. Gross J.B. & Huddleston. S. (1983). Participation motivation in youth sports. *International Journal of Sport Psychology* 14. 1–14.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2010). *Modul latihan sukan untuk kelab sukan sekolah: Sukan Tenis*. Diambil daripada http://web.moe.gov.my/bsukan/images/stories/pdf/sk_tennis.pdf. [26 Mei 2014].
- Hazliza Hassan. (2013, November 13). *Sukan, riadah medan dakwah*. Berita Harian.
- Jeynes, W. H. (2007). The relationship between parental involvement and urban secondary school student academic achievement: a meta-analysis. *Urban Education* 42(1). 82–110.
- Qurban, H., Qurban, H., Siddique, H., Wang, J., & Morris, T. (2018). The relation between sports participation and academic achievement: the mediating role of parental support and self-esteem. *Journal of Human Psychology*, 1(1). 27–40.

PELAKSANAAN AMALAN SOLAT FARDU BERJEMAAH DALAM KALANGAN PELAJAR LELAKI DI SURAU AT-TAQWA, IKMAS

Oleh:

Ainul Nadzifah binti Mohd Ali & Hamzani bin Ismail

ABSTRAK:

Kajian ini memfokuskan kepada pelaksanaan amalan solat Fardu berjemaah dalam kalangan pelajar lelaki di Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (IKMAS). Kajian ini memberi tumpuan di surau at-Taqwa, IKMAS kerana ia merupakan satu-satunya tempat ibadat yang terdapat di institusi ini. Sampel kajian ini melibatkan seramai 61 pelajar lelaki yang terdiri daripada pelajar lelaki semester dua dan semester empat bagi kursus Diploma Dakwah Islamiyyah dan kursus Diploma Tahfiz Wal al-Qiraat, serta pelajar lelaki semester enam bagi kursus Diploma Tahfiz al-Quran Wal al-Qiraat. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh pelajar lelaki yang tidak hadir solat fardu 5 waktu berjemaah di surau at-Taqwa, IKMAS. Dapatkan kajian mendapati bahawa faktor utama yang mempengaruhi pelajar lelaki untuk hadir solat berjemaah di surau at-Taqwa, IKMAS adalah pengaruh rakan iaitu sebanyak 45.8%. Seterusnya, faktor utama yang tidak menggalakkan pelajar lelaki solat fardu 5 waktu berjemaah di surau at-Taqwa, IKMAS adalah bebanan tugas kuliah (52.5%). Oleh itu, pengaruh rakan sebaya memberi peranan yang penting kepada para pelajar untuk hadir solat fardu 5 waktu berjemaah di surau at-Taqwa, IKMAS.

KATA KUNCI: Pelajar, solat berjemaah, surau at-Taqwa, IKMAS

PENGENALAN

Solat merupakan rukun Islam yang kedua. Solat juga merupakan ibadat yang agung dalam Islam dengan kemuliaan pensyariatanNya melalui Isra' dan Mikraj Rasulullah SAW berbanding ibadat-ibadat yang lain seperti

puasa, haji dan lain-lain. Ini menunjukkan bahawa ibadah solat itu terlalu istimewa di sisi Allah SWT (Anisah Ab Ghani, 2001).

Allah SWT berfirman di dalam al-Quran:

وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ وَارْكَعُوا مَعَ الرَّاكِعِينَ

Maksudnya : *Dan dirikanlah solat, dan keluarkanlah zakat, dan rukuklah bersama orang-orang yang rukuk.*

[Surah al-Baqarah 2:43]

Mereka yang mukallaf ditaklifkan (dipertanggungjawabkan) untuk melaksanakan kewajipan ini, selagi mana tidak mempunyai sebarang keuzuran yang menghalang daripada melaksanakannya. Masyarakat Islam pada hari ini, sering kali mengabaikan solat Fardu dari pelbagai sudut, misalnya waktu pelaksanaannya, kesedaran akan kewajipannya, leka dengan aktiviti-aktiviti yang tidak berfaedah dan lain-lain. Untuk keluar daripada kelalaian dan penyakit tersebut, formula yang paling berkesan ialah umat Islam perlu kembali berlumba-lumba menunaikan solat berjemaah di samping mengajak dan menyeru orang lain untuk turut serta solat berjemaah (Mohd Subki, 2011).

Secara *etimologi*, perkataan ‘jamaah’ memberi makna satu perhimpunan yang tidak terhad hanya kepada manusia semata-mata, dan ia boleh jadi kepada tumbuhan dan juga binatang (Ibn Manzur, 1994). Menurut *epistemologi syara'*, solat berjemaah adalah solat yang dilakukan secara beramai-ramai yang terdiri daripada sekurang-kurangnya dua orang iaitu seorang imam dan seorang maknum. Semakin ramai bilangan maknum, maka akan semakin besar pula fadhilat pahalanya (Ibn Qudamah, 1968). Rasulullah SAW mengisyaratkan bahawa Allah SWT akan memberi ganjaran kepada mereka yang solat secara berjemaah.

Diriwayatkan daripada Abdullah Bin Umar R.A, bahawa Rasulullah SAW bersabda:

صَلَاةُ الْجَمَاعَةِ تَفْضُلُ صَلَاةِ الْفَرْدِ بِسِبْعٍ وَعَشْرِينَ دَرَجَةً

Maksudnya: *Solat berjemaah itu lebih afodal daripada solat secara bersendirian, dengan dua puluh tujuh kali darjah.*

[HR Bukhari, No.645; Muslim, No.650]

Melalui hadis ini, kita telah sedia maklum bahawa betapa besarnya fadhilat solat secara berjemaah berbanding solat secara bersendirian dengan perbezaan dua puluh tujuh kali darjah. Hal ini demikian kerana, setiap orang yang hadir untuk menunaikan solat secara berjemaah akan mendatangkan satu kebaikan, seterusnya akan dilipatkali gandakan kebaikan tersebut kepada sepuluh kebaikan (Hasna Bidin, Ahmad Syukran Baharuddin & Mohd Ismail Masturi, 2015). Melalui kelebihan yang dinyatakan oleh Rasulullah SAW ini, ia menunjukkan kepada kita tentang rahmat Allah SWT dan kasih sayangnya kepada hamba-hambanya yang melakukan ibadah secara berjemaah, terutamanya solat Fardu (Ibn Hajar al-Asqalani, 1997).

PERMASALAHAN KAJIAN

Anjuran dan kelebihan solat berjemaah banyak disebut di dalam hadis-hadis yang sahih daripada Rasulullah SAW. Solat berjemaah tidak terhad kepada solat fardu sahaja. Solat berjemaah juga boleh dilakukan untuk solat sunat. Namun, permasalahan kajian ini memfokuskan berkenaan dengan solat fardu yang dilakukan secara berjemaah di surau. Jika direnung kembali sirah Nabawiyyah, perkara pertama sekali dan paling utama dilakukan oleh Rasulullah SAW ketika tiba di Quba' dan Madinah adalah membina masjid (Mubarakfuri, t.t). Perkara tersebut dilakukan bertujuan untuk menghidupkan syiar solat berjemaah dalam kalangan umat Islam dalam menunaikan solat fardu 5 waktu (Al-Syatibi, 1997).

Institusi agama bakal melahirkan ramai golongan cendekiawan Islam suatu hari kelak, yang akan membimbing masyarakat awam kepada agama Islam yang sebenar berdasarkan acuan Ahli Sunnah Wal Jamaah (ASWAJA). Maka, Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak merupakan institusi yang menawarkan pengajian Islam, yang pertama kali mendapat pengiktirafan daripada *Malaysian Qualifications Agencies* (MQA: Agensi Kelayakan Malaysia) di negeri Sarawak pada awal tahun 2019.

Penyelidik mendapati bahawa kekerapan para pelajar lelaki IKMAS hadir solat secara berjemaah di surau at-Taqwah IKMAS adalah kurang memuaskan. Hal ini demikian kerana penyelidik sendiri yang turun ke lapangan meninjau keadaan tersebut bagi kelima-lima solat fardu yang dilaksanakan secara berjemaah di surau at-Taqwah IKMAS.

Oleh itu, penyelidik merasakan bahawa menjadi suatu keperluan untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi para pelajar lelaki di IKMAS tidak hadir solat fardu berjemaah di surau. Bertitik tolak dari hal ini, penyelidik mendapati bahawa perlu dilakukan kajian terhadap permasalahan yang sedang dihadapi oleh para pelajar di institusi ini supaya graduan IKMAS dapat mempraktikkan amalan solat berjemaah di surau atau masjid serta menjadi suri tauladan kepada masyarakat.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini ialah:

1. Untuk mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi pelaksanaan amalan solat fardu lima (5) waktu berjemaah oleh pelajar lelaki di surau at-Taqwa, IKMAS.
2. Untuk mengenal pasti faktor-faktor yang tidak menggalakkan pelajar lelaki untuk solat berjemaah di surau at-Taqwa, IKMAS.
3. Untuk mengukur kekerapan pelajar lelaki solat fardu lima (5) waktu berjemaah di surau at-Taqwa, IKMAS.

TINJAUAN LITERATUR

Pelbagai kajian yang dijalankan oleh para penyelidik berkenaan dengan solat fardu. Namun, hasil tinjauan literatur mendapati kajian berkenaan dengan solat fardu berjemaah masih belum mendapat tempat kepada para penyelidik. Antara kajian yang hampir mempunyai kaitan dengan solat berjemaah adalah kajian ikhtilaf hukum solat fardu berjemaah menurut mazhab Syafi'e: satu sorotan kajian yang dijalankan oleh Hasna Bidin, Ahmad Syukran Baharuddin dan Mohd Ismail Mustari (2015). Kajian ini dijalankan untuk membincangkan tentang ikhtilaf solat berjemaah di dalam solat fardu menurut mazhab Syafi'e. Hasil kajian mendapati tuntutan solat berjemaah dalam solat fardu adalah merupakan kewajipan fardu kifayah ke atas umat Islam menurut pendapat terkuat di dalam mazhab Syafie.

Noor Syahidah Binti Mohamad Akhir, Nurazlina Binti Abdul Rashid dan Suhaida Binti Abu Bakar (2016) telah menjalankan satu kajian

yang bertajuk solat berjemaah: kajian terhadap tahap pengetahuan dan penghayatan mahasiswa UiTM Kedah. Kajian ini memfokuskan tahap pengetahuan dan penghayatan solat Jemaah terhadap mahasiswa UiTM Kedah. Sampel kajian melibatkan seramai 277 orang responden yang terdiri daripada pelajar di peringkat diploma dan ijazah sarjana muda. Hasil daripada kajian mendapatkan tahap pengetahuan pelajar terhadap solat berjemaah adalah sangat baik. Walau bagaimanapun, penghayatan pelajar terhadap solat berjemaah adalah pada tahap sederhana.

Hajah Napsiah Haji Humni, Haji Salehuddin Haji Sabar, Mahadi Haji Khalid dan Mohamed Razi Mohd. Suradi (2004) telah menjalankan suatu tinjauan terhadap tahap pelaksanaan ibadah solat fardu di kalangan guru pelatih Islam. Sampel kajian ini melibatkan seramai 80 orang guru pelatih kursus diploma Perguruan Malaysia semester 2. Dapatkan daripada kajian ini menunjukkan faktor beban kuliah dan pengaruh rakan sebagai faktor yang tidak menggalakkan pelaksanaan ibadah solat.

Terdapat juga kajian terhadap pelajar muslim di institusi pengajian tinggi yang dilihat seperti kajian yang dijalankan oleh penyelidik. Hasna Bin Bidin (2016) menjalankan kajian pelaksanaan solat dalam kalangan pelajar muslim di Kolej Komuniti Negeri Johor. Kajian ini memfokuskan kepada pelaksanaan solat dalam kalangan pelajar di Kolej Komuniti Negeri Johor. Sampel kajian terdiri daripada 419 orang responden daripada 1408 orang pelajar muslim di Kolej Komuniti Negeri Johor. Dapatkan kajian mendapatkan beberapa kesan yang tinggi terhadap akidah dan akhlak pelajar muslim di Kolej Komuniti Negeri Johor.

Menurut Mohamad Faisal Ashaari dan Firdaus Mokhtar (2018) di dalam kajian pandangan imam dan pentadbir masjid tentang kehadiran masyarakat ke masjid. Kajian ini menganalisis semua faktor tersebut secara kualitatif menerusi temu bual separa berstruktur bersama imam dan pentadbir masjid. Hasil kajian ini mendapatkan 8/10 informan bersetuju bahawa fenomena sedikit kehadiran sememangnya berlaku terutamanya di kawasan luar bandar dan juga mendapatkan bahawa semua faktor tersebut memberi kesan kepada kehadiran masyarakat Islam ke masjid.

Mohd Khusyairie Marzuki, Mohd Muhiben Abdul Rahman dan Affendi Ismail (2018) memfokuskan kepada kajian berkenaan dengan

sikap pelajar terhadap pengamalan solat fardu dan kesannya kepada pembentukan sahsiah: kajian di UiTM Kelantan, kampus Kota Bahru. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengkaji tahap kefahaman solat fardu serta hubungannya dengan sikap dan amalan berdasarkan jantina. Seterusnya, mengenal pasti faktor-faktor penyumbang kepada pembentukan sahsiah melalui amalan solat fardu. Sampel kajian melibatkan seramai 100 orang responden yang terdiri daripada para pelajar baru sepenuh masa di peringkat Ijazah Pertama di UiTM Kelantan kampus Kota Bahru. Hasil daripada dapatan ini menunjukkan bahawa responden mempunyai kefahaman yang baik tentang kewajipan solat fardu yang memuaskan dengan skor min 4.75, walaupun sikap pelajar dalam melaksanakan solat fardu masih kurang memuaskan.

METODOLOGI KAJIAN

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan pendekatan kuantitatif berbentuk tinjauan dan soal selidik. Reka bentuk kajian tinjauan merupakan langkah-langkah dalam kajian kuantitatif (Creswell, 2008). Penyelidik melakukan kajian ke atas sampel dan populasi. Dalam kajian ini, penyelidik ingin mendapatkan maklumat tentang pelaksanaan amalan solat fardu berjemaah terhadap para pelajar lelaki Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (IKMAS).

Lokasi, Populasi dan Sampel Kajian

Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (IKMAS) telah dipilih sebagai lokasi kajian. Institusi ini terletak di Telaga Air, Kuching, Sarawak. IKMAS merupakan sebuah institusi yang menawarkan bidang pengajian islam dan kemahiran vokasional kepada para pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) khususnya masyarakat negeri Sarawak.

Seramai 59 orang pelajar lelaki IKMAS daripada 224 jumlah populasi pelajar telah dipilih dalam kajian ini. Pelajar yang terlibat adalah semester dua dan empat bagi Diploma Dakwah Islamiyyah juga pelajar semester dua, empat dan enam bagi Diploma Tahfiz al-Quran wa al-

Qiraat. Hanya pelajar lelaki sahaja yang terlibat di dalam kajian ini kerana penyelidik merasakan bahawa tiada sebarang keuzuran syar'ie yang dialami oleh pelajar lelaki seperti yang dialami oleh pelajar perempuan.

Instrumen Kajian

Instrumen ialah alat untuk mengumpul data bagi menjawab persoalan penyelidikan. Penyelidik telah memilih soal selidik sebagai instrumen kajian dengan merujuk kajian Hajah Napisah Haji Humni et. al (2004) iaitu Perlaksanaan Ibadah Solat Fardhu Di Kalangan Guru Pelatih Islam Maktab Perguruan Batu Lintang. Melalui kajian lepas ini, penyelidik mengubah suai (adapting) soal selidik dengan berpandukan kepada objektif kajian.

Soal selidik ini terbahagi kepada dua (2) bahagian. Pertama; Demografi Responden iaitu jantina, umur, kursus, semester dan seksyen. Kedua; faktor-faktor pelaksanaan solat fardu. Item-item di bahagian kedua meliputi (i) faktor yang mempengaruhi pelaksanaan amalan solat fardu lima waktu berjemaah di surau at-Taqwa, (ii) faktor yang tidak menggalakkan pelaksanaan amalan solat fardu lima waktu berjemaah di surau at-Taqwa dan (iii) kekerapan pelajar solat fardu berjemaah di surau.

Kaedah Pungutan dan Penganalisisan Data

Data dipungut menggunakan kaedah pengedaran borang soal selidik secara maya iaitu aplikasi '*Google Form*' sebagai instrumen kajian. Instrumen ini hanya memerlukan gajet dan data internet untuk mengisi soal selidik tersebut. Kaedah ini lebih mudah ditadbir oleh penyelidik dan data yang diperolehi senang dianalisis. Soal selidik ini dianalisis secara deskriptif iaitu mencari nilai kekerapan dan peratusan menggunakan *Microsoft Excel*.

DAPATAN KAJIAN

Demografi Responden

Demografi responden dalam kajian ini merujuk kepada latar belakang responden iaitu jantina, umur, kursus, semester dan seksyen. Seramai 59 orang pelajar telah menjawab soal selidik ini. Demografi responden seperti yang ditunjukkan di dalam jadual 1.

Jadual 1: Demografi responden (N = 59)

Latar Belakang Responden		Kekerapan	Peratusan
Jantina	Lelaki	59	100%
Umur	18 tahun	3	5.1%
	19 tahun	20	33.9%
	20 tahun	28	47.5%
	21 tahun	5	8.5%
	22 tahun	3	5.1%
	23 tahun	0	0%
Kursus	Diploma Dakwah Islamiyyah	46	78%
	Diploma Tahfiz al-Quran wa al-Qiraat	13	22%
Semester	2	27	45.8%
	4	27	45.8%
	6	5	8.5%

Data di dalam jadual 1 menunjukkan seramai 59 orang responden lelaki terlibat dalam kajian ini. Ini kerana tiada sebarang keuzuran syar'ie yang dialami oleh pelajar lelaki seperti yang dialami oleh pelajar perempuan. Seramai 28 orang yang berumur 20 (47.5%), 33.9% yang berumur 19 tahun, diikuti dengan 8.5% berusia 21 tahun serta 18 dan 22 tahun masing-masing 5.1%.

Peratusan pelajar Diploma Dakwah Islamiyyah lebih tinggi iaitu 78% (46 orang responden) berbanding pelajar Diploma Tahfiz al-Quran wal Qiraat sebanyak 22% bersamaan dengan 13 orang responden. Semester

dua dan empat, 45.8% dengan jumlah kekerapan yang sama iaitu 27 orang pelajar. Diikuti dengan 8.5% daripada pelajar semester enam sebanyak lima orang sahaja.

Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pelaksanaan Solat Fardu Lima (5) Waktu Berjemaah

Jadual 2 menunjukkan hasil analisis deskriptif taburan peratusan setiap item tentang faktor yang mempengaruhi pelaksanaan solat fardu berjemaah.

Jadual 2: Faktor-faktor yang mempengaruhi pelaksanaan solat fardu lima (5) waktu berjemaah (N = 59)

Item	Kekerapan	Peratusan
Jarak	16	27.1%
Kemudahan surau	17	28.8%
Pengaruh rakan	27	45.8%
Program / Aktiviti surau	22	37.3%
Amalan dalam keluarga	17	28.8%
Amalan di tempat tinggal	6	10.2%
Bacaan imam	19	32.2%
Menyeronokkan	7	11.9%
Tahu tentang kelebihan solat berjemaah	20	33.9%
Peraturan institusi	8	13.6%

Dalam kajian ini, item yang memperolehi nilai kekerapan tertinggi adalah pengaruh rakan, iaitu sebanyak 27 orang responden (45.8%). Diikuti dengan nilai kekerapan kedua tertinggi selepas pengaruh rakan adalah program/aktiviti surau, iaitu sebanyak 22 orang responden bersamaan dengan 37.3%. Bacaan imam menduduki kedudukan yang ketiga, dengan nilai kekerapan sebanyak 19 orang responden (32.2%). Penyelidik mengenal pasti bahawa terdapat dua item yang mempunyai nilai kekerapan yang sama, iaitu kemudahan surau dan amalan dalam keluarga dengan nilai kekerapan 17 orang responden yang bersamaan dengan 28.8%. Seterusnya, sebanyak 16 orang responden (27.1%) yang menjadikan jarak sebagai faktor yang mempengaruhi pelaksanaan solat fardu lima waktu

berjemaah. Terdapat 13.6% (8 orang responden) pelajar yang terpengaruh untuk melaksanakan solat fardu lima waktu berjemaah disebabkan oleh faktor peraturan institusi. Dapatan hasil kajian di dalam jadual 2 menunjukkan 7 orang responden (11.9%) yang menjadikan pelaksanaan solat fardu 5 waktu berjemaah sebagai perkara yang menyeronokkan. Item yang menduduki tempat terendah sekali adalah amalan di tempat tinggal, iaitu sebanyak 6 orang responden (10.2%).

Faktor-Faktor Yang Tidak Menggalakkan Pelajar Lelaki Untuk Solat Fardu Berjemaah

Peratusan menunjukkan bebanan tugas kuliah merupakan faktor tertinggi yang tidak menggalakkan pelajar lelaki untuk solat fardu berjemaah, iaitu sebanyak 31 orang responden (52.5%). Seterusnya, di dalam jadual 3, penyelidik mendapati terdapat dua item yang sama nilai kekerapan yang menjadi faktor terendah yang tidak menggalakkan pelajar lelaki untuk solat fardu berjemaah, iaitu keceriaan surau dan malu bergaul, sebanyak 2 orang responden (3.4%).

Jadual 3: Faktor-faktor yang tidak menggalakkan pelajar lelaki untuk solat fardu 5 waktu berjemaah (N = 59)

Item	Kekerapan	Peratusan
Bebanan tugas kuliah	31	52.5%
Pengaruh rakan	14	23.7%
Media sosial	19	32.2%
Keceriaan surau	2	3.4%
Malu bergaul	2	3.4%
Program / Aktiviti di surau	3	5.1
Aktiviti subjek	8	13.6%
Malas	28	47.5%
Masalah peribadi	19	32.2%
Tidak mahu terkongkong oleh peraturan institusi	14	23.7%

Maklumat di dalam jadual 3 menunjukkan bahawa bebanan tugas kuliah merupakan faktor yang paling tinggi yang tidak menggalakkan

pelajar lelaki untuk solat fardu 5 waktu berjemaah, iaitu sebanyak 31 orang responden (52.5%). Diikuti dengan sikap malas sebanyak 28 orang responden (47.5%). Penyelidik mendapat terdapat dua item yang sama nilai peratusannya, iaitu item media sosial dan masalah peribadi sebanyak 32.2% (19 orang responden). Sebanyak 14 orang responden (23.7%) yang menyatakan bahawa faktor yang tidak menggalakkan mereka solat fardu 5 waktu berjemaah di surau adalah disebabkan oleh pengaruh rakan di samping tidak mahu terkongkong oleh peraturan institusi. Hasil analisis data menunjukkan sebanyak 13.6% (8 orang responden) menjadikan aktiviti subjek sebagai faktor yang tidak menggalakkan mereka solat fardu 5 waktu berjemaah di surau. Hanya 3 orang responden (5.1%) sahaja yang menjadikan program / aktiviti di surau sebagai faktor yang tidak menggalakkan pelajar lelaki tidak hadir solat fardu 5 waktu di surau. Nilai peratusan yang paling rendah di dalam analisis data berkenaan dengan faktor yang tidak menggalakkan pelajar lelaki untuk solat fardu 5 waktu berjemaah di surau adalah keceriaan surau dan malu bergaul, iaitu sebanyak 3.4% (2 orang responden).

Kekerapan Pelajar Lelaki Untuk Solat Berjemaah

Dapatan deskriptif yang melibatkan kekerapan dan peratusan dijalankan untuk mengkaji kekerapan pelajar lelaki untuk solat berjemaah di surau. Jadual 4 menunjukkan hasil dapatan deskriptif taburan kekerapan dan peratusan yang diperoleh daripada soal selidik.

Jadual 4: Kekerapan pelajar lelaki untuk solat berjemaah (N = 59)

Item	Kekerapan	Peratusan
Tidak pernah	1	1.7%
1 – 2 kali sehari	16	27.1%
3 – 4 kali sehari	35	59.3%
5 kali sehari	7	11.9%

Hasil dapatan kajian seperti yang ditunjukkan di dalam jadual 4 mendapat sebanyak 35 orang responden (59.3%) yang kerap hadir ke surau untuk solat fardu 5 waktu berjemaah. Diikuti dengan 27.1% bersamaan dengan 16 orang responden yang hadir untuk solat berjemaah di surau. Seterusnya, pelajar yang hadir ke solat berjemaah di surau adalah

sebanyak 7 orang responden (11.9%). Hanya seorang sahaja responden yang sememangnya tidak pernah datang solat fardu 5 waktu berjemaah di surau.

PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN

Perbincangan

Berdasarkan analisis data deskriptif yang diperoleh daripada kajian ini, penyelidik mendapati faktor yang mempengaruhi pelaksanaan amalan solat fardu 5 waktu berjemaah dalam kalangan pelajar lelaki di surau adalah pengaruh rakan. Dapatkan kajian ini disokong oleh kajian yang dilakukan oleh Saimi Bin Bujang, Mohd Syahiran Abdul Latif, Sharifah Anom Omar, Yussri Sawani dan Azlin Abdillah (2016) yang bertajuk pengaruh keluarga dan rakan sebaya terhadap solat fardu dan program pengimaranan masjid. Hasil dapatan tersebut menyatakan bahawa secara positifnya, faktor keluarga dan rakan sebaya sememangnya mempengaruhi kehadiran ke masjid.

Implikasi

Masyarakat Islam sudah sedia maklum akan kelebihan solat berjemaah seperti yang diriwayatkan di dalam hadis saihih, riwayat Abdullah Bin Umar R.A, bahawa Rasulullah SAW bersabda:

صَلَاةُ الْجَمَاعَةِ تَفْضُلُ صَلَاةِ الْفَدِّ بِسَبْعٍ وَعِشْرِينَ دَرَجَةً

Maksudnya: *Solat berjemaah itu lebih afdhal daripada solat secara bersendirian, dengan dua puluh tujuh kali darjah.*

[HR Bukhari, No.1509]

Di dalam riwayat lain menyatakan:

صَلَاةُ الْجَمَاعَةِ أَفْضَلُ مِنْ صَلَاةِ أَحَدِكُمْ وَخَدْهُ بِخَمْسَةٍ وَعِشْرِينَ جُزْءًا

Maksudnya: *Solat secara berjemaah lebih baik daripada solat kalian yang secara bersendirian sebanyak 25 bahagian.*

[HR Muslim, No.1504]

Perbincangan antara 25 atau 27 bahagian adalah berdasarkan keadaan solat dan orang yang menunaikannya. Ada yang dapat 25 darjat dan ada yang dapat 27 berdasarkan kesempurnaan solatnya dan sejauh mana dia menjaga solat secara berjemaah (al-Nawawi, 2007). Penyelidik berpendapat bahawa implikasi solat berjemaah kepada masyarakat adalah untuk mengembalikan *izzah* (kemuliaan) agama Islam pada zaman fitnah ini. Umat Islam masa kini lebih cenderung untuk melaksanakan tuntutan hidup yang bersifat duniawi semata-mata, bagi memenuhi kehendak hidup seperti berkerjaya, berkeluarga dan bermasyarakat. Mereka terleka daripada memenuhi tuntutan rohani yang memerlukan Allah SWT, seperti melaksanakan ibadah wajib seperti solat fardu di samping menambah amalan-amalan nawafil (sunat) yang dapat mendekatkan diri kepada Allah SWT (Hasna Bidin, Ahmad Syukran Baharuddin, Mohd Ismail Mustari, 2015). Oleh itu, untuk keluar daripada daerah kelalaian daripada mengingati Allah SWT ini, umat Islam mesti berusaha untuk solat berjemaah di samping saling ingat mengingati antara satu sama lain untuk turut serta solat berjemaah (Mohd Subki, 2011).

Kesan solat berjemaah dapat mendisiplinkan masyarakat untuk patuh kepada ketua, sama ada pemerintah atau lain-lain. Hal ini kerana, Rasulullah SAW telah memberi isyarat melalui hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah RA, bahawa Rasulullah SAW bersabda:

إِذَا سَمِعْتُمُ الْإِقَامَةَ، فَامْشُوا إِلَى الصَّلَاةِ وَعَلَيْكُمْ بِالسَّكِينَةِ وَالْوَقَارِ، وَلَا تُشْرِعُوا،
فَمَا أَدْرَكْتُمْ فَصَلَوْا، وَمَا فَاتَكُمْ فَأَتُّهُوا

Maksudnya: *Jika kamu mendengar iqamah, maka bersegeralah untuk menunaikan solat, dan hendaklah kamu pergi menunaikan solat dalam keadaan yang tenang, dan janganlah tergesa-gesa. Apa yang kamu sempat dengan imam, maka tunaikanlah solat tersebut bersama imam, apa yang kamu tidak sempat dengan imam, maka sempurnakanlah.*

[HR Bukhari, No.636]

Hadis ini menjadi dalil bahwa sunat untuk masuk solat mengikuti imam dalam apa jua keadaan imam ketika itu (Ibn Hajar al-Asqalani, 1997). Di dalam kehidupan seharian, kita haruslah mengikuti segala perkara yang membawa kebaikan kepada masyarakat yang telah ditetapkan

oleh pemerintah. Maka, kita wajib taat dan patuh kepada pemerintah, selagi mana ia tidak membawa kepada perkara yang *maksiat* (dosa) dan membahayakan nyawa masyarakat awam. Solat berjemaah dapat melatih setiap individu muslim agar sentiasa mematuhi peraturan-peraturan hidup serta cintakan ketaatan dalam perkara kebaikan dan *ma'ruf* sehingga memperolehi kesejahteraan hidup di dunia dan akhirat (Mohd Salleh, 2003).

Masyarakat juga akan bersatu-padu jika amalan solat berjemaah diamalkan di sesebuah komuniti masyarakat. Hal ini demikian kerana, solat berjemaah akan membawa kesejahteraan dan keamanan sesebuah desa atau masyarakat kerana solat berjemaah itu adalah sumber kekuatan dan simbol penyatuan umat Islam (Hasna Bidin, Ahmad Syukran Baharuddin dan Mohd Ismail Mustari, 2015).

Cadangan

Kajian ini terbatas kepada beberapa perkara iaitu responden hanya terdiri daripada pelajar-pelajar lelaki di Institut Kemahiran Islam Malaysia (IKMAS) yang diwajibkan untuk menjawab soalan soal selidik yang disediakan oleh penyelidik. Berkemungkinan kajian ini tidak bersifat umum kepada seluruh institusi-institusi pengajian tinggi di seluruh negara. Namun, kajian ini mampu menjadi rujukan kepada organisasi atau para penyelidik yang memerlukan maklumat berkenaan dengan solat berjemaah.

Keperluan solat berjemaah amat penting bagi para pelajar bidang agama khususnya, dan para pelajar bukan bidang agama amnya. Penekanan keperluan solat berjemaah kepada pelajar bidang agama adalah supaya tidak menjadi fitnah yang memalukan dan tanggapan yang negatif kepada masyarakat awam suatu hari kelak. Hal ini kerana, graduan bidang agama akan menjadi rujukan masyarakat dan tempat orang awam bertanya mengenai soalan-soalan yang sering menjadi keraguan di dalam diri masyarakat awam.

Di akhir soal selidik, penyelidik menyediakan arahan khas kepada responden, iaitu cadangan untuk menggalakkan pelajar lelaki untuk solat berjemaah di surau. Cadangan yang dilihat paling baik adalah

menganjurkan program-program yang lebih menarik seperti tayangan video dakwah, majlis maulid dan sebagainya perlu diadakan untuk menarik minat para pelajar untuk solat berjemaah di surau. Terdapat juga cadangan yang menyatakan bahawa pihak masjid atau surau di sesebuah institusi disarankan agar menyediakan minum malam kepada para pelajar lelaki yang hadir untuk mendengar kuliah dan solat berjemaah di surau. Hal ini akan menggalakkan para pelajar lelaki untuk hadir solat berjemaah di surau.

Penyelidik mencadangkan agar kajian yang terbaik yang boleh dilakukan pada masa hadapan adalah solat berjemaah menurut empat mazhab. Penyelidik merasakan cadangan ini sangat baik kerana ia akan membuka daya pemikiran para penyelidik untuk memberi tarjihan yang lebih kuat berkenaan dengan pendapat berkenaan dengan solat berjemaah.

RUMUSAN

Hasil dapatan kajian mendapati faktor utama yang menggalakkan pelaksanaan amalan solat fardu 5 waktu berjemaah dalam kalangan pelajar lelaki di surau at-Taqwa, IKMAS adalah pengaruh rakan dengan 45.8%. Seterusnya, faktor utama yang tidak menggalakkan pelaksanaan amalan solat fardu 5 waktu berjemaah dalam kalangan pelajar lelaki di surau at-Taqwa, IKMAS adalah bebanan tugas kuliah dengan 52.5%.

Oleh itu, menjadi suatu keperluan untuk memupuk para pelajar lelaki khususnya untuk mencintai solat fardu 5 waktu berjemaah di surau, supaya amalan tersebut menjadi kebiasaan apabila graduan tamat daripada pengajian di institusi pengajian tinggi. Penyelidik menyarankan agar pihak yang berautoriti seperti Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (JHEPA) dan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak, agar mengambil tindakan dengan memberi galakan kepada para pelajar untuk solat fardu 5 waktu berjemaah di surau at-Taqwa, IKMAS.

RUJUKAN

Al-Quran Al-Karim

‘Asqalani, Imam Ibn Hajar. (1997). *Fathul Bari, penjelasan kitab Sahih Bukhari* (terj). C.1. Jakarta: Pustaka Azzam.

Anisah Ab. Ghani. (2001). *Konsep dan Pengamalan Solat*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publisher.

Al-Nawawi. (2007). *Al-Majmu’ Syarh Al-Muhazzab*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

Al-Syatibi, M. (1997). *Al-Muwaffaqat*. Mesir, Dar Ibn ‘Affan.

Creswell, John W. (2008). *Educational research, planning, conducting, and evaluating quantitative and qualitative research*. New Jersey USA: Pearson Education INC.

Hajah Napisah Haji Humni, Haji Salehuddin Haji Sabar, Mahadi Haji Khalid & Mohamed Razi Mohd. Suradi. (2004). Perlaksanaan ibadah solat fardhu di kalangan guru pelatih Islam Maktab Perguruan Batu Lintang. *Jurnal Penyelidikan MPBL* 5. Diambil daripada <http://www.ipbl.edu.my/portal/penyelidikan/jurnalpapers/Jurnal2004/ustazah2004.pdf>.

Hasna Bidin, Mohd Ismail Masturi & Ahmad Syukran Baharuddin. (2015). Ikhtilaf hukum solat fardu berjemaah menurut mazhab Syafie: satu sorotan kajian Umran. *International Journal of Islamic and Civilization Studies*.

Hasna Bidin. (2016). Pelaksanaan solat dalam kalangan pelajar muslim di kolej komuniti negeri Johor (*Masters thesis*). *Universiti Teknologi Malaysia Institutional Repository*.

Ibn Manzur. (1994). *Lisan Al- ‘Arab*. Beirut. Dar Al-Sadr.

Ibn Qudamah, A. M. (1968). *Al-Mughni*. Cairo: Maktabah Al-Qahirah.

Mohd Khusyairie Marzuki, Mohd Muhiben Abdul Rahman & Affendi Ismail. (2018). Sikap pelajar terhadap pengamalan solat fardu dan kesannya kepada pembentukan sahsiah: kajian di UiTM Kelantan kampus Kota Bharu. *Al-Basirah*. Diambil daripada <https://ejournal.um.edu.my/index.php/ALBASIRAH>

- Mohd Subki, A. (2003). *Solat jamaah: satu penjelasan hukum menurut mazhab.*
- Mohd Subki, A.R. (2011). *Solat berjemaah asas kekuatan peribadi masyarakat.*
- Mubarakfuri. (t.t). *Ar-Raheeq Al-Makhtum*. Beirut. Dar Al-Hilal.
- Mughirah Bin Al-Bardzbah. (2001). *Sahih Al-Bukhari*. Jil. 1. Kaherah, Dar Al-Manar.
- Muslim. (1981). *Sahih Muslim bi al-Sharh al-Nawawi*. Cairo: Al-Maktba'ah Al-Masriyyah Wa Maktabuha.
- Noor Syahidah binti Mohamad Akhir, Nurazlina Binti Abdul Rashid & Suhaida Binti Abu Bakar. (2016). Solat berjemaah: kajian terhadap pengetahuan dan penghayatan mahasiswa UiTM Kedah. *Voice of Academia, Academic Series of Universiti Teknologi MARA Kedah*.
- Rozmi Ismail. (2017). *Metodologi penyelidikan teori pratis*. Bangi, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Saimi bin Bujang, Mohd Syahiran Abdul Latif, Sharifah Anom Omar, Yussri SAWani & Azlin Abdillah. (2016). Pengaruh keluarga dan rakan sebaya terhadap solat fardu dan program pengimaranah masjid. *Pusat Penyelidikan & Pembangunan Islam Borneo, Universiti Teknologi MARA cawangan Sarawak*.

PENGETAHUAN DAN PEMAHAMAN MENGENAI ASAS ILMU HADIS: SATU TINJAUAN TERHADAP PELAJAR IKMAS

Oleh:

Noor Hanisah binti Abdul Halim, Ainul Nadzifah binti Mohd Ali & Hamzani bin Ismail

ABSTRAK:

Hadis merupakan sumber perundangan kedua selepas al-Quran sebagai petunjuk dan rujukan dalam agama Islam. Pengajian ulum hadis adalah antara salah satu subjek yang ditawarkan dalam kursus pengajian Islam di kebanyakan institusi pengajian tinggi. Kajian ini memfokuskan kepada penguasaan pelajar IKMAS mengenai asas ilmu hadis. Objektif kajian ini ialah untuk mengukur pengetahuan dan pemahaman asas ilmu hadis para pelajar. Kajian ini memberi tumpuan kepada pelajar-pelajar Diploma Dakwah Islamiyyah yang terdiri daripada 56 orang pelajar semester dua (2) dan 69 orang pelajar semester empat (4). Seramai 125 orang pelajar terpilih menjadi responden. Penyelidik memilih menggunakan pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk tinjauan dan soal selidik. Data dianalisis secara deskriptif iaitu mencari nilai kekerapan dan peratusan. Hasil kajian mendapati para pelajar Diploma Dakwah Islamiyyah mempunyai penguasaan, pemahaman dan pengetahuan yang baik berkenaan dengan asas ilmu hadis.

KATA KUNCI: Asas ilmu hadis, Pengetahuan, Pemahaman.

PENDAHULUAN

Hadis merupakan sumber perundangan kedua selepas al-Quran di samping ia sangat penting sebagai petunjuk di dalam agama Islam. Hal ini kerana, setiap apa yang disampaikan oleh Rasulullah SAW (hadis) berperanan untuk menjelaskan isi kandungan al-Quran melalui kaedah penghuraian, memperincikan perkara yang umum dan menguatkan atau menyokong ayat al-Quran (Mohd. Muhiben Abd.Rahman, 1996).

Rosmawati Ali@Mat Zin (2020) menyatakan bahawa kehujahan hadis menurut al-Quran adalah berdasarkan ayat dalam surah an-Nisa':

مَنْ يُطِعِ الرَّسُولَ فَقَدْ أَطَاعَ اللَّهَ

Maksudnya: “*Barangsiapa yang taat kepada Rasul, maka sesungguhnya ia telah taat kepada Allah*”

[Surah An-Nisa' (4):80]

Abu Syuhbah (1983) mentakrifkan hadis adalah segala apa yang disandarkan kepada Rasulullah SAW sama ada perbuatan, perkataan, sifat dan taqrir Baginda SAW. Beliau juga menyatakan amat penting mengetahui status sesbuah hadis. Hal ini demikian kerana Rasulullah SAW bersabda di dalam hadis mutawattir (diriwayatkan oleh sejumlah perawi yang ramai bilangannya) bahawa:

مَنْ كَذَبَ عَلَيَّ مُتَعَمِّدًا، فَلَيَتَبَوَّأْ مَقْعَدَهُ مِنَ النَّارِ

Maksudnya: “*Barangsiapa yang berdusta atas namaku dengan sengaja, maka persiapkanlah dirinya untuk ditempatkan di dalam neraka.*”

[HR Bukhari, No.108]

Hadis di atas merupakan isyarat Rasulullah SAW yang berupa ancaman kepada orang yang sudah tahu bahawa sesuatu hadis itu palsu tetapi tetap mahu menyebarkan dan mengetepikan kebenaran. Maka, mereka inilah yang digelar oleh Rasulullah SAW sebagai pendusta (Syihabuddin Ahmad, 2016). Hadis ini tidak hanya untuk mereka yang sengaja berdusta atas nama Rasulullah SAW bahkan kepada sesiapa yang menyandarkan sesuatu ke atas Baginda SAW walaupun mereka tidak tahu mengenai kesahihannya (Ibn Hibban, 1993).

PERNYATAAN MASALAH

Hadis merupakan sumber rujukan utama selepas al-Quran. Ilmu hadis bermaksud kaedah-kaedah yang diguna untuk mengenal pasti dan menilai kedudukan perawi (sanad) dan lafaz (matan) hadis (Rosmawati, 2020). Al-‘Awfi (1997) menyatakan ilmu hadis adalah suatu bidang ilmu yang sukar dikuasai. Bukanlah suatu perkara yang mudah untuk difahami dan terdapat segelintir sahaja yang mampu menguasainya dengan baik.

Pengajian ulum hadis adalah antara salah satu subjek yang ditawarkan dalam kursus pengajian Islam di kebanyakan institusi pengajian tinggi awam dan swasta. Shumsudin Yabi et al. (2019) berpendapat kursus Ulum Hadith adalah sangat penting kerana ia membantu untuk mengenal pasti kesahihan atau kedhaifan sesuatu hadith. Namun, setakat ini masih belum wujud sebarang kajian berkenaan dengan tahap pemahaman atau pengetahuan ilmu hadis atau asas ilmu hadis dalam kalangan pelajar di institut pengajian tinggi awam dan swasta (IPTS).

Justeru itu, penyelidik merasakan suatu keperluan untuk menjalankan kajian terhadap para pelajar Diploma Dakwah Islamiyyah (DDI) Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (IKMAS) tentang ilmu hadis. Kajian ini memfokuskan kepada asas ilmu hadis seperti jenis-jenis hadis, ciri-ciri hadis, dan konsep hadis. Penyelidik ingin mengetahui penguasaan, pengetahuan dan pemahaman para pelajar IKMAS mengenai asas ilmu hadis. Hal ini kerana sebagai bakal graduan pengajian Islam, subjek hadis adalah salah satu asas ilmu Islam yang perlu dikuasai dengan baik agar masyarakat mendapat ilmu yang jelas dan benar.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini secara umumnya bertujuan untuk mengukur penguasaan pelajar terhadap asas ilmu hadis. Secara khususnya, objektif kajian ini adalah untuk:

- i. Mengkaji pengetahuan pelajar Diploma Dakwah Islamiyyah mengenai asas ilmu hadis.
- ii. Mengenal pasti pemahaman pelajar Diploma Dakwah Islamiyyah mengenai asas ilmu hadis.

SOROTAN LITERATUR

Terdapat puluhan kertas kerja dan jurnal kajian serta jurnal artikel berkenaan dengan pengajian ulum hadis. Hasil tinjauan literatur yang dijalankan, kajian berkenaan dengan ilmu hadis merupakan kajian yang popular dan mendapat tempat dalam kalangan penyelidik. Pelbagai tajuk kajian dan artikel yang menarik menjadi perbincangan dalam kalangan penyelidik.

Antara kajian yang mempunyai kaitan dengan kajian ini adalah kajian mengenai persepsi pelajar terhadap kaedah pengajaran dan pembelajaran kursus ulum hadith di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) yang dijalankan oleh Shumsudin Yabi et al. (2019). Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengkaji persepsi pelajar terhadap kaedah pengajaran dan pembelajaran ulum hadith di USIM, UKM dan UIAM. Para penyelidik menggunakan kaedah kuantitatif, iaitu suatu kajian lapangan dengan menggunakan borang kaji selidik untuk mengenal pasti persepsi pelajar terhadap kaedah pengajaran yang digunakan oleh pensyarah dan penerimaan para pelajar terhadap kursus ulum hadith. Sampel bagi kajian ini melibatkan seramai 310 orang responden yang terdiri daripada para pelajar dari USIM, UKM dan UIAM yang dipilih secara rawak dan mengambil kursus ulum hadith sebagai subjek semester. Hasil kajian mendapatpersepsi pelajar terhadap pengajaran dan pembelajaran kursus ulum hadith mencapai tahap skor min yang tinggi.

Satu kajian mengenai analisis pendekatan pengajaran ilmu hadis di institut pengajian tinggi telah dijalankan oleh Wahyu Hidayat et al. (2020). Institusi pengajian tinggi sekitar negeri Perak telah dipilih sebagai lokasi kajian. Seramai 85 orang responden dari dua (2) buah universiti telah dipilih iaitu Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan Universiti Sultan Azlan Shah (USAS). Dapatan daripada kajian ini menunjukkan hampir kesemua silibus yang digunakan bagi mata pelajaran ilmu hadis dengan nilai min keseluruhan iaitu 4.63 dengan nilai sp=0.50.

Menurut kajian yang dijalankan oleh Shumsudin Yabi et al. (2017) yang bertajuk Kursus Ulum Hadith di Institusi Pengajian Tinggi Awam: Tinjauan Literasi Terhadap Pendekatan Pengajaran Masa Kini, para pensyarah haruslah memainkan peranan sebagai mu'allim dengan menghasilkan pembelajaran yang bermakna menggunakan pendekatan elektrik iaitu dengan menggabungkan semua atau sebahagian daripada ciri-ciri sesuatu kaedah ke dalam kaedah yang baru. Seperti menggunakan rambar rajah dalam pembelajaran serta menguasai empat (4) kemahiran pedagogi Rasulullah SAW sekaligus melaksanakan pembelajaran yang aktif dan interaktif. Di samping itu, ahli akademik juga harus mempunyai pengetahuan yang baik berkenaan dengan pengajaran hadis serta terlibat dengan pengajaran hadith secara aktif (Amran Abdul Halim et al., 2017).

Hasil kajian Ahmad Yunus dan Qutrennada Rosli (2017) mendapati perkembangan pengajaran dan pembelajaran hadith di Malaysia semakin meningkat serta mendapat perhatian masyarakat setempat. Hal ini membuktikan masyarakat mula menunjukkan minat terhadap ilmu hadith.

METODOLOGI KAJIAN

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan pendekatan kuantitatif berbentuk tinjauan dan soal selidik. Reka bentuk kajian tinjauan merupakan langkah-langkah dalam kajian kuantitatif (Creswell, 2008). Dalam kajian ini, penyelidik ingin mendapatkan maklumat berkenaan penguasaan atas ilmu hadis iaitu pengetahuan dan pemahaman pelajar Diploma Dakwah Islamiyyah.

Lokasi, Populasi dan Sampel Kajian

Penyelidik memilih Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (IKMAS) sebagai lokasi kajian. Ini kerana penyelidik merupakan seorang pelajar yang menuntut di institusi ini. Institusi Pengajian Tinggi ini terletak di kampung Telaga Air, Kuching, Sarawak. IKMAS merupakan sebuah institusi pengajian tinggi yang menawarkan program Diploma Dakwah Islamiyyah (DDI) dan Diploma Tahfiz Wa al-Qiraat (DTQ). Institusi ini menawarkan bidang pengajian Islam di samping menawarkan kemahiran vokasional kepada para pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) khususnya anak-anak muda di negeri Sarawak.

Dalam konteks kajian ini, pemilihan sampel kajian diambil daripada populasi kajian yang terdiri daripada pelajar Diploma Dakwah Islamiyyah. Seramai 140 orang responden telah terlibat dalam kajian ini iaitu pelajar semester dua (2) dan empat (4).

Instrumen Kajian

Penyelidik menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian. Hal ini kerana data maklumat responden dapat diperoleh secara jelas. Soal

selidik ini terbahagi kepada enam (6) bahagian iaitu demografi responden, jenis-jenis hadis, ciri-ciri hadis, takrif sanad dan matan, perbezaan al-Quran dan hadis serta kitab sunan sittah. Soal selidik ini disediakan bersesuaian dengan objektif kajian.

Kaedah Pungutan dan Analisis Data

Data dipungut menggunakan kaedah pengedaran borang soal selidik secara maya iaitu aplikasi *google form*. Kaedah ini lebih mudah ditadbir oleh penyelidik dan data dianalisis secara deskriptif iaitu mencari nilai kekerapan dan peratusan menggunakan *Microsoft excel*.

DAPATAN KAJIAN

Demografi Responden

Demografi responden dalam kajian ini merujuk kepada latar belakang responden iaitu jantina, umur, semester dan seksyen. Seramai 125 orang responden telah mengambil bahagian untuk menjawab soal selidik ini. Demografi responden adalah seperti yang ditunjukkan di dalam jadual 1.

Jadual 1: Demografi responden (N=125)

	Latar Belakang	Responden	Kekerapan	Peratusan %
Jantina	Lelaki		48	38.4
	Perempuan		77	61.6
Umur	18 Tahun		4	3.2
	19 Tahun		43	34.7
Semester	20 Tahun		71	57.3
	21 Tahun		4	3.2
Seksyen	22 Tahun		2	1.6
	2		56	44.8
Seksyen	4		69	55.2
	1		50	40
	2		51	40.8
	3		24	19.2

Data menunjukkan seramai 125 orang responden yang terdiri daripada pelajar lelaki dan pelajar perempuan yang mengikuti program Diploma Dakwah Islamiyyah di IKMAS. Seramai 71 orang yang berumur 20 tahun iaitu 57.3%, 34.7% (43 orang) berumur 19 tahun, 3.2% (4 orang) pelajar yang masing-masing berumur 18 tahun dan 21 tahun dan terdapat dua orang (1.6%) pelajar yang berumur 22 tahun.

Peratusan pelajar perempuan lebih tinggi, iaitu sebanyak 61.6% (77 orang responden) berbanding pelajar lelaki sebanyak 38.4% bersamaan 48 orang responden. Di samping itu, jumlah pelajar semester 4 lebih tinggi iaitu 69 orang responden bersamaan 55.2%, berbanding pelajar semester 2 sebanyak 56 orang responden (44.8%). Hal ini demikian kerana bilangan kelas semester 4 lebih banyak iaitu 3 kelas (seksyen 1, 2 dan 3), manakala semester 2 hanya mempunyai 2 kelas (seksyen 1 dan 2) sahaja. Sebanyak 50 orang responden daripada seksyen 1 (semester 2: 28 orang dan semester 4: 23 orang) dengan peratusan 40%. Seksyen 2 pula menunjukkan jumlah sebanyak 51 orang responden 40.8% (semester 2: 28 orang dan semester 4: 22 orang). Peratusan di dalam seksyen 3 adalah 19.2% bersamaan 24 orang responden sahaja (semester 4: 24 orang).

Jenis-Jenis Hadis

Jadual 2 menunjukkan hasil analisis deskriptif taburan peratusan setiap item berkenaan dengan pemahaman dan pengetahuan pelajar IKMAS berkenaan dengan jenis-jenis hadis.

Jadual 2: Jenis-jenis hadis (N=125)

Item	Kekerapan	Peratusan %
Sahih	116	92.8
Dhaif	111	88.8
Hasan	98	78.4
Lighairihi	8	6.4
Muallaq	6	4.8
Lizatihi	4	3.2
Munkar	4	3.2
Mastur	0	0
Matruk	0	0

Dalam kajian ini, sahih menjadi item yang mendapat kekerapan tertinggi, iaitu sebanyak 116 orang responden (92.8%). Diikuti dengan nilai kekerapan kedua yang tertinggi selepas sahih adalah dhaif, iaitu sebanyak 111 orang responden bersamaan 88.8%. Hasan direkodkan mendapat nilai peratusan ketiga tertinggi selepas sahih dan dhaif, iaitu 78.4% (98 orang responden). Seterusnya, sebanyak 8 orang responden (6.4%) yang menjawab lighairihi termasuk di dalam jenis-jenis hadis. Muallaq pula mendapat nilai kekerapan sebanyak 6 orang responden bersamaan 4.8%. Penyelidik mendapati terdapat dua item yang memiliki nilai kekerapan yang sama iaitu sebanyak 4 orang responden (3.2%), iaitu lizatih dan munkar. Bukan itu sahaja, mastur dan matruk juga mempunyai nilai kekerapan yang sama, iaitu 0 orang responden (0%).

Ciri-Ciri Hadis

Jadual di bawah terbahagi kepada tiga bahagian pertama: ciri-ciri hadis sahih. Kedua: ciri-ciri hadis hasan. Ketiga: ciri-ciri hadis dhaif. Setiap bahagian mempunyai kekerapan dan peratusan yang berbeza.

Jadual 3: Ciri-ciri hadis sahih (N=125)

Item	Kekerapan	Peratusan %
Bersambung sanad	105	84
Hadis yang baik	38	30.4
Perawi yang <i>dhabit</i> (sempurna hafazannya)	82	65.6
Terdapat perawi hadis palsu	3	2.4
Perawi yang adil	79	63.2
Mesti mutawattir	33	26.4
Tidak <i>syaz</i> (janggal)	69	55.2
Di dalam sahih al-Bukhari dan Muslim sahaja	15	12
Ketiadaan ' <i>Illah</i> (kecacatan)	83	66.4
Perawi yang kurang <i>dhabit</i> (kurang sempurna hafazannya)	3	2.4
Hadis yang direka atas nama Rasulullah SAW	8	6.4

Berdasarkan maklumat yang terdapat di dalam jadual 3, menunjukkan bahawa bersambung sanad merupakan ciri-ciri hadis sahih yang paling tinggi diketahui oleh pelajar-pelajar IKMAS, iaitu 105 orang responden (84%). Diikuti ketidaaan ‘Illah sebanyak 83 orang responden (66.4%). Ciri-ciri hadis sahih yang memiliki peratusan ketiga tertinggi adalah perawi yang dhabit (sempurna hafazannya), iaitu sebanyak 65.6% (82 orang responden). Sebanyak 79 orang responden (63.2%) yang menjawab perawi yang adil. Seterusnya, 30.4% (38 orang responden) daripada pelajar-pelajar IKMAS menjawab hadis yang baik termasuk di dalam ciri-ciri hadis sahih. 33 orang responden bersamaan 26.4% menjawab ciri-ciri hadis sahih adalah mesti mutawattir. Terdapat juga pelajar yang menjawab ciri-ciri hadis sahih antaranya adalah hanya terdapat di dalam sahih al-Bukhari dan sahih Muslim sahaja, iaitu sebanyak 15 orang responden (12%). Penyelidik mengenal pasti terdapat dua item yang memiliki kekerapan dan peratusan yang sama, iaitu terdapat perawi hadis palsu dan perawi yang kurang dhabit (kurang sempurna hafazannya) sebanyak 3 orang responden (2.4%).

Jadual 4: Ciri-ciri hadis hasan (N=125)

Item	Kekerapan	Peratusan %
Bersambung sanad	79	63.2
Hadis yang baik	63	50.4
Perawi yang kurang <i>dhabit</i> (kurang sempurna hafazan)	52	41.6
Hadis yang asalnya hadis palsu	15	12
Perawi yang adil	63	50.4
Tidak <i>syaz</i> (janggal)	56	44.8
Ketiadaan ‘Illah	63	50.4
Terdapat perawi hadis munkar	10	8

Hasil analisis data di jadual 4 mendapati sebanyak 79 orang responden (63.2%) menjawab ciri-ciri hadis hasan adalah bersambung sanad. Penyelidik mengenal pasti terdapat tiga item yang mempunyai nilai kekerapan dan peratusan yang sama, iaitu hadis yang baik, perawi yang adil dan ketiadaan ‘Illah sebanyak 63 orang responden (50.4%). Jumlah ketiga tertinggi bagi ciri-ciri hadis hasan adalah tidak *syaz* (janggal)

iaitu sebanyak 56 orang responden bersamaan 44.8%. Seterusnya, 52 orang responden (41.6%) menjawab perawi yang kurang *dhabit* (kurang sempurna hafazannya) sebagai ciri-ciri hadis hasan. 12% (15 orang responden) daripada pelajar-pelajar Diploma Dakwah Islamiyyah IKMAS menjawab antara ciri-ciri hadis hasan adalah hadis yang asalnya hadis palsu. Item yang mendapat kekerapan yang paling rendah adalah terdapat perawi hadis munkar, iaitu sebanyak 10 orang responden (8%).

Jadual 5: Ciri-ciri hadis dhaif (N=125)

Item	Kekerapan	Peratusan %
Hadis yang direka (palsu)	57	45.6
Tiada kecacatan	9	7.2
Susur galur perawi tidak sampai kepada martabat adil	55	44
Periwayatannya kurang <i>dhabit</i> (kurang sempurna hafazannya)	63	50.4
Hadis yang pada asalnya palsu	27	21.6
Sanad yang tidak bersambung	70	56
Terdapat <i>syaz</i> (janggal)	68	54.4
Terdapat perawi <i>thiqah</i> yang ramai di dalam sanad hadis	17	13.6
Terdapat ‘ <i>Illah</i> (kecacatan)	72	57.6

Jadual 5 mendapati item yang mendapat jumlah yang paling tinggi adalah terdapat ‘*Illah* iaitu sebanyak 72 orang responden (57.6%). Item kedua yang mendapat kekerapan yang paling tinggi adalah sanad yang tidak bersambung iaitu sebanyak 70 orang responden (56%). 68 orang responden (54.4%) menjawab terdapat *syaz* (janggal) sebagai ciri-ciri hadis dhaif. Periwayatannya kurang *dhabit* (kurang sempurna hafazannya) mendapat nilai kekerapan sebanyak 63 orang responden (50.4%). Terdapat juga responden yang menjawab hadis yang direka (palsu) sebagai ciri-ciri hadis dhaif, iaitu sebanyak 57 orang responden (45.6%). 44% (55 orang) daripada responden menjawab antara ciri-ciri hadis dhaif adalah susur galur perawi tidak sampai kepada martabat adil. Sebanyak 17 orang bersamaan 13.6% responden menjawab terdapat perawi *thiqah* yang ramai di dalam sanad hadis sebagai ciri-ciri hadis dhaif. Item yang mendapat

nilai kekerapan paling rendah adalah tiada kecacatan, iaitu sebanyak 9 orang responden (7.2%).

Takrif

Dapatkan deskriptif yang melibatkan kekerapan dan peratusan dijalankan untuk mengenal pasti pemahaman dan pengetahuan pelajar IKMAS berkenaan definisi sanad dan matan.

Jadual 6: Definisi sanad (N=125)

Item	Kekerapan	Peratusan %
Rangkaian perawi dan lafaz-lafaz yang digunakan untuk sampai kepada matan	104	83.2
Nama perawi paling awal	17	13.6
Teks hadis	1	0.8
Nama perawi paling akhir	1	0.8
Nama kitab yang meriwayatkan hadis tersebut	2	1.6

Jadual 6 menunjukkan sebanyak 104 orang bersamaan 83.2% responden menjawab definisi sanad adalah rangkaian perawi dan lafaz-lafaz yang digunakan untuk sampai kepada matan. Kekerapan kedua paling tinggi selepas rangkaian perawi dan lafaz-lafaz yang digunakan untuk sampai kepada matan adalah nama perawi paling awal, iaitu sebanyak 17 orang responden (13.6%). Seterusnya, 2 orang responden bersamaan 1.6% menjawab definisi sanad adalah nama kitab yang meriwayatkan hadis tersebut. Penyelidik mengenal pasti terdapat dua item yang mempunyai nilai kekerapan yang sama, iaitu teks hadis dan nama perawi paling akhir sebanyak 1 orang responden (0.8%).

Jadual 7: Definisi matan (N=125)

Item	Kekerapan	Peratusan %
Teks hadis	95	76
Nama perawi paling awal	6	4.8
Nama kitab yang meriwayatkan hadis tersebut	6	4.8

Item	Kekerapan	Peratusan %
Nama perawi paling akhir	7	5.6
Rangkaian perawi dan lafaz-lafaz yang digunakan untuk sampai kepada matan	11	8.8

Jadual 7 menunjukkan teks hadis merupakan item yang mendapat nilai kekerapan yang paling tinggi, iaitu sebanyak 95 orang responden (76%). Diikuti rangkaian perawi dan lafaz-lafaz yang digunakan untuk sampai kepada matan, iaitu sebanyak 11 orang responden bersamaan 8.8%. Kekerapan ketiga paling tinggi untuk definisi matan adalah nama perawi paling akhir, iaitu sebanyak 7 orang responden (5.6%). Penyelidik mendapati terdapat dua item yang sama nilai kekerapan dan peratusan, iaitu nama perawi paling awal dan nama kitab yang meriwayatkan hadis tersebut sebanyak 6 orang responden (4.8%).

Keistimewaan Al-Quran

Peratusan menunjukkan al-Quran dijamin pemeliharaannya daripada penyelewengan oleh Allah SWT, tetapi hadis tidak dijamin pemeliharaannya oleh Allah SWT merupakan peratusan paling tinggi bagi keistimewaan al-Quran, iaitu sebanyak 86.4% bersamaan 108 orang responden. Seterusnya, item yang mendapat kekerapan dan peratusan paling rendah adalah al-Quran boleh disentuh dan dibaca dalam keadaan berhadas, tetapi hadis tidak boleh disentuh dan dibaca dalam keadaan berhadas serta pembaca al-Quran dijamin mendapat pahala, tetapi pembaca hadis tidak dijamin mendapat pahala, iaitu sebanyak 1 orang responden (0.8%).

Jadual 8: Keistimewaan al-Quran (N=125)

Item	Kekerapan	Peratusan %
Al-Quran dijamin pemeliharaannya daripada penyelewengan oleh Allah SWT, tetapi hadis tidak dijamin pemeliharaannya oleh Allah SWT	108	86.4
Al-Quran makhluk, hadis bukan makhluk	12	9.6
Al-Quran boleh dibaca dalam solat, hadis tidak boleh dibaca dalam solat	105	84

Item	Kekerapan	Peratusan %
Al-Quran boleh disentuh dan dibaca dalam keadaan berhadas, tetapi hadis tidak boleh disentuh dan dibaca dalam keadaan berhadas	1	0.8
Pembaca al-Quran dijamin mendapat pahala, tetapi pembaca hadis tidak dijamin mendapat pahala.	1	0.8
Membaca al-Quran adalah ibadah, membaca hadis tidak termasuk ibadah	44	35.2
Menolak hadis adalah kafir, menolak al-Quran tidak dihukum kafir	4	3.2

Berdasarkan maklumat dalam jadual 8, al-Quran dijamin pemeliharaannya daripada sebarang penyelewengan oleh Allah SWT, tetapi hadis tidak dijamin pemeliharaannya oleh Allah SWT, iaitu sebanyak 108 orang responden (86.4%). Diikuti item yang mendapat nilai kekerapan kedua paling tinggi iaitu al-Quran boleh dibaca dalam solat, hadis tidak boleh dibaca dalam solat sebanyak 105 orang responden bersamaan 84%. 35.2% daripada keseluruhan responden bersamaan 44 orang menjawab kelebihan al-Quran berbanding hadis adalah membaca al-Quran adalah ibadah, membaca hadis tidak termasuk ibadah. Item yang mendapat nilai kekerapan 12 bersamaan peratusan 9.6% adalah al-Quran makhluk, hadis bukan makhluk. Di dalam jadual ini, penyelidik mengenal pasti terdapat dua item yang mempunyai nilai kekerapan dan peratusan yang sama, iaitu al-Quran boleh disentuh dan dibaca dalam keadaan berhadas, tetapi hadis tidak boleh disentuh dan dibaca dalam keadaan berhadas serta pembaca al-Quran dijamin mendapat pahala, tetapi pembaca hadis tidak dijamin mendapat pahala sebanyak 1 orang responden (0.8%).

Sunan Sittah

Penyelidik mendapati majoriti pelajar di IKMAS mempunyai pengetahuan yang baik tentang sahih al-Bukhari sebagai sunan sittah, di samping ia merupakan kitab yang paling sahih selepas al-Quran. Seramai 98 orang responden bersamaan 78.4% telah menjawab sahih al-Bukhari sebagai salah satu daripada sunan sittah. Kitab sunan sittah yang mendapat nilai

kekerapan paling rendah adalah sunan an-Nasa’ie, iaitu sebanyak 70 orang responden (56%).

Jadual 9: Sunan sittah (N=125)

Item	Kekerapan	Peratusan %
Sahih al-Bukhari	98	78.4
Mustadrak al-Hakim	2	1.6
Sunan an-Nasa’ie	70	56
Sunan Ibnu Majah	88	70.4
Tadrib al-Rawi	5	4
Ikmal tahdzib al-Kamal	4	3.2
Siyar ‘alam an-Nubala	2	1.6
Tuhfat an-Nafis	2	1.6
Sunan at-Tirmidzi	97	77.6
Sunan ad-Darimi	19	15.2
Sunan Abu Dawud	82	65.6
Sahih Muslim	87	69.6
Sirah Ibnu Ishaq	1	0.8
Sunan as-Sughra	24	19.2

Berdasarkan jadual 9, Sahih Al-Bukhari mendominasi sunan sittah, iaitu sebanyak 98 orang responden (78.4%). Diikuti dengan Sunan At-Tirmidzi, sebanyak 97 orang responden (77.6%). Sunan Ibnu Majah mendapat nilai kekerapan sebanyak 88 orang responden (70.4%). Sahih Muslim pula mendapat nilai kekerapan sebanyak 87 orang responden (69.6%). 65.6% daripada keseluruhan responden bersamaan 82 orang responden menjawab sunan Abu Dawud termasuk di dalam sunan sittah. Kemudian, sebanyak 70 orang responden (56%) menyatakan sunan An-Nasa’ie termasuk di dalam sunan sittah. Sunan As-Sughra mendapat nilai kekerapan sebanyak 24 orang responden (19.2%). Sunan Ad-Darimi pula mendapat nilai peratusan 15.2% bersamaan 19 orang responden. Seterusnya, seramai 5 orang responden menjawab tadrib al-rawi sebagai sebahagian daripada sunan sittah. Bukan itu sahaja, seramai 4 orang responden bersamaan 3.2% menjawab ikmal tahdzib al-kamal sebagai sebahagian daripada sunan sittah. Penyelidik mengenal pasti terdapat tiga

item yang mempunyai nilai kekerapan dan peratusan yang sama di dalam pemahaman dan pengetahuan berkaitan sunan sittah ini, iaitu sebanyak 2 orang responden bersamaan 1.6%. Nilai kekerapan paling rendah adalah sirah Ibnu Ishaq, iaitu sebanyak 1 orang responden (0.8%).

IMPLIKASI

Penuntut ilmu pengajian Islam, sama ada yang mengambil bidang hadis mahu pun bukan bidang hadis sedia maklum bahawa hadis terbahagi kepada beberapa kategori iaitu hadis sahih, hasan dan dhaif. Adapun hadis palsu, ia sememangnya bukan daripada Rasulullah SAW.

Penyelidik berpendapat penuntut ilmu pengajian Islam seharusnya cakna akan asas ilmu hadis. Tindakan ini sewajarnya diambil oleh graduan-graduan ini supaya tidak menyebar hadis-hadis dan kisah riwayat yang terlalu dhaif dan palsu kepada masyarakat awam. Hal ini sepatutnya menjadi suatu keimbangan di dalam diri setiap penuntut ilmu agama, apabila tersilap di dalam menyampaikan hadis yang tidak diketahui statusnya kepada masyarakat. Ketetapan untuk memasuki neraka kepada sesiapa yang berani menyandarkan sesuatu kepada Nabi Muhammad SAW, walaupun ia tidak tahu mengenai kesahihannya (Ibn Hibban, 1993).

Diriwayatkan daripada Al-Mughirah bin Syu'bah, bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ حَدَّثَ عَنِي بِحَدِيثٍ وَهُوَ يَرِى أَنَّهُ كَذَبٌ فَهُوَ أَحَدُ الْكاذِبِينَ

Maksudnya: “Barang siapa yang menyampaikan suatu hadis dariku yang dilihat ia dusta, maka dia salah seorang dalam kalangan para pendusta.”

[HR Muslim, No.1]

Implikasi asas ilmu hadis di dalam diri penuntut ilmu pengajian Islam adalah penyambung generasi para nabi *alaihim as-solatu wa as-salam* ini kelak akan menyampaikan isi kandungan agama yang sahih dan mempunyai asal daripada Allah dan Rasul. Hal ini demikian kerana para penuntut ilmu pengajian Islam ini yang akan membawa wajah agama Islam kepada masyarakat awam, sama ada muslim ataupun bukan

muslim. Penyelidik mempunyai suatu kebimbangan yang besar apabila para penuntut ilmu agama atau graduan-graduan bidang agama yang tidak mengambil berat berkenaan dengan ilmu hadis, akan menyampaikan hadis-hadis yang berstatus *dhaif jiddan* (terlalu lemah) atau *mawdu'* (palsu) kepada masyarakat, lebih-lebih lagi hal-hal yang bersangkutan paut dengan perkara utama di dalam agama Islam. Kesan paling dahsyat akibat daripada penyebaran hadis palsu yang tidak terkawal adalah pada hal-hal berkaitan dengan urusan aqidah dan ibadah umat Islam, yang mana keduanya adalah asbab untuk seseorang ke syurga atau neraka kelak, yang membezakan seorang muslim dengan bukan muslim di luar sana (Ahmad Zahiruddin Mohd Zabidi, 2019). Di samping itu, fitnah al-Syirk, al-Bid'ah dan al-Dalal sememangnya berpunca daripada hadis yang tidak mencapai taraf sahih dan hasan, iaitu hadis palsu ('Abdul Rahman Abdul Khalik, 2002).

Penyelidik juga berpendapat asas ilmu hadis adalah sebagai pengukur sejauh mana pendedahan penuntut ilmu agama terhadap hadis-hadis yang berlegar di dalam masyarakat. Pendedahan kepada hadis-hadis adalah suatu yang baik kepada para penuntut ilmu agama. Bahkan, ia dilihat jauh lebih baik sekiranya pendedahan terhadap asas-asas ilmu hadis juga diambil perhatian sewajarnya.

LIMITASI KAJIAN

Kekangan yang dihadapi penyelidik adalah ketiadaan jurnal kajian atau buku-buku yang boleh dijadikan rujukan untuk kajian ini. Hal ini demikian kerana kajian-kajian lepas dijalankan lebih memfokuskan kepada ulum hadis dan mustalah al-hadith, bukan asas ilmu hadis. Penyelidik berusaha mencari jurnal-jurnal yang hampir sama atau yang hampir berkaitan dengan tajuk jurnal kajian.

CADANGAN

Kajian ini terbatas kepada beberapa perkara iaitu responden hanya terdiri daripada pelajar-pelajar program Diploma Dakwah Islamiyyah. Penyelidik tidak melibatkan pelajar-pelajar program Diploma Tahfiz Al-Quran Wa Al-Qiraat dalam persampelan kajian ini. Hal ini demikian

disebabkan faktor pelajar-pelajar program Diploma Tahfiz Al-Quran Wa Al-Qiraat telah selesai kuliah pada semester tersebut. Kajian ini bersifat umum dan ia boleh dijalankan kepada orang awam. Kajian ini mampu menjadi rujukan kepada organisasi atau para penyelidik yang memerlukan maklumat berkenaan dengan asas ilmu hadis.

Kepentingan asas ilmu hadis menjadi suatu keperluan pada masa kini, khususnya kepada penuntut ilmu bidang pengajian Islam dan juga kepada penuntut ilmu bukan bidang pengajian Islam amnya. Penekanan terhadap asas ilmu hadis ini adalah untuk memastikan kepekaan terhadap penyampaian hadis *maqbul* (diterima) kepada masyarakat awam dan menyekat penyebaran hadis yang bertaraf *dhaif jiddan* (terlalu dhaif) dan *mawdu'* (palsu) ke dalam kalangan masyarakat awam.

Setelah selesai menyiapkan jurnal kajian ini, penyelidik mencadangkan agar dijalankan satu kajian yang terbaik pada masa hadapan berkenaan dengan asas ilmu hadis dalam kalangan masyarakat awam di negeri Sarawak. Penyelidik merasakan bahawa kajian tersebut sangat baik kerana ia akan memberi pendedahan kepada penyelidik tentang tahap pemahaman dan pengetahuan masyarakat awam di negeri Sarawak berkenaan dengan asas ilmu hadis. Selain itu, ia akan membuka ruang kepada masyarakat awam untuk lebih mengambil berat berkenaan dengan asas ilmu hadis yang merupakan sumber hukum dan petunjuk kedua selepas al-Quran di dalam kehidupan.

RUMUSAN

Hasil kajian mendapati hampir separuh daripada pelajar IKMAS mempunyai pengetahuan yang baik mengenai jenis-jenis hadis. Sebanyak 116 orang responden (92.8%) menjawab sahih, 11 orang responden (8.8%) menjawab dhaif dan 98 orang responden (78.4%) menjawab hasan. Ketiga-tiga jawapan yang memiliki nilai kekerapan tertinggi ini merupakan jawapan bagi soal selidik. Maka, bagi jenis-jenis hadis, pelajar-pelajar program Diploma Dakwah Islamiyyah di IKMAS mempunyai pengetahuan yang sangat baik di dalam memahami jenis-jenis hadis.

Selain itu, pemahaman dan pengetahuan pelajar-pelajar program Diploma Dakwah Islamiyyah berkenaan dengan ciri-ciri hadis sahih adalah dalam tahap yang sangat baik. Kesemua jawapan yang mendapat nilai peratusan antara yang tertinggi adalah jawapan bagi ciri-ciri hadis sahih tersebut. 84% bersamaan 105 orang responden menjawab bersambung sanad adalah ciri-ciri hadis sahih. Seterusnya, 66.4% bersamaan 83 orang responden menjawab ketiadaan ‘Illah. Kemudian, 65.6% bersamaan 82 orang responden menjawab perawi yang dhabit (sempurna hafazannya). 63.2% bersamaan 79 orang responden menjawab perawi yang adil. Akhir sekali, tidak syaz (janggal) dengan nilai peratusan 55.2% bersamaan 69 orang responden.

Pelajar-pelajar program Diploma Dakwah Islamiyyah IKMAS juga mempunyai pengetahuan dan pemahaman yang baik berkenaan dengan ciri-ciri hadis hasan. Pertama, bersambung sanad, iaitu sebanyak 79 orang responden (63.2%). Kedua, ketiadaan ‘Illah dan perawi yang adil, iaitu 63 orang responden (50.4%). Ketiga, tidak syaz (janggal), iaitu sebanyak 56 orang responden (44.8%). Keempat, perawi yang kurang dhabit (kurang sempurna hafazannya), iaitu sebanyak 52 orang responden (41.6%). Kesemua item yang dinyatakan dengan nilai kekerapan dan peratusan di atas adalah jawapan kepada ciri-ciri hadis hasan.

Namun, malangnya pengetahuan tentang hadis dhaif adalah pada tahap yang memuaskan. Seramai 72 orang responden (57.6%) yang menjawab terdapat ‘Illah (kecacatan). Diikuti sanad yang tidak bersambung, iaitu sebanyak 70 orang responden (56%). Seterusnya, terdapat syaz (janggal), iaitu sebanyak 68 orang responden (54.4%). Responden juga menjawab periwayatannya kurang dhabit (kurang sempurna hafazannya), iaitu sebanyak 63 orang (50.4%). Malangnya, kekerapan kelima tertinggi adalah hadis yang direka (palsu), iaitu sebanyak 57 orang responden (45.6%). Item ini bukan jawapan bagi ciri-ciri hadis dhaif, dan ia tidak mempunyai sebarang kaitan dengan hadis dhaif. Item yang terakhir yang sepatutnya menjadi jawapan kepada ciri-ciri hadis dhaif adalah susur galur perawi tidak sampai kepada martabat adil, iaitu sebanyak 55 orang responden (44%).

Di samping itu, pemahaman dan pengetahuan responden berkenaan definisi sanad adalah sangat baik, iaitu seramai 104 orang responden bersamaan 83.2%. Pemahaman dan pengetahuan responden berkenaan definisi matan juga sangat baik, seramai 95 orang responden (76%) menjawab ia adalah teks hadis. Bagi kelebihan al-Quran berbanding hadis, seramai 108 orang responden (86.4%) menjawab al-Quran dijamin pemeliharaannya daripada penyelewengan oleh Allah SWT, tetapi hadis tidak dijamin pemeliharaannya oleh Allah SWT. Diikuti, al-Quran boleh dibaca di dalam solat, tetapi hadis tidak boleh dibaca dalam solat, iaitu sebanyak 105 orang responden bersamaan 84%. Akhir sekali ialah membaca al-Quran adalah ibadah, membaca hadis tidak termasuk ibadah, iaitu sebanyak 44 orang responden bersamaan 35.2%.

Berdasarkan dapatan kajian, pengetahuan terhadap sunan sittah berada pada tahap sangat baik, kerana kesemua item yang mendapat nilai kekerapan dan peratusan yang tinggi adalah jawapan bagi sunan sittah ini. Seramai 98 orang responden (78.4%) menjawab sahih al-Bukhari. Diikuti sunan at-Tirmidzi, iaitu seramai 97 orang responden (77.4%). Seterusnya, sunan Ibnu Majah, iaitu seramai 88 orang responden bersamaan 70.4%. Sahih Muslim mendapat nilai kekerapan 87 orang responden sahaja, bersamaan 69.6%. Selain itu, seramai 82 orang responden (65.6%) menjawab sunan Abu Dawud termasuk di dalam sunan sittah. Sunan an-Nasa'i mendapat kekerapan seramai 70 orang responden bersamaan 56%.

Oleh itu, menjadi keperluan kepada pelajar-pelajar program Diploma Dakwah Islamiyyah untuk terus mengambil serius berkenaan dengan asas ilmu hadis. Walaupun ia hanya asas, namun sekurang-kurangnya kita sebagai orang awam mampu membezakannya kelak. Dalam erti tujuan yang lain, supaya pengamalan kita berkaitan urusan aqidah dan ibadat tidak bercampur dengan hadis-hadis yang *mardud* (ditolak). Penyelidik mencadang agar Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (IKMAS) mengadakan seminar, forum berkenaan dengan kepentingan penguasaan asas ilmu hadis dalam kalangan penuntut ilmu agama. Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) boleh mengadakan kolaborasi bersama Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEPA) untuk mengadakan seminar atau forum seperti dicadangkan di atas.

RUJUKAN

Al-Quran Al-Karim

- Abd Al-Rahman Abd Khalik. (2002). *Kesan hadith-hadith dhaif & mawdu' terhadap aqidah Islam (Athar al-ahadith al-dhaifah wa al-mawdu' fi al- 'aqidah)*, terj. Prof.Dr. Basri Ibrahim al-Hasani al-Azhari. Johor Bharu: Jahabersa.
- Abu Syuhbah, Muhammad bin Muhammad. (1983). *Al-Wasit Fi Ulum Al-Hadith*. Damsyik: Dar Al-Fikr Al- 'Arabi.
- Al-Bukhari, Muhammad bin Ismail. (1987). *Sahih al-Bukhari*. Beirut: Dar Ibn Kathir.
- Al- 'Awfi. Al-Syarif Hatim bin 'Arif. (1997). *Nasaih manhajiyah li talib 'ilm al-sunnah al-nabawiyyah*. Makkah: Dar 'Alam Al-Fawaid.
- Ahmad Zahiruddin Mohd Zabidi. (2019). *Israeliiyat, hadith mawdu' & fitnah sirah di Alam Melayu*. Selangor: PTS Publishing House Sdn Bhd.
- Ahmad Yunus Mohd Noor & Qutrennada Rosli. (2017). Perkembangan metodologi pengajaran & pembelajaran hadith di negeri kedah. *Journal of Hadith Studies* 4(1).
- Amran Abdul Halim, Shumsudin Yabi & Mesbahul Hoque. (2019). Penglibatan ahli akademik terhadap pengajaran hadith. *Journal of Hadith Studies* 4(1).
- Creswell, John W. (2008). *Educational Research, Planning, Conducting and Evaluating Quantitative and Qualitative Research*. New Jersey USA: Pearson Education INC.
- Ibnu Hibban. (1993). *Sahih Ibnu Hibban Bi-Tartib Ibn Al-Balaban*, Ed. By Shu'ayb Al-Arna'ut. Beirut: Muassasah Al-Risalah.
- Mohd. Muhiben Abd.Rahman. (1996). Al-hadith: kedudukan dan peranannya. *Jurnal Usuluddin* 4(3), 27-40.
- Rosmawati Ali@Mat Zin. (2020). *Pengantar Ulum Hadis dan Sunan Sittah*. Selangor: Pustaka Salam.

- Shumsudin Yabi, Syulhanif Kadri, Zulhilmi Mohd Noor & Mohd Fauzi Mohd Amin. (2017). Pengajaran kursus Ulum Hadith di institusi pengajian tinggi awam: tinjauan literasi terhadap pendekatan pengajaran masa kini. *Journal of Maalim Al-Quran wa Al-Sunnah* 13(14).
- Shumsudin Yabi, Syulhanif Kadri, A. Irwan Santeri Doll Kawaid & Norhasnira Ibrahim. (2019). Persepsi pelajar terhadap kaedah pengajaran dan pembelajaran kursus Ulum Hadith di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). *International Conference of Islamic Fundamental on Integration of Aqli and Naqli* (ICON) 2018.
- Syihabuddin Ahmad. (2016). *Asas Ilmu Hadis untuk Pelajar Sirah Nabi*. Selangor: Santai Ilmu Publication.
- Wahyu Hidayat Abdullah, Mohd Ikhwan Zulkapli & Nurul Fathonah Abdul Halim. (2020). Analisis pendekatan pengajaran ilmu hadis (IH) di institusi pengajian tinggi sekitar negeri Perak Darul Ridzuan. *E-Proceeding of the 2nd International Conference on Contemporary Issues in AlQuran and Hadith 2020 (THIQAH 2020)*. 21-24 February.

PENGABAIAN NAFKAH ANAK SELEPAS PERCERAIAN: SATU TUNTUTAN DI MAHKAMAH SYARIAH

Oleh:
Armi binti Halit

ABSTRAK:

Artikel ini melihat aspek kesan yang berlaku terhadap pengabaian nafkah terhadap anak-anak yang ditinggalkan dan akan mempengaruhi kehidupan anak-anak selepas perceraian ibu bapa mereka. Apakah kesan yang akan menimpa anak-anak samada dari sudut fizikal, mental, emosi dan rohani? Bagaimana pula dengan hak seorang ibu dalam menuntut pembayaran nafkah anak-anak yang berada di bawah jagaan dan tanggungannya. Artikel ini mengaplikasikan instrumen analisis kandungan terhadap peruntukan undang-undang keluarga Islam dan kajian perpustakaan berkaitan isu nafkah dalam kekeluargaan Islam.

KATA KUNCI: Nafkah, anak, ibu bapa, keluarga, mahkamah syariah.

PENDAHULUAN

Selepas berlaku perceraian, terdapat beberapa hak yang boleh dituntut di mahkamah oleh seseorang wanita iaitu nafkah idah, mut'ah, harta sepencarian, hak jagaan anak (Hadhanah), nafkah anak, tunggakan nafkah dan hak tempat tinggal. Namun, artikel ini akan mengupas isu berkaitan dengan hak nafkah anak selepas perceraian dan kesan pengabaian nafkah terhadap anak-anak.

Menurut istilah, *nafaqah* bermaksud semua keperluan asas manusia, seperti makanan, minuman, pakaian dan juga tempat tinggal. Ia dinamakan *nafaqah* kerana ia dikeluarkan atau dihabiskan untuk tujuan keperluan asas tersebut.³² Nafkah menurut kamus Dewan bermaksud: 1. wang, makanan dan lain-lain yang diperlukan untuk hidup; sara hidup. 2. perbelanjaan dan

³² Al-Fiqh al-Manhaji, 3/101

lain-lain yang wajib diberikan oleh suami kepada isterinya 3. makanan sehari-hari; rezeki: mencari ~ bekerja untuk mendapatkan rezeki, menafkahi memberikan nafkah kepada; menyara hidup seseorang.³³

Nafkah menurut Ordinan Undang-undang Keluarga Islam Negeri Sarawak (2001) di bawah Seksyen 61 menyatakan bahawa; “Pada menentukan jumlah sesuatu nafkah yang hendak dibayar, Mahkamah hendaklah mengasaskan pentaksirannya terutama sekali atas kemampuan dan keperluan pihak-pihak itu, dengan tidak mengira kadar nafkah itu berbanding dengan pendapatan orang yang terhadapnya perintah itu dibuat.”³⁴

Di bawah Seksyen 72 Perkara (1) menyatakan bahawa “Kecuali jika sesuatu perjanjian atau sesuatu perintah Mahkamah memperuntukkan selainnya, maka adalah menjadi kewajipan seseorang lelaki menanggung nafkah anaknya, sama ada anak itu berada dalam jagaannya atau dalam jagaan seseorang lain, sama ada dengan mengadakan bagi mereka tempat tinggal, pakaian, makanan, perubatan dan pelajaran sebagaimana yang munasabah memandang kepada kemampuan dan taraf kehidupannya atau dengan membayar kosnya.”

Perkara (2) “Kecuali seperti tersebut di atas, adalah menjadi kewajipan seseorang yang bertanggungan di bawah Hukum Syarak, supaya menanggung nafkah atau memberi sumbangan kepada nafkah kanak-kanak jika bapa kanak-kanak itu telah mati atau tempat di mana bapanya berada tidak diketahui atau jika dan setakat mana bapanya tidak berupaya menanggung nafkah mereka.”

Setelah berlaku perceraian, tanggungjawab pemberian nafkah terhadap anak-anak masih lagi menjadi tanggungjawab bapa mereka walaupun suami dan isteri sudah tidak hidup bersama di bawah satu bumbung. Seorang bapa masih perlu memberikan perbelanjaan nafkah kepada anak-anaknya seperti makan minum, pakaian, ubat-ubatan, pelajaran dan tempat tinggal untuk anak-anaknya.

³³ Kamus Pelajar Edisi kedua

³⁴ Ordinan Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Sarawak, 2001

SYARAT-SYARAT WAJIB NAFKAH

Dalam perihal pemberian nafkah kepada anak, seseorang iaitu suami perlu memiliki kemudahan iaitu pendapatan, hendaklah ia memiliki harta yang lebih dari apa yang diperlukan, dan memberikan nafkah kepada isterinya selama sehari semalam atau lebih. Sebagaimana hadis Rasulullah SAW: “Mulailah dengan dirimu”. Apabila ada yang lebih baik maka berikanlah kepada isterimu, sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh Jabir RA: bahawa Rasulullah SAW telah bersabda: “Jika salah seorang di antaramu itu adalah orang yang fakir, maka hendaklah ia memulai dari dirinya sendiri. Apabila memiliki sesuatu yang lain maka hendaklah ia memberikan kepada isterinya, apabila ia memiliki yang lain maka berikanlah kepada kaum kerabatnya”.

Nafkah untuk isteri terlebih dahulu diberikan baru kemudian kaum kerabatnya. Ini adalah kerana nafkah bagi isteri adalah ‘*iwadh* sedangkan nafkah bagi kaum kerabat hanya sebagai bantuan. Nafkah bagi isteri wajib diberikan kerana suami memerlukan kewujudannya; sepertimana nafkah kepada diri sendiri, dan setelah itu adalah nafkah untuk kaum kerabat. Manakala nafkah untuk anak kecil pula; disyaratkan anak tersebut belum dewasa (masih kecil) sehingga bapanya tetap wajib memberikan nafkah kerana anak tersebut belum mampu untuk membiayai dirinya dan ia sangat memerlukan pemberian nafkah. Keadaan demikian terus berlangsung sehingga ia baligh atau dewasa. Keadaan anak tersebut diqiyaskan dengan yang lain kerana ketidakmampuannya untuk bekerja seperti diqiyaskan kepada orang yang sakit, orang yang cacat, orang yang tidak mampu bekerja atau orang gila.³⁵

KESAN PENGABAIAN NAFKAH ANAK

Sekiranya seorang bapa gagal untuk membayar nafkah kepada anak-anak, anak-anak akan menjadi seorang yang suka memberontak. Mereka akan menghabiskan waktu dan masa lapang di luar rumah, bergaul dengan budak-budak nakal dan terjebak dengan gejala sosial seperti merempit, menghisap dadah atau gam, mencuri dan sebagainya.

³⁵ Al-Mu'tamad, Fiqh Imam Syafie, Jilid 4, m/s 394 dan 395

Sekiranya ibu mereka tidak bekerja, maka tiadalah pendapatan yang tetap untuk menyara kehidupan. Anak-anak remaja dan sedang membesar memerlukan perhatian dan bimbingan daripada kedua ibu bapanya. Jika mereka tidak dapat memenuhi keperluan kehidupan sehari-hari seperti wang untuk membeli pakaian, makanan dan sebagainya, anak-anak ini akan keluar dari rumah membuat kerja sambilan selepas habis waktu sekolah demi untuk mendapatkan wang perbelanjaan bagi menampung kehidupan mereka.

Mereka juga akan bekerja sambilan untuk membantu ibu mereka bagi menjana pendapatan keluarga. Jika mereka telah habis tempoh persekolahan, mereka akan mencari dan membuat kerja tambahan seperti bekerja di pasaraya, di stesen minyak serta di stesen pengangkutan awam asalkan dapat mengisi perut yang kosong. Bagaimanakah nasib anak-anak ini yang masih di bangku sekolah tetapi dalam masa yang sama mencari rezeki untuk memenuhi keperluan nafkah harian mereka?

HAK TUNTUTAN NAFKAH ANAK

Sekiranya berlaku pengabaian nafkah terhadap anak-anak oleh bapa selepas perceraian, anak-anak akan menerima kesan dan akibatnya dan mereka akan terabai dari pelbagai sudut. Jika ibu mereka seorang wanita yang bekerja, berkemungkinan ibu mereka mampu menyara kehidupannya dan anak-anaknya dengan wang hasil titik peluh bekerja. Tetapi sekiranya ibu tadi cuma seorang suri rumah atau bekerja dengan berniaga secara kecil-kecilan dan tidak memiliki pendapatan yang tetap dan lumayan, mungkin agak sukar untuk dia menyara kehidupan anak-anaknya. Oleh itu, tanggungjawab memberi nafkah anak-anak tetap jatuh kepada bapa mereka.

Oleh yang demikian, apakah hak seorang wanita yang bergelar ibu untuk menuntut hak nafkah anak-anaknya di muka pengadilan? Apa yang harus dilakukan oleh seorang wanita yang telah berceraikan; anak-anaknya masih berada di bawah jagaannya, masih bersekolah dan dalam masa yang sama, dia hendak menuntut pembayaran nafkah daripada bekas suami.

Bagi melindungi hak seorang wanita yang telah bercerai, yang menanggung anak-anak dan menjaga anak-anak tersebut; ibu atau bekas isteri tersebut perlu memohon kepada pihak mahkamah agar mengeluarkan perintah kepada bekas suami iaitu ayah kepada anak-anaknya supaya membuat pembayaran nafkah.

Menurut Seksyen 73 menyatakan bahawa “(1) Mahkamah boleh pada bila-bila masa memerintahkan seseorang lelaki membayar nafkah untuk faedah mana-mana anaknya-

- a) jika dia telah enggan atau cuai mengadakan peruntukan dengan munasabah bagi anaknya itu;
- b) jika dia telah meninggalkan langsung isterinya dan anaknya itu adalah dalam jagaan isterinya;
- c) dalam masa menanti keputusan sesuatu prosiding hal-ehwal suami isteri;
- d) apabila membuat atau selepas daripada membuat suatu perintah meletakkan anak itu dalam jagaan seseorang lain; atau
- e) apabila memberi kebenaran kepada lelaki itu untuk berpoligami di bawah seksyen 21.³⁶

Menurut Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 di bawah Seksyen 61 menyatakan bahawa; “Mahkamah boleh memerintahkan mana-mana orang yang bertanggungan tentang hal itu mengikut hukum syarak supaya membayar nafkah kepada seorang lain jika dia tak upaya, sepenuhnya atau sebahagianya, dari mencari kehidupan oleh sebab kerosakan otak atau jasmani atau tidak sihat dan mahkamah berpuas hati bahawa memandang kepada kemampuan orang yang pertama tersebut itu adalah munasabah memerintahkan sedemikian”.³⁷ Seksyen ini menunjukkan bahawa mahkamah mempunyai autoriti untuk memerintahkan bekas suami untuk membayar sejumlah nafkah kepada anaknya yang masih menjadi tanggungannya.

³⁶ Ordinan Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Sarawak, 2001

³⁷ Enakmen Undang-Undang keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003

PROSEDUR TUNTUTAN NAFKAH ANAK

Setelah berlaku perceraian dan pihak bekas isteri ingin menuntut nafkah bagi pihak anak-anak di bawah jagaannya, bekas isteri perlu mengetahui tentang proses dan langkah-langkah untuk membuat tuntutan nafkah anak. Di Mahkamah Syariah, terdapat empat tuntutan melibatkan nafkah difailkan iaitu nafkah isteri, nafkah iddah, nafkah tertunggak dan nafkah anak. Memandangkan nafkah tertanggung atas kaum lelaki, semua tuntutan nafkah di Mahkamah Syariah difailkan oleh kaum wanita sama ada isteri, bekas isteri atau ibu.

Prosedur atau tatacara tuntutan nafkah anak di Mahkamah Syariah:

- 1) Mengenalpasti jenis tuntutan samada nafkah isteri, nafkah iddah, nafkah tertunggak atau nafkah anak. Dalam hal ini, tuntutan adalah tuntutan nafkah anak.
- 2) Pihak yang hendak menuntut hendaklah pergi ke Mahkamah Syariah di tempat ia bermastautin.
- 3) Memohon borang tuntutan nafkah anak di kaunter.
- 4) Mengisi borang dalam tiga (3) salinan. Dokumen asas yang perlu dibawa ialah kad pengenalan, surat nikah atau surat cerai dan surat beranak anak-anak. Semua dokumen tersebut dibuat tiga salinan setiap satu.
- 5) Mengisi borang tuntutan dan dihantar semula ke kaunter untuk difailkan. Pembayaran wang sebanyak RM40-RM50 dikenakan untuk pendaftaran. Kemudian pihak yang hendak memfailkan tuntutan tersebut hendaklah mendapatkan tarikh untuk hadir ke mahkamah (tidak melebihi dari 21 hari dari tarikh difailkan).³⁸

PENUTUP

Fakta dan peruntukan undang-undang yang berkaitan yang telah diberikan selari dengan kesan pengabaian nafkah anak ini, pengabaian nafkah anak memberikan kesan yang sangat mendalam dan menimbulkan impak negatif

³⁸ <https://www.kashoorga.com/tatacara-tuntut-nafkah-di-mahkamah-syariah-ketahui-prosesnya/>

terhadap bekas isteri dan anak-anak jika mereka tidak diberikan hak yang sewajarnya kerana mereka patut dan perlu diberikan nafkah tersebut untuk menyara kehidupan serta meneruskan kehidupan tanpa bapa mereka di sisi.

Pihak bekas isteri perlu bijak dan cekap menangani isu dan permasalahan tuntutan nafkah anak ini dengan ilmu pengetahuan dan juga perlu berhubung dengan pihak Mahkamah Syariah berdekatan di tempat ia bermastautin untuk mendapatkan hak dan menuntut nafkah anak-anaknya demi kelangsungan hidup.

Ini adalah untuk memastikan bahawa kehidupan bekas isteri dan anak-anak terjamin dan dalam masa yang sama; pihak bekas suami atau bapa kepada anak-anak tersebut melaksanakan tanggungjawab tanpa gagal dan memberikan nafkah yang secukupnya kepada anak-anak sehingga mereka mencapai umur dewasa dan boleh serta mampu menyara kehidupan sendiri.

RUJUKAN

Al-Fiqh al-Manhaji, Jilid 3/101.

Kamus pelajar edisi kedua. (2008). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ordinan undang-undang keluarga Islam negeri Sarawak (2001).

Al-Mu'tamad. (2009). *Fiqh Imam Syafie*. Jil. 4. cet. 1. Kuala Lumpur.

Enakmen undang-undang keluarga Islam negeri Selangor (2003).

<https://www.kashoorga.com/tatacara-tuntut-nafkah-di-mahkamah-syariah-ketahui-prosesnya/>

PENDEKATAN KAUNSELING DALAM DAKWAH

Oleh:
Muhammad Fadhl bin Ahmat

ABSTRAK:

Kaunseling adalah konsep perkhidmatan pertolongan yang berasaskan pengabdian diri kepada Allah SWT dengan panduan daripada al-Quran dan al-Sunnah. Terdapat hubungan yang rapat di antara kaunseling dan dakwah dari sudut pembinaan matlamat yang sama oleh individu yang menjalankan prosesnya, iaitu untuk mengajak manusia ke arah kebaikan dan meninggalkan segala larangan. Segala usaha yang berupa ajakan ke arah kesejahteraan dan kebahagiaan individu lain dengan berteraskan Islam dianggap sebagai berdakwah dan ini termasuklah merupakan suatu proses kaunseling.

KATA KUNCI: Pendekatan, kaunseling, dakwah.

PENGENALAN

Realitinya, aktiviti memberikan pertolongan atau hubungan menolong antara individu bukanlah sesuatu yang asing dalam sejarah manusia. Sejak zaman Nabi Adam a.s sehingga hari ini hubungan menolong telah wujud bagi membantu melahirkan masyarakat yang lebih seimbang dari segi fizikal dan emosi. Hubungan menolong ada yang bersifat formal seperti pertolongan daripada seorang guru kepada anak muridnya atau tidak formal seperti yang diberikan oleh sahabat kepada sahabat yang lain. Ramai yang beranggapan bahawa kaunseling merupakan *art of advising*. Anggapan itu mungkin tidak salah, tetapi tidak tepat kerana terlalu ramai orang yang boleh memberikan nasihat. Ahli psikologi, guru, ketua kampung dan kawan-kawan juga merupakan penasihat (Hushim Salleh & Melati Sumari, 2006).

Kaunseling profesional ialah sesuatu yang lebih luas daripada memberikan nasihat atau pandangan. Kaunseling merupakan satu konsep

perkhidmatan pertolongan berasaskan pengabdian diri (ubudiyah) kepada Allah serta berpandukan kepada al-Quran dan al-Sunnah. Kedua-dua sumber ini merupakan petunjuk abadi, penyembuh dan rahmat daripada Allah kepada seluruh umat manusia. Kaunseling Islam pula bermaksud memberi bantuan untuk menyelesaikan masalah, tetapi juga merupakan satu perkhidmatan pertolongan yang merangkumi seluruh aspek kehidupan manusia dengan berlandaskan ruang lingkup yang telah digariskan oleh Islam. Kaunseling juga merupakan suatu proses menolong yang melibatkan dua hala, iaitu di antara orang yang memberi pertolongan dengan orang yang menerima pertolongan dalam suasana yang penuh muhibah, kesedaran, mesra dan saling memahami. Kaunselor akan mengaplikasikan beberapa pendekatan yang berlainan mengikut kesesuaian permasalahan dan klien (Tengku Sarina & Faridah, 2006).

Kaunseling merupakan satu perkara yang dituntut dalam agama Islam dan sekiranya para kaunselor menjalankan amalan tersebut dengan mengikut piawaian kaunselor dan etika seorang muslim, dia telah melakukan kebijakan di sisi Allah SWT.

SIFAT DAN CIRI INDIVIDU YANG MENOLONG

Untuk menjadi seorang kaunselor perlulah memiliki sifat dan ciri yang membolehkannya diterima oleh orang yang ditolong khasnya dan masyarakat amnya. Antara sifat dan ciri yang perlu dimiliki ialah empati, kespontanen, responsif, kepekaan, hormat, boleh dipercayai, menerima tanpa syarat, sabar, berminat dan keikhlasan (Suradi, 1996).

Apa yang dinyatakan di atas adalah sebahagian daripada sifat yang sememangnya dituntut dalam Islam. Sifat empati contohnya, merupakan satu sifat yang meletakkan diri kita di tempat orang yang menghadapi masalah agar kita dapat memahami dunia individu itu dan memahami masalahnya daripada sudut persepsinya. Ini bermakna kaunselor tidak mementingkan diri semata-mata. Sifat ini amat digalakkan dalam Islam.

Sifat menerima tanpa syarat pula merupakan satu sifat yang memerlukan seorang kaunselor menerima seseorang individu tanpa sebarang bias atau salah anggap. Dalam memberikan pertolongan

kemungkinan klien yang ditemui menceritakan tentang dosa yang pernah dilakukannya dan kemungkinan klien daripada bangsa yang berbeza dengan kaunselor. Namun semua perkara ini tidak harus dijadikan alasan untuk memandang negatif kepada klien.

Contoh sifat-sifat di atas harus dimiliki oleh seorang kaunselor kerana ia adalah contoh yang baik dan memberikan imej kepada perkhidmatan kaunseling itu sendiri. Bagaimanakah dapat dikaitkan sifat-sifat tersebut dengan seorang pendakwah? Pendakwah merupakan seorang yang menyeru ke arah kebaikan dan mencegah daripada berlakunya kemungkaran. Tanggungjawab ini mesti dilaksanakan oleh individu muslim kerana menyeru ke arah kebaikan, hendaklah berpandukan kepada hikmah.

Firman Allah SWT:

ادْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحِكْمَةِ

Maksudnya: “*Serulah ke jalan Tuhan kamu dengan hikmah (bijaksana)*”.

[Surah Al-Nahl: 125]

HUBUNGAN DAKWAH DAN KAUNSELING

Kaunseling mempunyai hubungan yang rapat dengan dakwah dari sudut pembinaan matlamat yang sama oleh individu yang menjalankan prosesnya, iaitu untuk mengajak manusia ke arah kebaikan dan meninggalkan segala larangan. Oleh itu, segala usaha yang berupa ajakan ke arah kesejahteraan dan kebahagiaan individu lain dengan berteraskan Islam adalah dianggap sebagai berdakwah dan ini termasuklah juga proses kaunseling.

Terdapat beberapa elemen yang mempunyai hubungan rapat antara dakwah dan kaunseling, iaitu:

- Berlakunya perkhidmatan menyedarkan dan kegiatan ajakan ke arah kebaikan dalam proses ini.
- Adanya suatu bentuk tertentu dalam kegiatan ini sama ada melalui lisan, tulisan dan tingkah laku.
- Kegiatan tersebut dilakukan secara sedar dan terancang.

- Kegiatan tersebut untuk mempengaruhi orang lain secara sukarela.
- Ia bertujuan untuk menimbulkan kesedaran, penghayatan dan perubahan diri.
- Ia dilakukan tanpa adanya unsur-unsur paksaan.

Berdasarkan kepada elemen-elemen di atas, perkhidmatan dakwah merupakan salah satu cara untuk mempengaruhi seseorang ke arah ketenangan hati dan penjernihan jiwa. Ketenangan hati daripada kegelisahan dan penyakit hati dapat diubati dengan memantapkan keimanan seseorang kepada Allah SWT. Sebagaimana ulasan Ibnu Qayyim di dalam bukunya al-Ruh yang mendefinisikan kegelisahan dan penyakit hati sebagai, “sifat lemah di dalam jiwa dan perasaan takut di dalam hati yang dicetuskan oleh sifat tamak dan kedekut” (Ibnu Qayyim & Syams al-Din, 1990).

Kegelisahan dan penyakit hati perlu diselesaikan dengan cara yang terbaik oleh orang yang mengalaminya supaya dia mampu menjalani kehidupan dengan penuh ketenangan dan perasaan yang positif. Sementara penjernihan jiwa yang dimaksudkan ialah pembersihan, pertumbuhan dan pembaikian roh dan jiwa manusia melalui kaedah, teknik dan sifat-sifat tersendiri yang memberi kesan terhadap tingkah laku dalam usaha mencari keredaan Allah SWT (Hassan Langgulung, 1998).

KEMAHIRAN DALAM KAUNSELING

Dalam menjalankan amalan kaunseling, terdapat beberapa kemahiran yang perlu dipelajari dan diperaktikkan oleh kaunselor. Kemahiran-kemahiran ini sangat perlu bagi membantu seseorang kaunselor meneroka masalah kliennya dan menggalakkan klien bercakap hal yang sebenar supaya perkara yang membelenggu emosinya dapat dileraiakan.

Kemahiran-kemahiran ini amat baik digunakan dalam berdakwah kerana ini akan membantu pendakwah membina hubungan dengan orang yang diseru. Selepas kepercayaan terbina dalam hubungan itu, pendakwah dapat meneroka apa yang menyebabkan seseorang bertingkah laku sedemikian. Dengan ini, pendakwah tidak akan menyesali andai orang

yang diseru enggan mengikut seruannya kerana segala usaha telah dilaksanakan. Menurut Ivery & Ivery (1999), antara kemahiran yang baik digunakan oleh kaunselor ialah:

Kemahiran Melayan

Kemahiran melayan ialah kemahiran yang memerlukan kita membina hubungan dengan seseorang. Kecekapan dalam kemahiran melayan akan membolehkan seseorang pendakwah menjadi orang yang boleh dipercayai oleh klien. Antara perkara yang perlu dititikberatkan ialah membina suasana yang selesa untuk dakwah, menjaga kontak mata, ekspresi wajah dan tingkah laku lisan dan bukan lisan. Tingkah laku bukan lisan termasuklah kualiti suara pendakwah, jarak sosial dan tingkah laku kinesik seperti pergerakan badan dan muka.

Kemahiran Mendengar

Ada empat jenis kemahiran mendengar, iaitu meminta penjelasan, mahir dalam parafrasa, mahir membias dan mahir merumus. Kemahiran meminta penjelasan diperlukan apabila klien menyatakan mesej yang samar. Contohnya, dalam sesi kaunseling bersama klien yang rosak akhlaknya, kaunselor boleh meminta klien menjelaskan punca-punca yang membawa ke kancah tersebut. Ini adalah lebih baik daripada menyoalnya secara terus mengapa klien terlibat dalam salah laku sosial. Kemahiran membuat parafrasa ialah pengulangan mesej (bukan perkataan). Pengulangan ini dibuat bagi memastikan apa yang dinyatakan oleh klien adalah sejajar dengan apa yang difahami oleh kaunselor.

Kemahiran membias pula membolehkan klien meluahkan perasaan lebih daripada apa yang diluahkan. Cara ini membolehkan kaunselor memahami dengan lebih mendalam punca perkara, seterusnya membantu klien merawat masalahnya dan membimbing menjadi muslim yang kuat. Kemahiran yang terakhir dalam kemahiran mendengar ini ialah kemahiran merumus. Selepas mendengar secara keseluruhannya, kaunselor akan dapat menilai kemajuan yang telah dibuat. Kaunselor akan dapat mengenalpasti tema utama dalam isu yang dibincangkan dan dapat mengenalpasti hal sebenar yang menjadi masalah yang dihadapi.

Kemahiran Bertindak

Terdapat empat kemahiran yang boleh digunakan dalam kemahiran ini iaitu menyoal, bersemuka, membuat interpretasi dan memberi maklumat. Oleh kerana kemahiran mendengar merupakan satu kemahiran yang paling mudah digunakan, maka bab ini tidak akan dibincangkan secara terperinci. Kemahiran yang akan dibincangkan ialah tiga kemahiran yang berikutnya.

Kemahiran bersemuka merupakan kemahiran yang dibuat apabila kita berhadapan dengan klien yang enggan. Contohnya, seorang muslim mengetahui hakikat wajibnya solat tetapi klien menunaikannya. Kemahiran ini sangat bersesuaian kerana melalui cara ini kaunselor dapat menyedarkan klien akan tingkah lakunya yang salah. Bersemuka juga boleh digunakan dalam keadaan seperti tingkah laku verbal dan tidak verbal bertentangan seperti mengakui kewujudan Allah SWT tetapi enggan solat. Keadaan yang lain iaitu dua mesej verbal bertentangan seperti mengakui berbohong itu berdosa tapi tetap melakukannya. Keadaan yang lain pula iaitu dua mesej tidak verbal bertentangan seperti solat tetapi masih melakukan maksiat. Ketiga ialah kemahiran membuat interpretasi. Interpretasi dibuat apabila klien tidak menyadari dan memahami tindakan kaunselor. Kaunselor menginterpretasi mesej klien supaya mendapatkan *self awareness*. Terakhir sekali ialah kemahiran memberikan maklumat. Memberi maklumat amat penting kerana adakalanya klien tidak membuat pilihan yang betul kerana tidak mempunyai maklumat. Contohnya klien penagih dadah berfikir dia telah membuat dosa dan tidak ada ruang lagi untuk dia diterima sebagai muslim yang baik. Kaunselor boleh memaklumkan tentang konsep dosa dan Allah bersifat Maha Pengampun dan hanya dosa syirik yang tidak mendapat keampunan.

KESIMPULAN

Kaunseling merupakan salah satu bidang ilmu fardhu kifayah. Kemahiran yang perlu ada dalam amalan kaunseling merupakan kemahiran boleh digunakan oleh sesiapa sahaja bagi tujuan kebaikan. Kemahiran tersebut akan dapat membantu kita mengenali seseorang dengan lebih rapat dan menyelami masalahnya dengan lebih cepat dan tepat. Dengan cara ini, kita

boleh menilai seseorang dari sudut pandang yang positif tanpa membuat penilaian yang sembarangan. Melalui kemahiran-kemahiran ini, usaha dakwah akan lebih berjaya dan berkesan.

RUJUKAN

- Hashim Hj Salleh & Melati Sumari. (2006). *Dakwah dan kaunseling di Malaysia*. Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia
- Hassan Langgulung. (1998). *Aplikasi beberapa kaedah kaunseling dalam dakwah dalam Prinsip dan kaedah dakwah dalam arus pembangunan Malaysia*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 137.
- Ibnu Qayyim & Syams al-Din Muhammad bin Abi Bakr. (1990). *Al-Ruh*. (Terj. Syed Ahmad Semait). Singapura: Pustaka Nasional Singapura. Pte. Ltd. h. 503.
- Ivery, A. & Ivery, M. (1999). *International interviewing and counseling*. Ed. ke-4. Pasific Grove, CA: Brooks/Cole.
- Suradi Salim. (1996). *Bimbangan dan kaunseling*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Tengku Sarina Aini Tengku Kasim & Faridah binti Che Husain. (2006). *Pendekatan kaunseling dalam dakwah bagi kesejahteraan insan dan peradaban ummah*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

CABARAN PENGURUSAN PROGRAM TAHFIZ DI IKMAS

Oleh:

Mohd Kamal Khairi bin Che Awang

ABSTRAK:

Kajian ini memfokuskan kepada cabaran pengurusan program tafsir di Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (IKMAS). Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap pencapaian akademik bagi kursus Hifz al-Quran Syafawi dan kursus Hifz al-Quran Tahriri dalam kalangan pelajar Program Diploma Tafsir al-Quran dan al-Qiraat, serta cabaran dan masalah yang melibatkan pengurusan, pensyarah dan pelajar. Kajian penyelidikan yang digunakan di dalam kajian ini adalah kualitatif berdasarkan pemerhatian, rujukan maklumat dan dokumentasi. Dapatkan kajian mendapati bahawa tahap kesedaran dan motivasi yang rendah dalam kalangan pelajar berkenaan program tafsir merupakan antara cabaran utama yang mempengaruhi pengurusan Program Diploma Tafsir al-Quran dan al-Qiraat di IKMAS. Justeru, usaha untuk memupuk kesedaran awal serta membina motivasi dalam kalangan pelajar harus dijalankan supaya program ini dapat berjalan dengan lancar dan lebih terurus sekaligus dapat melahirkan lebih ramai para penghafaz al-Quran di Sarawak.

KATA KUNCI: Cabaran, program tafsir, syafawi, tahriri.

PENGENALAN

Pendidikan hafazan al-Quran yang pertama adalah ketika Rasulullah SAW diajarkan oleh Jibril a.s secara *talaqqi musyafahah* di Gua Hira' berkenaan wahu yang pertama iaitu ayat 1-5 dari surah al-'Alaq (Abdul Jalal et al., 2015). Seterusnya pendidikan hafazan al-Quran ini telah berkembang melalui ajaran Rasulullah SAW kepada para sahabat Baginda SAW. Legasi ini diteruskan oleh para sahabat Baginda SAW merentasi benua

dan zaman sehingga al-Quran yang kita dapati pada masa ini masih kukuh isinya tanpa sebarang cacat cela dan tokok tambah.

Islam adalah satu cara hidup. Ia boleh dihubungkan dengan semua aspek kehidupan dan aktiviti manusia. Tegasnya, Islam tidak pernah dikenali sebagai agama pemisah antara dunia ni dan ukhrawi³⁹, antara politik dan pemerintah, antara urusan peribadi dan lapangan kemasyarakatan (Muhammad Qutb, 1979). Islam dan sifatnya sebagai al-din memberikan ruang lingkup yang cukup luas di dalam berbagai-bagai bidang kehidupan terutamanya budaya dalam ruang legar yang dibenarkan oleh *syar’iat* (Manja Mohamad et al., 1995). Budaya dan kebudayaan adalah sesuatu yang luhur. Manusia dalam melangsungkan hidupnya dan meneruskan perjuangan menghadapi putaran zaman adalah sesuai dengan tuntutan-tuntutan budaya. Budaya yang demikian membentuk dan menentusahkan hala cara manusia dalam prosesnya menuju kepada suatu arah kehidupan yang saling bergantung; berkomunikasi; berinteraksi dan bersosial di antara satu sama lain. Apa yang nyata, selagi manusia meneruskan hidupnya, selama itulah manusia berbudaya (Dusuki Ahmad, 1996).

Dalam hubungan ini, telah terbatal dan terpinggirlah beberapa golongan yang melihat seni dan kesenian sebagai nilai dan aktiviti yang terpisah dari ajaran agama. Malah dalam konteks manusia dan dunia, Islamlah jadi penghubung (Abu Ali, 1996). Dengan tegasnya, Islam telah menjawab persoalan tersebut dengan memancarkan nur keindahan dan artifik berupa seni kaligrafi, seni halus, seni bahasa (sastera), seni pidato (*fann khitabah*), seni insya’, seni suara, seni rupa (lukisan, ukiran), seni bina dan seumpamanya yang begitu mengagumkan (Sidi Gazalba, 1988).

Sesungguhnya seni dan kesenian dalam Islam sentiasa dimartabatkan dan mendapat tempat. Ini terhasil kerana ia merupakan pola kebudayaan sejagat daripada kebudayaan Islam. Lanjutan itu, Islam mempunyai konsepnya tersendiri tentang kesenian iaitu perpaduan nilai estetika dengan

³⁹ Rujuk Al-Quran, Surah Al-Baqarah, ayat 200-202;

nilai etika Islam (*Ibid*). Atas landasan ini, R. Sadler (1976) berpendapat : “Seniman Islam tidak akan mencipta karya yang keluar dari kehidupan harian tetapi berusaha membawa dalam karyanya dengan dunia indah atau dihiasi oleh agama, mistik atau idea etika”.

Seiringan dengan pendapat R. Sadler, Ernst Diez (1988) menjelaskan pendiriannya tentang seni Islam, iaitu : “Sebenarnya seni Islam atau kesenian ialah merupakan kesenian yang menambahkan pengabdian diri kepada Allah”. Tanggapan Ernst Diez di atas sebenarnya kembali kepada dasar ataupun falsafah kesenian Islam itu sendiri. Titus Burkhardt (1980) berpendapat mengenai prinsip asas kesenian Islam iaitu : “Kesenian Islam terpancar daripada tauhid yang merupakan satu penerimaan dan penyaksian terhadap keesaan Allah SWT”. Oleh yang demikian, *al-Tauhid*⁴⁰ merupakan intipati kepada segala persoalan hidup, termasuklah bidang seni dan kesenian.

ISLAM DAN KESENIAN

Seni: Pengertian dan Takrifan

Seni atau kesenian adalah manifestasi daripada budaya (fikiran (*al-aqlu*), rasa (*ad-dza'uq*), kemahuan (*al-iradah*), keyakinan tentang sesuatu kebenaran dan karya (*al-'amal*) manusia yang memenuhi syarat estetika (Adnan et al., 1958). Secara umumnya, H. Endang (1980) menyatakan kesenian dapat dikategorikan kepada beberapa bahagian:

⁴⁰ Menurut Prof. Ismail Raji al-Faruqi (1982:17-18), konsep tauhid ialah: “*Al-Tauhid is that which gives Islamic civilization its identity, which binds all its constituents together and thus makes them an integral organic body which we call civilization. In binding disparate elements together, the essence of civilization in this case, al-tauhid impresses them by its own model. Obviously, no commandment in Islam would hold without al-tauhid. The whole religion itself, man's obligation to serve God, to fulfill its commandments and observe His prohibitions would fall to the ground the moment al-tauhid is violated.*” Manakala menurut Dr. Ali Shari'ati (1987:43-44), “Menurut pandangan tauhid, tidak terdapat percanggahan dalam seluruh kenyataan; tiada percanggahan antara manusia dan alam, antara roh dan badan, antara dunia dan akhirat, antara benda dan erti. Begitu pula, tauhid menolak adanya kontradiksi legal, sosial, politik, nasional, wilayah, genetik bahkan ekonomi, kerana tauhid mengajarkan untuk memandang segalanya sebagai suatu kesatuan... Dalam pandangan hidup tauhid, manusia hanya menaruh takut akan satu kekuatan dan hanya bersara bertanggungjawab kepada satu hakim. Ia hanya menghadapi kearah satu kiblat dan menunjukkan harapan dan hasratnya hanya kepada satu sumber. Akibatnya ialah bahwa selain itu, semuanya palsu dan tanpa erti-selain itu semua serba macam kecenderungan, usaha, ketakutan, hasrat serta harapan manusia adalah sia-sia tanpa guna. Tauhid memberkati manusia dengan kebebasan dan kemuliaan.” Pandangan Dr. Ali Shari'ati di atas ada semacam kebersamaan dengan pandangan Panel Akademi Pengurusan YPEIM (2005:77) iaitu, “*Faham tauhid membawa implikasi bahawa Allah s.w.t adalah satu-satunya Tuhan tumpuan rasa hormat, syukur, cinta, takut, setia, pengabdian, kebakarian, asal dan kesudahan; disamping Allah s.w.t juga adalah satu-satunya sumber nilai, aturan, petunjuk dan ilmu.*”

- i. Seni sastera atau kesusasteraan, seni dengan alat bahasa.
- ii. Seni muzik, seni dengan alat bunyi dan suara.
- iii. Seni tari, seni dengan alat gerakan.
- iv. Seni rupa, seni dengan alat garis, bentuk, warna dan seumpamanya.
- v. Seni drama dan teater, seni dengan alat kombinasi; sastera, muzik, tari atau gerak dan rupa.

Untuk melihat seni Islam secara global, penulis telah memetik beberapa pandangan yang diutarakan oleh beberapa sarjana Islam dan juga tanggapan oleh beberapa sarjana Barat. Ismail R. Faruqi (1980) dalam memperkatakan tentang kebudayaan berpendapat bahawa karya-karya seni adalah pancaran dari agama itu sendiri. Beliau menegaskan : “*Tidak seperti kebudayaan-kebudayaan lain yang mengaitkan keindahan sebagai kemewahan, nilai intrinsik yang difahami untuk kepentingan sendiri, kesenian Islam menghubungkan keindahan sebagai nilai yang tergantung keseluruhan kesahihan Islam itu sendiri*”.

Cetusan pendapat yang diutarakan oleh Ismail R. Faruqi (1980), merupakan batu asas sekaligus satu cabaran kepada para seniman Islam untuk beroperasi dengan berpaksikan paradigma tauhid. Oleh yang demikian, seniman-seniman Islam haruslah mempunyai modus operandi yang sejajar dengan agama. Dengan erti kata lain, mereka haruslah bertindak, beraktiviti atau beroperasi di landasan kegiatan kesenian Islam yang mampu mempunyai pandangan hidup yang optimis terhadap amanah mereka sebagai pendukung agama. Mengulas persoalan ini, Effat al-Sharqawi (1988) berkata: “*Keseiringan dalam kebudayaan Islam ini, antara kegiatan rohaniah dan kegiatan praktis dalam kehidupan, menjadi sumber pandangan yang optimistik terhadap wujud, siap menghadapi kehidupan, kreatif tangguh dan memandang pemakmuran bumi sebagai kewajipan agama yang suci*”.

Tentang bentuk dan rupa yang terkandung dalam kesenian, Islam sebenarnya adalah objek yang membawa kesedaran insan bagi memikirkan kedudukannya sebagai insan yang sebenar. Dr. Muhammad Uthman El-Muhammady (1977) menjelaskan : “*Dalam seni Islam, yang merupakan*

seni muqaddas tujuan yang terkandung dalam rupa umpannya sebagai yang ada dalam seni bina ialah supaya akal manusia meneliti dan memerhati rupa, lalu ia akan mengingati kembali kedudukannya sedalam hubungan-hubungan yang disedarinya baik secara vertikal dengan alam tinggi, atau secara horizontal, dengan alam zahir ini, iaitu melalui kontemplasi sesuatu yang indah". Dalu Jones (1978) memberikan komentarnya mengenai seni Islam, iaitu : "Seni Islam seni yang lebih mengutamakan intelek daripada emosi yang dengannya segala yang tersingkap dapat diluahkan. Ia merupakan seni yang mampu menseimbangkan pertanyaan dengan jawapan".

Malah lebih jauh daripada itu, Ernst Diez (1988) menyimpulkan bahawa seni Islam atau kesenian adalah merupakan kesenian yang menambahkan pengabdian diri kepada Allah SWT. Secara keseluruhannya, dari pandangan-pandangan yang telah diutarakan dapatlah disimpulkan satu rumusan bahawa seni atau kesenian Islam ialah ciptaan bentuk yang mengandungi nilai-nilai estetika yang berpandu dengan nilai-nilai etika Islam. Dengan demikian, seni Islam sebagai karya adalah dilahirkan oleh akhlak Islamiah dan dinilai dengan akhlak Islamiah. Akhlak ialah sikap rohaniah yang melahirkan tatalaku manusia terhadap Allah dan manusia terhadap diri sendiri dan makhluk lain sesuai dengan tuntutan dan tegahan serta petunjuk al-Quran dan al-Hadis (Sidi Gazalba, 1988).

Hubungan Seni dengan *al-Din*

Ada yang berpendapat bidang kesenian sebenarnya tidak ada hubungan dengan Islam. Ia merupakan urusan luar dari Islam. Menerima pendapat sedemikian bererti menentang atau menafikan *tabii* alam dan fitrah diri manusia sendiri yang mana perasaan seni yang tumbuh dalam diri manusia merupakan anugerah *tabii* dari Allah yang amat berharga (Shafie Bakar, 1990).

Secara mudahnya, kewujudan alam adalah ciptaan seni Yang Maha Seni (Agung). Rekacipta alam dari sekecil-kecilnya membawa kepada sebesar-besarnya berada pada paksi *tabiinya* yang seimbang dengan kombinasi keseluruhan yang sempurna. Fenomena ini adalah dalil keagungan Pencipta Yang Maha Sempurna. Manakala pada diri

insan, Allah kurniakan jiwa, akal dan indera yang tiap-tiap satu berfungsi dan memerlukan tuntutan-tuntutan yang dipenuhi bagi kelangsungan kesempurnaan keinsanannya. Pendek katanya, jiwa menuntut kerohanian, akal menuntut keilmuan dan indera menuntut kesenian (Ahmad Kamal, 1990).

Jelas hubungan yang terjalin antara kesenian dan Islam atau lebih dikenali dengan kesenian Islam meletakkan satu garis pemisah atau kesenian bukan Islam dan kesenian Islam (Azril Amin, 1996). Pemisahan yang ketara ini lebih menjelaskan kedudukan kesenian Islam sebagai bukan sahaja ia telah dihasil oleh orang Islam, tetapi kerana ia terpancar dari wahyu Allah sama seperti undang-undang Allah dan syariat-syariatNya (Syeed Hossein, 1987). Penonjolan Islam sebagai sumber budaya bertujuan meletakkan nilai-nilai asas bagi mengelakkan penyelewengan hidup (Abu Bakar, 1985). Malah menyongsong 61 tahun kemerdekaan negara kita, budaya murni sebagai mengisi ruang kemerdekaan lebih menjadi getir dengan kederasan pembangunan teknologi. Cabaran seperti kesan buruk pornografi yang begitu mudah diperolehi menerusi teknologi (alat media) semakin membimbangkan. Semua pihak tahu kecanggihan teknologi internet dan multimedia. Segala macam bahan dapat tersaji sekilip mata. Sebagai contoh, kajian terhadap produk internet oleh Universiti *Carnegie Mellon*, Amerika Syarikat mendapati bahawa 83.5 peratus kandungannya berasaskan pornografi. Kes-kes sebegini adalah contoh kecil kesan negatif teknologi. Inilah sebenarnya persoalan yang perlu dirungkaikan dalam konteks seni dan kesenian adalah pengisian bagi media (elektronik) (Azril Amin, 1996). Begitu mudah, persoalan ini perlu dikembalikan kepada dasar yang jelas dalam meletakkan Islam sebagai paksi dalam kesenian dan kebudayaan sebagai sumber media. Sebab itulah Syed H. Pasha (1993) menggariskan lima prinsip yang mesti dipatuhi oleh media menurut al-Quran, iaitu :

- i. Sempadan-sempadan Allah (*hududullah*). Segala bentuk persembahan jangan menghampiri atau melampaui sempadan yang Allah telah tetapkan (al-Quran, 2:187, 2:229);
- ii. *Fahsyaa* atau keji. Media dalam dunia muslim seharusnya mengelakkan daripada menggunakan perkara-perkara keji (al-Quran 6:151);

- iii. Standard masyarakat Islam, iaitu *ma'ruf* yang perlu diperintah dan dikuatkuasakan, manakala perkara mungkar perlu dicegah dan dihentikan. Alat media perlu mengikut standard piawaian ini (al-Quran, 3:104);
- iv. Prinsip bantu membantu (al-Quran, 5:2) media massa perlu memainkan peranan ini;
- v. Keadilan sejagat. Media perlu menjadi jagoan yang berusaha keras memperjuangkan keadilan (al-Quran, 4:135);

Berpandukan kepada landasan ini, para seniman perlulah menilai kembali peranan yang sebenar dalam meningkatkan martabat kemanusiaan (Jusoff Taib, 1991). Walaupun tugas seni dihargai masyarakat dan boleh digunakan untuk kepentingan masyarakat dan agama sebagai satu cara menonjolkan imej agama dan moral yang baik, golongan ini tidak boleh lalai dan alpa yang peribadi mereka (para *da'i*) selalu menjadi perhatian orang ramai. Penonjolan peribadi secara tidak bertanggungjawab pada masyarakat dan agama, boleh menjelaskan martabat kemanusiaan diri mereka sendiri (Noritah Sulaiman, 1993).

Isu utama yang sering mendapat perhatian ialah, sejauh mana Islam menggunakan teori atau pendekatan tentang seni dan estetika? Dari pemerhatian secara umum, Islam hanya menggariskan dasar umum berkaitan seni dan kesenian Islam. Sebagai misalnya, Islam adalah agama fitrah, agama yang sesuai dengan fitrah kejadian manusia (al-Quran, 30: 30). Kesenian bagi manusia adalah termasuk fitrahnya. Kesanggupan bersenilah yang membezakan manusia daripada makhluk Allah yang lainnya. Selain itu, Allah mempunyai sifat-sifat yang baik (al-Quran, 7: 180) seperti Maha Indah (*Jamal*), Maha Agung (*Jalal*) dan Maha Sempurna (*Kamal*). Sedangkan manusia adalah khalifah Allah (al-Quran, 2: 30, 6: 165, 33: 72, 35: 39) yang telah diamanahkan sebagai pentadbir untuk merealisasikan segala sifat-sifat Allah itu di atas dunia dalam batas-batas kemampuan manusia. Bertitik tolak dari landasan inilah, seni dan kesenian terpanggil (al-Quran, 23: 16, 18: 7).

FENOMENA SENI DAN DAKWAH

Kedudukan Seni dan Dakwah

Kesenian pada dasarnya (menurut penilaian hukum Islam) adalah *mubah*, *jaiz*, boleh. Hal-hal lain yang di luar seni itu sendiri yang dapat membawa perubahan kepada penilaian hukum itu; umpamanya dari *mubah* jadi *makruh* dan lain sebagainya. Sebaliknya karya seni, iaitu yang memenuhi syarat-syarat estetika dan etika Islam, adalah merupakan karya-karya ibadah (pengabdian) apabila didimensi oleh keikhlasan sebagai titik mula, *mardhati'i-lah* sebagai titik sasaran (tujuan) dan ‘*amal saleh* sebagai garis ‘*amal* (Nur Alian, 1963).

Dalam hubungan di atas, pendakwah seharusnya lebih bijaksana dari sekadar mencari hukum. Matlamat yang lebih tinggi ialah biar Islam itu berbuah, walaupun melalui jalan yang sungguh payah dan rumit. Dan memanglah tugas pendakwah di bidang seni budaya merupakan sesuatu langkah yang paling sulit. Malah menceburι bidang ini dengan niat untuk berdakwah selalu mengakibatkan kita terjepit. Penilaianya lebih rumit jika dibandingkan dengan bidang-bidang lain (Jusoff Taib, 1991). Sebagai contohnya, untuk menghapuskan filem semestinya dengan filem juga. Dua senjata yang berbeza tidak layak untuk berperang. Tapi sudah tentu filem selain dari filem Barat itu tidak berdaya menyerang balas jika unsur-unsur yang diminati oleh orang yang telah tersesat itu tidak ada. Satu kajian yang dilakukan dalam tahun 1987, di Shah Alam dan Klang terhadap 200 responden berumur antara 13-30 tahun mendapat 46% daripada mereka melihat TV untuk berhibur dengan memilih program hiburan, 28.5% untuk tujuan mendapat pengetahuan, 8% memilih program yang ada unsur politik dan hanya 5.5% untuk mendapat pengetahuan agama (Zulkiple Ghani, 1996). Dalam kajian yang sama, satu persoalan yang menarik ialah 63.5% daripada responden masih mengaku bahawa TV mempunyai kesan negatif kepada mereka. Kalau tendensi ini boleh menjadi kayu ukur, nilai asing sudah tentu mendominasi pemikiran, minda dan *taSAWwur* sebahagian besar golongan remaja di Malaysia. Sebagai contoh, *Far Eastern Economic Review*, 22 Julai 1993, melaporkan bagaimana cepatnya *Western-style rap* muzik mendapat tempat di kalangan remaja Malaysia. Walaupun begitu, Menteri Penerangan ketika itu memberi komen, “It’s a back street culture, I don’t want Malaysian walking the street, kicking

cans” dan mengharamkan *rap* dari disiarkan oleh media kerajaan, namun globalisasi memfaktorkan ia mendapat tempat (*Ibid*).

Dalam soal ini juga, Dato’ Seri Dr. Mahathir Mohammad berpendapat; “*Radio dan televisyen perlu membanteras sebarang percubaan untuk merosakkan nilai dan kebudayaan bangsa oleh kebudayaan asing yang tidak sihat... Perubahan fizikal dapat ditangkis dengan tindakan tegas pasukan keselamatan tetapi unsur penjajahan mental amat sukar dibanteras...*” (Awang Roli, 1991). Keadaan ini dikukuhkan lagi dengan tragedi ngeri yang berlaku di Barat, di mana akhbar *The Times*, London, 21 Disember 1995 melaporkan pandangan Profesor Leslie Francis dari *Trinity College, Carmarthen*, yang mengkaji mengenai peningkatan remaja mengambil tindakan membunuh diri di England merumuskan bahawa “*Pop stars and other heroes of popular culture exert a growing influence on the lives of teenagers*”. Beliau mengkaji kes seorang remaja yang membunuh diri, yang terpengaruh dengan lirik kumpulan penyanyi pop, Pulp, yang menyeru dan menjadikan membunuh diri *glamour* apabila bermasalah (Zulkiple Ghani, 1996).

Melihat fenomena yang terjadi di atas, di sinilah letaknya kewibawaan pengusaha filem tempatan (karyawan, sasterawan, seniman, budayawan, artis dan ulamak) untuk menarikkan kesenian Islam sebagai penerimaan menyeluruh para penonton melalui saluran media itu sendiri. Sebagaimana dicontohkan di atas, tanpa dinafikan filem merupakan media audio visual (kesenian) yang meyelinap ke dalam budaya hidup sedemikian rupa. Dan apabila disebut tentang budaya filem, maka yang menjadi sumbernya adalah negara sekular kuasa besar bernama Amerika. Filem-filem Hong Kong pun, tidak lain merupakan duplikasi (bayangan) dari konsep filem Amerika. Tegasnya, media import yang bersumberkan nilai-nilai semata adalah merupakan satu kebejatan sosial (moral, akhlak, nilai, etika) yang mengancam budaya kita. Seperti yang dicebiskan di atas, negara kita secara terpaksa bergelumang dengan arus pengaliran maklumat yang melimpah ruah dari Barat. Negara Barat sendiri memang menjalankan aliran maklumat bebas yang tidak ada batasnya dan ini berkaitan dengan fahaman Imperialisme media hiburan. Hasilnya, sebagai kesan langsung, jika dilihat isi kandungan iklan antaranya menumpukan kepada cara hidup, fesyen moden, pakaian, lagu malah sesetengah iklan yang ditayang di TV dan filem, menggambarkan para belia berfoya-foya,

boros berbelanja, bergaul bebas serta mengamalkan tabiat makan yang jelek (Awang Rosli, 1991).

Dari perspektif dakwah, kemelut yang terjadi ke atas penonjolan pola-pola budaya yang dangkal dari roh tauhid harus diputaralihkan dengan penggarapan seni dan kesenian Islam sebagai nilai-nilai estetika yang diamalkan seiring dengan etika Islam itu sendiri. Oleh yang demikian, kesenian Islam sebagai sumber media harus ditanggapi dengan kritis, kreatif dan seimbang antara unsur-unsur estetika dan etika Islam (akhlak). Dengan lebih jelasnya, segala persoalan seni dan kesenian Islam harus ditonjolkan dengan satu pengarapan falsafah atau polisi penyiaran yang dapat memandu masyarakat kepada tamadun yang tinggi berpandukan kepada paksi tauhid, sementara tidaklah terlalu dangkal jika falsafah atau polisi penyiaran itu sendiri dilandaskan berdasarkan paradigma tauhid yang perlu dilakukan oleh pemerintah, bukannya memberi ruang dan peluang kepada penonton terutama ibu bapa membuat pilihan. Nafsu sentiasa mendorong kepada kejahatan (Zulkiple Ghani, 1996). Untuk itu, ini bukanlah satu tugas yang mudah untuk dilaksanakan. Para karyawan, seniman, sasterawan, budayawan, artis, intelek, sarjana, agamawan dan ulama serta pendakwah harus sentiasa berdiskusi, berwacana dan berkarya.

Golongan yang disebut di atas, harus melihat bahawa perspektif seni sewajarnya dilihat dalam kepompong “*antum a’lamu bi-umri dunyakum*”. Hadis ini mendasarkan kepada kita kebebasan dalam seni, tidak terikat oleh bentuk, pengungkapan atau aliran dan teori tertentu. Yang perlu hanyalah berlandaskan prinsip-prinsip umum seperti yang telah dijelaskan. “*Kamu lebih tahu tentang urusan duniamu*” bermakna kamu lebih tahu tentang suasana dan keadaan masyarakatmu. Maka bersenilah sesuai dengan itu tetapi tetap terikat oleh etika Islam. Seni yang bebas tanpa ikatan akhlak Islam adalah seni yang terpinggir dan tertolak di luar batas kebudayaan Islam (Sidi Gazalba, 1988). Malangnya, seni yang sedemikianlah yang telah mengisi ruang media lalu dipaparkan kepada dunia. Secara sedar (Implikasinya), kita merasakan dalam mengikuti perkembangan filem tempatan, sebagai seorang yang berjiwa dakwah, seharusnya melihat dari sudut hikmah dakwah itu sendiri. Sebagai pendokong hikmah dakwah, satu prinsip penting harus dicapai. Prinsip kebijaksanaan dakwah ini berbunyi “*Jika sesuatu keburukan (munkar) tidak dapat dihapuskan sama sekali, ianya harus diusahakan supaya keburukan itu diganti dengan*

keburukan yang lebih ringan kemungkarannya”. Prinsip mengalih dari keburukan yang melampau kepada keburukan yang lebih ringan selalunya lebih berkesan pendakwahannya apabila kita bertembung dengan suatu kemungkaran atau unsur-unsur kebejatan dalam sesuatu bidang seni sampai ke paras ketagih (Jusoff Taib, 1991).

Memanfaatkan Seni untuk Dakwah

Seni bertujuan menimbulkan kesenangan yang bersifat estetik pada orang yang mengalaminya. Suka kepada keindahan merupakan naluri atau fitrah manusia. Oleh itu, manusia adalah makhluk seni yang mengagumi keindahan. Tepatnya, tidak wujud kelompok masyarakat manusia yang budaya hidup mereka sunyi dari kesenian (Sidi Gazalba, 1988).

Soalnya, kalau kesenian itu mengandungi daya tarik yang berkesan, kenapa ia tidak dimanfaatkan dalam dakwah? Natijahnya, dakwah itu sendiri nantinya mampu menarik sasarannya. Kalau sekadar menyeru kepada ajaran dan amalan Islam, orang kurang tertarik untuk menyambutnya. Tetapi kalau dakwah itu disertakan dengan nilai-nilai estetika, orang menjadi tertarik. Apakah lagi dalam era ledakan informasi melalui media massa, media cetak dan media elektronik yang mengakibatkan globalisasi atau telah membawa nilai-nilai yang disampaikan (ditayangkan) hingga ke kamar-kamar tidur umat manusia (Islam). Atas fenomena ini, Islam sebagai *way of life* perlu diketengahkan melalui saluran (media) dakwah. Jika tidak, Barat memang dengan kebebasan maklumat (Imperialisme dan kolonolisme media) akan mengisi kekosongan tersebut. Lanjutan itu, dilema permasalahan masyarakat kini telah mencapai tahap kronik. Setiap hari kita disajikan dengan pelbagai cerita dan kisah yang berhubung kait dengan masalah masyarakat. Ada yang mengguris, menyedihkan dan juga menyakitkan hati. Malah lebih parah dari itu, ianya juga mampu memperkotak-katikkan iman dan ketakwaan umat Islam. Sebagai contoh, dalam siri L.A. Law yang pernah disiarkan oleh TV3, antara lain didapatkan seorang peguam yang menguruskan penceraian kliennya mengadakan hubungan seks dengannya; seorang hakim mengadakan hubungan seks dengan peguam; dan seorang peguam mengadakan hubungan seks dengan emak tirinya. Adakah setiap Muslim yang menonton siri tersebut kebal, atau dengan bahasa mudahnya tergoda atau terliur dengan nilai-nilai yang

dipaparkan? Tidakkah proses de-Islamisasi berlaku secara perlahan-lahan dan pemaparan adegan berkenaan bertentangan dengan konsep dakwah *al-nahy 'an al-mungkar* (Zulkiple Ghani)?

Melihat seni Islam sebagai *contents* media dakwah, seni dakwah dalam bidang sastera misalnya (Shukri Zain, 1985), karya sastera yang dihasilkan dengan tertib ceritanya dilukiskan indah, mengasyikkan dan mengharukan, yang masalah ceritanya diselesaikan (klimaks) dengan ajaran Islam, adalah sastera dakwah. Dengan erti kata lainnya, cerita yang digubah, tema pengkisahannya membuktikan keindahan, keagungan, kebenaran dan kesempurnaan ajaran dan amalan Islam. Puisi yang mengungkapkan perasaan bernalaskan ajaran Islam merupakan media dakwah yang harus dimanfaatkan. Kalau pada zaman jahiliah, syair-syair dan puisi-puisi digarap semata-mata bermatlamatkan keseronokan dunia, berlainan dengan syair-syair dan puisi-puisi Islam yang dilahirkan setelah nur Islam memancar, ianya memberi satu falsafah bahawa kesenian dalam bidang tersebut adalah bermotifkan salam di akhirat dan sekaligus merupakan unsur-unsur kesenangan yang meraikan sifat tabii manusia.

Dalam menjadikan seni sastera sebagai unsur-unsur yang dinilai melalui media, suatu pemahaman jelas perlulah dihasilkan untuk memahami perbezaan antara sastera Islam dan sastera dakwah Islam. Ianya dapatlah dirumuskan sebagai berikut: “*Sastera Islam ialah penciptaan bentuk penulisan estetik, yang berpandu dengan nilai-nilai etika Islam. Sedangkan sastera dakwah mengandungi seruan untuk menerima dan mengamalkan nilai-nilai sastera Islam tersebut*”. Di sinilah rasionalnya sastera Islam adalah sumber bagi sastera dakwah yang beroperasi lewat media (alat) dakwah.

Sidi Gazalba (1988) memberikan beberapa contoh lain yang berkaitan seni dakwah:

- i. Nyanyian yang melagukan ketakwaan kepada Allah; membaca ayat-ayat Tuhan dengan merdu.
- ii. Tarian yang melukiskan dengan metafora gerak, perjuangan abadi anak Adam terhadap tipu daya iblis dan kejayaan manusia dalam perjuangan itu kerana berpandu kepada wahyu-wahyu Allah.

- iii. Muzik yang memupuk perasaan halus terhadap nilai-nilai *makruf* dan menjauhi nilai-nilai mungkar.
- iv. Ayat-ayat Allah dan Hadis Nabi yang diukir dalam penulisan.
- v. Lukisan yang menggambarkan ayat-ayat Allah pada alam (*sunatullah, ayyamullah*).

Daripada paparan beberapa seni dakwah di atas, dapat ditarik satu rumusan bahawa seni agama, ianya dicipta untuk diamalkan dalam agama. Sedangkan dalam seni dakwah, adalah merupakan seni yang diciptakan bukan untuk mencari kepuasan dakwah, tetapi untuk menggerakkan sasaran supaya ia menerima dan mengamalkan ajaran dan amalan Islam. Oleh itu, seni dakwah bukanlah ajaran seni untuk diamalkan dalam dakwah, tapi hanyalah sebagai teknik dalam dakwah. Dakwah itu umumnya dijalankan dengan pendekatan pelbagai; cara popular, cara ilmiah, cara falsafah dengan mempergunakan saluran audio (pendengaran), saluran visual (pandang dengar), cara biasa dan cara seni. Kesemuanya itu adalah berpotensi memberikan kesan yang mendalam. Jelaslah, seni dakwah amat memanfaatkan kesenian itu sendiri dalam berdakwah. Selain itu, dapat dikatakan bahawa kesenian juga adalah merupakan salah satu saluran (media) dakwah.

KESENIAN ISLAM: SUMBER MEDIA

Media: Pengertian dan takrifan

Islam sebagai agama (al-Quran, 5:3) terkandung di dalamnya ajaran yang lengkap (al-Quran)(al-Quran, 2:185) untuk panduan manusia sebagai *khalifah* Allah *fil al-ard* (al-Quran, 2:30) yang harus direalisasikan secara menyeluruh (berdakwah) (al-Quran, 3:104) melalui metod yang betul (al-Quran, 16:25) dengan menggunakan saluran (media) yang tepat. Atas prinsip tersebut untuk memartabatkan agama Islam sebagai *way of life*; iaitu agama yang sesuai dengan fitrah kejadian manusia (al-Quran, 30:30) demi untuk mencapai *salam* hidup di dunia dan *salam* di akhirat, maka media sebagai alat berdakwah tidak boleh diperpendekkan peranannya. Malah, media sebagai alat komunikasi berdakwah haruslah diterimapakai untuk mencapai gagasan berdakwah dan wawasan cita-cita Islam yang

syumul (Syed Arabi & Rahmah Hasyim, 1989).

Pengertian media dakwah ialah alat-alat (objektif) yang menjadi saluran untuk menghubungkaitkan idea (mesej, ajaran, teguran dan sebagainya) dengan umat. Ia juga adalah merupakan urat nadi dalam gerakan dakwah. Dengan erti kata lainnya, ianya juga merupakan metod dakwah menurut bentuk penyampaiannya, yang secara umumnya diklasifikasikan kepada beberapa kategori iaitu; lisani, tulisan, lukisan, audio visual dan akhlak (Nur Alian, 1963).

Dari perspektif Barat, media menjadi begitu penting dalam kehidupan manusia kerana budaya sesuatu masyarakat akan menjuruskan kepada sebahagian cara hidup media yang mereka tontoni. Teori peluru atau teori jarum suntikan hipodermik yang diperkenalkan selepas perang dunia pertama menyatakan; “*The media were thought to be shape public opinion and to sway the masses toward almost any point of view by the communication*”. Oleh yang demikian, disedari mahupun tidak, media bertanggungjawab dalam membentuk tanggapan dan pandangan masyarakat di sekeliling mereka. Dengan hubungan ini, kesenian Islam seperti yang telah dikategorikan, perlulah digarap dan ditonjolkan sebagai bahan-bahan media yang bermaruah. Jika tidak, Barat dengan Imperialisme media atau kolonialisme media akan terus mencerobohi negara-negara Islam (membangun) yang akhirnya boleh membawa kepada penjajahan mental (Awang Rosli, 1991).

Sesungguhnya media elektronik mengikut Mohd. Hamdan Adnan dalam rencananya “Kesan Media Massa Terhadap Budaya Belia” menyatakan bahawa “*belia-belia berwajah selekeh dengan gaya rambut ganjal di lorong-lorong Kuala Lumpur, Jakarta dan Bangkok hari ini tidak akan sedikitpun terlintas di fikiran mereka mengenai gaya rambut yang sedemikian jika tidak kerana mereka didedahkan kepada rancangan TV, majalah dan bahan-bahan pembacaan asing*”. Jelaslah bahawa peranan media massa hiburan dengan bahan-bahan yang disiarkan bertanggungjawab membentuk cara berpakaian, bertutur, bergaul sehingga anak-anak muda tersebut berprinsip hidup ala *hippies* iaitu *born to be free*, seolah-olah mereka telah hilang pedoman dan petunjuk agama (Awang Rosli, 1991). Lanjutan dari permasalahan di atas, muncullah budaya lepak, gejala bohsia, bohjan, pembuangan malah pembunuhan bayi, zina,

minum arak, salah laku, sumbang mahram, pil khayal dan seumpamanya berleluasa. Dalam konteks ini, Prof. Dr. Hamid Arshat berpendapat ; “*Kanak-kanak dan remaja yang terlalu didedahkan dengan seks, samada melalui pita video atau majalah-majalah boleh menimbulkan syahwat. Pengaruh media, video dan majalah terlalu kuat pada golongan remaja. Sebab itulah, didapati banyak berlaku kes-kes perkosaan yang dilakukan oleh saudara sendiri*”(Zulkiple Ghani, 1996).

Aplikasi Kesenian Islam sebagai Saluran Dakwah

Secara perinciannya, ada empat saluran untuk menyampaikan mesej. Manakala mesej itu pula pelbagai bentuk; maklumat, berita, konsepsi dan lain-lain. Dalam konteks penulisan ini, ianya terfokus kepada dakwah *Islamiah*. Oleh itu, keempat-empat saluran itu juga berlaku untuk dakwah *Islamiah* sekaligus mengaplikasikan nilai-nilai seni dan kesenian.

Menurut Sidi Gazalba (1988), terdapat empat jenis saluran iaitu:

1. Saluran pandangan (visual)
2. Saluran pendengaran (audio)
3. Saluran tulisan
4. Saluran pandang dengar (audio visual)

Saluran Pandangan (Visual)

Saluran ini menggunakan fungsi pancaindera mata. Di antara yang dapat dinilai oleh mata (pandangan) ialah lukisan, foto, grafik, rajah, peta, pahatan, ukiran, tarian, binaan, demonstrasi. Dalam menyeru ajaran dan amalan Islam, unsur-unsur saluran tersebut dapat diaplikasikan untuk menerangkan, menghuraikan ajaran Islam dan merangsang kepada atau menggerakkan amalan Islam.

Saluran pendengaran mempunyai kelebihannya yang tersendiri; dengan memaparkan daripada suatu kata, kita mendapat pengertian makna (kata) itu secara langsung, jelas dan utuh. Sebagai contoh, solat umpamanya, dengan penerangan lisan atau tulisan, sikap dan gerak solat belum dapat diamalkan secara tepat. Tetapi dengan memperlihatkan

gambarnya, sikap dan gerak itu dapat dilaksanakan dengan betul. Apakah lagi mendemonstrasikannya dengan memperlihatkan realiti sikap dan gerak itu.

Saluran pandangan penting sekali peranannya dalam pembentukan manusia. Kira-kira 75% khazanah pengetahuan terbentuk melalui saluran pendengaran. Maka ajaran dan amalan Islam sukar atau kurang berkesan kalau diterangkan dengan lisan atau tulisan, adalah praktikal kalau kita jadikan saluran pandangan sebagai alternatif. Misalnya, untuk menggambarkan jumlah umat Islam di dunia, adalah kurang berkesan hanya semata-mata menggunakan lisan. Tetapi ianya akan lebih menarik dan mudah difahami dengan melakarkan (lukisan) peta yang menunjukkan taburan umat Islam keseluruhannya (Sidi Gazalba, 1988). Dengan ini lukisan sebagai saluran dakwah begitu mudah untuk diketengahkan (Norazuan Yaakub, 1991).

Tulisan ayat-ayat al-Quran yang diukir indah lebih menarik daripada ditulis biasa, apakah lagi ditulis secara kurang menarik. Masjid yang dibina megah, besar dan bersih melambangkan kemegahan, kebesaran dan kebersihan umat yang membina dan mempergunakannya. Keindahan masjid yang terserah menarik (mengajak) orang untuk mengunjunginya lalu kalau ia seorang Muslim, tentu sekali ia akan solat di dalamnya. Manakala pengunjung yang bukan Islam, keindahan masjid itu melahirkan kesan simpatinya kepada institusi Islam. Tegasnya, kalau lukisan, grafik, peta, pahatan, ukiran, tarian, binaan, demonstrasi; yang digunakan sebagai media dakwah, dicorakkan dengan nilai-nilai estetika, sasaran akan lebih tertarik untuk memandangnya (Sidi Gazalba, 1988). Ini bermakna, kesenian Islam adalah sumber yang tidak dipertikaikan sebagai saluran (media) dakwah, yang dipertikaikan dan dipersoalkan ialah manusia itu sendiri yang melaksanakannya (Noritah Sulaiman, 1991).

Saluran Pendengaran (Audio)

Saluran pendengaran menggunakan fungsi pancaindera telinga. Unsur-unsur saluran ini ialah ucapan dengan menggunakan pembesar suara, radio, pita rakaman. Nyanyian dan muzik juga mempergunakan saluran pendengaran. Berdakwah dengan lisan amat memerlukan suara yang jelas dan sempurna. Oleh itu, penggunaan alat pembesar suara begitu diperlukan.

Manakala dakwah yang disampaikan dengan seni pidato (*fann khitobah*) lebih berkesan daripada penyampaian secara biasa. Keberkesaan seni pidato (Khutbah Jumaat) amat penting kerana ia merupakan salah satu media utama (dakwah) ke arah pembangunan ummah, serta penggerak giat masyarakat (Ahmad Asnawi, 1996).

Namun demikian, berdakwah secara lisan atau bersemuka dengan audien masih terikat oleh batas ruang dan waktu. Oleh itu, media radio telah memungkinkan ceramah yang disampaikan dapat didengar oleh jumlah audien yang ramai. Malah dengan adanya pita rakaman (kaset), sesuatu ceramah dapat disampaikan tanpa batasan waktu dan jumlahnya juga infiniti.

Lirik nyanyian dapat bersifat lucu, keduniaan cuma, namun ia juga dapat bersifat dakwah. Dengan nyanyian itu dilakukan ajaran Islam dengan nada nyanyian itu dighairahkan audien kepada amalan-amalan Islam malah dengan lirik nyanyian juga unsur-unsur *amar ma'ruf nahi mungkar* dapat dikumandangkan. Begitu pula dengan seni muzik, ianya dapat mencipta dan merangsang gerak-gerak liar tetapi ia juga mampu menimbulkan ketenangan, kerukunan, damai dan kenikmatan batin. Nada muzik yang melahirkan kesan yang sedemikian dapat dipergunakan oleh dakwah Islam, kerana emosi seperti itu selari dengan kesan yang dikehendaki Islam (Sidi Gazalba, 1988).

Saluran Tulisan

Penulisan telah terbukti sebagai satu jalan (media dakwah) yang berkesan untuk menegakkan Islam. Tulisan juga memainkan peranan penting dalam kebudayaan. Ianya berfungsi untuk mengekalkan khazanah ilmu (al-Quran, al-Hadis dan kitab-kitab ulamak yang lalu dan kini), menyiarakan (kebenaran), dan mewariskan Islam sebagai ajaran, amalan dan kajian. Dalam hal ini media tulisan itu adalah media dakwah. Kebenaran yang dibawa dalam mesej penulisan para cendekiawan Islam telah digabungjalinkan dengan pendekatan yang indah, mudah dan menyentuh. Tepat seperti kata hukama; "*kebenaran yang tidak tersusun akan dapat dikalahkan oleh kebatilan yang tersusun*". Tegasnya, tulisan mempunyai "roh" dan "jasad". Kedua-duanya perlu diperkemaskan. Dua

unsur inilah yang menjadi titik tolak kita untuk memahami, menghayati dan seterusnya menghasilkan tulisan yang baik menurut Islam (Pahrol Muhammad Juoi, 1990). Menurut Abdul Ghani Shamsuddin (1995), penulis sebagai seorang yang berperanan membentuk pemikiran orang lain, mereka perlu mempunyai ciri-ciri khusus. Antara ciri-ciri yang patut wujud dalam diri penulis Muslim ialah; sifat ikhlas (al-Baiyinah: 5, al-S’aff’at: 38-40, al-Hijr: 39-40), jujur (at-Taubah: 119, Muhammad: 21), sabar (ali-Imran: 200, al-Anfal: 46), mengetahui isu-isu yang penting dan cuba menampilkannya di samping menghindari isu-isu sampingan yang lebih merugikan kalau diketengahkan dan berusaha untuk menyebarkan warisan Islam dalam setiap persoalan atau isu sehingga menjadi trend berfikir masyarakat.

Sesuatu tulisan yang mengandungi nilai estetika, ia disebut kesusasteraan atau sastera. Di antara pelbagai karya seni, sastera menduduki tempat yang amat penting kerana pembawaan-pembawaan daripada sifat media tulisan. Kerana itu, sastera amat berpotensi untuk dijadikan media dakwah. Al-Quran mengandungi nilai estetika yang agung. Manusia tertarik kepada al-Quran bukan sahaja kerana kebenaran yang dikandungnya, tapi juga kerana keindahan bahasanya. Kalau al-Quran memanfaatkan nilai-nilai estetika, kenapa tidak kita ikuti contoh itu dalam penulisan dakwah (al-Qalam: 1-2, al-Alaq: 1-2, al-Luqman: 27).

Saluran Pandang Dengar (Audio Visual)

Saluran ini terdiri daripada TV, video, *slides* dan *film strip* yang diulas dengan ucapan atau pita rakaman. Malah dalam era ledakan maklumat, penggunaan komputer juga dianggap sebagai media audio visual yang amat berkesan (internet dan multimedia). Lanjutan terciptanya alat-alat komunikasi tersebut, filem adalah bentuk media pandang dengar yang amat berpengaruh sekali. Drama, sandiwara adalah juga bentuk-bentuk yang dilahirkan sebagai saluran pandang dengar. Kesan yang terhasil dari saluran pandang dengar, misalnya filem, amat dalam; ini adalah kerana kombinasi langsung antara pandangan dan pendengaran (Sidi Gazalba, 1998).

Persoalannya ialah selama ini saluran-saluran pandang dengar dalam masyarakat Islam penuh diisi oleh nilai-nilai kebudayaan Barat

yang sekularisma, memberi pengaruh cenderung kepada sekularisme dalam pandangan dan sikap hidup masyarakat muslim. Keadaan ini jelas bila kita meneliti pendapat yang diutarakan oleh John E. Harley, iaitu Pengurus Jawatankuasa Perfilemen Amerika; “*..sudah menjadi pandangan umum bahawa filem Amerika telah membentuk pandangan dan idea masyarakat dunia terhadap negara dan rakyatnya. Penapisan yang sangat teliti menjadikan bahawa mereka sedar kuasa filem tersebut terhadap rakyat mereka...*”. Dalam hubungan ini, penonjolan nilai-nilai dalam filem-filem Amerika mengandungi dua unsur seni yang amat bahaya kepada kemurnian nilai-nilai budaya masyarakat Timur. Pada pandangan penulis, inilah sebenarnya konsep seni hiburan (drama & lakonan) yang cuba digarap (diolah) dan diketengahkan kepada dunia oleh pihak Barat. Kedua-dua unsur tersebut ialah:

- i. Amerika dan sesiapa yang meniru konsepnya juga, tidak berdasarkan penilaian moral berlandaskan agama. Sebab itulah dalam filem Amerika, soal hubungan seks, asal kedua-dua pihak rela, tidak salah dalam kaca mata Humanisme Barat. Yang salah adalah paksaan. Oleh itu, filem Barat itu walaupun dikatakan bermoral, namun diukur dari segi Islam, tetap selama-lamanya bertentangan dengan aqidah Islam.
- ii. Pembuatan filem dari Amerika berlandaskan seni filem adalah *artificial*. Misalnya, jika kita membaca buku-buku panduan menulis skrip untuk filem, kita akan temui ajaran yang mengatakan “**hero yang baik mesti ditonjolkan sepuluh kali ganda lebih baik dari malaikat dan watak jahatnya juga harus ditonjolkan kejahatannya sepuluh kali ganda dari iblis**”. Oleh itu, muncul karya *artificial* yang melampaui batas kenyataan berlipat kali ganda, dikemukakan kepada penonton untuk mendapat kepuasan dari tindak balas nafsu rendah masyarakat yang mudah ketagih dengan segala yang rendah (Jussof Taib, 1991).

Kalau demikian halnya kenapa media audio visual di kalangan umat Islam tidak diisi dengan dakwah Islamiah, agar nantinya umat Islam dibebaskan daripada pengaruh Barat, digantikan oleh pengaruh Islam dengan membawa mereka kepada ajaran dan amalan Islam. Dan dalam

persaingan mengisi saluran-saluran pandang dengar itu, apakah kriteria yang menentukan kegagalan dan kejayaannya? Sebagai jawapannya, pihak yang menggunakan nilai-nilai estetika dalam bahan-bahan yang disalurkannya akan berhasil, dan pihak yang sebaliknya sudah tentu dirasakan membosankan dan begitu hambar sambutannya, dengan itu, kemungkinan besar ia akan gagal. Tegasnya, dakwah Islamiah perlu menggunakan saluran audio visual dan bahan-bahan siarannya perlu bersifat estetik, dengan kata-kata lain bersifat kesenian (Sidi Gazalba, 1988).

PENUTUP

Sebagai kesimpulannya, kesenian Islam sebagai sumber media adalah penjelmaan nilai-nilai estetika yang berohkan tauhid dan penggarapannya sentiasa terbatas oleh etika Islam itu sendiri. Semoga daripada pola-pola yang berhasil, kita diberi kekuatan untuk menerokai dunia seni dan kesenian sebagai saluran dakwah, iaitu yang bermatahatikan keinsafan dan keikhlasan diri serta berpandukan al-Quran dan al-Sunnah serta sumber-sumber perundangan yang termaktub. Natijahnya nanti, seni bukan sekadar untuk seni, malah lebih jauh daripada itu, seni adalah dari Allah untuk manfaat dakwah. Tegasnya, seni adalah untuk mendapatkan keredaan Ilahi.

RUJUKAN

- Abu Ali. (1996). *Manusia dan dunia; Islam jadi penghubung*. Kuala Lumpur: Menara.
- Adnan, K. H. R. M. (1954). *Islam dan kesenian*. Indonesia: Surakarta.
- Ahmad Kamal Abdullah. (1990). *Kesenian Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asaf Hussain. (1990). Mass media and disinformation. In *western conflict with Islam survey of the anti-Islamic tradition UK* (pp. 57).
- Awang Rosli Awang Jaya. (1991). *Media import ancam budaya kita*. Kuala Lumpur: Dewan Budaya.
- Azril Mohd Amin. (1996, 28 Ogos). *Mendidik generasi merdeka dengan budaya kita*. Berita Harian.

- Dalu Jones. (1978). Surface, pattern and light. In George Michell, *architecture of the Islamic world – its history and social meaning* (pp. 162). Themes and Hudson, London.
- Dasuki Hj. Ahmad. (1996). Pembangunan dakwah menerusi aktiviti kebudayaan di Malaysia. *Seminar Kebangsaan dan Pengurusan Islam UKM*, 1-2.
- Effat al-Sharqawi. (1988). *Filosafat kebudayaan Islam*. Bandung: Penerbitan Pustaka.
- Ernst Diez. (1988). A stylistic analysis of Islamic art. In Art Islamic. *Ann Arbor University of Michigan Press*.
- Haji Ahmad Asnawi Hj. Hassan. (1996). *Prinsip-prinsip pengucapan awam dan khutbah*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- H. Ending Saifuddin Anshari. (1980). *Islam dan seni dalam kuliah al-Islam*. Bandung: Pustaka Perpustakaan Salman ITB.
- Ibrahim Titus Burkhardt. (1982). The role of fine arts in muslim education. In S. H Nasr, *Philosophy, literature and fine arts* (pp. 44). Jeddah: King Abdul Aziz University.
- Ismail R. Faruqi. (1980). *Islam and culture*. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia.
- Manja Mohamad Ludin & Ahmad Suhaimi Haji Mohd Nor. (1995). *Aspek-aspek kesenian Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Abu Bakar. (1985). Pengislaman, pembudayaan dan pertembungan budaya di Malaysia ke arah pemupukan kebudayaan yang berteraskan dan bertemakan Islam. Dalam Dr. Wan Abd. Kadir Yusoff, *Ideologi dan kebudayaan kebangsaan*. Kuala Lumpur, Jabatan Pengajian Melayu: Universiti Malaya.
- M. Jussof Taib. (1991). *Antara karyawan dan ulamak*. Kuala Lumpur: Dakwah.
- M. Nur Alian. (1963). *Agama dan kebudayaan nasional*. Jakarta: Tintamas.
- Muhammad Uthman El-Muhammady (1977). Peranan Islam dalam pembentukan kebudayaan melayu. Dalam Islam dan kebudayaan Melayu (pp. 129). Kuala Lumpur, Kementerian Belia dan Sukan.
- Muhammad Qutb. (1984). *Konsepsi sejarah dalam Islam*. Kuala Lumpur: Gedung Gua.

- Norazwan Yaakub. (1991). *Lukisan adalah wadah dakwah*. Kuala Lumpur: Dakwah.
- Noritah Sulaiman. (1993). *Antara seni dan tanggungjawab agama*. Al-Islam.
- Pahrol Muhammad Juoi. (1990). *Sifat-sifat penulis yang baik*. Kuala Lumpur: Sasaran.
- Sidi Gazalba. (1988). *Islam dan kesenian; relevansi dan seni budaya*. Jakarta: Pustaka al-Husna.
- Shafie Abu Bakar. (1990). Keindahan dalam kesenian Islam. Dalam Ahmad Kamal Abdullah, Kesenian Islam (pp. 90-92). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shukri Zain. (1985). Islam dan Kesusteraan. Dalam Jawatankuasa Penutur DBP Brunei, Sumbangsih (pp. 41). Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- Syed Arabi Idid & Rahmah Hasyim. (1989). Muslim media: some considerations. *Konferensi Nasional Komunikasi dari Perspektif Islam, School of Mass Communication ITM*, 3.
- Syed Hossein Nasr. (1987). *Islamic art and spiritually*. Suffolk: Golgonoo Press.
- Syed H. pasha. (1993). Towards a culture theory of political ideology and mass media. *The Muslim World, Media, Culture and Society*, 15(1). 75-76.
- Syed Qutb. (1979). *Petunjuk sepanjang jalan*. Kuala Lumpur: El-Ikhwan Enterprise.
- Zulkiple bin Abd. Ghani. (1996). Dakwah di era teknologi maklumat: cabaran dan prospek masa depan. *Seminar kebangsaan dakwah dan pengurusan Islam*, 8-9.

AMALAN SYIRIK DALAM MASYARAKAT ISLAM

Oleh:

Muhammad Harmila bin Anuar, Karia bin Haji Rahmat, Shuhaimi bin Supani

ABSTRAK:

Penulisan ini membincangkan tentang amalan syirik dalam masyarakat Islam. Motif utama penulisan ini ialah untuk mengetahui sejauh mana pengetahuan kita mengenai syirik, yang berhubungan dengan hukum serta amalan-amalan yang menyebabkan terjadinya syirik kepada Allah SWT. Perbincangan tentang cara kehidupan dan ajaran Islam yang syumul dijadikan sebagai landasan membenteng diri dari kancang syirik. Turut dibincang dalam penulisan ini adalah bagaimana cara untuk menghindari diri dari terjerumus dalam masalah syirik. Justeru itu, penulisan ini diharap dapat membantu kita sebagai umat Islam menyiapkan diri dengan ilmu yang berhubungan permasalahan akidah dan tauhid yang menjadi pokok atau dasar pegangan hidup kita di dunia yang bersifat fana' dan untuk meraih kebahagiaan hidup di akhirat yang kekal abadi.

KATA KUNCI: Amalan syirik, masyarakat Islam.

PENDAHULUAN

Amalan *syirik* adalah merupakan dosa besar. Menyekutukan Allah dengan sesuatu adalah terpesong dari pengamalan *akidah* yang benar dan amat dimurkai olehNya. Oleh itu, tetaplah *istiqamah* untuk menyembah Allah Yang Maha Esa serta memohon untuk dijauhi dari amalan dan perbuatan *syirik*. Amalan *syirik* amat menghuru-harakan sebuah kehidupan dan perlu ditolak dengan kebenaran ilmu *wahyu*. Oleh itu, beberapa amalan *syirik* dalam masyarakat Islam perlulah diketahui dengan lebih mendalam agar kita terhindar dari mudharat *syirik*. Marilah kita renungkan puisi tentang “**Bencana Syirik**” oleh Karia bin Haji Rahmat⁴¹ seperti berikut:

⁴¹ Karia Bin Haji Rahmat. 2017. Bencana **Syirik** dalam Ikmas Melangkah Maju. Koleksi Puisi. Bahan Tidak Diterbit. m/s 108.

Wahyu Tuhan telah mengisyaratkan
 Allah itu Maha Esa
 Sembahlah Dia
 Demi sebuah hidup abadi

Walau terdetik sekelumit cuma
 Pun juga segunung engkar
Syirik itu tiada ampunan
 Melainkan bicara neraka *jahanam*

Bencana *syirik*
 Satu huru-hara syaitan
 Melakukan kebohongan
 Menarikkan kepalsuan

Kembalilah insan tersesat
 Dengan taubat *nasuha* satu bicara suci
 Usah menoleh pada lambaian *syirik* lagi
 Pasti Allah akan merahmati

DEFINISI SYIRIK

Syirik menurut bahasa iaitu bermaksud mensekutukan, yang seerti dengannya iaitu menduaikan atau menyamakan sesuatu dengan sesuatu. Manakala menurut *syarak* pula ialah mempersekuatkan Allah dengan sesuatu yang lain (Mohammad Sofwan, 1990). Menurut Kamus Dewan, perkataan *syirik* diambil dari bahasa Arab dan diberi dua definisi, yang pertama bermaksud perbuatan yang mensekutukan Allah dengan yang lain, seperti ibadah selain kerana Allah dengan menyembah patung, tempat keramat. Kedua adalah dosa (Kamus Dewan, 1998).

Dalam tulisan Prof. Dr. M. Matuwali Sya'rawi (1988), berhubungan dengan maksud *syirik* ini, beliau menjelaskan *syirik* ini adalah mengakui bahawa Allah itu ada tetapi ada yang menyertai dan menyamaiNya. Dengan erti kata lain untuk mudah difahami *syirik* adalah percaya serta yakin akan kewujudan Allah namun pada masa yang sama turut meyakini kewujudan Allah itu disertai dengan kewujudan tuhan-tuhan yang lain atau kuasa-kuasa yang lain sama ada kekuasaan itu setanding atau tidak

setanding denganNya. Beliau membahagikan golongan *syirik* itu kepada dua bahagian, iaitu:

- i. Mereka mempercayai kesepakatan antara dua tuhan (bersatu).
- ii. Mereka mempercayai perselisihan antara dua tuhan (tidak bersatu).

Abu Bahili An-Nahli (1996) berpendapat perbuatan mensekutukan Allah SWT (*syirik*) membuat sekutu bagi Allah dalam kemutlakan Allah sebagai Tuhan dan beliau menegaskan orang yang melakukan *syirik* itu dinamakan *musrik*. Menurut al-Manawi seperti yang dinukilkkan oleh Abu Ar-Razi Al-Ahmad (2000) menyatakan bahawa: “*syirik* adalah menyamakan sesuatu urusan khusus kepada seseorang tanpa diperintahkan.

Berdasarkan beberapa penjelasan di atas, tegasnya amalan *syirik* adalah bercanggah dengan ajaran Islam sebagaimana firman Allah SWT:

مَا اتَّخَذَ اللَّهُ مِنْ وَلَدٍ وَمَا كَانَ مَعَهُ مِنْ إِلَهٌ إِذَا لَذَّهَبَ كُلُّ إِلَهٍ بِمَا خَلَقَ
وَلَعَلَّا بَعْضُهُمْ عَلَى بَعْضٍ سُبْحَنَ اللَّهُ عَمَّا يَصِفُونَ

Maksudnya: “Allah tidak sekali-kali mempunyai anak, dan tidak ada sama sekali sebarang tuhan beserta-Nya; kalaulara ada tentulah tiap-tiap tuhan itu akan menguasai segala yang diciptakannya, dan tentulah setengahnya akan bertindak atas setengahnya yang lain. Maha Suci Allah dari apa yang mereka katakan.”

[Surah al-Mu’minun, ayat 91]

HUKUM SYIRIK

Firman Allah SWT:

وَإِذْ قَالَ لُقْمَانُ لِابْنِهِ وَهُوَ يَعْظُمُهُ يَسِّئَ لَا شُرِكَ بِاللَّهِ إِنَّ الشِّرْكَ أَلَّا طَمَّ

١٣ عَظِيمٌ

Maksudnya: “Dan tatkala Luqman berkata kepada anaknya, semasa ia memberi nasihat kepadanya: Wahai anakku,

janganlah engkau memperseketukan Allah sesungguhnya perbuatan syirik itu adalah satu kezaliman yang besar”.

[Surah Luqman, ayat 13]

Justeru itu, Allah SWT mengutuk perbuatan *syirik* ini sekeras-kerasnya. Di antara sebabnya adalah:

1. *Syirik* melanggar ajaran tauhid yang menjadi roh agama Islam dan asas ajaran Nabi.
2. Berbeza dengan dosa-dosa yang lain seperti mencuri, berjudi, berdusta, khianat dan sebagainya, *syirik* adalah dosa yang secara langsung menyentuh zat Allah SWT (Abu Bahili An-Nahili, 1996)

Sesungguhnya *syirik* itu adalah dosa besar yang tidak diampunkan Allah SWT. Firman Allah SWT:

إِنَّ اللَّهَ لَا يَعْفُرُ أَن يُشْرِكَ بِهِ وَيَعْفُرُ مَا دُونَ ذَلِكَ لِمَن يَشَاءُ وَمَن يُشْرِكْ
بِاللَّهِ فَقَدْ أَفْتَرَى إِنَّمَا عَظِيمًا

Maksudnya: “Sesungguhnya Allah tidak akan mengampunkan dosa syirik, dan akan mengampunkan dosa yang lain dari itu bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya. Dan sesiapa yang memperseketukan Allah (dengan sesuatu yang lain), maka sesungguhnya ia telah melakukan dosa yang besar”.

[Surah an-Nisa, ayat 48]

FirmanNya lagi:

إِنَّ اللَّهَ لَا يَعْفُرُ أَن يُشْرِكَ بِهِ وَيَعْفُرُ مَا دُونَ ذَلِكَ لِمَن يَشَاءُ وَمَن
يُشْرِكْ بِاللَّهِ فَقَدْ ضَلَّ بَلَّا بَعِيدًا

Maksudnya: “Sesungguhnya Allah tidak mengampuni dosa memperseketukan-Nya dengan sesuatu, dan akan mengampunkan yang lain daripada kesalahan itu bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya; dan sesiapa yang memperseketukan Allah, maka sesungguhnya ia telah sesat dengan kesesatan yang sejauh-jauhnya”.

[Surah an-Nisa, ayat 116]

Allah SWT menegaskan bahawa orang yang *musyrik* itu tempatnya adalah di neraka sebagaimana firman-Nya dalam surah al-Maidah, ayat 72:

لَقَدْ كَفَرَ الَّذِينَ قَالُوا إِنَّ اللَّهَ هُوَ الْمُسِيْحُ ابْنُ مَرْيَمَ وَقَالَ الْمُسِيْخُ يَبْنُي
إِسْرَائِيلَ اعْبُدُوا اللَّهَ رَبِّيْ وَرَبَّكُمْ أَنَّهُ مَنْ يُشْرِكُ بِاللَّهِ فَقَدْ حَرَمَ اللَّهُ عَلَيْهِ
الْجَنَّةَ وَمَا مَأْوَاهُ النَّارُ وَمَا لِلظَّالِمِينَ مِنْ أَنْصَارٍ

Maksudnya: “Sesungguhnya telah kafirlah orang yang berkata: Bahwasanya Allah ialah Al-Masih Ibni Maryam. Padahal al-Masih sendiri berkata: Wahai Bani Israil! Sembahlah Allah, Tuhanmu dan Tuhan kamu, bahwasanya sesiapa yang memperseketukan Allah, maka sesungguhnya Allah haramkan kepadanya Syurga, dan tempat kembalinya ialah neraka; dan tiadalah seorang penolong pun bagi orang yang berlaku zalim”.

FirmanNya lagi:

لَقَدْ كَفَرَ الَّذِينَ قَالُوا إِنَّ اللَّهَ ثَالِثُ ثَلَاثَةٍ وَمَا مِنَ الْهُوَ إِلَّا إِلَهٌ وَاحِدٌ وَلَمْ يَنْتَهُوا عَمَّا يَقُولُونَ لَيَمْسِنَ الَّذِينَ كَفَرُوا مِنْهُمْ عَذَابُ الْيَمِّ

Maksudnya: “Sesungguhnya telah kafirlah orang yang berkata: Bahwasanya Allah ialah salah satu dari tiga tuhan. Padahal tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Tuhan yang Maha Esa. Dan jika mereka tidak berhenti dari apa yang mereka katakan itu, sudah tentu akan dikenakan orang yang kafir di antara mereka azab seksa yang tidak terperi sakitnya”.

[Surah al-Maidah, ayat 73]

Sabda Rasulullah SAW mengenai dosa-dosa besar dalam hadis riwayat bukhari dan Muslim:

“Ingatlah bukankah aku telah memberitahu kamu perihal dosa yang paling besar di antara dosa-dosa yang besar? Pertanyaan ini diulang oleh Baginda sebanyak 3 kali. Jawab para sahabat “Benar Ya Rasulullah” Sabda Rasulullah lagi: “Dosa paling besar itu ialah mensekutukan Allah dan berani kepada ibu bapa”. Rasulullah bersandar dan terus duduk. Maka sabda

Baginda lagi: “Ingatlah dosa yang paling besar ialah berkata dusta dan palsu”. Rasulullah tidak berhenti-henti mengulangi hal ini, sehingga kita berkata: “Semoga Baginda diam”.

Dalam hadis Rasulullah yang lain, Baginda bersabda yang bermaksud⁴²:

“Barangsiapa telah berjumpa dengan Allah (meninggal dunia) dalam keadaan syirik kepadaNya dengan sesuatu, maka dia masuk ke dalam neraka”.

[Hadis riwayat bukhari]

Justeru itu, Allah SWT menerangkan hanya mereka yang bertakwa sepuhnya kepada perintahNya adalah tergolong dalam golongan yang akan memperolehi kemenangan. Firman Allah SWT⁴³:

 وَمَنْ يُطِعَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَيَخْشَى اللَّهَ وَيَتَقَبَّلَ كَمَا فَوَّلَ إِلَيْكَ هُمُ الْفَارِثُونَ

Maksudnya: “Dan sesiapa yang taat kepada Allah dan Rasul-Nya, dan takut melanggar perintah Allah, serta menjaga dirinya, maka mereka lah yang beroleh kemenangan”.

[An-Nur, ayat 52]

Hal ini adalah bertepatan dengan hakikat kejadian manusia itu dicipta, iaitu melakukan ibadah kepada Allah sepenuh jiwa dan raganya. Firman Allah dalam-al-Quran surah adz-Dzariat, ayat 56:

 وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّا وَالْإِنْسَا إِلَّا لِيَعْبُدُونَ

Maksudnya: “Dan Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah-Ku”.

BAHAGIAN-BAHAGIAN SYIRIK

Syirik dapat dibahagikan kepada dua bahagian yang utama iaitu *syirik* besar dan *syirik* kecil, walaupun pada hakikatnya ia bersandar pada satu pengertian iaitu menyekutukan Allah namun ia masih mempunyai pengertian-pengertian yang tersendiri. Oleh yang demikian, dalam

⁴² Hadis Riwayat Bukhari.

⁴³ Al-Quran, Surah An-Nur, Ayat 52.

menyampaikan persoalan pembahagian *syirik* ini para ulama Syafi'iah banyak memberi pandangan-pandangan mereka ke atas pembahagian *syirik* tersebut.

Sebagaimana pendapat daripada seorang ulama Syafi'iah yang bernama Raghib al-Ashabani berhubungan pembahagian *syirik* ini, beliau menjelaskan “*Kemuskilan manusia di dalam ad-din (syirik) ada dua jenis, sambung beliau lagi perkara tersebut adalah syirik besar iaitu menetapkan sekutu bagi Allah SWT yang merupakan kekufuran yang besar*”. Manakala *syirik* kedua katanya adalah *syirik khafi* (samar-samar) dan kemunafikan” (Abu Ar-Razi Al-Ahmad, 2000).

Manakala menurut Yusuf al-Qardhawy (2000) berhubungan dengan persoalan *syirik* ini, beliau menyatakan *syirik* terbahagi dua pengertian khusus iaitu *syirik akbar* (besar) dan *syirik ashghri* (kecil). Beliau berpendapat bahawa *syirik akbar* ada dua macam, yang pertama “*zahirun jaliyyun*” iaitu jelas dan terang. *Syirik* ini merupakan *syirik* yang jelas sifatnya mensekutukan Allah seumpama seorang hamba Muslim menyembah atau memuja satu kuasa yang lain yang dianggapnya mampu memakbulkan hajat yang diingini olehnya. Ini adalah perbuatan yang jelas mensekutukan Allah serta tidak meyakini sepenuhnya kekuasaan Allah. Kebiasaan mereka yang melakukan *syirik* yang seumpama ini selalunya menjadikan beberapa unsur untuk dijadikan tuhan atau bahan sembahannya seperti alam cakerawala (matahari, bulan atau bintang-bintang), benda di sekeliling (pohon, awan, gunung-ganang, haiwan dan lain-lain lagi), benda mati atau ciptaannya (patung, ukiran, batu-batu yang berbentuk semulajadi, gambar-gambar yang dilukis sendiri yang dianggap tuhan dan lain-lain). Ada juga yang menyembah atau memuja dan memuji berlebih-lebihan ke atas seseorang yang dianggap berupaya mendatangkan sesuatu yang dihajati makbul, kerana dalam bahasan memuji seseorang atau menjadikannya idola adalah boleh namun tidak dibolehkan pujian itu mendatangkan syak ke atas pemujaan hamba kepada Allah, Tuhan sekalian alam, tidak mendatangkan bandingan kekuasaan Allah kepada yang lain. Kadang-kala mereka yang melakukan *syirik* ini dengan cara menyembah makhluk *ghaib* (jin, syaitan dan malaikat).

Syirik Akbar Yang Tersembunyi

Dalam buku Mastika Hadis (1993), *syirik* besar atau nyata adalah mempercayai adanya sesuatu yang setara dan sebanding dengan Allah SWT yang ditujukan kepadanya doa permohonan, yang dikhaskan kepadanya satu-satu cara ibadah dan ditakuti bala bencananya.

Syirik akbar yang tersembunyi atau samar-samar. Antara perlakuan yang menimbulkan *syirik* jenis ini adalah berdoa dan memohon pertolongan kepada orang yang sudah mati. Samada di perkuburannya atau di mana-mana tempat lain. Mereka yang melakukan hal seumpama ini mempercayai si mati mempunyai *karomah* atau kemuliaan yang terdapat pada *maqamnya* di mana tempatnya disemadikan dan mereka yakin dengan apa yang dipohon di situ akan makbul, pada hakikatnya mereka tidak mengenali siapa sebenarnya yang dimaqamkan di situ atau dengan kata lain amalan itu dilakukan kerana ikut-ikutan sahaja.

Timbulnya permasalahan seperti ini adalah kerana mereka yang melakukan hal ini tidak menganggap doa, meminta pertolongan serta bantuan kepada mereka yang telah mati atau kepada mayat tersebut sebagai ibadah seperti mana amalan *ruku'* dan sujud dalam solat dan amalan-amalan lain yang dituntut oleh agama seperti puasa dan mengerjakan haji. Kenyataan ini memang nampak benar, sekiranya kita tidak mengkaji persoalan itu dengan sedalam-dalamnya dan seadil yang mungkin bahkan mungkin kita turut terjebak sama dalam fenomena ini. Padahal doa yang sebenarnya adalah roh kepada ibadah bahkan sebahagian daripada ibadah seperti yang tercatit dalam hadis Rasulullah SAW⁴⁴ “*Doa adalah ibadah*”

Maka doa adalah sebahagian daripada ibadah dan dengan hanya berdoa sekalipun ke atas sesuatu, di sesuatu tempat atau *maqam* untuk meminta kepada si mati tersebut, maka itu mengibaratkan kita menghambakan diri kepada tempat atau *maqam* tempat kita berdoa atau pun pada si mati tersebut dan secara tidak langsung kita telah melakukan ibadah ke atasnya, kerana kewajiban seseorang hamba adalah melakukan ibadah (doa). Atau ada persoalan yang seumpama ini mereka berkata : “*Kami tidak meyakini bahawa mayat tempat kami bermohon atau berdoa itu seperti kami meyakini adanya Allah dan hanya kami meyakini dengan*

⁴⁴ Hadis Riwayat Tarmidzi, ia berkata ini hadis Hasan Sahih.

berdoa di situ akan cepat makbul setiap apa yang kami hajati kerana syafaat yang dimiliki oleh maqam simati itu, yang menjadi sebagai perantaraan antara kami dengan Allah”.

Sekiranya dilihat pada alasan seperti ini, kita dapati mereka ini menganggap Allah itu semacam Raja atau Menteri atau orang besar yang memerlukan perantaraan apabila hendak berjumpa atau bersua atau berhajat sesuatu kepadaNya. Hal yang seperti ini telah terjadi sejak dahulu lagi dan telah tercatat di dalam Al-Quran di mana mereka mempercayai Allah namun masih menyembah berhala, walaupun hakikatnya mereka meyakini yang berhala itu tidak mampu mendatangkan rezeki atau menghidupkan orang yang telah mati untuk bangkit semula dari matinya dan hanya berkeyakinan bahawa menyembah berhala itu adalah sebagai perantaraan mereka kepada Allah SWT. Hal ini seperti mana yang ditegaskan Allah SWT dalam surah Yunus, ayat 18:

وَيَعْبُدُونَ كَمِنْ دُوبَ الْلَّهِ مَا لَا يَضْرُبُهُمْ وَلَا يَفْعُلُهُمْ وَيَقُولُونَ
هُنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا شُفَعَّوْنَأَعْنَدَ اللَّهَ قُلْ أَتَنْبَئُوكُمْ اللَّهُ بِمَا لَا يَعْلَمُ فِي السَّمَاوَاتِ وَلَا فِي
الْأَرْضِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى عَمَّا يُشَرِّكُونَ ﴿١٨﴾

Maksudnya: “Dan mereka menyembah yang lain dari Allah, sesuatu yang tidak dapat mendatangkan mudarat dan tidak dapat mendatangkan manfaat kepada mereka dan mereka pula berkata: Mereka itu ialah pemberi syafaat kepada kami di sisi Allah. Katakanlah: Adakah kamu hendak memberitahu kepada Allah akan apa yang tidak diketahui-Nya di langit dan di bumi? Maha Suci Allah dan tertinggi keadaan-Nya dari apa yang mereka sekutukan”

Meskipun mereka tidak meyakini sembahyang mereka lakukan ke atas berhala-berhala tersebut mendatangkan manfaat ataupun mampu memberi rezeki atau boleh mendatangkan kemudharatan jika tidak disembah, mahupun boleh menghidupkan orang yang telah mati. Ini telah ditegaskan oleh Allah dalam firmanNya:

وَلَئِنْ سَأَلْنَاهُمْ مَنْ حَلَقَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ لَيَقُولُنَّ خَلَقُهُنَّ الْعَزِيزُ الْعَلِيمُ ﴿١﴾

Maksudnya: “Dan Jika kamu bertanya mereka: Siapakah yang menciptakan langit dan bumi? Mereka akan berkata: Allah Yang Maha Kuasa, lagi Maha Mengetahui”.

[Surah az-Zukhruf, ayat 9]

Sesungguhnya Allah SWT tidak memerlukan perantaraan untuk menghimpun setiap sesuatu doa dari hambaNya seperti mana yang diyakini oleh setiap orang-orang *musyrik*. Bahkan Allah adalah lebih dekat dengan hambaNya melebihi urat nadi hambaNya itu sendiri. Sebagaimana firmanNya dalam surah al-Baqarah, ayat 186:

وَإِذَا سَأَلَكَ عِبَادٍ عَنِّي فَإِنِّي قَرِيبٌ أُحِبُّ دَعْوَةَ الَّذِي أَعْلَمُ إِذَا دَعَانِ

﴿١٨﴾ فَلَيَسْتَجِيبُوا لِي وَلَيُؤْمِنُوا بِي لَعَلَّهُمْ يَرْشُدُونَ

Maksudnya: “Dan apabila hamba-Ku bertanya padamu tentang Aku maka (jawablah): sesungguhnya Aku amat hampir; Aku perkenankan permohonan orang yang berdoa apabila ia berdoa kepadaKu. Maka hendaklah mereka menyahut seruan-Ku, dan hendaklah mereka beriman kepada-Ku supaya mereka menjadi baik dan betul”.

Firman Allah lagi:

وَقَالَ رَبُّكُمْ أَدْعُونِي أَسْتَجِبْ لِكُوَنَ الَّذِينَ يَسْتَكْبِرُونَ عَنِ عِبَادَتِي

﴿٦﴾ سَيِّدُ الْجَنَّاتِ جَهَنَّمَ دَاهِرِينَ

Maksudnya: “Dan Tuhanmu berfirman: Berdoalah kamu kepada-Ku nescaya Aku perkenankan doa permohonan kamu. Sesungguhnya orang yang sompong daripada beribadat dan berdoa kepada-Ku, akan masuk Neraka Jahannam dalam keadaan hina”.

[Surah Mu’min, ayat 60]

Tiada *hijab* atau penghalang doa hamba kepada TuhanYa selagi dia ikhlas bermohon dan berminta kepada TuhanYa dan selagi doa itu adalah bermanfaat serta tidak untuk membinasakan orang lain.

Syirik Kecil

Syirik kecil adalah *riya'*, iaitu ingin mendapatkan pujian dari orang lain dalam beramal (Mohammad Sofwan, 1991). Menurut Dr. Yusuf Qardhawy (2000) *syirik ashghar* termasuk dosa besar, pelaku dan yang terus-menerus melakukannya dikhutirkan mati dalam kondisi kafir, jika tidak segera mendapat rahmat Allah untuk bertaubat sebelum meninggal.

Dalam buku Mastika Hadis (1993) *syirik* kecil atau tersembunyi ialah kepercayaan, perkataan atau perbuatan yang menyebabkan berlakunya *syirik* terhadap kekuasaan atau undang-undang peraturan Allah. Disenaraikan perihal *syirik* yang tersembunyi ini, iaitu;

- i. Mempercayai sesuatu yang boleh mendatangkan atau memberi kesan baik atau buruk.
- ii. Menaruh perasaan takut atau gerun terhadap sesuatu kekuatan selain dari Allah.
- iii. Menumpukan harapan kepada sesuatu yang lain dari Allah.
- iv. Bersumpah dengan sebarang sebutan yang lain daripada menyebut nama atau sifat Allah.
- v. Mengatakan “*kalaulah tidak kerana pertolongan Allah dan pertolongan si anu, tentu aku tidak Berjaya*”.
- vi. Mengatakan “*kalaulah tidak kerana ayam berkокok, polis meronda atau sebagainya, tentulah rumahku dimasuk pencuri*”.
- vii. Melakukan sesuatu ibadah, atau daya usaha pengorbanan atau perjuangan bukan kerana menjunjung perintah Allah semata-mata, tetapi juga untuk tujuan-tujuan yang lain.

BAHAYA SYIRIK SERTA KESAN-KESANNYA

1. Penzaliman ke atas diri muslim

Tiada yang lebih zalim dari menzalimi diri sendiri. Segala yang berunsur *syirik* adalah berdosa besar jika dilakukan samada yang besar mahupun

yang kecil. Sesungguhnya manusia yang melakukan *syirik* ini pada hakikatnya mengetahui apa yang mereka lakukan itu salah namun oleh kerana ajakan materialistik atau kemauan serta keinginan duniawi yang tak putus-putus menuntut mereka melakukan perkara yang di luar batasan akidah serta tauhid. Sehingga ada yang sanggup melakukan kebodohan yang tidak sepatutnya seperti menyediakan “sembah” kepada busut yang tidak bernyawa.

Penzaliman yang paling besar mereka lakukan adalah melanggar hak ketuhanan yang seharusnya dicurahkan sepenuhnya kepada Allah semata-mata. Ini kerana hanya Allah sahajalah yang mampu mengurniakan rezeki serta nikmat-nikmat dunia yang lain jika kita mahu memohon dariNya dengan ikhlas, dan sesungguhnya Allah mengancam mereka yang tidak mahu memohon kepadaNya.⁴⁵

Ternyata sekali mereka yang melakukan *syirik* itu meletakkan diri mereka pada satu tahap yang membahayakan penghidupan mereka di akhirat kelak. Lantaran perbuatan mereka yang menzalimi diri sendiri di dunia yang banyak melakukan *syirik* kepada Allah. Rasulullah SAW pernah bersabda yang bermaksud.⁴⁶ “*Barangsiapa yang telah berjumpa dengan Allah (mati) dalam keadaan syirik kepadaNya dengan sesuatu maka dia masuk neraka jahanam.*”

2. *Syirik mendahului perkara haram yang lain*

Firman Allah SWT⁴⁷:

﴿فُلْ تَعَالَوْ أَشْلُ مَا حَرَّمَ رَبُّكُمْ عَلَيْكُمْ لَا شُرِّ كُوَا بِهِ
شِيَّعَ وَبِالْوَلَدِينِ إِحْسَنَا وَلَا تَقْتُلُوا أَوْلَادَكُمْ مِنْ إِمْلَاقٍ نَّحْنُ
نَرْزُفُكُمْ وَإِيَّاهُمْ وَلَا تَقْرُبُوا الْفَوَاجِشَ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ وَلَا
تَقْتُلُوا النَّفْسَ الَّتِي حَرَّمَ اللَّهُ إِلَّا بِالْحَقِّ ذَلِكُمْ وَصَدَّكُمْ بِهِ لَعْلَّكُمْ
تَعْقِلُونَ﴾

⁴⁵ Rujuk Al-Quran, Surah Al-Mu'min, Ayat 60.

⁴⁶ Hadis Riwayat Bukhari.

⁴⁷ Al-Quran, Surah Al-An'am, Ayat 151.

Maksudnya: “Katakanlah: Marilah aku bacakan apa yang telah diharamkan oleh Tuhanmu kepadamu, iaitu janganlah kamu sekutukan dengan Allah sesuatu apapun; dan hendaklah membuat baik kepada ibu bapa; dan janganlah kamu membunuh anak-anak kamu kerana kepapaan, Kamilah yang memberi rezeki kepadamu dan kepada mereka; dan janganlah kamu hampiri kejahatan-kejahatan yang terang daripadanya dan yang tersembunyi; dan janganlah kamu membunuh jiwa yang telah diharamkan Allah melainkan dengan jalan yang hak. Dengan yang demikian itulah Allah perintahkan kamu, supaya kamu memahaminya”.

Ayat di atas menunjukkan Allah menjadikan *syirik* larangan pertama sebelum memberi larangan yang menjadi perbuatan yang turut diharamkan oleh Islam serta hukumnya adalah berdosa besar, iaitu menderhaka kepada ibu bapa.

Firman Allah lagi⁴⁸ :

﴿وَقَضَى رَبُّكَ لَا تَعْبُدُوا إِلَّا إِيَاهُ وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَنَا إِمَّا يَبْلُغُنَّ عِنْدَكُمْ الْكِبَرَ أَحَدُهُمَا أَوْ كِلَّاهُمَا فَلَا تَنْقُلْ لَهُمَا أُفْرِّيٌّ وَلَا شَهَرُهُمَا وَقُلْ لَهُمَا فَوْلَأٌ كَرِيمًا﴾

(۲۳)

Maksudnya: “Dan Tuhanmu telah perintahkan, supaya engkau tidak menyembah melainkan kepada-Nya, dan hendaklah engkau berbuat baik kepada kedua ibu bapa. Jika salah seorang dari keduanya, atau kedua-duanya sekali, sampai kepada umur tua dalam jagaan dan peliharaanmu, maka janganlah engkau berkata kepada keduanya sekalipun perkataan ‘ah’, dan janganlah engkau menengking mereka, tetapi katakanlah kepada mereka perkataan yang mulia”.

Rasulullah bersabda⁴⁹, yang bermaksud:

“Jibrail datang kepadaku, maka dia membawa khabar gembira kepadaku bahawa siapa yang mati dalam keadaan

⁴⁸ Al-Quran, Surah Al-Isra’ Ayat 23.

⁴⁹ Hadis Riwayat Bukhari dan Muslim.

tidak mensekutukan Allah dengan sesuatu daripada kalangan umai tuan, maka dia akan dapat masuk syurga.” Aku bertanya:” Bagaimana seandainya dia berzina dan mencuri? Jibrail menjawab: “Sekalipun dia berzina dan mencuri”. Aku menegaskan: “Seandainya dia berzina dan mencuri”. Jibrail menegaskan: “Sekalipun dia berzina dan dia mencuri”, Aku bertanya lagi: “Sekiranya berzina dan dia mencuri dan minum arak”. Manakala menurut sebahagian riwayat ada ditambah kata-kata: “Sekalipun terhina Abu Dzarr (sebab melakukan sesuatu dosa).

Dalam sabda Rasulullah yang lain⁵⁰, yang bermaksud:

“Jauhilah olehmu tujuh macam dosa besar iaitu: Menyekutukan Allah, melakukan sihir, membunuh jiwa yang diharamkan oleh Allah kecuali ada alasan yang dibenarkan, memakan harta anak yatim, melarikan diri dari perperangan dan menuduh perempuan terhormat (baik) yang beriman berzina”.

3. Syirik menjatuhkan martabat orang merdeka ke martabat yang lebih rendah dari hamba abdi

Firman Allah SWT⁵¹ :

وَيَعْبُدُونَ مِنْ دُونِ اللَّهِ مَا لَا يَضْرُبُهُمْ وَلَا يَنْفَعُهُمْ وَيَقُولُونَ هَؤُلَاءِ
شُفَعَتُوْنَا عِنْدَ اللَّهِ قُلْ أَتَنْبَيُونَ اللَّهَ بِمَا لَا يَعْلَمُ فِي السَّمَاوَاتِ
وَلَا فِي الْأَرْضِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى عَمَّا يُشَرِّكُونَ ﴿١٨﴾

Maksudnya: “Dan mereka menyembah yang lain dari Allah, sesuatu yang tidak dapat mendatangkan mudarat dan tidak dapat mendatangkan manfaat kepada mereka dan mereka pula berkata: Mereka itu ialah pemberi syafaat kepada kami di sisi Allah. Katakanlah: Adakah kamu hendak memberitahu

⁵⁰ Hadis Riwayat Bukhari dan Muslim.

⁵¹ Al-Quran, Surah Yunus, Ayat 18.

kepada Allah akan apa yang tidak diketahui-Nya di langit dan di bumi? Maha Suci Allah dan tertinggi keadaan-Nya dari apa yang mereka sekutukan”.

Pada ayat ini kita lihat manusia semacam ini lemah dan tiada upaya berbanding makhluk ciptaan Allah yang lain sehingga menjadikan sebahagian alam ini sebagai perantaraannya kepada Allah sedangkan telah ditegaskan manusia ini adalah sebaik-baik kejadian ciptaan Allah bahkan manusia itu mampu melebihi batasan kejadian malaikat.

4. Syirik merupakan satu dosa yang tak terampun

Allah berfirman⁵² :

إِنَّ اللَّهَ لَا يَغْفِرُ أَن يُشْرِكَ بِهِ وَيَغْفِرُ مَا دُونَ ذَلِكَ لِمَن يَشَاءُ وَمَن يُشْرِكُ
بِاللَّهِ فَقَدْ أَفْتَرَ إِثْمًا عَظِيمًا

Maksudnya; “Sesungguhnya Allah tidak akan mengampunkan dosa syirik, dan akan mengampunkan dosa yang lain dari itu bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya. Dan sesiapa yang mempersekuatkan Allah (dengan sesuatu yang lain), maka sesungguhnya ia telah melakukan dosa yang besar”.

Firman-Nya lagi⁵³ :

إِنَّ اللَّهَ لَا يَغْفِرُ أَن يُشْرِكَ بِهِ وَيَغْفِرُ مَا دُونَ ذَلِكَ لِمَن يَشَاءُ وَمَن
يُشْرِكُ بِاللَّهِ فَقَدْ ضَلَّ ضَلَالًا بَعِيدًا

Maksudnya: “Sesungguhnya Allah tidak mengampuni dosa mempersekuatkan-Nya dengan sesuatu, dan akan mengampunkan yang lain daripada kesalahan itu bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya; dan sesiapa yang mempersekuatkan Allah, maka sesungguhnya ia telah sesat dengan kesesatan yang sejauh-jauhnya”.

⁵² Al-Quran, Surah An-Nisa' Ayat 48.

⁵³ Al-Quran, Surah An-Nisa' Ayat 116.

Firman Allah lagi⁵⁴:

فَمَنْ ثَقُلَتْ مَوَازِينُهُ، فَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ١٠٢
وَمَنْ خَفَّتْ مَوَازِينُهُ، فَأُولَئِكَ الَّذِينَ حَسِرُوا أَنفُسَهُمْ فِي جَهَنَّمَ خَلَدُونَ ١٠٣
تَلْفُعُ وُجُوهَهُمْ أَنَارَ وَهُمْ فِيهَا كَلَّا مُحْوتَ ١٠٤

Maksudnya: “Maka sesiapa yang berat timbangan amal baiknya, maka mereka itulah orang yang berjaya. Dan sesiapa yang ringan timbangan amal baiknya, maka mereka kalah orang yang merugikan dirinya sendiri; mereka kekal di dalam Neraka Jahanam. Api neraka itu membakar muka mereka, dan tinggallah mereka di situ dengan muka yang hodoh cacat”.

Dalam Firman-Nya lagi⁵⁵:

تُسْقَى مِنْ عَيْنٍ عَانِيَةٍ ٥ لَيْسَ لَهُمْ طَعَامٌ إِلَّا مِنْ ضَرِيعٍ ٦
لَا يُسْمِنُ وَلَا يُغْنِي مِنْ جُوعٍ ٧

Maksudnya: “Mereka diberi minum dari mata air yang menggelegak panasnya. Tiada makanan bagi mereka (di situ) selain dari pokok-pokok yang berduri. Yang tidak menggemukkan, dan tidak pula dapat menghilangkan sedikit kelaparan pun”.

Ringkasnya seksaan yang akan menanti mereka yang melakukan dosa-dosa besar yang berupa *syirik* kepada Allah pastilah suatu azab seksa yang tiada terhingga dan tidak termampu kita bayangkan betapa pedihnya kesakitan yang mereka akan tanggung.

5. Orang *Musyrik* akan diperangi oleh orang-orang Muslim serta mereka mati dalam kehinaan

Syariat sememangnya mengambil berat serta melihat fenomena ini sebagai sesuatu yang serius, bukan sahaja meletakkan hukumnya sebagai haram malah mereka yang melakukannya mendapat tentangan serta akan

⁵⁴ Al-Quran, Surah *Al-Mu'minun*, Ayat 102-104.

⁵⁵ Al-Quran, Surah *An-Nisa'*, Ayat 116.

diperangi sehingga fenomena ini tidak berleluasa. Ini merupakan perintah dan arahan Allah SWT. Firman Allah SWT⁵⁶:

إِنَّ عَدََّ الْشُّهُورِ عِنْدَ اللَّهِ اثْنَا عَشَرَ شَهْرًا فِي كِتَابِ اللَّهِ يَوْمَ خَلَقَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ مِنْهَا أَذْبَكَهُ حُرُومٌ ذَلِكَ الَّذِينَ أَفْعَلُوكُمْ فَلَا يَظْلِمُوا فِيهِنَّ أَنفُسَكُمْ وَقَدِيلُوا الْمُشْرِكُونَ كَافَةً كَمَا يَقْنَطُلُوكُمْ كَافَةً وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ مَعَ الْمُتَّقِينَ ٦٣

Maksudnya: “Sesungguhnya bilangan bulan-bulan di sisi Allah ialah dua belas bulan dalam Kitab Allah semasa Ia menciptakan langit dan bumi, antaranya empat bulan yang dihormati. Demikianlah agama yang lurus, maka janganlah kamu menganiaya dirimu dalam bulan-bulan itu; dan perangilah kaum kafir musyrik seluruhnya sebagaimana mereka memerangi kamu seluruhnya; dan ketahuilah sesungguhnya Allah beserta orang yang bertakwa”.

Sesungguhnya perbuatan *syirik* kepada Allah ini akan menimbulkan rasa benci orang-orang Muslim yang lain kepada si pelaku di atas kejahilan serta kebodohan mereka itu. Ini adalah kerana terlalu banyak peringatan serta ancaman dari Allah melalui ayat-ayat di dalam al-Quran. Maka kesannya Allah melarang ke atas Muslim yang lain supaya tidak mendoakan serta beristi’far sekiranya *Musyrik* tersebut mati dalam keadaan tidak sempat bertaubat. Firman Allah⁵⁷:

مَا كَانَ لِلنَّبِيِّ وَالَّذِينَ آمَنُوا أَنْ يَسْتَغْفِرُوا لِلْمُشْرِكِينَ وَلَوْ كَانُوا أُولَئِي قُرْبَةٍ مِنْ بَعْدِ مَا تَبَيَّنَ لَهُمْ أَنَّهُمْ أَصْحَابُ الْجَنَّةِ ١١٣

Maksudnya: “Tidaklah dibenarkan bagi Nabi dan orang yang beriman, meminta ampun bagi orang yang Musyrik, sekali pun orang itu kaum kerabat sendiri, sesudah nyata bagi mereka bahawa orang Musyrik itu adalah ahli neraka”.

Firman-Nya lagi⁵⁸:

أَسْتَغْفِرْ لَهُمْ أَوْ لَا تَسْتَغْفِرْ لَهُمْ إِنْ تَسْتَغْفِرْ لَهُمْ سَبْعِينَ مَرَّةً فَلَنْ يَغْفِرَ اللَّهُ لَهُمْ ذَلِكَ بِأَنَّهُمْ كَفَرُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ وَاللَّهُ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الْفَاسِقِينَ ٨٤

⁵⁶ Al-Quran, Surah At-Taubah, Ayat 36

⁵⁷ Al-Quran, Surah At-Taubah, Ayat 113

⁵⁸ Al-Quran, Surah At-Taubah, Ayat 80


Maksudnya: “Sama sahaja engkau meminta ampun untuk mereka atau engkau tidak meminta ampun bagi mereka. Jika engkau meminta ampun bagi mereka tujuh puluh kali (sekali pun) maka Allah tidak akan mengampunkan mereka; yang demikian itu, kerana mereka telah kufur kepada Allah dan Rasul-Nya; dan Allah tidak akan memberi hidayah petunjuk kepada kaum yang fasik”.

Faktor-Faktor Syirik

Salah satu amalan *syirik* ialah memohon sesuatu selain daripada Allah SWT. Antara amalan-amalan tersebut ialah;

1. Meminta pertolongan daripada jin

Meminta pertolongan daripada jin selalunya dilakukan oleh bomoh-bomoh serta dukun-dukun. Di dalam Al-Quran, Allah berfirman⁵⁹ berkaitan dengan makhluk Jin:



“Dan Ia telah menciptakan jin dari lidah api yang menjulang-julang”.

FirmanNya⁶⁰ lagi:



“Dan jin pula, Kami jadikan dia sebelum itu, dari angin api yang panasnya menyerap ke liang bulu rompa”.

At-Tabari seperti mana yang dipetik Muhammad Ramzi Omar (2000), menyatakan tentang ayat di atas seperti berikut: “Yang dimaksudkan dengan Jin dalam ayat tersebut adalah iblis, bapa kepada jin. Beliau mengatakan: para ahli takwil berselisih pendapat tentang maksud “Nar Alsamun” sebahagian mereka mengatakan: api panas yang membunuh sebahagian lagi mengatakan pecahan daripada percikan api”.

⁵⁹ Al-Quran, Surah Ar-Rahman, Ayat 15.

⁶⁰ Al-Quran, Surah Al-Hijr, Ayat 27.

Sesungguhnya memohon sesuatu dengan jin pasti ada ganjaran atau berupa upah kepada jin tersebut. Ini kerana mustahil untuk seseorang manusia itu mampu menundukkan jin melainkan dengan bersyarat. Berlainan dengan Nabi Sulaiman, beliau merupakan seorang nabi Allah yang telah diberi *mukjizat* yang mana mampu mengarahkan jin bekerja di bawah pemerintahannya. Tidak ada seorang manusia pun yang mampu mengarah jin tanpa bersyarat seperti contoh, disuruh untuk melakukan sesuatu perbuatan yang keji atau melakukan pemujaan ke atas jin-jin tersebut. Ini jelas perbuatan tersebut telah jauh terpesong dari jalan *syariat* agama Allah, ianya melanggar batasan pengabdian diri seseorang hamba kepada pencipta asalnya.

Firmah Allah SWT⁶¹ :

 إِنَّمَا سُلْطَنَنَا عَلَى الْذِي يَتَوَلَّهُ وَالَّذِينَ هُمْ بِهِ مُشْرِكُونَ

“Sesungguhnya pengaruh Syaitan itu hanyalah terhadap orang yang menjadikannya pemimpin mereka, dan orang yang mempersekuatkan Allah”.

Firman-Nya lagi⁶²:

 وَإِنَّ جَهَنَّمَ لَمَوْعِدُهُمْ أَجَمِيعِينَ

“Dan sesungguhnya Neraka Jahanam itu, tempat yang dijanjikan bagi sekalian mereka yang menurutmu”.

Berdasarkan keterangan di atas, dapatlah disimpulkan bahawa bermohon dengan sesuatu makhluk lain, selain Allah adalah punca utama yang menyumbang ke arah fenomena *syirik* dan tempat kembali bagi golongan ini adalah di dalam Neraka Jahanam.

2. Mempercayai tukang ramal

Tukang ramal adalah orang yang mengaku mengetahui perkara-perkara yang tersembunyi. Mereka mendakwa mengetahui di mana barang yang dicuri berada, tempat barang yang hilang dan sebagainya. Kebolehan yang dimiliki oleh orang seumpama ini dapat dilihat pada dua perkara; Pertama:

⁶¹ Al-Quran, Surah An-Nahl, Ayat 100.

⁶² Al-Quran, Surah Al-Hijr, Ayat 43.

mengaku mengetahui perkara yang tersembunyi. Kedua: cara menekaneka (Muhammad Sofwan, 1991).

Maka sesiapa mempercayai tukang ramal bererti dia telah melakukan satu dosa besar, sebab pada dasarnya kunci dari segala uruan *ghaib* itu hanya ada pada kekuasaan Allah. Hanya Allah sahaja yang mengetahui sesuatu yang *ghaib* yang tidak mampu dilihat oleh mata kasar manusia sedangkan Rasul serta nabi-nabi utusanNya amat terbatas pengetahuan mereka tentang perkara-perkara *ghaib* ini.

Allah telah menegaskan perkara ini⁶³:

عَلِمَ اللَّهُ الْغَيْبُ فَلَا يُظْهِرُ عَلَى غَيْبِهِ أَحَدًا ﴿٦﴾
إِلَّا مَنْ أَرَضَنِي مِنْ رَسُولِي إِنَّهُ يَسْكُنُ مِنْ بَيْنِ يَدَيْهِ وَمِنْ خَلْفِهِ رَصَدًا ﴿٦٧﴾

“Tuhanlah sahaja yang mengetahui segala yang *ghaib*, maka Ia tidak memberitahu perkara *ghaib* yang diketahui-Nya itu kepada sesiapa pun. Melainkan kepada sesiapa yang diredhai-Nya dari Rasul-Nya maka Ia mengadakan di hadapan dan di belakang mereka malaikat yang menjaganya”.

Sabda Rasulullah SAW⁶⁴ :

Dari Abu Hurairah Rasulullah SAW bersabda: “*Barang siapa yang mendatangi tukang ramal dan dukun kemudian dia membenarkan apa yang telah dikatakan kepadanya maka sesungguhnya dia telah ingkar terhadap apa yang telah diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW*”.

Sebagai hamba-Nya yang lemah, tiadalah kemampuan seumpama itu dimiliki oleh kita. Namun jika kita mempercayai tukang ramal dan tilik nasib, maka kita tergolong dalam golongan yang menolak atau menafikan kekuasaan yang Allah miliki.

Dalam hubungan ini, Allah menegaskan⁶⁵:

قُلْ لَا يَعْلَمُ مَنْ فِي السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ الْغَيْبَ إِلَّا اللَّهُ وَمَا يَشْعُرُونَ آيَاتٍ مُّبَيِّنَاتٍ

⁶³ Al-Quran, Surah Al-Jin, Ayat 26-27.

⁶⁴ Hadis Riwayat Daud At-Tarmidzi dan Ibnu Majah.

⁶⁵ Al-Quran, Surah An-Naml, Ayat 65

“Katakanlah lagi: Tiada sesiapa pun di langit dan di bumi yang mengetahui perkara yang ghaib melainkan Allah! Dan tiadalah mereka menyedari bilakah masing-masing akan dibangkitkan hidup semula”.

Tegas-Nya lagi⁶⁶:

﴿وَعِنْدُهُ مَقَاطِعُ الْغَيْبِ لَا يَعْلَمُهَا إِلَّا هُوَ وَيَعْلَمُ مَا فِي الْأَرْضِ وَالْبَحْرِ وَمَا سَقَطَ مِنْ رَزْكٍ إِلَّا يَعْلَمُهَا وَلَا جَنَّةٌ فِي ظُلْمَنَاتِ الْأَرْضِ وَلَا رَبْطٌ وَلَا يَأْتِي إِلَّا فِي كِتَابٍ مُّبِينٍ﴾⁶⁷

“Dan di sisi Allah jualah segala yang ghaib, tiada sesiapa yang mengetahui apa yang ada di darat dan di laut; dan tidak gugur sehelai daun pun melainkan Ia mengetahuinya, dan tidak gugur sebutir biji pun dalam kegelapan bumi dan tidak yang basah dan yang kering, melainkan (semuanya) ada tertulis di dalam Kitab (Lauh Mahfuz) yang terang nyata”.

3. Mengamalkan sihir

Sabda Rasulullah SAW⁶⁸: “Ada tiga golongan yang tidak dapat masuk syurga iaitu peminum arak, orang yang memutuskan hubungan silaturrahim dan orang yang membenarkan sihir”.

Sabdanya lagi⁶⁸: “Sesungguhnya *jampi-jampi, azimat* dan *tilawah* itu adalah termasuk *syirik*”.

Tilawah dalam hadis tersebut membawa maksud sejenis *sihir* yang digunakan untuk mendapatkan cinta dari seseorang gadis yang disukai walau hakikatnya beliau tidak mencintai kita pada asalnya. Jika terkena *sihir* ini si gadis jatuh cinta pada si pengguna *sihir* tersebut.

Perbuatan ini termasuk *syirik* kerana ia telah melawan kekuasaan Allah serta ketentuanNya dengan cara yang tidak *diredhai* yakni bukan dengan usaha yang betul serta ia melanggar batasan hukum *syarak*. Lagipun perbuatan *sihir* ini adalah perbuatan yang memohon pertolongan

⁶⁶ Al-Quran, Surah An'am, Ayat 59.

⁶⁷ Hadis Riwayat Ahmad dan Hakim.

⁶⁸ Hadis Riwayat Ahmad dan Abu Daud.

dari syaitan serta *sihir* tersebut adalah merupakan perbuatan syaitan. Allah SWT telah menegaskan⁶⁹:

وَأَتَبْعَوْا مَا تَنْلُوا الشَّيْطَانُ عَلَىٰ مُلْكِ سُلَيْمَانَ وَمَا كَفَرَ شَلِيمَانُ وَلَكِنَّ أَشَيَّطِينَ كَفَرُوا يَعْلَمُونَ
 اُنَّا سَاحِرٌ وَمَا أُنْزِلَ عَلَى الْمَلَكَيْنِ بِإِبْرَاهِيمَ هَذِهِ رُوتَ وَمَرْوَتْ وَمَا يَعْلَمَانِ مِنْ أَمْلَى حَقًّا يَقُولُوا إِنَّمَا هُنَّ
 فِتَنَةٌ فَلَا تَكْفُرُ فَيَتَعْلَمُونَ مِنْهُمَا مَا يَقْرِئُونَ بِهِ بَيْنَ الْمَرْءَ وَزَوْجِهِ وَمَا هُمْ بِضَاكِرَيْنَ بِهِ مِنْ أَحَدٍ
 إِلَّا يَأْذِنُ اللَّهُ وَيَنْعَمُونَ مَا يَصْرُهُمْ وَلَكَنَّ عَلِمُوا لَمَنِ أَشْرَنَهُ مَا لَهُ فِي الْآخِرَةِ مِنْ
 حَلْقٍ وَلِسْكٍ مَا شَرَرُوا بِهِ أَنْفُسُهُمْ تُوْكَانُوا يَعْلَمُونَ ﴿١٥﴾

“Mereka mengikut ajaran-ajaran sihir yang dibacakan oleh Syaitan-syaitan dalam masa pemerintahan Nabi Sulaiman, padahal Nabi Sulaiman tidak mengamalkan sihir yang menyebabkan kekufuran itu, tetapi syaitan itulah yang kafir; kerana mereka lah yang mengajarkan manusia ilmu sihir dan apa yang diturunkan kepada dua malaikat: Harut dan Marut, di negeri Babil, sedang mereka berdua tidak mengajar seseorang pun melainkan setelah mereka berkata: Sesungguhnya kami ini hanyalah cubaan (bagimu), oleh itu janganlah engkau menjadi kafir. Dalam pada itu ada juga orang mempelajari dari mereka berdua: ilmu sihir yang boleh menceraikan antara seorang suami dengan isterinya, padahal mereka tidak akan memberi mudarat dengan sihir itu seseorang pun melainkan dengan izin Allah. Dan sebenarnya mereka mempelajari apa yang hanya membahayakan mereka dan tidak memberi manfaat kepada mereka. Dan demi sesungguhnya mereka telah pun mengetahui bahawa sesiapa yang memilih ilmu sihir itu tidaklah lagi mendapat bahagian yang baik di akhirat. Demi sesungguhnya amatlah buruknya apa yang mereka pilih untuk diri mereka, kalaularah mereka mengetahui”.

Namun seandainya ucapan-ucapan itu berbentuk bermohon pertolongan kepada Allah dengan jalan membacanya ayat-ayat al-Quran adalah boleh bahkan ia adalah termasuk doa. Namun seandainya doa itu berupa, bermohon sesuatu keburukan untuk orang lain, maka ia adalah tidak dibenarkan. Baginda SAW pernah berdoa untuk cucu-cucu beliau

⁶⁹ Al-Quran, Surah Al-Baqarah, Ayat 102.

(Hassan dan Hussain):” *Aku bermohon perlindungan kepada Allah untuk kamu berdua dengan kalam-Nya yang sempurna. Semoga kamu dijauahkan dari godaan syaitan dan semua makhluk halus yang jahat*”.

Tegasnya, perbuatan *sihir* itu, sememangnya penyumbang ke arah masalah *syirik* yang sering terjadi tanpa kita sedari. Untuk tidak terjerumus dalam golongan yang *Musyrik* ini hendaklah kita selalu memohon perlindungan kepada Allah serta sentiasa bertawakal kepada-Nya.

4. Lupa kepada Allah

Firman Allah SWT⁷⁰:

﴿١١﴾ وَلَا تَكُونُوا كَالَّذِينَ سَوْا اللَّهَ فَأَنْسَاهُمْ أَنفُسَهُمْ أُولَئِكَ هُمُ الْفَسِيقُونَ

“Dan janganlah kamu menjadi seperti orang yang telah melupakan Allah, lalu Allah menjadikan mereka lupakan diri mereka. Mereka itulah orang yang *fasik*”.

Ayat tersebut menyatakan betapa dekatnya seseorang itu kepada *syirik* seandainya dia *fasik* kepada Allah. Ini adalah kerana lupa kepada Allah itu sememangnya pintu kepada segala kemaksiatan serta kesesatan. Adapun faktor lupa kepada Allah itu antaranya adalah terlalu cinta kepada *duniawi*, kekayaan, pangkat serta lain-lain lagi.

Dalam hubungan ini, Allah SWT menegaskan⁷¹:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ إِيمَانُكُمْ كُدُّ أَمْوَالُكُمْ وَلَا أَوْلَادُكُمْ عَنْ ذِكْرِ اللَّهِ وَمَنْ

يَعْمَلُ ذَلِكَ فَأُولَئِكَ هُمُ الْخَسِيرُونَ ﴿١﴾

“Wahai orang yang beriman! Janganlah kamu dilalaikan oleh harta benda kamu dan anak-pinak kamu daripada mengingati Allah. Dan (ingatlah), sesiapa yang melakukan demikian, maka mereka itulah orang yang rugi.”.

⁷⁰ Al-Quran, Surah Al-Hasyr, Ayat 19.

⁷¹ Al-Quran, Surah Al-Munafiqun, Ayat 9.

5. Mempercayai *tangkal* dan *azimat*

Imam Ahmad telah meriwayatkan, Rasulullah SAW bersabda⁷²: “*Dari Imran bin Hussain, bahawasannya Rasulullah SAW melihat pada tangan seseorang terdapat gelang padanya. Saya kira ia berkata: “Dari tembaga, lalu Baginda bersabda: “Celaka kamu, apa ini?” Ia menjawab: “Untuk menjaga diri dari penyakit wahmah.” Baginda bersabda: “Ingatlah ia tidak menambahmu selain kelemahan, buang jauh ia dari dirimu, sesungguhnya jika kamu mati dan ia masih ada padamu, kamu tidak akan beruntung selama-lamanya”.*

Dalam hadis tersebut kita dapat lihat sesungguhnya Rasulullah amat berkeras dalam soal yang berhubungkait dengan masalah *syirik* ini. Begitu juga tegasnya, Rasulullah terhadap perkara yang menyumbang ke atas kerosakan akidah yang mampu membawa manusia ke arah *syirik*.

Segala bentuk tangkal, adalah dilarang keras oleh agama kerana ia mampu menyebabkan orang-orang Islam *syirik* kepada Allah. Ia mampu mengundang *syirik* dengan mempercayai tangkal tersebut mampu melindungi diri kita dari segala musibah ataupun penyakit yang akan atau sedang kita alami. Hal yang seperti ini adalah melanggar hukum tauhid, kerana hanya Allah sahajalah yang mampu menyembuh dan menjaga hamba-Nya.

Manakala *azimat* atau *tamimah*, merupakan suatu kalungan yang diperbuat dari batu yang dikalungkan di leher (banyak dipakai oleh orang-orang di tanah Arab pada suatu masa dahulu) khususnya pada anak-anak dengan mempercayai ia mampu mengusir jin atau menjadi benteng daripada ‘ain dan semacamnya. Setelah Islam datang, tradisi ini dibuang dan kepercayaan Islam mengajar mereka hanya Allah sahaja yang mampu berbuat demikian.

Dalam hubungan ini, Rasulullah SAW bersabda⁷³: “*Dari ‘Uqbah bin ‘Amir, ia berkata: Rasulullah SAW bersabda: “Barang siapa menggantungkan tamimah (Azimat), semoga Allah tidak mengabulkan permintaannya dan barang siapa yang menggantungkan mada’ah semoga*

⁷² Hadis Riwayat Ahmad dan Ibnu Majah.

⁷³ Hadis Riwayat Ahmad.

Allah tidak memberi ketengen pada dirinya". Turut terdapat dalam riwayat lain, yang menyatakan: "Barang siapa yang menggantungkan Tamimah, ia telah syirik".

Apa yang dimaksudkan "menggantung tamimah" dalam hadis tersebut adalah memakai kalungan tersebut berserta mempercayai di dalam hati mereka terhadap kalungan tersebut mampu membenteng diri mereka, dengan erti kata lain mempercayai akan kekuasaan kalung itu.

Maka selaku hamba serta makhluk ciptaan Allah tidak sepatutnya kita mempercayai sesuatu kuasa yang lain selain dari-Nya. Sedangkan hanya Dia sahaja yang mampu mendatangkan serta menolak bala bencana ke atas diri kita. Selagi kita beriman kepada-Nya dengan makna iman sepenuh jiwa dan raga, *insyallah* kita akan terhindar dari *musibah*.

KESIMPULAN

Sesungguhnya Islam itu merupakan *ad-deen* yang mensyariatkan umatnya supaya mempercayai akan kekuasaan serta ke-Esaan Allah SWT sebagai Tuhan Pentadbir sekalian alam ini. Oleh itu sentiasalah kita berdoa kepada Allah agar kita sentiasa dipelihara daripada amalan *syirik* seperti mana yang telah dijelaskan sebelum ini.

Antara doa seperti mana amalan Baginda Rasulullah SAW⁷⁴: "Wahai Allah, sesungguhnya saya bermohon perlindungan Engkau daripada saya terlibat melakukan syirik kepada Engkau dalam keadaan saya tahu (sedar) dan saya memohon keampunan daripada Engkau terhadap perkara yang tidak ketahui".

Doanya lagi⁷⁵: "Aku bermohon perlindungan dengan kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari ditimpa kemurkaan-Nya dan kejahatan hamba-hamba-Nya, dari gangguan syaitan dan kedatangan mereka kepadaku".

Dalam hadis yang lain, Rasulullah menjelaskan bahawa⁷⁶: "Adalah Rasulullah SAW memohon perlindungan daripada kejahanan jin dan

⁷⁴ Hadis Riwayat At-Tarmidzi dan Hakim.

⁷⁵ Hadis Riwayat At-Tarmidzi dan Abu Daud.

⁷⁶ Hadis Riwayat At-Tarmidzi.

pandangan manusia sehingga turun ayat mu’awwazatain (surah an-Naas dan surah al-Falak), apabila kedua-dua ayat ini turun, Rasulullah beramal (memohon perlindungan dengan menggunakan) kedua-dua ayat dan meninggalkan yang selebihnya”.

Baginda berdoa lagi⁷⁷: “Aku mohon perlindungan dengan kalimah-kalimah Allah yang sempurna daripada sebarang syaitan dan racun dan dari sebarang pandangan yang membahayakan”.

Tegasnya, kita sedia maklum *syirik* merupakan perkara yang bertentangan dengan pegangan *akidah* di dalam ajaran *tauhid* serta melanggar hak ke-Esaan Allah sebagai Tuhan yang Satu dan Yang selayaknya disembah.

Oleh itu, kemantapan *akidah* haruslah dipelihara oleh setiap *Muslim* yang *Mukmin* supaya dapat menjamin kesucian *tauhid* dan tidak dicemari oleh masalah *syirik*, lantas dapat membina kemantapan hati yang suci, jiwa yang bertakwa dan sikap yang positif ke arah membina tingkah laku serta ketinggian budi pekerti. Moga ianya dapat memurnikan hubungan manusia yakni kehambaannya kepada Allah. Sebaliknya jika tidak dipelihara hal-hal yang seumpama itu maka pencemaran *tauhid* dapat merosakkan kemurnian *akidah* yang akan melahirkan hamba yang berjiwa buruk, berperangai liar, bersikap biadap, ingkar lagi sesat.

Tegasnya, *syirik* merupakan jenayah dan kezaliman yang paling besar dalam Islam, bahkan merupakan penderhakaan seorang hamba kepada Penciptanya yakni *Khaliq* yang selayaknya disembah atau ditaati. Perbuatan *syirik* itu pada hakikatnya mampu menjatuhkan kemuliaan manusia yang diciptakan oleh Allah yakni selaku ciptaan yang paling sempurna berbanding dengan apa yang ada di langit dan di bumi. Sekiranya mereka bermohon pada sesuatu ciptaan Allah yang lain jelaslah dia meletakkan martabat dirinya rendah dari makhluk Allah yang lain.

Dengan melakukan *syirik* turut melibatkan sebuah masyarakat yang diselubungi dengan kepercayaan *tahyul* yang melampau-lampaui atau menjadi sarang *tahyul*. Ini kerana dengan perbuatan *syirik* akan turut menimbulkan golongan-golongan pengamal ilmu yang sesat seperti

⁷⁷ Hadis Riwayat Al-Bukhari.

pendeta, tukang sihir, penilik nasib serta golongan yang kononnya mampu berinteraksi dengan alam lain, alam roh serta jin.

Ketakutan serta kegelisahan akan sentiasa timbul dalam diri mereka yang mengamalkan perbuatan *syirik* ini yang bertentangan dengan pegangan tauhid yakni sumber kepada ketenangan jiwa dan hati setiap muslim. Orang yang mempercayai *khurafat* akan sentiasa takut dan resah lantaran berbagai pantang atau larangan yang perlu dihindari dan dijaga kerana menurut kepercayaan mereka jika tidak dipatuhi, ia akan membinasakan mereka.

Dalam hubungan ini, Allah telah menegaskan dalam firman-Nya⁷⁸:

سُنْنَتِي فِي قُلُوبِ الظَّالِمِينَ كَفَرُوا أَرْعَبْ بِمَا أَشَرَ كُوَانِيَّةَ
مَا لَمْ يُنَزِّلْ بِهِ سُلْطَنَنَا وَمَا وَلَهُمُ الْكَافُرُ وَبِئْسَ مَتَّهُونَ
الظَّالِمِينَ

101

“Kami akan isikan hati orang kafir itu dengan perasaan gerun, disebabkan mereka mempersekuatkan Allah dengan benda-benda (yang mereka sembah), yang Allah tidak menurunkan sebarang keterangan tentangnya. Dan nerakah tempat kembali mereka, dan itulah seburuk-buruk tempat tinggal orang zalim”.

Tegasnya, *syirik* merupakan salah satu dosa besar dan yang tidak terampun. Mereka yang mengerjakan perkara-perkara yang berhubungan dengan *syirik* ini akan ditempatkan oleh Allah di dalam neraka jahanam di akhirat kelak. Oleh itu, hendaklah kita sentiasa menjaga dan memelihara diri dari amalan *syirik* serta bertakwa serta sentiasa bertawakal kepada Allah SWT.

⁷⁸ Al-Quran, Surah Ali-Imran, Ayat 151.

BIBLIOGRAFI

Al-Quran Al-Karim

Abu ar-Razi al-Ahmad. (2000). *Syirik dosa tidak terampun*. Selangor: Pustaka Ilmi.

Abu Bahili ar-Nahli. (1996). *Akhhlak kepada Allah & sesama manusia*. Selangor: Pustaka Ilmi.

Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka. ed. 3. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

M. Matuwalli Sya'rawi. (1988). *Anda bertanya Islam menjawab*. Jil. 2. Selangor: Thinker's Library Sdn. Bhd.

Muhammad Ramzi Omar. (2000). *Sihir dan perkara berkaitan dengannya*. Selangor: Pustaka Ilmi.

Muhammad Sofwan. (1990). *Bagaimana menjauhi dosa*. Selangor: Tran Media Publications.

Sheikh Abdullah Basmeih. (2000). *Tafsir pimpinan ar-Rahman kepada pengertian al-Quran*. Terengganu: Yayasan Islam Terengganu.

Yusuf Qardhawy & Muhammad Al-Ghazali. (2000). *Bid'ah dan syirik, perkara yang membatalkan tauhid atau mengurangkan kesempurnaan*. Kuala Lumpur: Jasmin Enterprise.

PUNCA KERUNTUHAN DALAM INSTITUSI KELUARGA ISLAM

Oleh:

Muhammad Hafiz Aizat bin Hut, Karia bin Haji Rahmat, Shuhaimi bin Supani

ABSTRAK:

Memperbaiki atau mempertingkatkan amalan keibubapaan dan persekitaran keluarga adalah merupakan strategi yang paling berkesan dalam usaha mengatasi keruntuhan dan keganasan institusi keluarga. Didapati elemen kemesraan perhubungan melalui usaha penggeratan dan pengukuhan hubungan dalam keluarga adalah kunci utama ke-arah mengurangkan konflik keluarga. Oleh itu konsep keluarga dan kebahagiaan menurut Islam perlulah dihayati agar kerukunan sesebuah rumah tangga itu terjamin. Makalah ini membincangkan tentang punca-punca berlakunya keruntuhan dan keganasan yang berlaku dalam institusi kekeluargaan Islam seperti penceraihan, penderaan kanak-kanak dan wanita, kemiskinan dan tekanan hidup serta penderaan seksual dan implikasinya terhadap sesebuah rumah tangga. Dengan gambaran beberapa punca keruntuhan dan keganasan sesebuah rumah tangga itu, setiap ahli keluarga perlu menangkis dan menghindarkan diri dari terjerumus dalam konflik tersebut. Ini adalah kerana setiap rumah tangga yang dibina mempunyai nilai dan maruah yang perlu dipertahankan melalui peranan yang diharapkan daripada ahli-ahli keluarga. Kebahagiaan hidup berkeluarga boleh dicapai sekiranya peranan yang diharapkan itu tidak diabaikan dan hubungan baik sesama ahli keluarga dipelihara.

KATA KUNCI: Keluarga, keruntuhan, konflik, ibu bapa

PENDAHULUAN

Keluarga merupakan sebuah institusi yang dinamik. Dalam masyarakat Islam peranan keluarga dalam semua aspek menjadi lebih ketara dan

kedudukan keluarga sebagai sebuah institusi lebih penting. Setiap keluarga mempunyai nilai dan maruah yang dipertahankan melalui peranan yang diharapkan daripada ahli-ahli keluarga. Hubungan ini merangkumi aspek spiritual, emosi seperti kasih sayang, sifat hormat-menghormati, bertanggungjawab, berpendidikan serta sifat-sifat kebendaan (makanan, pakaian, rumah dan sebagainya). Oleh itu, institusi keluarga adalah institusi terpenting dalam melahirkan individu yang sihat rohani dan jasmaninya serta berilmu dan bermoral.

Dalam arus pembangunan masa kini, bentuk dan fungsi institusi keluarga telah banyak berubah. Peranan institusi keluarga pula dipindahkan kepada agen-agen lain seperti pusat-pusat pemulihan akhlak, polis, pejabat agama dan orang gaji. Agen-agen ini bagaimanapun tidak dapat memenuhi peranan institusi keluarga. Perhubungan spiritual contohnya tidak mungkin dapat disempurnakan oleh institusi bukan kekeluargaan. Kekosongan jiwa boleh menimbulkan pelbagai masalah dalam institusi keluarga tersebut. Justeru kajian tentang punca keruntuhan dan keganasan dalam institusi keluarga dan cara mengatasinya amat diperlukan agar masyarakat dapat didekah dengan maklumat penting tentang hal-hal kekeluargaan tersebut. Hal ini akan memberi implikasi positif dan lebih memantapkan institusi keluarga dalam menghadapi arus cabaran globalisasi masa kini.

KONSEP INSTITUSI KEKELUARGAAN

Coleman dan Cressey (1993) mentakrifkan keluarga sebagai “*a group of people by marriage, ancestry or adoption who live together in a common household*”

Mahmood (1997) mentakrifkan keluarga sebagai unit sosial yang terdiri daripada bapa, ibu dan anak dan yang paling penting ialah wujudnya suatu pertalian hidup tertentu dalam kelompok sosial berkenaan. Beliau menjelaskan: “..*keluarga adalah suatu unit sosial yang majmuk sifatnya (extended). Keluarga majmuk ini terangkum dalamnya, bukan sahaja ibu bapa dan anak-anak tetapi juga datuk, cucu cicit, adik beradik dan saudara mara. Di bawah konsep keluarga tersebut mungkin terdapat lebih daripada sebuah rumah tangga (poligami). Dari masa ke semasa, kelompok-kelompok rumah tangga ini boleh terpisah daripada*

rumahtangga yang lain, tetapi dalam masa yang sama ia terangkum dalam suatu ikatan keluarga. Dalam banyak hal, ikatan ini mempunyai bentuk perhubungan berbagai hala”.

Gullota, Adams Alexander (1986) dan Robins (1996) berpendapat bahawa: “...*keluarga dihadkan kepada keluarga nuclear. Ianya mengandungi sekurang-kurangnya dua orang yang hidup bersama melalui pertalian darah, perkahwinan atau “adoption”. Keluarga juga terbentuk daripada pasangan yang tidak berkahwin tetapi hidup bersama dan mungkin juga mempunyai anak (single parent family).*

Takrif keluarga dari satu skop yang lebih luas menurut William J. Goode menjelaskan “*keluarga sebagai suatu unit sosial yang ekspresif atau emosional. Ia bertugas sebagai agensi instrumental untuk struktur sosial yang lebih besar, kesemua institusi dan agensi lain bergantung kepada sumbangannya. Misalnya, tingkah laku peranan yang dipelajari dalam keluarga menjadi model atau prototaip untuk tingkah laku yang diperlukan dalam segmen masyarakat lain. Justeru itu, keluarga merupakan sebuah sistem asas dalam pembentukan sesebuah masyarakat yang lazimnya terdiri daripada suami atau bapa, isteri atau ibu dan anak-anak. Setiap ahli keluarga perlu memainkan peranan masing-masing supaya sistem kekeluargaan itu berjalan dengan sempurna*”.

Menurut kamus dewan (Edisi Keempat) *keluarga ialah seisi rumah tangga yang terdiri daripada suami dan isteri sahaja atau bersama anak-anak. Keluarga juga merupakan asas sesebuah masyarakat yang di dalamnya terjalin interaksi dari segi kognitif atau efektif antara ahli keluarga. Pembangunan dan pembentukan sesebuah institusi kekeluargaan dalam sesuatu masyarakat itu akan menjadi faktor penentu dalam pembangunan sesebuah negara.*

Di dalam Islam, keluarga merupakan sebuah institusi yang amat penting kerana keluarga adalah kesatuan masyarakat kecil yang menjadi asas dalam pembentukan masyarakat. Kepentingan institusi ini jelas apabila Allah mengadakan undang-undang dalam urusan kekeluargaan yang disebut sebagai *munakahat* (hak-hak yang berkaitan dengan kekeluargaan dan perkahwinan).

Keluarga memainkan peranan penting dalam membentuk peribadi individu yang baik dan peribadi yang baik akan terbina keluarga yang baik, dari keluarga yang baik akan lahir masyarakat yang berdisiplin dan mantap. Seterusnya dari masyarakat yang berdisiplin akan tertegak negara yang cemerlang dan diredhai oleh Allah SWT.

Pembentukan keluarga juga penting untuk mengekalkan kesinambungan generasi manusia kerana pengabaian pembentukan institusi keluarga akan membawa kepada kehancuran sesebuah masyarakat. Oleh itu, tanggungjawab keluarga adalah untuk memelihara akhlak, tatasusila dan kemuliaan manusia melalui ikatan perkahwinan, mencapai kebahagiaan, keharmonian, kebaikan, kasih sayang sesama manusia, kepuasan rohani dan jasmani, membentuk umat yang kuat dan mantap kerana individu yang kukuh dan kuat dibentuk oleh ibu bapa, dan mencetus serta memupuk semangat pengorbanan, tolong-menolong, kerjasama dan perpaduan dalam jiwa setiap anggota keluarga.

Tegasnya, keluarga merupakan komponen penting dalam proses pembentukan masyarakat dan seterusnya negara. Tanpa institusi keluarga, kewujudan masyarakat dan negara tidak akan sempurna. Oleh itu, Islam memandang keluarga sebagai sebuah institusi pencorak masyarakat yang bakal dibina. Sekiranya keluarga yang dibentuk itu beriman, maka akanlahirlah masyarakat yang beriman dan begitulah sebaliknya.

KONSEP KELUARGA DALAM ISLAM

Islam melihat rumahtangga bukan sekadar urusan nikah kahwin semata-mata, tetapi lebih daripada itu. Di dalam Islam, rumahtangga merupakan sistem keluarga. Islam memandang rumahtangga sebagai tempat perlindungan, pertemuan dan kediaman. Di bawah naungan rumahtangga, berlaku pertemuan di antara hati-hati iaitu pertemuan yang ditegakkan di atas lunas-lunas kasih mesra, saling simpati, saling lindung-melindungi, saling berbudi, juga ditegakkan di atas lunas-lunas menjaga dan memelihara kesucian diri. Di bawah lindungan rumahtangga akan melahirkan generasi anak-anak penerus kehidupan. Bermula dari rumahtangga juga terjalannya hubungan kasih-sayang dan hubungan saling bantu-membantu dan seterusnya akan terus berkembang dan bersifat dinamik.

Dalam hubungan ini Allah menggambarkan rumah tangga dengan gambaran yang halus dan lembut iaitu gambaran hubungan yang terpancar darinya rasa kasih dan mesra. Firman Allah SWT⁷⁹:

وَمِنْ أَيْتِهِ أَنَّ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنفُسِكُمْ أَزْوَاجًا لِتَسْكُنُوا إِلَيْهَا وَجَعَلَ

بَيْنَكُمْ مَوَدَّةً وَرَحْمَةً إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِقَوْمٍ يَنْفَعُونَ ۱۶

Maksudnya: “Dan di antara tanda-tanda kekuasaan-Nya, bahawa Ia menciptakan untuk kamu, isteri-isteri dari jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dengannya, dan dijadikan di antara kamu perasan kasih sayang. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan bagi orang yang berfikir”.

Firman-Nya lagi⁸⁰:

أَجَلَ لَكُمْ لَيْلَةَ الْصِيَامِ الرَّفِثُ إِلَى نِسَاءِكُمْ هُنَّ بِإِيمَانِكُمْ وَأَنْتُمْ بِإِيمَانِهِنَّ

Maksudnya: “Dihalalkan bagi kamu, pada malam hari puasa, bercampur dengan isteri-isteri kamu. Isteri-isteri kamu itu adalah sebagai pakaian bagi kamu dan kamu pula sebagai pakaian bagi mereka”.

Itulah hubungan di antara jiwa dengan jiwa, hubungan ketenteraman dan kemantapan hubungan kemesraan dan kasih sayang dan hubungan perlindungan dan budi baik.

Islam memberi segala perhatian dan jaminannya kepada rumah tangga ini sebagai tapak semai atau tempat pertemuan keluarga. Oleh itu, ayat-ayat al-Quran jika diteliti, jelas menghubungkan persoalan keluarga itu secara langsung kepada Allah. Ini menggambarkan betapa besarnya kedudukan keluarga dalam sistem Islam dan betapa tingginya nilai keluarga di sisi Allah. Allah telah menjelaskan hubungan *taqwa* kepadaNya dan hubungan silaturrahim kekeluargaan. Perhatian yang amat besar terhadap kedudukan keluarga adalah sesuai dengan kehendak *takdir* Allah yang sejak dari mula menegakkan kehidupan umat manusia di atas asas keluarga, iaitu *takdir* Allah memutuskan bahawa manusia pertama

⁷⁹ Al-Quran, Surah Ar-Rum, Ayat 21.

⁸⁰ Al-Quran, Surah Al-Baqarah, Ayat 187.

dari bangsa manusia di alam ini ialah keluarga Adam a.s dan isterinya, dan daripada mereka lahir umat manusia berkembang biak. Allah berfirman⁸¹:

يَأَيُّهَا النَّاسُ أَتَقْوِرَبُكُمْ إِلَيْنَا الَّذِي خَلَقْنَا مِنْ نَفْسٍ وَجْهَهُ فَخَلَقَ مِنْهَا زَوْجَهَا وَبَثَ مِنْهَا رِجَالًا

كَثِيرًا وَنِسَاءً وَأَتَقْوِي اللَّهُ الَّذِي تَسَاءَلُونَ بِهِ وَالْأَرْحَامُ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلَيْكُمْ رَقِيبًا

Maksudnya: “Hai sekalian manusia! Bertaqwalah kepada Tuhanmu yang telah menjadikan kamu dari seorang diri (Adam), dan daripadanya dijadikan isterinya (Hawa), dan yang membiakkan dari keduanya lelaki dan perempuan yang ramai. Dan bertaqwalah kepada Allah yang kamu selalu meminta dengan nama-Nya, serta peliharalah hubungan kaum kerabat; kerana sesungguhnya Allah sentiasa memerhati kamu”.

Begini juga Allah telah mengumpulkan di antara ibadat kepada Allah dengan kebaktian kepada ke dua ibu bapa. Firman-Nya⁸²:

وَقَضَى رَبُّكَ أَلَا تَعْبُدُوا إِلَّا إِيَّاهُ وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَنْ إِمَّا يُبْغَنَ عِنْدَكَ

الْكِبَرُ أَحَدُهُمَا أَوْ كِلَّاهُمَا فَلَا تَقْتُلُ لَهُمَا أُفْقِي وَلَا نَهْرُهُمَا وَقُلْ لَهُمَا قَوْلًا

٢٣
كَرِيمًا

Maksudnya: “Dan Tuhanmu telah perintahkan, supaya engkau tidak menyembah melainkan kepada-Nya, dan hendaklah engkau berbuat baik kepada kedua ibu bapa. Jika salah seorang dari keduanya, atau kedua-duanya sekali, sampai kepada umur tua dalam jagaan dan peliharaanmu, maka janganlah engkau berkata kepada keduanya sekalipun perkataan ‘ah’, dan janganlah engkau menengking mereka, tetapi katakanlah kepada mereka perkataan yang mulia”.

Allah juga telah menegaskan di antara konsep syukur kepada Allah dan terima kasih kepada kedua orang tua melalui firman-Nya⁸³:

وَوَصَّيْنَا إِلَيْنَسَنَ بِوَلَدِيهِ حَمَلَتْهُ أُمُّهُ وَهَنَا عَلَى وَهِنِ وَفِصَلُهُ فِي عَامِينِ أَنِ

أَشْكُرْ لِي وَلِوَالِدَيْكَ إِلَيَّ الْمَصِيرُ

⁸¹ Al-Quran, Surah An-Nisa', Ayat 1.

⁸² Al-Quran, Al-Isra', Ayat 23.

⁸³ Al-Quran, Surah Luqman, Ayat 14.

Maksudnya: “Dan Kami wajibkan manusia berbuat baik kepada kedua ibu bapanya; ibunya telah mengandungnya dengan menanggung kelemahan atas kelemahan dan menceraikan susunya dalam masa dua tahun; bersyukurlah kepada-Ku dan kepada kedua ibu bapamu, dan kepada Akulah tempat kembalimu”.

Selain itu, Islam juga memberi perhatian yang sebegitu besar terhadap hubungan suami isteri dan keluarga kerana Islam mengutamakan ketinggian hubungan-hubungan insaniah ini ke taraf kesucian yang merapatkan hubungan dengan Allah dan menggunakan hubungan ini sebagai sarana atau tempat untuk membersihkan roh dan perasaan, bukannya seperti hubungan yang dipandang oleh agama-agama paganisme dan pengikut agama-agama yang sesat yang menyelewang jauh dari fitrah manusia yang telah diciptakan Allah.

Sebaliknya, Islam tidak memerangi dorongan-dorongan keinginan semulajadi dan tidak memandang keinginan-keinginan semulajadi itu sebagai kotor, malah Islam mengawal keinginan-keinginan itu dengan peraturan-peraturan, juga membersih dan mengangkatnya dari taraf haiwan ke taraf menjadi paksi kehidupan, di mana beredar sekitarnya peradaban peribadi dan sosial, juga menegakkan hubungan-hubungan seksual di atas asas-asas perasaan kemanusiaan yang luhur yang menjadikan pertemuan dua insan itu sebagai pertemuan dua jiwa, dua hati dan dua roh. Tegasnya, ianya merupakan pertemuan dua manusia yang terikat dengan kehidupan bersama, cita-cita bersama, senang dan susah bersama, serta masa depan bersama dan melahirkan zuriat atau generasi baru sebagai penyambung kehidupan.

Firman Allah⁸⁴:

وَأَنْكِحُوا الْأَيْمَنَ مِنْكُنْ وَالصَّابِرِينَ مِنْ عِبَادِكُنْ وَلَمَّا كُمْ إِنْ يَكُونُوا فُقَرَاءٌ يَغْنِيُهُمْ

اللهُ مِنْ فَضْلِهِ وَاللهُ وَسِعٌ عَلِيمٌ



Maksudnya: “Dan kahwinkanlah orang bujang dari kalangan kamu, dan orang yang salih dari hamba-hamba kamu, lelaki

⁸⁴ Al-Quran, An-Nur, Ayat 32

dan perempuan. Jika mereka miskin, Allah akan memberikan kekayaan kepada mereka dari limpah kurnia-Nya, kerana Allah Maha Luas rahmat-Nya, lagi Maha Mengetahui”.

Firman-Nya lagi⁸⁵:

وَلَا يَسْتَعْفِفُ اللَّهُنَّ لَا يَجِدُونَ نِكَاحًا حَتَّىٰ يُغْيِّرُمُ اللَّهُ مِنْ فَضْلِهِ

Maksudnya: “Dan orang yang tidak mampu berkahwin, hendaklah mereka menjaga kehormatannya sehingga Allah memberi kekayaan kepada mereka dari limpah kurnia-Nya”.

Tegasnya, tujuan utama dalam hubungan perkahwinan ialah kemantapan hidup dan kelanjutannya, kerana itu Islam mengawal hubungan ini dengan segala jaminan yang boleh menjaminkan kemantapan hubungan itu dan kelangsungannya. Islam juga mengatur hubungan suami isteri dengan undang-undang yang tertentu agar kerukunan hidup berkeluarga sentiasa terjamin dan menepati perintah Allah SWT.

Konsep keluarga bahagia

Mengikut Rusmiati (1980), kebahagiaan “*adalah nikmat yang dirasai dalam sanubari seseorang*”. Khawari (1989) pula mentakrifkan kebahagiaan sebagai “*...successful family does not mean material affluence but rather an affluence of the heart, spirit and mind. The family, becomes more unified, becomes more loving, gets along well together, always encourage each other's accomplishment, always allow everyone to be successful, is productive, is confident, is happy, is always be the source of happiness for others...*

Manakala menurut Shelan dan Kameyer, (1997), “*One secret of successful family is its ability to solve problems together. But even more important is learning how to faster those positive conditions that prevent problems from arising in the first place*”.

Mahmood (1997) menyifatkan kebahagiaan akan tercapai apabila seseorang mengalami kesenangan, gembira, mempunyai objektif dan

⁸⁵ Al-Quran, Surah An-Nur, Ayat 33

tujuan hidup yang jelas, optimistik, merasa selesa dan merasa nikmat dengan setiap yang ada.

Berdasarkan penjelasan di atas, dapatlah dikatakan bahawa kebahagiaan adalah perasaan yang terpancar dari lubuk hati dan bukan sesuatu yang dipaksa atau disogok dari luar. Ia bukan terletak pada kekayaan, kuasa, kedudukan dan apa sahaja yang bersifat kebendaan. Sebaliknya ia adalah sesuatu yang *maknawi*, dapat dirasa, tidak dapat diukur atau disukat. Namun dalam Islam telah memberi panduan dalam banyak perkara berkaitan kekeluargaan seperti objektif pembinaan keluarga, cara perkahwinan dikelolakan dan hubungan yang diamanahkan antara satu sama lain.

Berkaitan dengan perhubungan antara suami isteri, Allah menerangkan tujuan berkeluarga ialah untuk membina keluarga yang bahagia dan mewujudkan ketenangan serta hubungan baik dan rasa kasih sayang antara satu sama lain. Firman Allah⁸⁶:

وَمِنْ أَيْنَهُ أَنْ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنفُسِكُمْ أَرْوَاحًا لَتَسْكُنُوا إِلَيْهَا وَجَعَلَ

بَيْنَكُمْ مَوَدَّةً وَرَحْمَةً إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِقَوْمٍ يَنْفَكِرُونَ

Maksudnya: “Dan di antara tanda-tanda kekuasaan-Nya, bahawa Ia menciptakan untuk kamu, isteri-isteri dari jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dengannya, dan dijadikan di antara kamu perasan kasih sayang. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan bagi orang yang berfikir”.

Sebaliknya, Allah mengutuk perkahwinan semata-mata berasaskan kepada tuntutan hawa nafsu dan menjelaskan bahawa kebahagiaan tidak tercapai daripada perkahwinan berasaskan kepada hawa nafsu. Tegasnya, keluarga yang terdiri dari sepasang suami isteri dan dihiasi oleh anak-anak adalah satu institusi yang perlu kepada pentadbiran yang betul dan boleh menjamin kehidupan yang rukun, aman dan damai. Dalam hubungan ini, contoh ikutan keluarga *sakinah* ialah keluarga Rasulullah SAW dan kita

⁸⁶ Al-Quran, *Ar-Rum*, Ayat 21.

harus mencontohnya⁸⁷. Selain mempertingkatkan keislaman, keimanan dan ketakwaan sebagai anak kunci kepada kebahagiaan hidup berkeluarga.

Gambaran keluarga tidak bahagia

Keluarga tidak bahagia membawa maksud keluarga kucar-kacir. Terdapat banyak masalah atau krisis rumah tangga hingga menyebabkan anggota keluarga tidak tenteram. Menurut Dr. Zainal Abidin Ahmad (1985), keluarga tidak bahagia itu wujud antara lain berpunca: “*Antara punca-punca keretakan rumah tangga ialah tidak cukup pengetahuan tentang tanggungjawab berkeluarga. Kekurangan wang kesan pengurusan kewangan yang buruk, kerosakan perhubungan ibu bapa dan anak kerana tidak memahami tuntutan psikologi, anak-anak yang sedang mengembang kurang matang dalam menghadapi masalah emosi*”.

Menurut Mahmood (1997) keadaan tidak bahagia itu: “*Antara sifat-sifat tersebut ialah rasa susah, hilang pedoman, kecewa, sesat, tidak mampu menilai kebenaran dan hilang rasa nikmat dengan apa yang ada atau dalam kata yang lain ia merujuk kepada suatu keadaan yang tidak bahagia*”.

Tegasnya, ketidakbahagiaan dalam sesebuah institusi keluarga itu ialah kegagalan berfungsinya tanggungjawab sesama keluarga tersebut. Hal ini menyebabkan berlakunya kepincangan terhadap kefahaman sesama ahli keluarga atau berlakunya perselisihan keluarga yang membawa kepada perkara yang lebih buruk seperti berlakunya perceraian dalam keluarga mahupun berlakunya penderaan terhadap anak-anak.

⁸⁷ Keluarga Nabi Muhammad SAW adalah keluarga sakinah penegak syariah. Baginda sebagai seorang suami sering bergurau, berbuat makruf dan lemah lembut terhadap isterinya. Baginda merupakan seorang Rasul yang memperjuangkan Islam dan salah seorang isterinya, Saiditina Khadijah .r.a adalah penyokong utama dakwah Baginda. Khadijah .r.a adalah wanita yang pertama beriman dan membaiayai hampir seluruh dakwah Baginda. Namun demikian, Khadijah .r.a tetap merendah diri, berakhlik mulia dan menjaga kesuciannya. Beliau juga menjadi ibu yang baik bagi anak-anaknya serta tetap menghormati dan mentaati Rasulullah SAW sebagai suaminya. Dari ibu mulia ini, lahirlah perempuan mulia, Fatimah az-Zahra, Hidup beliau dilalui dengan penuh kesetiaan dan kebaikan sebagaimana yang semestinya dilakukan oleh seorang isteri kepada suaminya. Beliau mendampingi Rasulullah dalam suka dan duka perjuangan (Ahmad Khalil Jam'ah,2002).

HALANGAN-HALANGAN DALAM MENCAPAI KEBAHAGIAAN KELUARGA

Konflik adalah bahagian yang tidak dapat dielakkan dalam kehidupan berkeluarga (Patricia & Mary Anne, 1993). Apakah konflik dalam keluarga? Konflik berlaku apabila terdapat ahli-ahli keluarga yang tidak bersetuju mengenai sesuatu perkara dalam kehidupan mereka. Antaranya ialah siapa yang patut melakukan tugas tertentu, bagaimana sumber digunakan secara bersama ataupun bagaimana keputusan harus dibuat? Perbezaan-perbezaan ini memberi kesan ke atas seluruh atau sebahagian ahli-ahli keluarga.

Kebahagiaan dalam keluarga adalah tanggungjawab semua ahli, khususnya ibu dan ayah. Ayah atau suami khususnya harus mempunyai peribadi yang baik, bertanggungjawab dan matang supaya penelitian yang saksama, adil dan berhati-hati dilaksanakan dalam keluarga (Nina Kirana, 1992). Kasih sayang, mencintai dan keinginan terhadap satu sama lain telah dinyatakan dengan jelas oleh Allah melalui firman-Nya⁸⁸:

وَمِنْ أَيْمَنِهِ أَنَّ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنفُسِكُمْ أَزْوَاجًا لِتَسْكُنُوا إِلَيْهَا وَجَعَلَ
بَيْنَكُمْ مَوَدَّةً وَرَحْمَةً إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِقَوْمٍ يَنْفَكِرُونَ
၁၁

Maksudnya: “Dan di antara tanda-tanda kekuasaan-Nya, bahawa Ia menciptakan untuk kamu, isteri-isteri dari jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dengannya, dan dijadikan di antara kamu perasan kasih sayang. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan bagi orang yang berfikir”.

Istilah yang sering kali dikaitkan dengan keluarga ialah “Kebahagiaan”. Kebahagiaan melambangkan sesuatu yang indah dan menyeronokkan. Kehidupan orang yang bahagia memungkinkan seseorang itu berupaya menikmati kemanisan hidup yang begitu berharga di sepanjang hidup di dunia (Hasan Mohd. Ali, 1994). Kehidupan berkeluarga bererti berinteraksi, berkomunikasi dan berhubung menggunakan tubuh badan,

⁸⁸ Al-Quran, Surah Ar-Rum, Ayat 21.

fikiran, emosi dan suara hati. Akal, perasaan dan emosi biasanya menjadi babit-babit awal kepada konflik yang merumitkan hubungan kekeluargaan. Akhirnya, isu-isu yang kecil menjadikan ahli keluarga “berperang besar” kerana perselisihan faham disebabkan masing-masing menyalahkan satu sama lain di atas kegagalan menguruskan rumah tangga.

Kita biasa mendengar ungkapan ini “keluarga bahagia, negara sejahtera”. Sebenarnya ungkapan yang nampak ringkas ini mempunyai makna yang amat besar bagi masyarakat kita khasnya orang-orang Islam. Kemelut rumah tangga yang melanda masyarakat Islam pada masa kini amat menyedihkan. Statistik perceraian yang meningkat, masalah penderaan anak-anak dan isteri, masalah pembuangan bayi, pergaduhan suami isteri, nasib ibu bapa yang dihantar ke rumah kebajikan orang tua dan banyak lagi masalah yang berkait rapat dengan keluarga dan perkahwinan menyebabkan masyarakat berdepan dengan masalah keruntuhan akhlak yang semakin serius.

Malah, kelunturan sifat kemanusiaan sejak kebelakangan ini amat ketara dengan keganasan yang berlaku hampir setiap hari seperti yang dilaporkan di media. Permasalahan yang bermula dari keluarga ini kadangkala merebak dan berkait antara satu sama lain sehingga menyebabkan anak-anak terjebak dalam masalah sosial yang lain kerana ingin lari dari masalah yang membekalkan hidup mereka. Tidak dinafikan bahawa sebagai manusia, kita tidak dapat lari dari melakukan kesilapan. Namun yang amat menyedihkan ialah ada segelintir ibu bapa yang hanya mementingkan diri mereka sendiri tanpa dapat memahami perasaan anak-anak yang melihat konflik rumah tangga ibu bapa mereka yang tidak berkesudahan. Anak-anak mempunyai perasaan dan ingin melihat ibu bapa bahagia dan sentiasa hidup berkasih sayang. Ada antara para suami yang tidak henti-henti mencari cinta di luar rumah sehingga tidak sedar anak-anak sudah besar dan malu terhadap perbuatan ayah dan ibu mereka. Kata orang tua-tua: *“jika mahu bercerai, lihatlah pada mata anak-anak kerana di mata mereka terpancar seribu penderitaan”*.

Perceraian dan konflik rumah tangga memang memeritkan bagi mereka yang melaluinya. Namun tidak dinafikan, adakah kesibukan kerja mengejar kebendaan juga menyebabkan ibu bapa mengabaikan

tanggungjawab mereka terhadap anak-anak khususnya remaja yang sentiasa dahagakan kasih sayang. Justeru jika tidak mendapat kasih sayang di rumah, mereka akan mencarinya di luar rumah. Bagi yang perempuan akan cuba mendapatkan kasih sayang seorang lelaki (teman lelaki) dan jika terlalu *taksub* dengan kasih sayang teman lelaki tidak mustahil mereka sanggup berkorban segalanya kepada teman lelaki berkenaan kerana kasih yang dicari di rumah sudah tiada.

Keruntuhan institusi kekeluargaan masa kini amat jelas memberi kesan kepada negara. Ini kerana masyarakat yang kucar-kacir akan melahirkan generasi yang rendah nilai moral dan tidak mampu meneraju negara ke arah kesejahteraan dan pembangunan rohani dan jasmani. Apa akan terjadi jika masalah keruntuhan institusi dan moral masyarakat kita tidak dibendung dengan segera. Mungkin kita akan menjadi seperti negara membangun sekarang yang kurang mengamalkan sikap sopan dan menganggap sikap kurang ajar dan moral yang rendah sebagai satu norma hidup yang diterima pakai dalam masyarakat kita.

Jelas kepada kita konsep kebahagiaan keluarga menurut Islam adalah berpaksikan kepada *ad-deen*, iaitu dengan mengikut peraturan dan undang-undang dalam *munakahat* seperti yang telah dijelaskan sebelum ini. Oleh itu, kebahagiaan tersebut bukan semata-mata bersifat luaran, malah bersifat sepadu dan holistik demi menjamin keutuhan sesebuah keluarga tersebut.

TEORI-TEORI MASALAH (KONFLIK) KELUARGA

Menurut Coleman dan Cressey (1993) terdapat tiga pendekatan atau teori berkaitan masalah keluarga, iaitu:

1. Teori Peranan (*Functionalist*)

Daripada perspektif teori peranan, keluarga bermasalah berpunca daripada ketidakstabilan dalam institusi keluarga akibat perubahan sosial. Perubahan sosial berlaku apabila sumber ekonomi masyarakat yang mengamalkan sistem pertanian berubah kepada perindustrian. Perubahan ini menyebabkan bentuk keluarga “*extended*” berpecah dan terbentuknya

sistem keluarga “*nuclear*”. Dalam proses melaksanakan aktiviti perindustrian inilah, institusi keluarga didapati gagal memberi didikan dan penjagaan anak-anak dengan sempurna. Teori ini menerangkan juga bahawa integrasi sosial adalah sebahagian daripada peraturan perlu dalam unsur-unsur kehidupan (Dickinson & Leming, 1995). Setiap seorang adalah sebahagian daripada kumpulan yang mempunyai peraturan tertentu tentang perlakuan kumpulan berkenaan.

2. Teori Konflik

Teori konflik pula mantakrifkan keluarga bermasalah berpunca daripada konflik atau pergeseran nilai dan tingkah laku ahli keluarga. Teori ini menerangkan bahawa masyarakat tidak stabil dan ahli kumpulan bertanding untuk punca dan khidmat yang berkurangan. Sebagai contoh, adanya ketegangan antara masyarakat kelas rendah atau golongan miskin dengan golongan kelas tinggi. Golongan miskin tidak mendapat peluang yang sama untuk belajar boleh menjadi punca konflik. Penderaan yang berlaku adalah akibat keadaan keluarga yang tidak stabil kewangan yang tidak mencukupi boleh memberi kesan negatif (konflik) dalam perhubungan keluarga. Menurut Benokraitis (1995) teori ini menerangkan berbagai kesengsaraan keluarga adalah akibat daripada masalah sosial yang berleluasa.

Mengikut teori ini, perbezaan kuasa adalah punca berlakunya kekerasan (Dickinson & Leming, 1995). Keluarga yang tidak membahagikan kuasa secara sama rata contohnya keluarga didominasi oleh kaum lelaki mempunyai risiko yang tinggi untuk berlakunya kekerasan dalam rumah tangga.

3. Teori Psikologi Sosial

Teori ini mempunyai kaitan antara kegagalan ibu bapa mendidik anak dengan masalah mental dan perlakuan juvana. Masalah keluarga berpunca daripada sikap ibu bapa yang mengabaikan dan membezakan anak-anak mereka serta mendidik dengan menggunakan cara kekerasan seperti memukul dan merotan.

Peristiwa trauma yang dialami di zaman kanak-kanak didapati boleh memberi kesan buruk dalam kehidupan di zaman dewasa kelak. Pendidikan keluarga sama ada positif atau negatif tidak dinafikan akan mempengaruhi konsep diri seseorang. Konsep ini dijadikan panduan semasa bertindakbalas sehingga mempengaruhi tingkah laku. Contohnya, jika berlakunya konflik dan pergeseran dalam proses pendidikan keluarga, maka ianya akan menimbulkan kesan negatif seperti perhubungan tidak harmoni sesama ahli keluarga.

Teori ini menjelaskan perlakuan seseorang diasaskan kepada imej yang diharapkan olehnya bukan daripada keadaan nyata yang sebenar (Dickinson & Leming, 1995). Individu membina dirinya yang sebenar dan bertindak mengikut imej yang dibina itu. Seorang wanita misalnya, percaya boleh dipukul jika perlakuannya tidak mencapai seperti yang diharapkan oleh suaminya.

4. Teori Sumber dan Teori Pertukaran

Menurut Benokraitis (1996), terdapat dua teori masalah keluarga. Pertamanya teori sumber dan keduanya teori pertukaran. Dalam konteks teori sumber, lelaki (suami) pada umumnya mempunyai sumber, kedudukan dan kuasa yang lebih tinggi daripada pasangannya. Sumber ini termasuklah gaji, pendidikan dan sumber-sumber sosial. Satu bentuk sumber selalunya melengkapi sumber yang lain. Contohnya, mereka yang berpendapatan tinggi selalunya berupaya mendapatkan pendidikan yang lebih tinggi juga. Seorang wanita yang mempunyai sumber pendapatan, berkebolehan untuk tidak bergantung kepada pendapatan suaminya dan boleh menanggung perbelanjaan dan pemeliharaan anak-anak.

Teori sumber boleh digabungkan dengan teori pertukaran untuk menerangkan “*trade-off*” (Pertukaran) yang boleh dibuat oleh suami dan isteri (Benokraitis, 1996). Contoh sumber yang boleh ditukar ialah seperti masa dan wang. Contohnya wanita yang menyara kehidupan keluarganya di samping dia tidak menolak dominasi serta membantu suaminya dalam ekonomi rumah tangga.

Teori ini menerangkan juga bahawa tindak balas sosial diasaskan kepada usaha setiap orang untuk memaksimumkan ganjaran dan

meminimakan kos. Akibat daripada usaha ini, individu akan meneruskan perhubungan selagi ia menjangkakan ganjaran melebihi kos. Seseorang membawa bersamanya punca tidak nampak seperti kesayangan atau punca nampak seperti kekayaan dan kecantikan untuk diperdagangkan bagi ditukarkan dengan kebaikan daripada perhubungan sosial. Selama mana kos dapat diseimbangkan atau kos kurang daripada faedah, selagi itu perhubungan sosial akan diteruskan. Apabila kos melebihi ganjaran, kebanyakan perkahwinan dikatakan akan mampu menuju kehancuran atau perceraian.

5. Teori Faham Saling Tindak Balas Simbolik (*Symbolic Interactionism*)

Teori ini diutarakan oleh Dickinson & Leming (1995) untuk menerangkan saling bertindak dan dikawal oleh komunikasi simbolik seperti pengetahuan, idea, kepercayaan dan perlakuan serta bagaimana seseorang membuat terjemahan bagi sesuatu keadaan. Setiap ahli keluarga mempunyai satu atau lebih peranan dan perlakuan mereka adalah mengikut status serta kedudukan dalam masyarakat. Peranan simbolik ahli keluarga membenarkan suami beranggapan bahawa isteri dan anak patut didera jika mereka tidak melaksanakan peranan dan tidak menepati ciri-ciri institusi kekeluargaan.

PUNCA KERUNTUHAN DALAM INSTITUSI KELUARGA

Walaupun kita merancang dan mencuba sebaik mungkin untuk mewujudkan sebuah rumahtangga yang bahagia, namun kadangkala pertengkarannya dalam rumahtangga itu tidak dapat dielakkan. Sehingga adakah jika tidak diselesaikan dengan baik ia akan membawa kepada perceraian.

Secara umumnya, terdapat beberapa punca kepada berlakunya keruntuhan rumahtangga. Antara sebab utamanya ialah:

- i. Tiada persefahaman dan didikan agama yang mendalam. Adakah masing-masing tidak mengerti dan sekaligus mengabaikan tanggungjawab mereka.

- ii. Tidak mahu bertolak ansur bila tercetusnya perselisihan atau pertengkaran. Sedangkan bertolak ansur adalah merupakan suatu perkara yang amat penting dalam memastikan kebahagiaan di dalam rumah tangga.
- iii. Berkahwin kerana terpaksa tanpa mendapat kerelaan daripada kedua-dua belah pihak.
- iv. Berkahwin atas dasar cinta atau nafsu semata-mata tanpa menilai kepentingan agama. Tetapi inilah yang berlaku dalam masyarakat sekarang. Berkahwin atas dasar cinta. Hakikatnya, cinta memang menjadi aspek utama terbinanya sesuatu perhubungan. Namun jangan diketepikan nilai-nilai keagamaan.

Di dalam Utusan Malaysia (1990) menjelaskan sesebuah keluarga yang bermasalah itu: “*Keluarga bermasalah adalah keluarga yang mempunyai krisis yang meruncing di dalam rumah tangga akibat daripada masalah keluarga. Krisis-krisis ini kemudian telah mengakibatkan timbul berbagai keadaan negatif dalam perhubungan keluarga tersebut. Seterusnya keadaan negara ini boleh mencetuskan suasana kelam kabut dan tidak terurus dalam sesebuah keluarga*”.

Menurut Yaacob (1992) dan Fatimah (1994), antara punca utama keruntuhan institusi keluarga itu ialah kerana: “*Pembangunan ekonomi dan sosial telah melibatkan perubahan sistem, bentuk dan peranan keluarga. Misalnya, peranan institusi keluarga telah banyak dipindahkan kepada agen-agen sosialisasi. Pemindahan peranan institusi keluarga ini telah tidak dapat dilaksanakan oleh pihak-pihak di atas dengan sempurna. Ini menimbulkan permasalahan sosial yang semakin serius*

”.

Manakala Mohd. Taib (1996) berpendapat “*Kepincangan akhlak di kalangan generasi kedua, contohnya kurangnya sifat menghormati ibu-bapa, guru, orang tua dan pemimpin. Punca timbulnya masalah kekeluargaan ini ialah kurangnya kefahaman ketua keluarga dan ibu bapa terhadap peranan mereka. Hubungan kekeluargaan yang longgar amat menyumbang kepada berlakunya masalah sosial masa kini. Walaubagaimanapun, masalah ini berbeza seriusnya di pelbagai institusi keluarga berdasarkan tempat tinggal, jenis pekerjaan, taraf pendidikan dan pengaruh media. Malah, bentuk keluarga itu sendiri banyak menyumbang kepada fenomena sosial generasi kedua masa kini*”.

Secara lebih terperinci, sebab berlakunya keruntuhan sesebuah institusi keluarga itu dapat dikategorikan kepada beberapa faktor, iaitu:

1. Perceraian

Isu perceraian dalam sesebuah keluarga pada masa kini semakin menjadi perhatian apabila statistik kes perceraian yang berlaku kian meningkat. Terdapat beberapa faktor yang mengundang kepada keretakan dan kehancuran sesuatu hubungan kekeluargaan tersebut. Antaranya ialah:

a) Paras rupa

Terdapat sesetengah suami yang sanggup menceraikan isteri masing-masing selepas mendakwa wanita yang dinikahi tidak lagi kelihatan menarik dan cantik seperti ketika mereka berkenalan dan melangsungkan perkahwinan dulu. Mereka menganggap perubahan wajah dan penampilan wanita terbabit memaksa mereka mencari pengganti sehingga menyebabkan rumah tangga yang dibina mulai goyah malah ada yang membawa kepada perceraian.

b) Kahwin muda

Perkahwinan awal di kalangan pasangan muda merupakan satu daripada faktor yang menyebabkan kadar perceraian pasangan Islam meningkat. Hal ini antara lain puncanya ialah pasangan tersebut tidak mempunyai pendapatan tetap, malah tidak bekerja.

c) Laman sosial

Terdapat juga penggunaan laman sosial *facebook* penyumbang kepada berlakunya perceraian. Perbuatan mendedahkan masalah rumah tangga di *facebook* akan memburukkan lagi hubungan keluarga dan boleh menyebabkan pergaduhan suami isteri, malah menyumbang kepada perceraian.

d) Darjat

Terdapat juga faktor kedudukan ataupun pangkat yang disandang isteri di pejabat terbawa-bawa ke rumah sedangkan menurut Islam suami ialah ketua keluarga. Sikap wanita seperti ini boleh menyebabkan masalah rumahtangga yang menjurus kepada perceraian. Selain itu, terdapat faktor-faktor lain kepada masalah perceraian, antaranya iaitu:

- i. Ketidakfahaman dan sikap cuai kedua suami isteri tentang tanggungjawab perkahwinan seperti perkahwinan ketika usia terlalu muda.
- ii. Campur tangan mertua
- iii. Sikap suami yang bengis
- iv. Suami atau isteri yang suka berfoya-foya
- v. Isteri yang terlalu cemburu
- vi. Suami mempunyai hubungan dengan wanita lain
- vii. Suami yang tidak mampu memberi nafkah
- viii. Perzinaan
- ix. Ketidakseimbangan dalam kemampuan seksual
- x. Isteri enggan dimalukan
- xi. Isteri mandul.

2. Remaja dan juvana

Didapati juga bahawa permasalahan daripada golongan remaja juga merupakan salah satu daripada punca keruntuhan dalam institusi keluarga. Menurut Zainal (1985), masalah remaja yang menimbulkan konflik kepada keluarga, antaranya ialah:

- i. Percanggahan pendapat dengan remaja
- ii. Remaja dilayan seperti anak kecil
- iii. Remaja selalu dikritik oleh ibu bapa
- iv. Keluarga menentang rancangan keluarga

- v. Ibu bapa tidak memahami remaja
- vi. Remaja tidak dibenarkan keluar dengan kawan dan jantina lain
- vii. Ibu bapa tidak membenarkan kanak-kanak remaja datang ke rumah

Antara punca-punca masalah di atas adalah kerana:

- i. Masalah tiada kemahiran dan pengalaman keibubapaan
- ii. Tiada pendidikan sempurna
- iii. Suka berangan-angan dan mudah dipengaruhi
- iv. Keluarga miskin atau kucar-kacir
- v. Kurangnya hubungan dua hala antara ibu bapa dan anak-anak.

Perhubungan ibu bapa dengan anak-anak remaja akan lebih buruk lagi kerana:

- i. Hukuman yang diterima daripada keluarga terlalu teruk dan ganas
- ii. Sikap bapa terlalu *authoritarian*
- iii. Ibu biasanya dominan di rumah
- iv. Remaja mempunyai imej yang rendah terhadap ibu bapanya
- v. Berlaku kegagalan berkomunikasi antara ibu bapa dan remaja

3. Disiplin Pelajar

Halimah (1990) telah menyenaraikan beberapa masalah-masalah sosial dan masalah-masalah disiplin di sekolah-sekolah di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Antara masalah-masalah tersebut ialah:

- i. Memiliki dadah
- ii. Mencuri
- iii. Berjudi
- iv. Merosak harta sekolah dan guru

- v. Merokok
- vi. Mengacau
- vii. Mengugut guru besar, guru, pengawas dan pelajar
- viii. Memeras ugut
- ix. Mempunyai senjata berbahaya
- x. Ahli kongsi gelap
- xi. Isu sensitif
- xii. Minum minuman keras

Menurut Hitam (1990) terhadap kes-kes akibat halangan dalam perhubungan kemanusiaan (fokus kepada kasih sayang) juga telah menyenaraikan masalah-masalah sosial yang ditangani oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat sebagai:

- i. Penganiayaan dan pengabaian anak-anak
- ii. Ketidakharmonian dalam perkahwinan
- iii. Ketagihan arak dan dadah
- iv. Kelahiran anak luar nikah
- v. Pesalah juvana
- vi. Wanita dan gadis yang terdedah kepada kerosakan moral
- vii. Jenayah orang dewasa
- viii. Perpecahan keluarga
- ix. Ketiadaan tempat tinggal
- x. Pelacuran
- xi. Kecacatan fizikal dan mental
- xii. Masalah kemiskinan
- xiii. Keinginan melarikan diri

4. Ibu bapa bekerja sepenuh masa

Arus pemodenan yang berlaku menyebabkan kos sara hidup semakin meningkat. Oleh yang demikian, sumber pendapatan yang kukuh amat diperlukan untuk memastikan keperluan keluarga dapat dipenuhi. Ini menyebabkan ramai di kalangan para isteri turut bekerja untuk meringankan beban yang ditanggung oleh suami. Taraf pendidikan yang semakin baik diterima oleh kaum wanita menyebabkan mereka mendapat jawatan atau kerja.

Apabila kedua-dua ibu bapa bekerja, masa yang dihabiskan bersama anak-anak semakin kurang. Ini akan menyebabkan anak-anak kurang mendapat kasih sayang. Ini kerana keluarga yang mempunyai masalah kualiti yang baik seperti memberi kasih sayang yang secukupnya dapat mengurangkan masalah perlakuan anak-anak. Anak-anak perlu disemai dengan sifat kasih sayang untuk mewujudkan rasa yang anak-anak ini dilindungi dan disokong oleh keluarga bagi mengelakkan berlakunya perkembangan masalah anak-anak samada dari luar atau dalam.

Pasangan dwi-bekerja memberi kesan kepada keluarga dalam banyak cara. Peranan kerja mempengaruhi kualiti perkahwinan, tanggungjawab kekeluargaan dan kesejahteraan anak-anak. Walaubagaimanapun, Berokratis (1996) mendapati ibu yang bekerja masih dapat meluangkan masa kepada keluarga lebih daripada bapa yang bekerja. Persoalannya bukanlah semata-mata pekerjaan ibu memberi kesan kepada anak-anak, tetapi kualiti penjagaan kanak-kanak itu yang perlu diberikan perhatian.

5. Keluarga tunggal

Fenomena bapa atau ibu tunggal semakin meningkat dari semasa ke semasa. Ianya berlaku kerana kematian pasangan atau perceraian. Perpisahan tersebut meninggalkan kesan, emosi dan perasaan yang tidak stabil, rasa bersalah, rasa kehilangan dan kesepian. Fenomena bapa atau ibu tunggal akan mengakibatkan bapa atau ibu tunggal tersebut terpaksa bekerja keras siang dan malam untuk mencari sumber rezeki dan menyara anak-anak. Pada masa yang sama, ibu bapa tunggal perlu memelihara kesejahteraan keluarga seperti memberi kasih sayang yang secukupnya. Bukan sahaja

seorang bapa tidak boleh memainkan peranan sebagai seorang ibu dan sebaliknya, tetapi juga masa amat terhad untuk membolehkan keluarga tunggal berfungsi sepenuhnya. Tanggungjawab yang dipikul oleh satu pihak sahaja ini boleh mengakibatkan penjagaan anak-anak terabai.

6. Masalah komunikasi

Dalam sesebuah keluarga, permasalahan komunikasi boleh menyebabkan hubungan di antara keluarga itu semakin renggang. Sering kali kata-kata kesat dilemparkan apabila tidak mempunyai persefahaman di antara ahli keluarga. Keadaan ini akan menimbulkan kemarahan pihak-pihak tertentu sehingga menyebabkan ada antara ahli keluarga mahu melarikan diri dari rumah dan juga yang mengambil keputusan untuk bercerai.

7. Mertua Vs Menantu

Bagi sesetengah pasangan, permasalahan hubungan antara menantu dengan mertua sering kali menjadi punca timbulnya konflik antara suami isteri. Sikap terlalu bergantung kepada ibu bapa dalam mengurus keluarga, contohnya meminta bantuan kewangan, menjaga anak-anak kerana suami isteri bekerja adalah merupakan antara bebanan yang dihadapi oleh para ibu bapa. Terdapat juga mertua yang terlalu masuk campur dalam urusan dalaman sesebuah rumah tangga anak-anak, akibatnya sering kali timbul pertikaian di antara mereka. Jika keadaan ini tidak diselesaikan dengan segera akan mengakibatkan perceraian suami isteri.

8. Sikap ego dan emosi yang tinggi

Sikap ego suami yang keterlaluan dan pendekatan emosi negatif si isteri akan mengakibatkan sesebuah rumah tangga itu bergelora. Jika tidak dicari jalan penyelesaian, maka akan mengakibatkan rumah tangga itu bercerai-berai. Suami isteri yang bersifat demikian juga tidak mampu mengawal anak-anak serta keharmonian sesebuah keluarga. Sebaliknya sikap toleransi dan saling terbuka suami isteri adalah faktor utama dalam memastikan kesejahteraan sesebuah rumah tangga itu.

9. Pengangguran, kemiskinan dan ekonomi tidak stabil

Di samping memenuhi keperluan psikologi, perkahwinan juga mestilah memenuhi keperluan ekonomi. Dengan kata lain, di samping memberi kasih sayang kepada isteri, seorang suami juga berkewajipan memberi nafkah kepada isteri dan anak-anaknya. Terdapat beberapa masalah dari aspek ekonomi yang sering mencetus masalah rumah tangga seperti:

- i. Suami yang sememangnya tidak mampu menyediakan nafkah yang mencukupi
- ii. Suami yang sengaja cuai menyediakan nafkah yang mencukupi
- iii. Sikap isteri yang sentiasa meminta sesuatu yang sememangnya tidak dapat diadakan oleh pihak suami
- iv. Sikap suami yang memeras harta isteri
- v. Jika kedua suami isteri sama-sama bekerja, terdapat sikap berkira di antara keduanya di dalam menguruskan ekonomi rumah tangga

Begitu juga dengan kemiskinan yang dihadapi sesebuah rumah tangga akan mengakibatkan banyak kekurangan terutamanya dari segi kewangan untuk menguruskan sara keluarga dan menyediakan kemudahan atas keluarga tersebut. Keadaan ini boleh menimbulkan konflik dan ketegangan di antara ahli keluarga dan sekiranya berpanjangan akan mengakibatkan sesebuah rumah tangga itu bercerai-berai.

Masalah pengangguran juga merupakan salah satu penyebab kepada konflik sesebuah rumah tangga. Apabila suami tidak bekerja, beban untuk menyempurnakan perbelanjaan keluarga diserahkan kepada isteri dan anak-anak. Apabila isteri bekerja untuk menyara keluarga, pengurusan anak-anak dan rumah tangga akan terabai. Pengabaian ini boleh mengakibatkan anak-anak tidak mendapat kasih sayang atau disiplin mereka tidak terkawal. Keadaan ini akan membawa anak-anak terpedaya dengan aktiviti yang merugikan sehingga menimbulkan bermacam-macam lagi masalah keluarga.

10. Pengabaian tanggungjawab

Ibu bapa yang tidak menunaikan tanggungjawab dengan baik akan menyebabkan pengurusan keluarga tidak terurus dengan baik. Pengabaian tanggungjawab ditakrifkan sebagai sikap yang tidak atau sangat sedikit memberikan perhatian kepada kewajipan yang dipikul oleh ahli keluarga (Kamus Dewan, 1994). Ibu bapa yang tidak menjaga disiplin anak-anak menjadikan mereka bebas melakukan kesalahan. Ramai remaja mengalami kekosongan jiwa dan rohani kerana tidak mendapat didikan serta perhatian sewajarnya daripada ibu bapa.

Selanjutnya suami yang tidak menunaikan tanggungjawab utama seperti memberi nafkah zahir kepada keluarga akan memberikan tekanan kepada pihak isteri dan anak-anak untuk memikirkan cara untuk mendapatkan wang yang cukup bagi menyara keluarga. Pengabaian tanggungjawab juga ada yang berbentuk tidak memberi didikan yang sempurna kepada anak-anak. Ibu bapa sebaliknya mengharapkan institusi formal seperti sekolah untuk memberi didikan kepada anak-anak mereka. Ibu bapa juga kurang memberi didikan agama kepada anak-anak mereka. Ini akan menjadikan kehidupan anak-anak terumbang-ambing tanpa sebarang panduan agama yang kukuh dari zaman kanak-kanak. Apabila dewasa, anak-anak akan bertindak di luar hukum agama dan mengikut naluri bebas tanpa diberi perhatian oleh ibu bapa.

11. Hubungan anggota keluarga tidak harmoni

Pertelingkahan berpunca dari wujudnya sikap tidak hormat-menghormati di antara satu sama lain. Suami tidak menghormati isteri dan anak-anak pula tidak menghormati ibu bapa. Isu poligami juga sering menjadi bahan perdebatan masalah keluarga kerana suami tidak adil melayan isteri dan menyebabkan satu pihak tidak berpuas hati.

Apabila kerap berlaku pertengkaran, maka tiada lagi persefahaman yang wujud dalam keluarga. Anak-anak pula merasa kurang mendapat kasih sayang dan panduan. Setiap individu di dalam keluarga tidak mempedulikan hal ahli keluarga yang lain. Perhubungan antara ahli menjadi semakin renggang dan tidak harmoni.

Apabila setiap anggota dalam sesebuah keluarga tidak mempedulikan hal ahli yang lain dan tidak pula memberi galakan kepada anggota keluarga yang lain, contohnya bapa tidak mengucapkan tahniah apabila anaknya berjaya dalam sesuatu peperiksaan, maka perhubungan tidak harmoni berlaku. Begitu pula sekiranya pasangan tidak dapat menerima isteri atau suami sehingga sering kali pasangan dipersalahkan.

12. Peribadi

Apa yang dimaksudkan dengan masalah yang berpunca dari peribadi ialah masalah yang melibatkan sikap fizikal dan emosional seseorang suami atau isteri. Umpamanya masalah kesihatan fizikal pihak suami atau isteri, iaitu si suami yang menghidap penyakit yang tidak membolehkan ia mencari nafkah atau melayani isterinya. Begitu juga dengan isteri yang terlantar sakit atau tidak dapat melahirkan zuriat. Manakala masalah emosional pula seperti sikap yang cepat naik berang, perengus, atau mempunyai kebiasaan melakukan kekerasan fizikal terhadap pihak isteri. Terdapat juga keadaan di mana isteri pula mengalami masalah emosional seperti garang atau terlalu cemburu.

13. Seksual

Lazimnya masalah seksual terjadi disebabkan oleh ketidakseimbangan dalam aktiviti seksual seperti berikut:

Pertama: Suami atau isteri yang mempunyai keinginan yang terlalu kerap atau sebaliknya suami yang terlalu dingin atau sememangnya telah hilang keupayaan seksual

Kedua: Kejahilan atau kurang pengetahuan untuk mencapai kepuasan seksual sehingga menganggap pasangannya kurang mampu melayaninya

Ketiga: Suami yang mempunyai sikap kasar melakukan hubungan seksual atau luar biasa

Keempat: Suami atau isteri mempunyai hubungan seksual dengan orang lain

14. Sosial

Aspek sosial yang sering mencetuskan konflik rumah tangga merangkumi hubungan sosial di kalangan sesama ahli keluarga atau dengan orang lain. Konflik rumah tangga yang melibatkan hubungan di kalangan ahli keluarga terjadi apabila menantu enggan menghormati mertua atau tidak mesra dengan ipar duai. Begitu juga konflik boleh berlaku jika ibu atau bapa tidak begitu mesra dengan anak-anak. Malahan lebih buruk lagi jika tidak terdapat kemesraan antara kedua suami isteri. Umpamanya pihak suami selalu memikirkan soal pekerjaannya sehingga tidak ada masa yang terluang untuk dihabiskan bersama-sama isteri dan anak-anaknya.

Manakala hubungan yang melibatkan orang yang di luar hubungan kekeluargaan berlaku apabila suami atau isteri mempunyai hubungan dengan orang lain atau telah melakukan perzinaan. Begitu juga dengan sikap suami atau isteri yang suka berfoya-foya.

Punca Keganasan dalam Institusi Keluarga

Keganasan dalam institusi keluarga pula ialah termasuk penderaan atau penganiayaan terhadap isteri, penderaan terhadap kanak-kanak dan penderaan terhadap orang tua. Keganasan rumah tangga boleh digambarkan sebagai sesuatu kelakuan dengan niat untuk mencederakan secara fizikal terhadap individu yang lain (Steinmetz, 1987). Keganasan keluarga juga merupakan satu bentuk kezaliman atau penganiayaan tanggungjawab. Keganasan dalam keluarga dapat ditakrifkan perbuatan yang termasuk serang (*assault*), sentuh (*battery*), gangguan (*harassment*), kekejaman fizikal dan mental, penganiayaan seksual atau apa-apa perbuatan pencerobohan atau anaya.

Mengikut perspektif Islam, keganasan yang dilakukan oleh suami digelar sebagai “*nusyuz*” di mana suami menahan hak isteri seperti nafkah zahir atau batin, tidak berlaku adil dalam giliran atau meninggalkan isteri, bersikap garang serta menyeksa dan memukul isteri tanpa alasan.

Mengikut Akta Keganasan Rumahtangga 1994, Seksyen 2 “Keganasan Rumahtangga bererti perlakuan mana-mana perbuatan berikut:

1. Secara sengaja atau disedarinya, meletak atau cuba meletakkan mangsa itu dalam ketakutan kecederaan fizikal
2. Menyebabkan kecederaan fizikal kepada mangsa itu dengan satu perbuatan yang diketahui atau yang sepatutnya diketahui akan mengakibatkan kecederaan fizikal
3. Memaksa mangsa itu dengan paksaan atau ancaman untuk melakukan apa-apa kelakuan atau perbuatan berbentuk seksual ataupun selainnya, yang mangsa itu berhak untuk tidak melakukan
4. Mengurung atau menahan tanpa kerelaan mangsa itu
5. Dengan niat untuk menyebabkan atau dengan disedari bahawa ia berkemungkinan menyebabkan kesedihan atau kegusaran kepada mangsa itu, melakukan khianat atau kemusnahan atau kerosakan kepada harta benda.

Kebanyakan keganasan keluarga terhadap isteri berlaku dalam bentuk keganasan fizikal dan psikologikal atau kedua-duanya sekali. Keganasan fizikal melibatkan tindakan seperti pukulan dengan tangan atau menggunakan objek keras atau tajam, menumbuk, menikam, menendang dan mencekik. Keganasan fizikal akan membawa kesan psikologikal yang mendalam terhadap mangsa seperti trauma dan kemurungan.

Secara umumnya, keganasan rumahtangga kebiasaannya berlaku kepada tiga keadaan iaitu penderaan terhadap kanak-kanak, penderaan seksual dan penderaan terhadap wanita.

1. Penderaan kanak-kanak

Penderaan kanak-kanak perlulah dilihat dari pelbagai aspek yang melibatkan faktor yang berbeza. Di antara faktor yang terlibat ialah faktor anak, ibu bapa, kemiskinan, tekanan hidup dan sebagainya.

a) Faktor Anak

Kasmini (1997) menyatakan kanak-kanak yang dilahirkan tidak cukup bulan dan yang sering dipisahkan daripada penjagaan ibu lebih kerap menghadapi masalah kurang ikatan antara ibu dengan bapa. Dengan wujudnya masalah ikatan antara ibu dengan anak, maka ia boleh meninggikan risiko penderaan kanak-kanak. Sekiranya wujud masalah ikatan antara ibu dengan anak, ditambah pula dengan perangai anak yang kurang memuaskan hati ibu bapa dan anak itu pula dilahirkan dalam suasana keluarga yang mendorong kepada faktor penderaan. Ini sudah tentu boleh menimbulkan masalah penderaan dan penganiayaan kanak-kanak.

Faktor lain yang boleh memburukkan keadaan ialah pandangan ibu bapa terhadap anak-anak mereka. Ada ibu bapa yang menganggap anak mereka tidak normal atau berlainan daripada anak mereka yang lain. Ini mungkin disebabkan sesuatu yang kurang menyenangkan yang telah dialami oleh mereka sewaktu anak itu dalam kandungan lagi, ataupun disebabkan masalah yang timbul sewaktu anak itu dilahirkan sehingga akhirnya si anak itu dipersalahkan. Kepercayaan kepada perkara karut atau kepercayaan yang ada dalam budaya sesuatu kumpulan boleh menyebabkan ibu bapa menganggap anak yang telah dilahirkan itu seolah-olah membawa sial atau bala, lebih-lebih lagi sekiranya satu perkara buruk benar-benar menimpa mereka apabila anak itu dilahirkan, atau sekiranya anak itu dilahirkan dalam waktu dan hari yang dianggap tidak baik. Ada ibu bapa berasa bahawa anak mereka itu seolah-olah mengingatkan mereka akan seseorang lain dalam hidup mereka, yang sememangnya tidak mahu diingatkan lagi, lantas mereka memandang serong dan mengasuh anak mereka secara negatif.

b) Faktor ibu bapa

Kebanyakan ibu bapa yang mendera anak tidak ada gangguan psikiatri atau gangguan peribadi yang khusus atau klasikal. Pengalaman ibu bapa semasa zaman kanak-kanak mempengaruhi bagaimana mereka mendidik anak-anak. Kebanyakan ibu bapa yang pernah didera cenderung mendera anak-anak mereka. Ada dalam kalangan mereka dibesarkan dalam sebuah keluarga yang suka melemparkan kritikan dan cemuhan, di samping

kurang memberikan sokongan emosi. Semasa kanak-kanak masih mentah perasaan mereka akan mudah terguris dan menyebabkan mereka sering memendam rasa dan merasakan hilang harga diri. Akibatnya mereka akan hilang kepercayaan terhadap orang lain. Ini akan mendorong mereka mencari pasangan hidup yang mempunyai latar belakang yang sama dengan dirinya. Ibu bapa yang seperti ini suka memencarkan diri dari masyarakat, tidak mempunyai ramai kawan dan sering tidak menggunakan kemudahan yang sedia ada untuk membimbing anak-anak mereka secara normal.

Ciri yang biasa terdapat dalam kalangan ibu bapa yang sering mendera anak ialah harapan ibu bapa yang terlalu tinggi, tidak munasabah atau realistik terhadap anak-anak. Walaupun ibu bapa tidak mempunyai perasaan harga diri yang tinggi, tetapi mereka menyimpan harapan yang sebaliknya terhadap anak-anak mereka. Sebagai contoh, ada ibu bapa yang mengharapkan anaknya dapat menyiapkan kerja rumah dalam jumlah tertentu untuk memastikan anaknya akan mendapat keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan. Jika anak tidak melakukan sesuatu mengikut kehendak ibu bapa, maka ibu bapa akan naik marah dan kecewa lalu memukul anak kerana tidak dapat mengawal kemarahan.

Kurang faham dalam aspek tumbesaran dan perkembangan anak boleh menyebabkan timbulnya harapan yang tidak munasabah. Konsep lain yang boleh menyebabkan penderaan kanak-kanak oleh ibu bapa ialah konsep peranan terbaik (*role reversal*). Dalam situasi yang normal, kanak-kanak amat mengharapkan bimbingan dan penjagaan emosi serta fizikal daripada ibu bapa mereka. Sebaliknya ibu bapa yang mendera anak biasanya amat mengharapkan anak mereka dapat memenuhi keperluan emosi mereka dengan turut menunjukkan simpati terhadap mereka atau menyesuaikan perangai mereka supaya dapat menyenangkan perasaan ibu bapa. Ini adalah tidak munasabah kerana fitrah kanak-kanak sememangnya mereka masih nakal dan memerlukan bimbingan (Kasmini, 1997).

c) Faktor Pencetusan

Faktor ini merupakan faktor yang menimbulkan penderaan dan penganiayaan. Ini berlaku dalam bentuk krisis. Krisis ini mungkin merupakan krisis kecil, seperti ibu bapa berasa hampa dan kecewa

terutama apabila keadaan si anak tidak menyenangkan kerana selalu menangis dan menunjukkan berbagai-bagai sehingga ibu bapa berasa tidak tertanggung lagi. Ibu bapa yang dalam keadaan ini biasanya hilang pertimbangan dan akan memukul anaknya. Keadaan ini berlaku secara spontan tanpa disedari atau di luar kawalan. Sekiranya ada ibu bapa yang merancang dari awal untuk menganiaya anak mereka, ibu bapa tersebut berkemungkinan mengalami gangguan psikiatri (Kasmini, 1997).

d) Faktor kemiskinan dan tekanan hidup

Kasmini (1997) mengaitkan penderaan dengan golongan status ekonomi sosial rendah. Walaupun penderaan boleh berlaku dalam semua lapisan masyarakat, namun sebahagian besar golongan profesional enggan membuat diagnosis penderaan dalam kalangan keluarga golongan status ekonomi sosial tinggi. Ada yang merahsiakan masalah ini, walaupun mereka sedar dan tahu penderaan dalam kalangan status ekonomi sosial tinggi juga berlaku.

Dalam kebanyakan kes penderaan yang dilaporkan dan dikesan, ibu bapa mangsa didapati menghadapi masalah tekanan hidup atau hidup dalam kemiskinan. Kes ini terutamanya berlaku di bandar-bandar besar kerana ibu bapa mangsa sering berhadapan dengan masalah kewangan, hidup tanpa sokongan orang lain dan berjauhan daripada orang lain.

Selain itu, ibu bapa yang terlalu muda atau yang menghadapi masalah dengan ketagihan alkohol atau dadah, didapati sering juga mendera anak mereka kerana belum bersedia memikul tanggungjawab hidup berkeluarga. Anak bagi mereka adalah sesuatu yang membebankan.

2. Penderaan seksual

Dalam masalah penderaan seks, faktor penyebabnya perlu dilihat dari sudut yang berlainan. Ini kerana penderaan seks dalam kalangan kanak-kanak biasanya dilakukan oleh orang dewasa terutamanya lelaki yang mengenali kanak-kanak itu. Kajian menunjukkan sebanyak 75% orang lelaki dewasa yang melakukan penderaan seksual ke atas kanak-kanak adalah dalam kalangan saudara-mara kanak-kanak itu sendiri. Mereka

yang dimaksudkan itu mungkin ayah, ayah tiri, datuk, bapa saudara, abang atau kekasih ibu ataupun jiran kepada kanak-kanak tersebut. Dalam keadaan ini, sebab-sebab penderaan seks dalam kalangan keluarga kanak-kanak perlu dilihat dalam empat aspek prakeadaan:

Prakeadaan I:

Kedudukan penjalinan emosi dalam keluarga yang luar biasa adalah satu daripada prakeadaan yang boleh menyebabkan penderaan seks kanak-kanak. Penjalinan emosi luar biasa yang dimaksudkan adalah sekiranya perhubungan antara ayah atau ayah tiri dengan anak perempuan didapati lebih rapat daripada perhubungan ayah atau ayah tiri dengan ibu kanak-kanak. Seterusnya dalam prakeadaan seumpama ini, ada pula kemungkinan wujudnya sekatan daripada luar atau dari dalam untuk memenuhi keperluan seks ayah atau ayah tiri sehingga menyebabkan lelaki dewasa itu merasa amat tertekan dengan masalah seksnya.

Prakeadaan II:

Dalam prakeadaan II, lelaki dewasa yang terlibat dengan alkohol, dadah, mengalami gangguan psikiatri atau gangguan impuls, menghadapi masalah ketuaan, menghidap penyakit fizikal lain atau mempunyai masalah keupayaan diri, sering kali melakukan penderaan seks terhadap kanak-kanak.

Prakeadaan III:

Prakeadaan III meninjau faktor yang mendorong perbuatan penderaan seks terhadap kanak-kanak oleh ahli keluarga lelaki mereka. Ini termasuk:

1. Ibu yang sering sakit atau sering tiada di rumah
2. Ibu yang tidak rapat dengan anak
3. Ibu yang tidak melindungi anak
4. Ibu yang sering mendera secara kasar terhadap anak
5. Ibu yang tidak mahu tahu tentang anaknya

Keadaan di atas memberi peluang kepada ahli keluarga lain untuk lebih mendampingi anak sehingga menyebabkan anak sendiri mengambil alih tugas dan peranan ibu.

Prakeadaan IV:

Kanak-kanak yang kurang matang perkembangan emosinya atau menghadapi masalah terencat akal atau kecacatan fizikal, kurang pengetahuan tentang seks atau kanak-kanak itu sendiri berasa tanggungjawab untuk memastikan ibu bapanya dapat duduk serumah bersama-sama sehingga sanggup diperkosa, merupakan faktor prakeadaan IV yang menjadi punca penderaan seks dalam kalangan kanak-kanak.

3. Penderaan terhadap wanita

Keganasan terhadap wanita bukan sahaja tertakluk kepada penderaan fizikal tetapi meliputi juga:

a) Penderaan psikologi dan emosi

Ugutan, penghinaan, menjatuhkan maruah wanita boleh meninggalkan kesan buruk sama seperti penderaan fizikal kerana ianya boleh membahayakan nilai harga diri dan perasaan wanita dan keupayaan beliau mengawal kehidupan sendiri.

Situasi yang berlaku di mana suami suka memanggil isterinya dengan pelbagai panggilan buruk seperti “sundal”, “pelacur”, “perempuan sial” dan sebagainya. Kemudian mengajak si isteri untuk bersama-sama melakukan seks. Hal ini akan menyebabkan isteri *nusyuz* walaupun perbuatan isteri tetap berdosa sekiranya dia enggan bersama. Akan tetapi tidak bermakna si suami tidak bersalah kerana perbuatan memaki isteri itu juga dikategorikan sebagai *nusyuz*. Kadang-kadang juga si isteri melemparkan kata-kata kesat kepada suami gara-gara terguris dengan kata-kata suami. Kesannya si isteri juga menerima akibatnya.

b) Penderaan fizikal

Memukul, menumbuk, menampar, menggigit, menendang, melukakan, mematahkan tulang, membaling barang dan menggunakan senjata adalah beberapa contoh penderaan seumpama ini. Menghalang keperluan manusia seperti makan, minum, tidur dan juga tempat perlindungan juga merupakan salah satu bentuk penderaan fizikal.

c) Penderaan seksual

Memaksa melakukan atau melihat sesuatu bentuk seksual tanpa kemahuan wanita tersebut atau menyakiti wanita ketika melakukan hubungan seks. Walaupun dalam Islam, isteri dikehendaki melayan suami dalam keadaan apa jua pun kecuali ketika sedang haid atau diminta melakukan hubungan seks luar *tabie* (melalui dubur atau liwat), tetapi sebaiknya sebagai suami yang kasih dan sayang kepada isteri, maka hendaklah diambil kira hati dan perasaan isteri.

Sekiranya si isteri penat, harus bagi si suami untuk memberi peluang kepada isteri untuk berehat dan si isteri janganlah pula sampai melampau tidak melayan suami sehingga berbulan lamanya. Namun jika isteri dipaksa buat aksi yang tidak disukai dan terpaksa, lama-kelamaan akan timbul perasaan benci pada suami pula.

d) Penderaan sosial

Penderaan ini sering berlaku di dalam rumah di mana wanita sering didorong untuk bergantung kepada pasangan masing-masing dan diasingkan daripada mendapat sokongan luar. Penderaan sosial terjadi dalam di mana isteri dikurung di rumah dan tidak dibenarkan keluar rumah tanpa izin suami walaupun untuk menziarahi ibu bapa atau membeli sebarang keperluan harian seperti makanan dan sebagainya.

Walaupun suami ada hak untuk mengizinkan atau tidak isteri keluar, tetapi itu bukan bermakna yang beliau tidak berdosa bila melakukan perkara-perkara tidak berperikemanusiaan seperti tidak mengizinkan isteri menziarahi ibu yang sakit tenat. Dalam hal ini hakikatnya isteri wajib

mentaati suami, tetapi suami tidak lari daripada dosa kerana melakukan kezaliman pada isteri.

e) Penderaan kewangan

Seseorang wanita yang dihalang daripada mencari pekerjaan atau yang tidak dibenarkan untuk membuka akaun bank atau menyimpan wang pendapatannya sendiri sebenarnya menghadapi penderaan dari aspek kewangan.

Terdapat kes yang mana kadang-kadang si suami memberikan nafkah beberapa ratus ringgit dan mengharapkan ianya mencukupi untuk segalanya. Akan tetapi bagi si isteri pula sekiranya berada dalam situasi begini, sebaiknya membuat catatan akan apa yang diperlukan dalam rumah tangga. Contohnya bayaran bil elektrik, telefon, duit pasar, yuran sekolah anak-anak, buku-buku, kenderaan dan sebagainya.

Tapi ada juga situasi di mana isteri yang suka membebek apabila suami sudah memberi wang sebanyak RM 1000 atau lebih tetapi masih juga merasakan bahawa pemberian itu masih tidak mencukupi kerana terbiasa dengan kehidupan yang mewah. Dalam situasi begini, suami pula perlu mencatat perbelanjaan dan sebagainya.

Kesemua bentuk keganasan yang berlaku dalam sesebuah keluarga ini berpunca daripada beberapa faktor yang sering kali menjadi tunggang utama dalam permasalahan yang terjadi. Antara punca-puncanya ialah seperti ketagihan dadah dan alkohol, latar belakang keluarga yang bermasalah, masalah sosial yang terlalu memilih kawan, tidak mempercayai orang lain dan sebagainya. Selain sikap panas baran, cemburu juga merupakan punca kepada keganasan rumah tangga.

4. Implikasi keruntuhan dan keganasan rumah tangga dan penyelesaian masalah keluarga

Antara implikasi keruntuhan dan keganasan terhadap sesebuah institusi keluarga ialah:

a) Suami isteri saling tidak menghormati

Hal ini terjadi apabila suami mahupun isteri saling mencurigai antara satu sama lain. Isteri sering merasa curiga apabila suaminya sering pulang lewat dari tempat kerja. Dia mula mentafsir dan menganggap suaminya tidak mengambil berat urusan rumahtangga dan berfoya-foya di luar. Suaminya pula yang telah keletihan sebaik pulang ke rumah pasti merasa kurang senang dan semakin tertekan dan seterusnya akan memarahi isterinya.

Apabila keadaan semakin parah, isteri mula hilang rasa hormat pada suami. Dia lebih senang membantah dan melawan kata-kata suami sehingga sanggup mengungkit semua perkara yang telah dilakukannya sepanjang perkahwinan. Seterusnya bagi suami yang tidak penyabar pasti membala kata-kata isteri dan akhirnya terjadilah pertengkaran antara pasangan.

Bagi suami dan isteri yang sama-sama bekerja sering kali pulang ke rumah dalam keadaan keletihan. Apabila sampai ke rumah, masing-masing mahu berehat tanpa memikirkan masalah rumahtangga. Namun apabila anak-anak mula merengek dan mengadu berbagai masalah, ini menimbulkan perasaan kurang senang dalam diri suami mahupun isteri. Disebabkan masing-masing berjaya, masing-masing mula menunjukkan ego dan mula menuduh sesama sendiri tidak mahu mendidik anak dan sebagainya. Ini seterusnya akan mencetuskan pergaduhan dan bermasam muka antara suami isteri.

Dalam hubungan ini, Rasulullah SAW bersabda⁸⁹: “*Ada golongan yang tidak dipedulikan oleh Allah di hari kiamat, iaitu orang yang memutuskan silaturrahim, dan orang-orang yang jahat terhadap jiran tetangga*”.

Hadis tersebut menerangkan bahawa seseorang yang memutuskan hubungannya dengan orang lain akan mendapat balasan daripada Allah. Namun dewasa kini, perkara seperti ini sering berlaku di dalam rumahtangga. Apabila berlakunya pertikaian, suami isteri masing-masing mula menjauhi diri dan sikap menghormati juga hilang dalam diri setiap pasangan.

⁸⁹ Hadis Riwayat Ad-Dailani.

Apabila perkara seperti ini sering kali terjadi dalam perhubungan suami isteri, perkahwinan yang dibina pasti akan mula bergoncang dan menjadi tidak bahagia. Suami mahupun isteri akan berusaha untuk menjauhi pasangan dan seterusnya meminta untuk berpisah. Mereka tidak mahu berbincang malahan hubungan yang terjalin semakin renggang dan akhirnya berlakulah perceraian. Hasil dari perceraian ini, anak-anak sering menjadi mangsa ekoran dari sikap ibu bapa yang terlalu mementingkan diri.

b) Keluarga berpecah belah

Keluarga yang tidak dididik dalam suasana dan nilai Islam akan menyebabkan rumahtangga menjadi kacau bilau. Dewasa kini banyak institusi keluarga yang musnah ekoran daripada kurangnya penghayatan agama di dalam kehidupan sehari-hari. Pelbagai masalah yang timbul sehingga menyebabkan keluarga menjadi tidak bahagia dan akhirnya berpecah-belah. Isteri yang tidak mempunyai pegangan agama dan tidak dididik dengan ilmu pengetahuan dengan mudah akan terjerumus ke lembah maksiat. Ini terjadi apabila suami terlalu leka dengan kerja sehingga mengabaikan urusan rumahtangga. Isteri yang sering ditinggalkan akan merasa sunyi dan mengambil jalan mudah dengan mencari hubungan lain di luar. Hal ini akan berlanjut sehingga isteri merasa jemu untuk berada di rumah dan akhirnya menjalinkan hubungan sulit dengan lelaki lain.

Suami yang mengetahui tingkah laku isteri pula tidak menasihati sebaliknya turut melakukan perbuatan yang sama iaitu menjalinkan hubungan dengan perempuan lain. Akibatnya perhubungan di antara suami isteri menjadi dingin dan perang mulut di antara keduanya sering berlaku. Rumahtangga juga mula dirasakan seperti penjara dan sebagai langkah terakhir, masing-masing mengambil jalan untuk berpisah.

Ekoran daripada keputusan ibu bapa yang terburu-buru, anak-anak menjadi terbiar dan kurang mendapat kasih sayang. Anak-anak yang merasakan dirinya terabai mula mengambil jalan keluar dengan melibatkan diri dengan gejala yang tidak bermoral. Mereka sering kali bersahabat dengan sahabat-sahabat yang bermasalah kerana mereka merasakan sahabat-sahabat seperti ini memahami dan mampu menghilangkan masalahnya.

Apabila perkara ini terjadi, institusi kekeluargaan dapat dilihat sebagai sebuah igauan ngeri kepada anak-anak dan menyebabkan mereka hidup dalam kegelapan dan kemurungan. Anak-anak yang lahir dari keluarga yang porak-peranda biasanya mengalami masalah tekanan jiwa kerana kekurangan perhatian dan kasih sayang daripada ibu bapa. Malah ada anak-anak yang sanggup mengambil dadah untuk melupakan masalah yang dihadapinya.

c) Pergaulan bebas antara bukan *muhrim*

Islam amat melarang keras lelaki dan wanita bercampur gaul dalam satu majlis. Keluarga yang tidak mempunyai pegangan agama yang sempurna biasanya menganggap pergaulan bebas di antara lelaki dan wanita adalah biasa dan tidak menjadi masalah. Anak-anak yang tidak mendapat didikan agama kadang-kadang kerap membawa teman-teman untuk berseronok pulang ke rumah mahupun bersiar-siar di tempat yang tidak berfaedah.

Malahan ibu bapa yang turut menunjukkan contoh teladan yang tidak baik kepada anak-anak dengan mengadakan pesta keramaian di rumah dengan menyanyi karaoke sebagai hiburan. Hal ini sekaligus menyebabkan anak-anak akan hilang pegangan dan tidak menitikberat terhadap soal agama. Rumah tangga yang dibina juga turut mendapat kesan kerana anak-anak dari kecil dididik dengan hiburan yang dilarang oleh agama. Ibu bapa juga turut membiarkan anak-anak bergaul dengan golongan yang bukan *muhrim* tanpa ada batasan.

Kesan daripada hiburan dan keseronokan yang tiada had ini, ramai anak-anak muda yang mula terlibat dalam kancan kemaksiatan malah ada yang sudah berani melakukan aktiviti sumbang mahram.

d) Pembangunan negara hancur dan terbantut

Keluarga merupakan salah satu daripada asas untuk membentuk masyarakat. Dewasa kini budaya hidup bermasyarakat semakin menurun ekoran daripada individu-individu yang melibatkan diri dengan perkara negatif seperti menagih dadah, melepak, kongsi gelap dan sebagainya.

Hasil daripada gegala negatif ini, negara akan menjadi kucar-kacir kerana terlalu sibuk membanterasnya.

Lebih menyedihkan, kebanyakannya individu yang terlibat adalah daripada keluarga yang bermasalah. Contohnya dalam kalangan remaja yang menjadikan budaya lepak sebagai jalan keluar kepada masalah yang mereka hadapi. Remaja seperti ini apabila ditanya pasti akan memberikan jawapan bahawa mereka bosan duduk di rumah, bosan dengan suasana rumah yang porak-peranda dan bosan dengan kesunyian kerana ditinggalkan ibu bapa. Hal ini seterusnya, menjadikan remaja lebih suka ponteng dari sekolah semata-mata untuk keseronokan dan membebaskan diri dari masalah keluarga.

Lebih parah lagi apabila ibu bapa tidak mengambil peduli terhadap aktiviti anak-anak. Rumahtangga yang dibina pada asalnya untuk mencari kebahagiaan, hanya tinggal pada nama apabila ahli keluarga lebih senang mengambil jalan mudah untuk membawa haluan masing-masing. Ini akan merosakkan pembangunan negara kepada anak-anak yang merupakan generasi pelapis kepada pemimpin negara pada masa sekarang.

Sekiranya dari kecil anak-anak terbabit dengan masalah keluarga dan seterusnya mengikut atau terjebak dengan gejala-gejala yang tidak sihat, ini akan menyebabkan anak-anak terdidik dalam suasana yang kurang sempurna. Anak-anak akan hidup dalam kegelapan dan tidak mampu untuk menjadi pemimpin yang baik pada masa akan datang. Hal ini akhirnya akan menyebabkan negara mengalami masalah dalam pentadbiran apabila generasi pelapis sudah tidak mempunyai kualiti yang baik.

Sebagai penyelesaiannya, terdapat lima asas yang utama di dalam membina keluarga bahagia, iaitu: :

1. *Al-Taqwa*⁹⁰
2. *Al-Mawaddah*⁹¹
3. *Al-Rahmah*⁹²
4. *Al-Mu'aasarah bil ma'ruf*⁹³
5. Amanah dan tanggungjawab⁹⁴

KESIMPULAN

Sebagai rumusannya, sesebuah rumahtangga yang bakal dibina perlulah menjadikan perkara-perkara berikut sebagai tunjang pembinaan rumahtangga tersebut. Perkara-perkara itu ialah:

Pertama: Memastikan bakal suami dan bakal isteri itu mempunyai akidah yang kukuh. Sesebuah keluarga tidak mungkin merasai kebahagiaan jika ia dibina tanpa asas akidah yang kukuh. Justeru, keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT akan memperkuatkan lagi keazaman dan kesungguhan untuk membina keluarga yang bahagia, harmoni dan diredhaiNya.

Kedua: Setiap pasangan suami isteri atau ibu bapa harus mengetahui dan sedar tentang peranan dan tanggungjawab masing-masing. Antara tanggungjawab seorang suami adalah memberi nafkah kepada isteri dan anak-anaknya. Manakala kewajipan seorang isteri pula adalah menguruskan rumahtangga yang mencakupi hal-hal seperti menjaga makan minum suami dan anak-anak (Al-Quran, Surah *Al-Baqarah*, Ayat 223).

⁹⁰ Merupakan paksi utama sesebuah pembinaan rumahtangga (Al-Quran, Surah An-Nisa', Ayat 1). Manakala silaturrahim dalam hubungan kekeluargaan perlu berlandaskan ketakwaan kepada Allah (Al-Quran, Surah Al-Kahfi, Ayat 46)

⁹¹ Merupakan aspek yang asas pembinaan sesebuah rumahtangga. Al-Mawaddah membawa maksud perasaan cinta mencintai dan rasa kasih saying antara satu sama lainCinta itu merupakan rahmat daripada Allah dan dimasukkan ke dalam jiwa seseorang yang dikehendakiNya (Al-Quran, Surah Al-Rum, Ayat 21).

⁹² Menurur Prof. Dr. Hamka, Rahmah lebih tinggi kedudukannya daripada mawaddah disebabkan kasih saying murni yang tumbuh dari jiwa yang paling dalam membawaakan kebahagiaan yang tidak bertepi dan ketenangan yang tidak terbatas. Mereka mengisi kehidupan sehari-hari dengan ibadah dan contoh kelakuan yang terbaik serta menghindarkan diri dari memilih jalan yang salah ketika menghadapi cabaran dan dugaan hidup. Tegasnya mereka hanya mengharapkan kereedaan Allah swt semata-mata.

⁹³ Tanggungjawab membangunkan dan memakmurkan sesebuah keluarga yang dibina dilaksanakan secara kolektif antara sesama ahli keluarga.

⁹⁴ Antara amanah dan tanggungjawab untuk mengekalkan kebahagiaan dalam sesebuah keluarga bagi menjamin keharmonian hubungan silaturrahim sesama ahli keluarga, antaranya iaitu:

1. Rumahtangga didirikan berlandaskan al-Quran dan Sunnah (Al-Quran, Surah An-Nisa', Ayat 59)
2. Mengetahui peraturan rumahtangga
3. Menghormati dan mengasihi kedua ibu bapa
4. Saling memahami antara suami isteri (antaranya, 1) perjalanan hidup masing-masing 2) Adat istiadat daerah masing-masing 3) Kebiasaan masing-masing 4) Selera dan hobi 5) Pendidikan 6) Karakter atau sikap peribadi secara professional)
5. Saling mempercayai
6. Menjaga akidah yang benar
7. Mewujudkan suasana penghayatan Islam dalam keluarga
8. Mengelakkan kedamaian dan kerukunan rumah tangga
9. Mengukuh dan menjaga ekonomi rumah tangga
10. Mewujudkan keselesaan dan keindahan dalam rumahtangga
11. Berkomunikasi secara baik
12. Memupuk kasih saying dalam keluarga

Ketiga: Sewajarnya kita akur kepada ketentuan Allah bahawa lelaki selaku suami dan bapa adalah ketua keluarga (Al-Quran, *Surah An-Nisa'*, Ayat 34).

Keempat: Anak-anak hendaklah taat dan sentiasa berbuat baik kepada ibu bapa. Berbuat baik kepada ibu bapa bererti patuh kepada segala suruhan serta tunjuk ajar mereka yang *makruf* dan sentiasa berusaha menggembirakan kedua ibu bapa dengan menghormati dan memelihara hubungan baik yang berlandaskan kasih sayang. Dengan erti kata yang lain, adalah menjadi suatu kesalahan jika seorang anak menderhaka terhadap kedua ibu bapanya. Derhaka kepada ibu bapa juga bererti derhaka kepada Allah SWT kerana perintah berbuat baik kepada ibu bapa adalah perintah dari Allah SWT (Al-Quran, *Surah An-Nisa'*, Ayat 36)


Kelima: Sentiasa berusaha mengeratkan hubungan *silaturrahim* sesama ahli keluarga. Dalam perhubungan ini, setiap anggota yang terdiri daripada bapa, ibu dan anak-anak harus memastikan suasana yang harmoni dan bahagia wujud dalam institusi keluarga. Keadaan seumpama ini akan memberi ruang kepada ahli keluarga berdampingan mesra dan saling hormat menghormati di antara satu sama lain. Suasana ini akan menceriakan dan menimbulkan keindahan dalam sesebuah rumahtangga.

Kesimpulannya, dengan mengetahui konsep keluarga bahagia menurut Islam, sedikit gambaran berkenaan keluarga tidak bahagia, teori-teori konflik sesebuah keluarga serta punca-punca keruntuhan serta keganasan dalam institusi keluarga dan beberapa tips penyelesaiannya seperti yang telah dibincangkan, adalah diharapkan halatuju sesebuah rumahtangga Muslim akan lebih teratur dan menepati *syariat* Allah serta mampu melahirkan generasi anak-anak pewaris kehidupan. Tegasnya akan terbinalah rumahku syurgaku (baiti *janati*) sebagai tonggak kekuatan sesebuah pembinaan negara bangsa.

RUJUKAN

- Abu 'Urwah. (1986). *Risalah Usrah*. Jil. 2). *Wanita dan kekeluargaan*. Petaling Jaya: Pustaka Salam
- Abu Syakir. (1996). *Peranan anak terhadap ibu bapa*. Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa.
- Elly Mastura Harun & Ramlan Hamzah. (2007). *Asas kaunseling keluarga*. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA).
- Gail Freedman Melson. (1992). *Keluarga dan persekitaran: perspektif ekosistem*. Kuala Lumpur: Ampang Press Sdn. Bhd.
- Hammudah 'Abd. Al- 'Ati. (1985). *The family structure in Islam*. Johor Bahru: Panamas Sdn. Bhd.
- Jal Zabdi Mohd. Yusof. (2004). *Jenayah keganasan rumah tangga*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Johari Yaman. (2011). *Bisik-bisik perkahwinan*. Selangor: Al-Hidayah House Of Publisher Sdn. Bhd.
- Konflik rumah tangga: punca dan strategi penyelesaian*. Diambil daripada <http://www.usrahkeluarga.blogspot.com>
- Konsep rumah tangga dalam Islam*. Diambil daripada <http://www.usrahkeluarga.blogspot.com>
- Maizatul Akman binti Abu Bakar, Hazalina binti Mohd. Haniff, Latifennossadat Madanian, & Faizah binti Abd. Ghani. (2008). *Keganasan rumah tangga: corak, punca dan kaedah penyelesaian*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Modul 2 Rumahku Syurgaku. (2003). *Pendidikan keibubapaan*. Melaka: Jabatan Agama Islam Melaka.
- Modul 4 Rumahku Syurgaku. (2003). *Pengukuhan institusi keluarga dan rumah tangga*. Melaka: Jabatan Agama Islam Melaka.
- Mohamad bin Hussain. (1985). Peranan agensi kerajaan: Kementerian Kebajikan Masyarakat. *Seminar Kaunseling Ke Arah Keluarga Bahagia*. Universiti Pertanian Malaysia (UPM).
- Mohammad Yusoff Dasuki. (2005). Membina hubungan menantu dengan mentua. Dalam *Majalah Sinar Rohani*.


- Mustafa Hj. Daud. (1989). *Institusi kekeluargaan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rohaya binti Derani. (2004). *Akhhlak remaja Islam masa kini: satu tinjauan di Taman Aman Anak Bukit, Alor Setar, Kedah*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Rosidah binti Nawaham. (2010). *Keharmonian rumahtangga menurut Islam. Sarawak*: Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (IKMAS).
- Rukiah binti Bahari, Najmi Hayati bte. Usman, & Tajuddin Ninggal. (2008). *Rumahku syurgaku: bagaimana menyelesaikan masalah keganasan rumahtangga*.
- Sheikh Abdullah Basmeih. (2000). *Tafsir pimpinan ar-Rahman kepada pengertian al-Quran*. Terengganu: Yayasan Islam Terengganu.
- Syarif Hade Masyah. (2010). *Menjadi ibu bapa genius berdasarkan nasihat Luqman al-Hakim seorang tokoh keibubapaan yang disebut Allah di dalam al-Quran*. Selangor: PTS Millenia Sdn. Bhd.



Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (IKMAS)
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)
Peti Surat 2867, Jalan Matang, Telaga Air
93050 Kuching SARAWAK

Tel : 082-843477, 475
Faks : 082-843440, 439
Email : penerbitanikmas@gmail.com

ISSN 2811-3640



9 7 7 2 8 1 1 3 6 4 0 0 8